PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PINJAMAN MIKRO KREDIT

15. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan kriteria pemohon yang layak menerima bantuan pinjaman mikro kredit Kerajaan Negeri. Di manakah pusat-pusat bagi menyerahkan permohonan pinjaman tersebut?

JAWAPAN :

a) Syarat – syarat kelayakan untuk memohon pinjaman mikrokredit adalah seperti berikut;

i) Pendapatan isi rumah kurang dari RM1,500.00
ii) Berumur tidak melebihi 65 tahun
iii) Tidak memiliki aset yang melebihi RM50,000.00
iv) Warganegara Malaysia dan telah bermastautin di Selangor selama 10 tahun
v) Mempunyai rancangan perniagaan yang boleh menjana pendapatan

Jenis-jenis pembiayaan modal dan tempoh bayaran balik yang dicadangkan:

Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan (RM)	Tempoh Bayar Balik (minggu)	Keterangan
Ehsan	2,000 – 3,000	48	Pembiayaan pertama peserta baru.
Aman	3,001 – 5,000	96 – 144	Ditawarkan kepada peserta yang telah mengambil Pembiayaan Ehsan dan menunjukkan prestasi projek ekonomi yang cemerlang.
Makmur	5,001 – 20,000	96 – 192	Pembiayaan untuk peserta yang berjaya mencapai tahap usahawan kecil dan sederhana.

Pada masa ini Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) sedang dalam proses menubuhkan sekretariat pinjaman mikro kredit ini. Sekretariat ini dijangka berfungsi sepenuhnya menjelang bulan Julai 2010. Ahli Yang Berhormat akan dimaklumkan tentang pusat – pusat penyerahan permohonan pinjaman ini apabila ia telah beroperasi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT

16. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan kesemua nama Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor yang terkini.

b) Sila kemukakan senarai nama dan tarikh sebenar Ahli Dewan Negeri Selangor dan Ahli Parlimen yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam kesemua GLC dan Anak Syarikat Negeri Selangor.

c) Sila nyatakan secara terperinci apakah kriteria yang diguna pakai apabila membuat sesuatu pelantikan.

JAWAPAN :

a) Senarai adalah seperti berikut :

1. Kumpulan Darul Ehsan Berhad

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Haji Abd Khalid Ibrahim
   ii. YBhg Dato' Haji Abd Karim Munisar
   iii. YB Dato' Ramli Mahmud
   iv. YB Dato' Mohd Arif Ab Rahman

2. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim (Pengerusi)
   ii. YB Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
   iii. Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman
   iv. Tuan Haji Ahmad bin Omar

3. SSIC Berhad

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim lantikan 24 Mac 2008
   ii. YB Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali lantikan 24 Mac 2008
   iii. YB Puan Teresa Kok Suh Sim lantikan 24 Mac 2008
   iv. YB Tuan Yaakob Bin Sapari lantikan 24 Mac 2008
   v. YB Dato' Ramli Bin Mahmud lantikan 26 Jun 2006
   vi. YB Dato' Mohd Arif Abd. Rahman lantikan 23 Mac 2007
   vii. Y.Bhg Dato' Noordin Bin Sulaiman lantikan 26 Jun 2006
   viii. Y.Bhg Dato Mhd Jabar Ahmad Kembali lantikan 1 Jun 1999

4. Tourism Selangor Sdn. Bhd

i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim
ii. YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping
iii. Dato' Ramli bin Mahmud
iv. Dato' Noordin bin Sulaiman
v. YB Tuan Edward Lee Poh Lin
vi. Datin Jasmine Abdullah Heng
vii. En. Perremal A/L Maruthamuthu
viii. En. Wong Kim Hooi

5. MSNS Holdings Sdn Bhd

i. YB Amirudin Bin Shari – Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Lantikan pada 20 Mei 2008.

6. Bukit Beruntung Golf & Country Club (BBGC)

i. Dato' Mohd Arif B. Ab. Rahman lantikan 16 Disember 2008
ii. Tuan Nor Hisham B. Ahmad Dahlan lantikan 16 Disember 2008
iii. Tuan Tukiman B. Nail lantikan 16 Disember 2008
iv. Tuan Azizi Bin Mohd Zain lantikan 1 Januari 2010
v. YB Amirudin B. Shari lantikan 29 Januari 2009

7. Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
ii. YB Puan Rodziah Ismail bt. Ismail

8. Communications Corporation Sdn Bhd (CCSB)

i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim lantikan 18 Februari 2009
ii. Y.Bhg Dato' Ramli Bin Mahmud lantikan 18 Februari 2009
iii. Y.Bhg Dato' Mohd Arif Bin Ab Rahman lantikan 18 Februari 2009
iv. Tn Hj Md Yunus Bin Md Said lantikan 16 Mac 2009

9. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB)

i. Abdul Shukor Nagor
ii. Ir. Ramli Abd. Majed
iii. YB Dato' Mohd. Arif Ab. Rahman
iv. En. Wong Su Kok
v. En. Mohd. Khairuddin Othman
vi. YB Tuan Mat Shuhaimi Hj. Shafiei
vii. En. Ganabatirau A/L Veraman

b) Senarai adalah seperti berikut :

1. Kumpulan Darul Ehsan Berhad

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim
   Tarikh Lantikan : 13 Mac 2008

2. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim
   Tarikh Lantikan : 21 Mac 2008

3. SSIC Berhad

   Setiap lantikan Lembaga Pengarah SSIC Berhad yang dilantik merupakan lantikan secara automatik berdasarkan kepada jawatan yang disandang oleh beliau dalam Kerajaan Negeri Selangor dan Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad.

4. Tourism Selangor Sdn. Bhd

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim
   Tarikh Lantikan : 22 Ogos 2008
   ii. YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping
   Tarikh Lantikan : 22 Ogos 2008
   iii. YB Tuan Edward Lee Poh Lin
   Tarikh Lantikan : 20 Julai 2009

5. Bukit Beruntung Golf & Country Club (BBGC)

   i. Dato' Mohd Arif B. Ab. Rahman lantikan 16 Disember 2008
   ii. Tuan Nor Hisham B. Ahmad Dahlan lantikan 16 Disember 2008
   iii. Tuan Tukiman B. Nail lantikan 16 Disember 2008
   iv. Tuan Azizi Bin Mohd Zain lantikan 1 Januari 2010
   v. YB Amirudin B. Shari lantikan 29 Januari 2009

6. Yayasan Warisan Anak Selangor

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim
   Tarikh Lantikan : 5 Februari 2009

   ii. YB Puan Rodziah bt. Ismail
   Tarikh Lantikan : 1 Mac 2010

7. Communications Corporation Sdn Bhd (CCSB)

   i. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim lantikan 18 Februari 2009
   ii. Y.Bhg Dato' Ramli Bin Mahmud lantikan 18 Februari 2009
   iii. Y.Bhg Dato' Mohd Arif Bin Ab Rahman lantikan 18 Februari 2009
   iv. Tn Hj Md Yunus Bin Md Said lantikan 16 Mac 2009

8. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB)

i. YB Tuan Mat Shuhaimi Hj. Shafiei
Tarikh Lantikan : 10 Jun 2010

c) Mengikut budibicara YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PRESTASI KETUA-KETUA KAMPUNG.

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Masih terdapat sebilangan ketua-ketua kampung tidak mencapai prestasi yang baik yang dihasrat oleh kerajaan negeri, berapakah bilangan mereka yang akan digugurkan untuk digantikan dengan orang yang lebih bertanggungjawab ?

JAWAPAN :

a) Sejumlah 73% Ketua-Ketua Kampung yang telah mencapai prestasi yang sangat baik iaitu melebihi markah 85%. Walau bagaimanapun hanya seorang sahaja Ketua Kampung yang akan digugurkan untuk digantikan dengan orang yang lebih bertanggungjawab. Kerajaan Negeri juga akan menjalankan Pilihanraya bagi Pemilihan Ketua-Ketua Kampung kelak demi mendapatkan Ketua-Ketua Kampung yang lebih bertanggungjawab, berintegriti dan efisien dalam menjalankan tugas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : PEKERJA LADANG *(ESTATE)*

18. Di bawah EXCO KESIHATAN, PEKERJA LADANG, KEMISKINAN DAN KERAJAAN PRIHATIN yang bertujuan membantu dengan membina jati diri Pekerja Ladang Rakyat (Estate) agar dapat keluar daripada belenggu kemiskinan material, intelektual dan spiritual.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa banyakkah peruntukan yang telah di gunakan untuk program sedemikian.
b) Sejauh manakah keberkesanan peruntukan tersebut bagi meningkatkan pendapatan perkapita mereka.

JAWAPAN:

a) Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang ditubuhkan bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada mana-mana individu yang berasal dari keluarga yang bekerja di ladang-ladang untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Selain itu, tabung ini digunakan untuk menaja mana-mana anak pekerja ladang yang berkelayakan untuk menjalani latihan kemahiran teknikal di Kolej Inpens Selangor. Tabung ini juga turut memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah ladang untuk menjalankan program-program yang bermanfaat kepada pelajar serta menaiktaraf kemudahan di sekolah tersebut.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 2 juta setiap kepada tabung ini untuk memberikan bantuan kepada mana-mana pihak yang berkelayakan. Sehingga bulan Jun 2010, jumlah peruntukan yang telah digunakan adalah sebanyak **RM 885,092** (**Ringgit Malaysia : Lapan Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Sembilan Puluh Dua**).

Bantuan tabung ini meliputi perkara seperti berikut:

i. Bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah ladang;
ii. Bantuan yuran pengajian anak-anak pekerja ladang yang tidak berkemampuan;
iii. Tajaan anak pekerja ladang dalam latihan kemahiran teknikal di Kolej Inpens Selangor; dan
iv. Hadiah kecemerlangan kepada anak-anak pekerja ladang yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

b) Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang ditubuhkan bukan bertujuan untuk membantu para pekerja ladang untuk meningkatkan pendapatan perkapita mereka. Sebaliknya, tabung ini digunakan untuk memberi peluang pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak pekerja ladang dan seterusnya pendidikan yang diberikan dapat membantu keluarga mereka untuk meningkatkan pendapatan dan keluar dari kepompong kemiskinan. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa satu-satunya jalan keluar dari kemiskinan adalah dengan pendidikan yang sempurna.

c) Kebanyakan keluarga yang masih hidup kemiskinan mempunyai latar belakang pendidikan yang tidak begitu tinggi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan wujudnya tabung ini dapat memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak pekerja ladang dan seterusnya membantu keluarga mereka dalam meningkatkan pendapatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE 10

19. Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) akan berakhir pada tahun 2010 dan kerajaan Persekutuan telah membentangkan Rancangan Malaysia kesepuluh (RMK-10) di Parlimen baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah kerajaan negeri telah membuat kajian pencapaian RMK 9 bagi Negeri Selangor ?

b) Adakah kerajaan negeri akan mempunyai perancangan sendiri untuk membangunkan kawasan luar bandar ?

c) Apakah nilai tambah dalam menjayakan prospek RMK-10 bagi Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Dalam RMKe-9 Negeri Selangor, peruntukan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM3.42 bilion. Ianya merupakan rancangan dan peruntukan untuk tujuan pembangunan bagi tempoh 2006 hingga 2010. Dalam tempoh tersebut sebanyak 76.2 peratus telah pun dibelanjakan iaitu berjumlah RM2.61 bilion. Program-program pembangunan yang telah dilaksanakan adalah meliputi program-program Mesra Rakyat, Pembangunan Ekonomi, Usahawan, Latihan, Pembangunan Insan, Pusat Latihan, Pembangunan Kampung, dan Pelancongan. Sejak Mac 2008, kerajaan Negeri Selangor telah menumpukan program dan projek yang berlandaskan polisi Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor di mana kekayaan dan hasil mahsul negeri akan dikembalikan untuk kesejahteraan seluruh rakyat negeri Selangor ini. Maka itulah, pada tahun 2009 peruntukan pembangunan negeri adalah sebanyak RM787 juta manakala bagi tahun 2010 peruntukan pembangunan yang disediakan adalah sebanyak RM590.4 juta.

b) Walaupun 90 peratus kawasan di negeri Selangor adalah dikategorikan sebagai kawasan perbandaran, namun kerajaan Negeri Selangor tidak pernah terlintas untuk mengabaikan kebajikan dan kesejahteraan seluruh penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh itu, peruntukan yang disediakan untuk tujuan pembangunan luar bandar pada tahun 2008 sebanyak RM7.5 juta, manakala bagi tahun 2009 ialah sebanyak RM9.076 juta dan tahun 2010 pula meningkat kepada RM10.8 juta. Peruntukan ini adalah bagi membangunkan projek-projek seperti kemudahan asas desa, aktiviti pembangunan kampung, pembangunan kampung baru, penyelenggaraan jalan kampung dan kemudahan asas sawah sempadan.

c) RMKe-9 bagi Negeri Selangor yang dirancang terdahulu telah dinilai semula dengan menjadikan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 sebagai panduan utama pembangunan Negeri Selangor yang akan datang. RMKe-10 Negeri Selangor akan mengambil kira aspek pembangunan ekonomi, pembasmian kemiskinan, pendidikan, pembangunan berterusan, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan integriti, isu gender, inisiatif belia, peluang pekerjaan, pembangunan sumber manusia dan latihan, serta isu agama. Maka dengan hasrat itulah Kerajaan negeri Selangor telah memperkenalkan program Merakyatkan Ekonomi Selangor atau MES yang pada prinsipnya setiap rakyat di negeri Selangor adalah pemilik kepada sumber dan hasil kekayaan di negeri ini dan mereka mempunyai hak ke atas sumber tersebut untuk digembleng bersama. Penumpuan program MES ini adalah untuk menjaga kebajikan, kesamarataan, kekayaan serta kesejahteraan setiap penduduk di negeri Selangor ini. Maka dengan itu, sebaik mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri, Pakatan Rakyat telah melancarkan program-program seperti Bekalan Air Percuma bagi 20 meter padu, Program Peningkatan hasil Batuan dan Mineral, Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang. Selain itu, atas dasar memberi nilai tambah kepada negeri Selangor pada masa sekarang dan akan datang, Pakej Rangsangan Ekonomi telah diperkenalkan pada tahun 2008 yang menekankan projek-projek yang dapat memberi pulangan pendapatan tinggi negeri. Antara projek-projek yang sedang dijalankan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut adalah projek pemulihan dan pembangunan Sungai Klang, Penstrukturan semula air, Projek Pembaharuan Bandar, Pembangunan Semula projek-projek Terbengkalai dan Penambahbaikan Sistem Pengangkutan Awam di Lembah Klang ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: ARAK

20. Penjualan arak di kawasan majoriti orang Islam telah menjadi polemik dalam masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah arak boleh dijual di kedai serbaneka seperti 7-eleven di Shah Alam malah turut berlaku di pekan kecil seperti Sabak Bernam sedangkan hal ini tidak berlaku sebelum ini ?

b) Apakah mekanisme yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa agama dalam membendung penjualan arak di kawasan majoriti Islam?

c) Jika ada,apakah jaminan pihak berkuasa agama bahawa mekanisme tersebut memang boleh dilaksanakan. Adakah pihak berkuasa agama bersetuju jika saya kata kan bahawa ada pihak tertentu yang memang mahukan agar arak mudah diperolehi.

JAWAPAN:

a) Saya ingin menjelaskan bahawa penjualan arak memerlukan lesen untuk menjual liquor yang memabukkan di bawah **Seksyen 35, Akta Eksais 1976** melalui **Lembaga Pelesenan Eksais Daerah**. Definisi bagi 'liquor' yang memabukkan di bawah Seksyen 2(1), Akta Kastam 1967 iaitu termasuklah apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus spirit pruf, yang sesuai atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi, digunakan sebagai suatu minuman. Manakala definisi bagi 'bir' termasuklah 'ale, stout, porter' dan segala liquor tapaian lain yang diperbuat daripada 'malt'. Oleh sebab proses penyediaan yang berbeza iaitu melalui penapaian, maka penjualan 'bir' tidak perlu dilesenkan di bawah Seksyen 35, Akta Eksais 1976 bagi jualan secara **runcit**. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pendekatan 'self-regulating' di Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai perintis bagi mengawal penjualan minuman beralkohol terutamanya 'bir' memandangkan tiada peruntukkan spesifik di dalam Akta Eksais 1976 yang mengawal penjualannya secara runcit. Pendekatan ini telah dilaksanakan selama lebih kurang setengah tahun dan semua pihak yang terlibat sedang melaksanakannya.

b) Mekanisme yang dilakukan dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama dalam membendung penjualan arak di kawasan majoriti Islam setakat ini adalah seperti berikut:-

1) Melaksanakan operasi dan pemantauan secara berterusan ke atas premis-premis menjual arak yang di kenal pasti.

2) Mengedarkan risalah, poster berkaitan arak, penerangan kepada masyarakat setempat serta melaksanakan seminar kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pembelian arak, penjualan arak dan pekerja di premis yang menjual arak.

3) Mulai November 2009 wakil daripada Bahagian Penguatkuasaan JAIS telah di jemput hadir bersama-sama di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Arak.

4) JAIS juga sedang berusaha mewujudkan peraturan melarang umat Islam memasuki premis hiburan yang menghidangkan arak di mana kertas cadangan berkaitan telah diluluskan melalui Mesyuarat MAIS Bil. 02/2010.

c) Bahagian Penguatkuasaan sentiasa berusaha membendung gejala arak di Selangor menggunakan segala mekanisme dan kuasa yang ada. Melalui usaha tersebut beberapa premis 7-eleven contohnya di Shah Alam telah menghentikan penjualan arak di premis tersebut. Namun segala tindakan yang di lakukan oleh JAIS masih tidak mencukupi sebenarnya untuk membendung gejala ini kerana pihak-pihak lain bertanggungjawab lebih besar dalam pemberian lesen dan kelulusan penjualan arak sedangkan JAIS mempunyai kuasa yang sangat terhad berkaitan isu ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : ICT

21. I-City di Seksyen 7, Shah Alam di katakana menjadi pemangkin ICT di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status terkini dan perancangan program-program pembangunan ICT yang telah ada?

b) Bagaimanakah manfaatnya program di I-City dapat dilimpahkan kepada rakyat Selangor sehingga ke luar lembah Klang?

c) Bagaimanakah tahap penembusan capaian internet jalur lebar tanpa wayar Selangor sehingga kini?

JAWAPAN:

a) Program Pembangunan ICT yang telah ada adalah seperti berikut :

1. Projek Pusat Siber Rakyat

Pusat Siber Rakyat (PSR) adalah bertujuan untuk memberi kemudahan bagi mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat negeri Selangor khususnya. PSR ini diwujudkan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan pertanggungjawaban pengurusan diberikan kepada PPAS, pihak PBT dan juga ADUN agar pengoperasian dan penyelenggaraan yang lebih teratur dapat dilaksanakan. Penjenamaan ini dilaksanakan mengikut fasa dan sebagai permulaan pada tahun 2009, 5 lokasi seperti berikut telah diwujudkan :-

- PSR Perpustakaan Awam Bestari Jaya, Kuala Selangor
- PSR Perpustakaan Klang
- PSR Perpustakaan Awam Semenyih, Hulu Langat
- PSR Perpustakaan Desa Kampung Melayu Ampang, Gombak
- PSR Sultan Abdul Samad, Banting

Lokasi PSR yang dirancang akan diwujudkan pada tahun 2010 adalah seperti berikut :-

- Perpustakaan Sg Besar
- Perpustakaan Kuala Kubu Baharu
- Perpustakaan Sg. Pelek
- Seksyen 19, Shah Alam
- Pusat Komuniti Kampung Kuantan, Klang

2. Projek Hybrid Wireless Infructure Network (HyWIN)

Satu Panel Wifi berkelajuan tinggi telah dipasang di Bangunan SSAAS dan mempunyai “backhaul” berkelajuan 1 megabit per second (Mbps). Panel ini telah dipancarkan ke arah satu sektor (120) dan capaian internet boleh diperolehi di kawasan-kawasan seperti berikut :-

- Seksyen 4 (Jalan Persiaran Pegawai)
- Seksyen 3 (sekitar Restoran Khalifah dan Kolej Jati Uitm)
- Seksyen 6 (kawasan perumahan sekitar Balai Polis Seksyen 6)
- Seksyen 7 (sekitar Uitm, Kompleks Belia dan Kebudayaan)

Bermula daripada tarikh 09 April 2010 sehingga 30 Jun 2010, seramai 490 orang telah berdaftar dan menggunakan perkhidmatan ini.

3. Wirelesss City Selangor

Telah dilaksanakan di lokasi berikut :

Pelaksanaan di Kawasan Kepadatan Penduduk Tinggi	**Pelaksanaan di Kawasan Kepadatan Penduduk Sederhana /Rendah**
i. Dataran Shah Alam (sekitar Menara Jam) ii. Kompleks PKNS Shah Alam(berhadapan restoran KFC dan Tasik Shah Alam) iii. Medan Selera Prima 2, Seksyen 2, Shah Alam. iv. Seksyen 3 (sekitar kawasan Restoran Khalifah, Syed dan Sekolah Kebangsaan Raja Muda Seksyen 4, Shah Alam v. Seksyen 9 (sekitar kawasan Oasis)	i. Kuala Kubu Baharu, Hulu Selangor (Sekitar kawasan Restoran Fazillah Maju) ii. Medan Selera Majlis Daerah Hulu Selangor, Batang Kali.

4. Festival Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor 2010

Program ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian informasi antara pencipta pengeluar dan pengguna dalam bidan sains, teknologi dan inovasi, peningkatan kreativiti di kalangan para belia negeri Selangor dapat dikongsi dan dimanfaatkan. Ia juga dapat menjadikan negeri Selangor sebagai negeri ICT (Information & Technology) terulung di Malaysia.

Aktiviti yang telah dilaksanakan bagi program ini adalah seperti berikut :

- Anugerah Inovasi Cemerlang
  Satu penganugerahan dan pengiktirafan kepada saintis, ahli akademik, penyelidik, profesional, pelajar dan masyarakat umum atas hasil rekaannya.

- Program kemahiran, Pembangunan & Latihan ICT.
  Kursus asas penggunaan ICT di kalangan penduduk Selangor. Penggunaan aplikasi pejabat seperti MS Word, Excel serta mendedahkan laman sosial. Sasaran peserta pada tahun 2010 ialah ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim, JKKK dan juga Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Selangor.

- Pameran
  Pameran bagi memperkenalkan produk-produk penemuan hasil dari kajian sains, teknologi dan inovasi.

Aktiviti yang sedang berlangsung dan di dalam perancangan
- Pertandingan Animax dan Photography
- Seminar FESSTIS ‘ 10
- Kursus dan Latihan ICT

b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK: KELULUSAN MILIKAN TANAH DAN KEBENARAN MENDUDUKI SEMENTARA.

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Sepanjang pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat, berapakah jumlah milikan dan guna tanah yang telah diluluskan.

b) Apakah kaedah kelulusan dan pemantauan untuk milikan tanah atau kebenaran menduduki sementara yang diamalkan.

JAWAPAN:

a) Bagi Daerah Sepang, jumlah milikan dan guna tanah yang telah diluluskan dari Mac 2008 hingga Jun 2010 adalah seperti berikut:-

Bil.	Agensi/Syarikat	2008	2009	Jun 2010	Guna Tanah
1.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)	18	7	-	Kegunaan Awam, (Sekolah, Hospital)
2.	MAIS	-	2	-	Masjid, Universiti Swasta (MEDIU)
3.	Majlis Perbandaran Sepang	-	1	1	Perniagaan
4.	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	8	4	2	Tapak Pencawang Elektrik
5.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri	6	-	-	Pembangunan
6.	Syarikat Persendirian	1	2	-	Pembangunan
7.	Pertubuhan	1	2	1	3 Rumah Ibadat Bukan Islam. 1 Pembangunan

b) Kaedah kelulusan dan pemantauan untuk milikan tanah adalah seperti berikut:-

i) Laporan teknikal

ii) Kertas Pertimbangan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKMKM)

iii) Surat Kelulusan Dasar

iv) Penilaian Tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

v) Notis 5A (bayaran Premium dan lain-laian bayaran dikenakan)

vi) Pemantauan Premium

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PERLANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN PEMUTIHAN KILANG HARAM

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri akan melanjutkan tempoh permohonan untuk pemutihan kilang haram?

b) Berapakah kilang haram yang telah diputihkan semenjak tahun 2008 dan berapakah kilang haram yang masih belum diselesaikan?

c) Berapakah pendapatan yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 melalui operasi pemutihan kilang ini?

JAWAPAN :

a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran telah diputuskan oleh MMKN berakhir pada 30 Jun 2010. Namun begitu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram telah menyarankan supaya tempoh program ini dikaji semula.

b) Jumlah kilang haram yang telah diputihkan dan jumlah pendapatan yang telah dikutip melalui program ini adalah seperti di bawah.

KEBENARAN MENGIKUT DAERAH (SEHINGGA MEI 2010)

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT	KEPUTUSAN			PERMIT KHAS SEMENTARA				BAYARAN PREMIUM / PERMIT DITERIMA	BAYARAN PREMIUM / PERMIT BELUM DITERIMA
			LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010		
PETALING	985	654	591	3	53	3	0	1	1	46,104,292.00	66,265,494.00
KLANG	434	116	93	14	0	424	415	434	470	20,519,224.00	14,096,173.00
GOMBAK	44	13	32	0	12	32	0	0	0	342,056.34	1,256.34
HULU LANGAT	467	110	86	6	0	53	18	24	2	18,720,640.60	10,727,425.00
KUALA LANGAT	209	65	55	7	3	90	10	35	0	5,657,347.00	4,068,141.00
SEPANG	44	17	17	0	0	14	0	3	1	2,094,404.00	1,226,095.00
HULU SELANGOR	16	7	1	1	0	15	14	10	5	41,800.00	24,220.00
KUALA SELANGOR	34	10	8	2	0	1	6	2	1	14,700.00	0.00
SABAK BERNAM	15	10	0	0	10	6	1	3	0	10,000.00	5,000.00
JUMLAH	**2,248**	**1002**	**883**	**33**	**78**	**638**	**464**	**512**	**480**	**93,504,463.94**	**96,413,804.34**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : LESEN INDUSTRI BURUNG WALID

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bilakah garis panduan yang terbaru tentang pengurusan industri burung walid akan diluluskan?

b) Senaraikan kawasan yang telah dikenal pasti sebagai zon industri burung walid mengikut daerah?

c) Badan manakah yang bertanggungjawab terhadap segala pemanduan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walid?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif mewujudkan Undang-Undang Kecil yang berkaitan dengan pelesenan burung walet sahaja di peringkat negeri melalui perbincangan bersama Pihak Berkuasa Tempatan Selangor memandangkan buat masa ini pihak Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang masih merangka Garis Panduan Perusahaan Burung Walet yang lebih terperinci untuk diguna pakai di seluruh Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan Bengkel Penetapan Dasar Kerajaan Negeri, Pelan Pemutihan Dan Prosedur Pelesenan Pemajuan Pengusahaan Burung Walet Negeri Selangor yang melibatkan beberapa jabatan teknikal antaranya Pejabat Tanah dan Daerah, PBT, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Persatuan Perusahaan Burung Walet dan beberapa jabatan berkaitan. Tujuan bengkel berkenaan dilaksanakan adalah bagi memudahkan penyelarasan dari segi peraturan dan juga prosedur yang akan diguna pakai oleh setiap jabatan yang terlibat dalam pengurusan pemutihan, pembangunan mahupun pelesenan perusahaan burung walet.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri kini masih dalam tindakan semakan dan penambahbaikan ke atas Undang-Undang Kecil tersebut dan juga prosedur pengurusan pemutihan, pembangunan serta pelesenan industri burung walet. Setelah selesai semakan, UUK dan prosedur berkenaan akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan diharapkan Kerajaan Negeri dapat membantu memperkembangkan industri burung walet di Negeri Selangor.

b) Berdasarkan beberapa perbincangan melalui Bengkel Penetapan Dasar Kerajaan Negeri, Pelan Pemutihan Dan Prosedur Pelesenan Pemajuan Pengusahaan Burung Walet Negeri Selangor yang telah diadakan pada 8 – 9 Jun 2010, telah dipersetujui agar zon industri burung walet tidak praktikal untuk diwujudkan memandangkan habitat burung walet adalah bersifat semula jadi di mana burung walet tidak boleh dipaksa untuk berpindah ke kawasan yang telah disenaraikan sebagai zon industri burung walet. Untuk makluman, cadangan pengezonan industri burung walet tersebut telah pun dilaksanakan di peringkat Negeri Kedah dan Kelantan namun gagal.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih membuat semakan dan kajian ke atas pembangunan dan perusahaan burung walet yang dicadangkan hanya boleh dijalankan di kawasan tertentu sahaja.

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum memutuskan badan yang bertanggungjawab terhadap segala pemanduan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walet. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bercadang agar Jabatan Pelesenan PBT akan bertanggungjawab ke atas sebarang aduan berkenaan pelesenan burung walet manakala Pejabat Tanah dan Daerah akan bertanggungjawab ke atas sebarang aduan yang melibatkan perusahaan burung walet di tanah pertanian, persisiran sungai dan tanah bencah di mana akan dibantu oleh tiga (3) agensi utama iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : MENANGANI ISU PERKAUMAN

25. Sejak kebelakangan ini , terdapat banyak isu-isu yang mencetuskan sentimen perkauman di kalangan rakyat . Kita juga telah menyaksikan beberapa saat genting pada tahun 2009 apabila terdapat beberapa pihak yang ingin mengapi-apikan emosi dan perasaan benci di kalangan kaum.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri untuk menangani isu–isu sedemikian ?

b) Apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk memupuk pembinaan suatu negeri tanpa manipulasi isu perkauman?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap isu-isu sebegini. Dari itu, cara penyelesaian diambil dengan memastikan jurang perbezaan ekonomi dapat dikurangkan dengan hasil kekayaan negeri dirasakan bersama. Kerajaan Negeri pada awal pemerintahan telah melaksanakan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang seperti berikut:-

Jumlah Penerima Faedah Program MES sehingga Tahun 2010

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PENERIMA FAEDAH
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	13,424 orang
2.	Hadiah Anak Masuk Universiti	11,802 orang
3.	Skim Mesra Usia Emas	11,683 orang
4.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	3,436,702 orang
5.	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	5,287 orang

Bil.	Program	Perbelanjaan (RM)
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1,342,400
2.	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	27,491,000
3.	Hadiah Anak Masuk Universiti	11,802,000
4.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	234,119,559
5.	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	2,591,797.80
6.	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	558,600
7.	Peningkatan Hasil Dari Bahan Batuan dan Mineral	Tidak berkaitan
	JUMLAH PERBELANJAAN	**277,905,356.80**

Jumlah Perbelanjaan Program MES Sehingga Tahun 2010

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga menekankan aspek keagamaan dengan mewujudkan Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam supaya semua kaum mengikut perlembagaan dapat melaksanakan keagamaan masing-masing tanpa gangguan. Kerajaan Negeri telah memberi sumbangan kepada sekolah vernakular hingga 15 Jun 2010 dengan jumlah seperti berikut:-

- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina - RM 6 juta
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil - RM 1.2 juta

b) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang akan dilanjutkan dalam memupuk pembinaan suatu negeri dan rakyat tidak rasa ketinggalan disebabkan identiti kaum iaitu:-

i. Caruman Takaful Bagi OKU / Anak Yatim
ii. Bantuan Kepada Peniaga Muda
iii. Bimbingan Perniagaan Kepada Belia
iv. Bantuan Anak Prasekolah RM50 sebulan / orang
v. Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan / orang
vi. Bantuan Mendirikan Rumah Tangga
vii. Bantuan Memiliki Kediaman
viii. Elaun Ibu Tunggal
ix. Elaun Khas Suri Rumah

LAMPIRAN I

Jumlah Penduduk Setiap Tahun mengikut Daerah (‘000)

Negeri/Daerah	2008	2009	2010
SELANGOR	**5071.1**	**5179.6**	**5287.9**
Gombak	675.6	688.7	701.8
Klang	825.1	840.7	856.2
Kuala Langat	239.7	244.1	248.5
Kuala Selangor	198.1	201.6	205.1
Petaling	1514.1	1547.1	1580
Sabak Bernam	135.9	138	140.1
Sepang	146.4	150.5	154.6
Hulu Langat	1142.5	1170.9	1199.2
Hulu Selangor	193.7	198	202.4

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia*

LAMPIRAN II

Komposisi Kaum di Kawasan PBT Negeri Selangor

Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan	2010				
	Melayu	**Cina**	**India**	**Lain-lain**	**Jumlah**
Majlis Perbandaran Selayang	245802	130097	70684	8187	454770
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	283577	187060	41699	10054	522390
Majlis Perbandaran Klang	300510	207191	117698	4405	629805
Majlis Bandaraya Shah Alam	324125	64724	72038	4486	465374
Majlis Daerah Kuala Langat	45013	45249	21852	360	112474
Majlis Daerah Kuala Selangor	43635	22083	16319	339	82376
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	193762	212139	79792	6021	491714
Majlis Perbandaran Subang Jaya	241506	291914	81487	6033	620939
Majlis Daerah Sabak Bernam	33135	25749	3772	149	62805
Majlis Daerah Sepang	38839	18041	15066	209	72155
Majlis Perbandaran Kajang	342022	175124	75200	5793	598139
Majlis Daerah Hulu Selangor	48102	26531	15865	876	91375

Sumber/Source*: UPEN Selangor*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)

TAJUK: KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

26. KUIS adalah milik penuh kerajaan negeri yang berpotensi menjadi hab pendidikan di kawasan selatan negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah strategi KUIS untuk memastikan ia kompetitif dari segi kualiti kursus, yuran dan kakitangan akademiknya?

b) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan tahap KUIS menjadi universiti penuh di masa hadapan?

c) Apakah graduan lulusan KUIS kini cukup kompetitif untuk bersaing dalam pasaran kerja tempatan?

JAWAPAN:

a) KUIS ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996 dan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi Islam milik sepenuhnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

i. Kursus Pengajian Penggubalan Kurikulum Kursus yang Ditawarkan

a. Kurikulum kursus digubal dan dibangunkan oleh tenaga akademik KUIS dengan mendapat perakuan daripada panel penasihat akademik IPT dalam dan luar negara serta tenaga profesional yang mewakili pihak industri dan korporat.
b. Panel akademik juga berperanan untuk menilai kertas-kertas soalan peperiksaan akhir.
c. Panel industri berperanan sebagai penasihat dan menilai isi kandungan program supaya kursus pengajian yang dilaksanakan sentiasa relevan dengan keperluan semasa industri.
d. Kursus-kursus akademik yamg ditawarkan telah mendapat perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
e. Kursus-kursus baru yang hendak ditawarkan perlu mendapat kelulusan standard minimum penawaran.

ii. Yuran Pengajian

a. KUIS membuat kajian dan penelitian terhadap yuran-yuran yang dikenakan oleh IPTS kepada kursus-kursus yang setaraf dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh KUIS.
b. Ia dilakukan ketika menggubal kursus-kursus baru.
c. Penilaian semula yuran pengajian akan dilakukan setiap tiga (3) tahun.

iii. Kakitangan Akademik

a. KUIS menawarkan Skim Lantikan Akademik (SLAK) kepada kakitangan akademik untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
b. Program penyelidikan dan pembangunan kakitangan akademik melalui aktiviti penyelidikan, pembentangan kertas kerja dalam seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penerbitan buku dan jurnal.

b) KUIS bercadang untuk meningkatkan tahap menjadi universiti penuh dimasa hadapan dengan:-

a. Meningkatkan penawaran program-program pasca siswazah
b. Meningkatkan program-program penyelidikan dan pembangunan (R&D)
c. Meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa
d. Meningkatkan bilangan kakitangan akademik yang memiliki ijazah Kedoktoran (PhD).

c) Menerusi pengesanan graduan yang dilakukan oleh pihak KUIS pada tahun 2009 telah mendapati bahawa graduan lulusan KUIS juga cukup kompetitif untuk bersaing dalam pasaran kerja tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PELANCONGAN

27. Kerajaan negeri telah melancarkan Tahun Melawat Selangor 2010 dengan tema "Selangor Shines".

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah pelancong yang telah berkunjung ke Selangor, khususnya daerah Kuala Langat bagi tahun 2009 dan 2010?

b) Apakah produk-produk pelancongan yang menjadi fokus kerajaan negeri untuk dibangunkan dan dipromosikan seluruh Selangor dan khasnya di Kuala Langat?

c) Berapakah peruntukan untuk memelihara produk-produk pelancongan sedia ada dan pembangunan produk pelancongan baru di Kuala Langat?

JAWAPAN :

a) Jumlah pelancong yang telah berkunjung ke Selangor, khususnya daerah Kuala Langat bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut :-

JUMLAH PENGUNJUNG DAERAH KUALA LANGAT 2009/2010

BIL.	JENIS PRODUK	2009	2010 (Jan – Mei)
1	Dong Zhen	1,000,000	600,000
2	Pantai Kelanang	9,600	3,500
3	Pantai Morib	10,200	5,100
4	Bukit Jugra	8,250	3,800
5	Makam	2,800	1,000
6	Istana Bandar	3,000	900
7	Muzium Jugra	2,000	1,300
8	Produk IKS	25,000	10,000
	JUMLAH	**1,060,850**	**625,600**

b) Antara produk-produk pelancongan yang menjadi fokus kerajaan negeri untuk dibangunkan dan dipromosikan seluruh Selangor adalah Homestay-homestay di Selangor. Terdapat 16 buah homestay yang berdaftar di negeri Selangor yang kini semakin menjadi pilihan pengunjung untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai destinasi percutian.

Homestay merupakan sebuah destinasi pelancongan di mana pelancong-pelancong berpengalaman untuk tinggal bersama keluarga-keluarga angkat yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha Homestay di dalam sebuah kampung dan pelancong-pelancong tersebut dapat merasai pengalaman menjalankan kehidupan sebenar di kampung. Selain itu, mereka juga akan menjalankan aktiviti-aktiviti rutin masyarakat kampung serta merasai masakan-masakan kampung mengikut pakej-pakej yang ditawarkan. Setiap homestay di Selangor mempunyai tarikan dan keunikan tersendiri. Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor sememangnya sedang terus bergiat aktif dalam mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Selangor termasuk Homestay. Tourism Selangor seringkali menganjurkan acara di tempat-tempat pelancongan sekaligus mempromosikan tempat-tempat tersebut.

Selain itu juga, Tourism Selangor seringkali membawa media untuk bersama-sama mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Selangor termasuk Homestay di dalam program Fam Tour di mana para pengamal media dibawa ke produk-produk pelancongan dan menikmati sendiri keindahan dan keunikan produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Program tersebut telah mendapat maklumbalas dan komen yang positif daripada peserta Fam Tour yang turut disertai oleh para media daripada luar negara seperti Indonesia, Philipina, Jepun, Singapura dan lain-lain negara. Pada tahun 2009, dicatatkan sebanyak 27,533 orang pelancong telah berkunjung dan bercuti di Homestay Negeri Selangor dengan jumlah pendapatan mencecah hampir RM 1.5 juta. Sehingga Mei 2010, seramai 11,505 orang telah berkunjung ke Homestay dengan pendapatan sebanyak RM 582,531.00. Ini menunjukkan perkembangan positif dan penerimaan pengunjung terhadap Homestay di dalam industri pelancongan terutamanya di negeri Selangor.

Untuk produk-produk pelancongan di Kuala Langat, fokus pembangunan adalah di Bukit Jugra yang terkenal dengan acara paragliding yang mana bukan sahaja dikenali oleh masyarakat tempatan, malah masyarakat antarabangsa yang mencintai sukan paragliding. Selain itu, Pantai Kelanang juga menjadi fokus utama untuk dibangunkan. Pantai Kelanang terletak berhampiran dengan Pantai Morib yang mana berpotensi menarik ramai pengunjung seperti di Pantai Morib. Selain daripada itu, Pantai Batu Laut juga menjadi pilihan untuk dibangunkan. Pantai Batu Laut pernah terkenal pada satu ketika dengan aktiviti sukan perahu layar. Aktiviti itu dirancang akan dihidupkan kembali dan mampu menarik tumpuan pengunjung dan boleh dimasukkan ke dalam pakej lawatan ke homestay-homestay sekitarnya.

c) Peruntukan yang diterima untuk memelihara produk-produk pelancongan di Kuala Langat berjumlah RM 7.2 juta. Jumlah ini berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Majlis Daerah Kuala Langat. Jumlah yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan Bukit Jugra adalah sebanyak RM 2,072,000.00. Untuk Pantai Kelanang pula, peruntukan sebanyak RM 4,028,000.00 diperlukan untuk memelihara kawasan tersebut. Untuk menyelenggara kawasan Pantai Batu Laut pula, peruntukan yang digunakan adalah sebanyak RM 1.1 juta.

Kos-kos ini digunakan untuk memelihara dan membaik pulih segala kemudahan yang terdapat di produk-produk pelancongan di Kuala Langat. Selain itu, terdapat juga peruntukan yang akan diberikan untuk memelihara produk-produk lain seperti Pulau Carey, Muzium Jugra dan produk-produk Industri Kecil Sederhana (IKS) di Daerah Kuala Langat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: SIMPANAN TETAP PBT

28. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Apakah tujuan utama simpanan tetap PBT ?
b) Adakah PBT menggunakan simpanan tetap untuk tujuan pembangunan kemudahan asas ?
c) Berapakah jumlah simpanan tetap bagi Majlis Perbandaran Sepang ?

JAWAPAN:

a) Tujuan utama simpanan tetap PBT adalah sebagai sumber kewangan kontingensi untuk PBT menampung perbelanjaan sekiranya sasaran kutipan hasil tidak dapat dicapai. Simpanan tetap PBT merupakan simpanan berjangka yang bertujuan untuk memperoleh keuntungan mengikut kadar dan tempoh masa simpanan. Sumber simpanan tetap PBT terdiri daripada wang cagaran serta deposit yang dipegang oleh PBT serta lebihan tunai yang dimiliki oleh PBT. Dividen atau keuntungan atas simpanan tetap akan diambil kira sebagai Hasil Bukan Cukai PBT.

   Bagi PBT yang kurang berkemampuan, geran MARRIS dan geran-geran peruntukan pembangunan akan disimpan sebagai simpanan tetap dalam jangka masa singkat iaitu satu hingga tiga bulan bagi mendapatkan hasil dividen sementara menunggu projek-projek berkenaan siap dilaksanakan..

b) Kebanyakan PBT menggunakan peruntukan sedia ada iaitu kutipan cukai taksiran untuk menyediakan kemudahan asas di kawasannya. Bagi PBT yang berkemampuan, wang simpanan tetap yang benar-benar merupakan lebihan tunai akan digunakan bagi meningkatkan serta memantapkan lagi mutu perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan yang diberikan untuk keselesaan dan kesejahteraan penduduk di kawasan Majlis.

c) Jumlah simpanan tetap bagi Majlis Perbandaran Sepang berdasarkan Penyata Kewangan yang belum diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah RM39.4 juta. Simpanan tetap ini terdiri daripada RM21.07 juta wang cagaran dan selebihnya iaitu RM18.33 juta merupakan wang tunai simpanan Majlis.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

29. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sejauh mana kerajaan negeri telah melaksanakan program – program yang dirancang dalam dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)?

b) Adakah kerajaan negeri berkemampuan meneruskan program-program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) memandangkan kerajaan persekutuan mendakwa tidak mampu meneruskan subsidi untuk mengelakkan muflis pada 2019?

c) Sampai bilakah kerajaan negeri mampu meneruskan program-program kebajikan tersebut?

JAWAPAN :

a) Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) diperkenalkan pada Jun 2008 oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor dan dilaksanakan secara berperingkat. Sehingga kini fasa pertama dan kedua program MES sudah dilaksanakan dengan jayanya. Ia membuktikan Kerajaan Pakatan Rakyat tidak bercakap kosong kerana berjaya merealisasikan manifesto Pilihan Raya 2008 yang dijanjikan kepada rakyat. Prinsip MES berdasarkan kepercayaan bahawa sumber-sumber negeri adalah kepunyaan rakyat. Oleh itu, adalah wajar kita berkongsi kekayaan negeri kepada rakyat negeri Selangor yang merupakan pemilik ekonomi yang sebenarnya.

Program MES Fasa 1 yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
2) Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M^3)
3) Hadiah Anak Masuk Universiti
4) Skim Mesra Usia Emas
5) Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral
6) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)
7) Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang

Program MES Fasa 2 yang sedang dilaksanakan pula adalah seperti berikut:

1) Cuti Bersalin Selama 90 Hari
2) Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari
3) Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program MES bagi Fasa 3, Fasa 4 dan seterusnya berdasarkan kesesuaian masa yang akan ditentukan.

b) Perincian bagi setiap pelaksanaan program-program MES adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Program **Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)** bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua anak Selangor dengan perlindungan insurans sehingga berusia 18 tahun. Pada usia 18 tahun, semua anak Selangor ini berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil caruman di dalam pelaburan ini. Sehingga Februari 2010, seramai 12,424 orang anak kelahiran negeri Selangor yang menepati syarat berjaya diluluskan untuk Program Tabung Warisan Anak Selangor. Jumlah dana yang telah dibelanjakan bagi program ini adalah sebanyak RM1.2 juta, manakala dana yang belum dibelanjakan adalah sebanyak RM12.2 juta.

Dalam Program **Hadiah Anak Masuk Universiti**, Kerajaan Negeri memberikan wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi, tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Sehingga Disember 2009, seramai 9,581 pelajar menerima hadiah RM1,000 setiap orang bagi menampung keperluan semasa mendaftar belajar di Institusi Pengajian Tinggi. Dana yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM9.6 juta manakala dana yang belum digunakan adalah sebanyak RM1.12 juta.

Program **Skim Mesra Usia Emas** dilancarkan bagi membantu mengurangi beban kewangan waris warga emas di Negeri Selangor untuk memastikan agar setiap warga emas dan orang kurang upaya (OKU) diberi penghargaan dan penghormatan yang terbaik dan berpatutan. Sehingga Disember 2009, seramai 9,131 orang waris yang telah menerima faedah tersebut. Sehingga kini, jumlah dana yang telah digunakan adalah sebanyak RM21.7 juta, manakala yang masih belum digunakan adalah sebanyak RM19.64 juta.

Program **Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang** diwujudkan bertujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang untuk menyambung pelajaran dalam kursus kemahiran teknikal di Inpens. Sehingga Disember 2009, seramai 154 orang anak pekerja ladang melanjutkan pelajaran di Inpens dengan bantuan skim Tabung Anak Pekerja Ladang ini. Sehingga Disember 2009, dana yang digunakan adalah sebanyak RM1.5 juta manakala baki yang masih belum digunakan adalah sebanyak RM0.3 juta.

Manakala program **Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)** yang bertujuan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak khususnya bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga, penderaan dan sebagainya. Pusat ini bertindak sebagai *first respondent/point of contract* bagi kes-kes yang dinyatakan di atas. Terdapat 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan di Selangor, iaitu di Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang. Sehingga Disember 2009, sebanyak RM0.5 juta telah dibelanjakan bagi program ini manakala bagi dana yang belum digunakan adalah sebanyak RM0.06 juta.

Selain itu, terdapat juga program **Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu** pula membolehkan rakyat negeri Selangor yang mempunyai meter individu terus menikmati bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu. Dalam hal ini, sebanyak 2,261,865 orang yang telah mendapat faedah dari program ini. Sebanyak RM200 juta sudah dibelanjakan untuk dinikmati oleh rakyat Selangor.

Bagi program **Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral**, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan berlainan dalam aktiviti pengorekan bahan batuan dan mineral di Selangor. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan akan diagihkan dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam program pelaksanaan Agenda MES. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Sehingga Disember 2009, hasil daripada penjualan pasir yang sudah diterima dan dikumpulkan adalah berjumlah RM35 juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM7.2 juta.

Kerajaan Negeri masih dalam perancangan dan usaha untuk menambahkan lagi jumlah penerima faedah bagi program-program MES dengan memperbanyakkan promosi dan meluaskan lagi pengetahuan rakyat tentang faedah dan kelebihan program MES.

Secara ringkasnya, dana yang telah dibelanjakan dan yang belum digunakan bagi program MES sepanjang dua tahun pelaksanaannya mengikut program adalah seperti berikut:

PROGRAM	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1.2 juta
Hadiah Anak Masuk Universiti	9.6 juta
Skim Mesra Usia Emas	21.7 juta
Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	200 juta
Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	1.5 juta
Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	0.5 juta
Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	Program ini melibatkan peningkatan pendapatan kepada Kerajaan Negeri Selangor
JUMLAH PERBELANJAAN	**234.5 juta**

c) Sepanjang pelaksanaan program Skim Mesra Usia Emas, daerah yang paling banyak menerima faedah daripada program tersebut adalah daerah Petaling yang menyumbang sebanyak 22% berbanding lain-lain daerah. Ini diikuti oleh daerah Klang (17%), Hulu Langat (16%), Gombak (12%), Kuala Selangor dan Sabak Bernam masing-masing 9% dan seterusnya.

Bagi program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu pula, daerah yang paling banyak menerima faedah adalah daerah Klang iaitu sebanyak 26%, diikuti oleh daerah Gombak (23%), Hulu Langat (15%), Petaling (12%), Kuala Selangor (8%) dan seterusnya.

Manakala penerima faedah bagi program-program MES yang lain secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PENERIMA FAEDAH
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	12,424 orang
2.	Hadiah Anak Masuk Universiti	9,581 orang
3.	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	4,776 orang
4.	Skim Mesra Usia Emas	9,131 orang
5.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	2,261,865 orang

Selain daripada program-program di atas, terdapat juga program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) yang bertujuan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak khususnya bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga, penderaan dan sebagainya. Pusat ini bertindak sebagai *first respondent/point of contract* bagi kes-kes yang dinyatakan di atas. Terdapat 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan di Selangor, iaitu di Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang.

Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral juga merupakan salah satu program MES. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan berlainan dalam aktiviti pengorekan bahan batuan dan mineral di Selangor. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan akan diagihkan dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam program pelaksanaan Agenda MES. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Sehingga Disember 2009, hasil daripada penjualan pasir yang sudah diterima dan dikumpulkan adalah berjumlah RM35 juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM7.2 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: PENGANGKUTAN

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah masalah-masalah pengangkutan yang sering kali dihadapi oleh para penduduk di Negeri Selangor?

b) Dimanakah jalanraya-jalanraya yang paling sesak sepanjang masa di dalam Negeri Selangor pada masa kini?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah kesesakan jalanraya-jalanraya di Negeri Selangor pada masa kini?

JAWAPAN:

a) Masalah-masalah pengangkutan yang sering kali dihadapi oleh penduduk di Negeri Selangor antaranya seperti berikut:

1. **Kesesakan lalu lintas** di jalan-jalan utama disebabkan penumpuan bilangan kenderaan yang sangat tinggi pada satu-satu masa. Kesesakan lebih ketara di pusat bandar terutamanya pada waktu puncak semasa pergi dan balik kerja. Dianggarkan pertambahan bilangan kenderaan di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur adalah 100,000 unit/setahun boleh menjana kesesakan lalu lintas yang lebih serius.

2. **Tempat letak kenderaan tidak mencukupi** terutama di pusat bandar yang menjadi tumpuan utama yang tidak dapat menampung keperluan pengguna. Oleh itu, pengguna akan meletakkan kenderaan mereka secara tidak sah di bahu jalan yang akan menganggu lalu lintas di kawasan tersebut.

3. **Jalan perkhidmatan (service road) tidak disediakan** di kawasan perniagaan akan menyebabkan berlakunya konflik dalam aliran lalu lintas dan laluan pejalan kaki.

4. **Perkhidmatan bas dan teksi tidak menyeluruh** dan kawasan laluan ditahap yang rendah terutamanya di kawasan pendalaman. Kurangnya perkhidmatan bas terus dari suatu tempat ke pusat bandar menyebabkan pengguna terpaksa transit untuk sampai ke kawasan pusat bandar. Bagi perkhidmatan teksi, pengusaha hanya menunggu pengguna di stesen teksi dan pusat tumpuan sahaja dan kurang bergerak untuk mendapatkan pelanggan.

5. **Tiada terminal pengangkutan awam bersepadu** di bandar-bandar utama yang boleh mengintegrasikan semua mod pengangkutan awam supaya tahap kebolehsampaian pengguna lebih cepat dan mudah ke destinasi yang dituju.

6. **Pengurusan lalu lintas yang tidak efisyen** menyebabkan kenderaan terperangkap di dalam bandar terutama di waktu puncak dan tiada pandu arah jalan yang jelas untuk memudahkan pengguna.

7. **Kurang kemudahan sokongan golongan OKU** terutama di pusat bandar. Penyediaan kemudahan OKU seperti di kawasan tempat letak kenderaan, perhentian bas, stesen komuter atau LRT menyulitkan golongan istimewa ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

b) Mengikut data daripada Bahagian Perancangan Jalan, Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2008, jalan paling sesak sepanjang masa mengikut yang tertinggi adalah seperti berikut:-

i- Lebuhraya Persekutuan FT 02, Kuala Lumpur - Klang dengan jumlah kenderaan sebanyak 394,821 kenderaan/ hari. Jalan ini adalah piawaian U5/ Dual-three sepanjang 21 km.
ii- Jalan Negeri B 22, Jalan Batu Caves sebanyak 192,982 kenderaan/ hari. Jalan ini adalah sepanjang 2.3 km.
iii- Jalan Persekutuan FT 3215, Jalan Putra Permai sebanyak 189,045 kenderaan/ hari. Jalan ini adalah sepanjang 9.5 km.
iv- Jalan Negeri B 11, Jalan Kajang - Puchong sebanyak 165,406 kenderaan/hari. Jalan ini adalah sepanjang 23 km.
v- Jalan Persekutuan FT 54, Jalan Kuala Selangor - Kepong sebanyak 131,808 kenderaan/ hari. Jalan ini adalah sepanjang 47.3 km.

c) Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di bandar terutamanya di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Ampang Jaya, Selayang dan Kajang dengan melaksanakan dasar sistem pengangkutan awam yang lebih menyeluruh di Negeri Selangor.

Perluasan Sistem Pengangkutan Awam dengan menghubungkan Negeri Selangor dalam tempoh satu (1) jam perjalanan merupakan salah satu perkara penting yang diberi tumpuan khusus di dalam **Pakej Ransangan Ekonomi 2009 Kerajaan Negeri Selangor**. Antara program penting yang menjadi teras adalah seperti berikut :

i. Memastikan pengukuhan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
ii. Modal Split dari 90:10 ke 50:50.
iii. ‘One Hour Public Transport Model’
iv. Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.
v. Menyambung Laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang dan Laluan Kota Damansara ke Kajang.
vi. Terminal pengangkutan Awam Bersepadu (Bas, Teksi, LRT diintegrasikan dalam terminal pengangkutan awam seperti di Bandar Tasik Selatan, Taman Melati dan Sungai Buloh).
vii. Menambah penyediaan sistem pengangkutan ke seluruh kawasan dalam Negeri Selangor.
viii. Menambah perkhidmatan ‘bas henti-henti’ antara bandar dalam Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan Pelan Pembangunan untuk jaringan pengangkutan. Ini berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 (RSN Selangor 2020) yang diwartakan pada 14 Jun 2007 No Warta 1541. RSN Selangor 2020 memberi penekanan kepada konsep pembangunan berorientasikan transit. Konsep tersebut untuk mewujudkan rangkaian pengangkutan awam yang cekap dan pembangunan perbandaran yang tertumpu di kawasan pusat transit. Ia bertujuan untuk mengoptimumkan potensi pembangunan di pusat-pusat pengangkutan bersepadu di samping mengatasi masalah kesesakan dan konflik lalu lintas.

Dasar-dasar tersebut adalah menjurus kepada mengadaptasikan konsep 'Transit Oriented Development' (TOD) di dalam dasar pembangunan di Negeri Selangor. Konsep TOD juga telah diterapkan secara khusus di dalam Rancangan-Rancangan Tempatan dan Draf-Draf Rancangan Tempatan di Negeri Selangor. Cadangan-cadangan sistem pengangkutan bersepadu ini mengintegrasikan pengangkutan berasaskan komuter, LRT, priorty bus lane, jaringan jalan raya dan terminal pengangkutan awam bersepadu.

Kerajaan Negeri juga telah memberi pandangan kepada Pelan Tempatan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 supaya cadangan sistem pengangkutan awam diselaraskan dengan Kajian Pelan Integrasi Pengangkutan Awam dan Gunatanah Lembah Klang. Cadangan pengangkutan awam berasaskan rel di dalam Pelan Tempatan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 perlu mengambilkira kedudukan Negeri Selangor terutama lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu MBPJ, MPSJ, MPKj, MP Selayang dan MPAJ.

Antara perancangan jangkamasa pendek yang dicadangkan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di kawasan Subang Jaya dan Petaling Jaya adalah Projek Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang (AMG) dan LRT Laluan Kelana Jaya (KLJ) oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB).

Sambungan LRT Laluan Ampang sepanjang 17.7 km akan bermula dari Stesen Sri Petaling sedia ada dan berakhir di Puchong/USJ – Bandar Putra Heights. Bagi sambungan LRT Laluan Kelana Jaya sepanjang 17 km akan bermula dari Stesen Kelana Jaya dan berakhir di Puchong/USJ – Bandar Putra Heights. Daripada 26 stesen, sebanyak 13 stesen akan disediakan kemudahan 'Park & Ride' dengan disediakan tempat letak kereta keseluruhan berjumlah 5,872.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : SELANGOR HAB KEWANGAN ISLAM

31. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 7, 10 Nov 2009); "Kebanyakan pusat kewangan, bank dan institusi dalam landskap sistem kewangan Islam mempunyai ibu pejabat dan juga cawangan mereka di Selangor.":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam yang beribu pejabat di Selangor dan di manakah lokasi-lokasinya?

b) Apakah peranan yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi ini untuk menjadikan Selangor sebagai hab kewangan Islam dan hab industri halal bertaraf dunia?

c) Sejauh mana usaha dan kajian telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menjayakan impian Selangor sebagai hab akuakultur moden, hab pendidikan tinggi dan sekolah swasta serta hab industri solar?

JAWAPAN :

a) Lebih kurang **21** buah bank dan institusi-institusi kewangan Islam yang terdapat di Malaysia dan kebanyakannya beribu pejabat di Kuala Lumpur. Kebanyakannya institusi-institusi kewangan Islam ini mempunyai cawangannya di Selangor. Ini kerana negeri Selangor menjadi lokasi pilihan utama ibu pejabat syarikat-syarikat dalam dan luar negara.

Senarai 18 bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia *(Islamic Bank)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Bank Islam Malaysia Berhad
3. Al Rajhi Bank
4. Alliance Islamic Bank
5. AmIslamic Bank Berhad
6. Asian Finance Bank Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. EONCAP Islamic Bank Berhad
10. Hong Leong Islamic Bank
11. HSBC Amanah Malaysia Berhad
12. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
13. Maybank Islamic Berhad
14. OCBC Al-Amin Head Office
15. Public Islamic Bank Berhad
16. RHB Islamic Bank Berhad
17. Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad
18. Standard Chartered Saadiq Berhad

***3 buah berstatus "International Islamic Bank"**

1. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
2. Deutsche Bank Aktiengesellschaft
3. PT, Bank Syariah Muamalat Indonesia

Sebagai contoh **Bank Islam** mempunyai lebih kurang **16 cawangan di Selangor** (cawangan di setiap daerah di Selangor). Begitu juga dengan bank islam antarabangsa seperti **Al Rajhi Bank** mempunyai 9 cawangan di negeri Selangor (Petaling Jaya, Ampang, Kajang, Kelana Jaya, Klang, Kota Damansara, Puchong, Shah Alam dan Subang Jaya) dan **Kuwait Finance House** mempunyai 3 cawangan di negeri ini (Shah Alam, Klang dan di LCCT hanya khidmat *Bureau de Change).* **HSBC Amanah** pula mempunyai 4 cawangan perbankan Islam. (Shah Alam, Bandar Utama, Ampang dan Bukit Tinggi Klang).

**Sumber: Bank Negara Malaysia.*

b). Peranan yang dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan Islam ini yang berlandaskan syariah Islam amatlah penting dalam memberikan perkhidmatan modal pinjaman, simpanan dan transaksi kewangan untuk dalam dan luar negara kepada para pelabur tempatan dan antarabangsa.
Sekali gus dengan wujudnya lebih banyak institusi kewangan di negeri ini memperkukuhkan kedudukan negeri ini sebagai hab kewangan Islam dan hab industri halal di negeri Selangor.
Kerajaan Negeri Selangor melalui SSIC Berhad sering kali mengadakan pertemuan bersama dengan Institusi-institusi kewangan di Malaysia bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor bagi menarik lebih banyak institusi-institusi ini beroperasi negeri Selangor.

c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : GERAN JALANRAYA BERDASARKAN MAKLUMAT REKOD-REKOD JALANRAYA MALAYSIA (MARRIS)

32. Peruntukan MARRIS merupakan duit peruntukkan daripada kerajaan pusat ke kerajaan negeri bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membaik pulih jalan di jalan-jalan pentadbiran yang telah digazetkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan berapakah jumlah peruntukan daripada MARRIS yang diperolehi oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor setiap tahun

b) Berdasarkan pembahagian peruntukan kerajaan pusat, berapakah jumlah penerimaan yang akan di peruntukan kepada setiap kilometer jalan yang perlu diselenggara

JAWAPAN :

a) Untuk makluman, jumlah peruntukan penyelenggaraan tahunan jalan raya yang disediakan dalam geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti jalan raya di Negeri Selangor daripada tahun 2006 – 2010 adalah seperti yang berikut :

BIL	TAHUN	TERIMAAN PERUNTUKAN MARRIS (RM)	PEMBERIAN PERUNTUKAN (RM)			BAKI YANG DIMASUKKAN KE DALAM AKAUAN AMANAH (RM)
			JKR	JPS	PBT	
1.	2006	174,095,714.00	74,551,350.00	1,000,000.00	27,500,000.00	71,044,364.00
2.	2007	276,723,369.00	73,216,993.00	1,000,000.00	50,538,740.00	151,967,636.00
3.	2008	139,692,557.64	139,692,557.64	1,500.000.00	130,000.000.00	29,773,734.36
4	2009	183,110,799.29	183,110,799.29	900,000.00	76,000,000.00	55,616,331.71
5.	2010	142,790,000.00	142,790,000.00	2,499,250.00	61,887,960.00	117,822,790.00

Bagi tahun 2010 jumlah RM325,000,000 yang dinyatakan adalah merupakan anggaran terimaan dan daripada jumlah tersebut RM142,790,000 akan disalurkan kepada JKR, RM2,499,250 kepada JPS dan RM61,887,960 kepada PBT manakala baki RM117,822,790 akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan.

Peruntukan yang telah disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya adalah bagi menurap dan menampal jalan, Jabatan Parit dan Saliran bagi menurap jalan-jalan ladang dan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi menaik taraf jalan di bawah kawal selia PBT berkenaan.

b) Jumlah anggaran penerimaan yang akan di peruntukan kepada setiap kilometer jalan mengikut jenis jalan yang perlu diselenggara adalah seperti jadual 1.

JENIS JALAN	**JUMLAH RM / 1 KM**
Standard	RM25,640.21
Sub – Standard	RM11,827.78
Perbatuan Lorong Belakang (PLB)	RM10,604.30
Jalan Kawasan Perumahan Murah (JKPM)	RM19,033.81

Jadual 1 : Jumlah anggaran kos penyelenggaraan setiap kilometer jalan seperti mana yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)

TAJUK : BANTUAN KESIHATAN

33. Kerajaan negeri melalui Bajet 2010 mengumumkan program bantuan kesihatan seperti rawatan katarak mata, dialisis buah pinggang dan pembedahan kecil

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status terkini program dan berapa ramaikah rakyat yang telah mendapat manfaat bantuan tersebut mengikut daerah?

b) Apakah prosedur permohonan, kretaria kelayakan dan mekanisme pemilihan pesakit?

c) Apakah jaminan kerajaan negeri bahawa tidak wujud "pilih kasih" rakyat untuk menerima bantuan ini?

JAWAPAN :

a) Program bantuan kesihatan ini masih lagi dijalankan dan sehingga kini sebanyak **50 permohonan** telah diluluskan merangkumi bantuan dialisis, katarak mata dan pembedahan kecil. Untuk makluman ahli Dewan Negeri Selangor, garis panduan bagi permohonan ini telah ditambah baik bagi memastikan peruntukan program ini disalurkan kepada pemohon yang benar-benar layak. Berikut adalah jenis permohonan yang telah diluluskan mengikut daerah:

BIL	DAERAH	JENIS PERMOHONAN		
		DIALISIS	KATARAK MATA	PEMBEDAHAN KECIL
1	Petaling	2	5	3
2	Klang	20	1	6
3	Hulu Langat	1	0	1
4	Gombak	1	1	1
5	Kuala Langat	0	1	0
6	Kuala Selangor	1	2	1
7	Sabak Bernam	0	2	0
8	Hulu Selangor	1	0	0
JUMLAH		**26**	**12**	**12**

b) Prosedur bagi permohonan bantuan kesihatan adalah dengan mengisi borang Program Bantuan Kesihatan Bagi Rakyat Miskin Negeri Selangor yang boleh diperoleh di kaunter Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Tingkat 4 Bangunan SSAAS, Shah Alam, di pejabat ADUN, Ahli Parlimen serta di Pejabat Daerah. Proses permohonan bantuan ini akan melalui tiga proses kerja.

Proses kerja pertama, menyemak kelengkapan borang permohonan, pemohon perlu mematuhi prosedur mengisi borang permohonan dengan mengemukakan dokumen utama dan melampirkan dokumen sokongan. Hanya borang yang lengkap akan diproses untuk semakan dan siasatan. Sekiranya didapati borang yang dikemukakan tidak lengkap, pentadbiran ini akan mengemukakan surat pemakluman bahawa permohonan tidak dapat diproses kerana borang yang dikemukakan tidak lengkap.

Borang permohonan yang lengkap akan melalui tapisan yang ke dua di mana pentadbiran ini akan menjalankan semakan dan siasatan ke atas maklumat yang diberikan. Semakan adalah berdasarkan kepada garis panduan program bantuan kesihatan ini. Maklumat yang dikemukakan akan dirujuk ke agensi-agensi yang terlibat untuk pengesahan.

Pelaporan mengenai hasil semakan dan siasatan ini akan disediakan dan dikemukakan kepada Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan untuk kelulusan. Sekiranya permohonan diluluskan satu surat pemakluman akan dikemukakan kepada pemohon. Lain-lain surat yang berkaitan urusan kelulusan akan dikemukakan kepada agensi-agensi yang terlibat bagi tujuan pembayaran.

Proses kerja yang ketiga adalah proses mendapatkan dokumen-dokumen utama daripada agensi yang terlibat bagi tujuan menyediakan pembayaran secara cek atau EFT melalui Bahagian Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kelewatan agensi yang terlibat mengemukakan dokumen-dokumen yang dikehendaki akan melewatkan proses pembayaran oleh pihak Kerajaan Negeri. Bagi mengelakkan kelewatan rawatan ke atas pesakit, satu surat pengesahan kelulusan permohonan bantuan ke atas nama pemohon akan dikemukakan kepada agensi yang terlibat agar rawatan segera dapat dijalankan.

Berikut adalah kriteria kelayakan:-

i. Pemohon mestilah rakyat Negeri Selangor atau telah bermastautin melebihi 10 tahun.
ii. Pendapatan pemohon adalah RM1,500 ke bawah
iii. Keutamaan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan ramai, ketua keluarga meninggal, ahli keluarga yang sakit serta golongan Orang Kurang Upaya.
iv. Tuntutan bayaran ke atas sesuatu bil rawatan adalah tidak dipertimbangkan.
v. Rawatan katarak mata dan pembedahan kecil dilaksanakan di hospital kerajaan.
vi. Hanya borang permohonan yang lengkap sahaja yang akan diproses.
vii. Permohonan bantuan pembedahan kecil dan katarak mata perlu mengemukakan borang permohonan sebulan lebih awal daripada tarikh permohonan.

Mekanisme pemilihan ialah permohonan yang memenuhi kehendak garis panduan, akan diberi keutamaan untuk diluluskan.

c) Bagi meluluskan sesuatu permohonan, kerajaan negeri tidak mengamalkan sikap ‘pilih kasih’ di mana penerima bantuan ini adalah meliputi semua kaum dan bangsa dalam daerah di Negeri Selangor. Selain itu, permohonan ini juga tidak memerlukan sokongan daripada mana-mana parti politik bagi meluluskan permohonan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : SUMBER KEWANGAN BARU

34. Kerajaan negeri ada bercadang untuk mengkaji penjanaan sumber kewangan negeri yang baru seumpama model institusi Baitulmal.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status semasa dan hasil kajian tersebut dan siapakah tenaga pakar yang terlibat?

b) Berapakah anggaran perolehan negeri jika model ini dilaksanakan?

c) Apakah implikasi terhadap institusi Baitulmal sedia ada jika model baru ini dilaksanakan?

JAWAPAN :

a) Seperti Di **Lampiran "A"**

b) Seperti Di **Lampiran "A"**

c) Jika model ini dilaksanakan, ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Jadual Sembilan Senarai Negeri yang menyatakan segala harta orang Islam adalah bidang kuasa Baitulmal dan Majlis Agama Islam Negeri kerana ia adalah urusan hal ehwal Islam di bawah bidang kuasa Ketua Agama Islam Negeri iaitu Sultan. Oleh itu, model yang hendak dicadangkan perlulah terlebih dahulu mendapat perkenan Sultan. Sehubungan dengan itu, MAIS tidak dapat menjangkakan implikasi terhadap baitulmal MAIS sekiranya kerajaan negeri melaksanakan model ini.

مجلس اگام إسلام سلاغور
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR.
TEL: 03-5514 3400 FAX: 03-5512 4042
Laman Web: www.mais.gov.my E-mel: mail@mais.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : (73) MAIS/SU/BPA/01-1/001/02 Jld 17
Tarikh : 3 Mac 2010 / 17 Rabiulawal 1431

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Siti Nawwar Binti Najib,
Penolong Pengarah (Unit Pentadbiran),
Jabatan Agama Islam Selangor.

Puan,

MAKLUMBALS DAN MAKLUMAT TAMBAHAN PERTANYAAN MULUT/BERTULIS PERSIDANGAN DUN SELANGOR

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, MAIS tidak mendapat menjawab segala persoalan berkaitan MAIS seperti yang dipohon oleh pihak puan dalam surat bernombor rujukan (2)dlm.JAI.SEL.BP/01/014(s)/2/JLD.15.

3. Keputusan ini dibuat setelah mendapat pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor melalui surat bernombor rujukan PU.SEL.AM.0069/09/MFM(01) bertarikh 28 Julai 2009 *(surat dilampirkan).*

Kerjasam pihak puan amatlah diharapkan dan segala kesulitan amatlah dikesali.

Sekian, والسلام.

" مغهارف كريصاعن الله "
" امانه , فريهاتين دان مسرا "

Saya yang menurut perintah,

(ROHANA BINTI HASSAN)
Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor.

s.k Timbalan Setiausaha

Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan
TERIMA
12 APR 2010
Unit Pentadbiran

KAMAR PENASIHAT UNDANG-UNDANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TKT.4, PODIUM UTARA,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40512 SHAH ALAM.

Telefon : 03-5544 7190 (Pentadbiran)
: 03-5544 7191 (Sivil)
: 03-5510 5151 (PUU)
Fax : 03-5510 1775

Ruj. Tuan : (23)MAIS/PM/BUU/01-1/001/4

Ruj. Kami : PU.SEL.AM.0069/09/MFM (01)

Tarikh : 28 Julai 2009

Nurhani Salwa Binti Jamaluddin
Penasihat Undang-Undang
Majlis Agama Islam Selangor,
Tingkat 9 dan 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

FAKS/POS:03-55124042

Puan,

MOHON PANDANGAN UNDANG-UNDANG MENGENAI KERTAS CADANGAN MENDAPATKAN KETETAPAN MAJLIS UNTUK MENEGAH HAL EHWAL DAN PROSIDING MAJLIS DIBINCANGKAN DI DALAM PERSIDANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR (DNS)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat puan dengan no. rujukan (23) MAIS/PM/BUU/01-1/001/5 bertarikh 17 Julai 2009.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa setelah Kamar meneliti perkara tersebut di atas, pandangan pihak Kamar berkaitan persoalan yang dikemukakan oleh pihak puan adalah seperti berikut-

2.1 Hanya **anggaran wang masuk dan anggaran perbelanjaan yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri** sahaja yang perlu dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS) berdasarkan **Perkara LXXXVI (1)** Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Anggaran wang masuk dan belanjawan di dalam penyata itu **TIDAK TERMASUK** hasil kutipan Zakat, Fitrah, Baitul Mal atau segala hasil yang seumpamanya disisi Islam berdasarkan **Perkara LXXXVI** (3) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.

2.2 Berdasarkan **subseksyen 10(1)** dan **subseksyen 82(2)** Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2008 Undang-Undang **HANYA** memperuntukkan kuasa kepada MMKN di dalam dua (2) keadaan iaitu-

pu/pty
Telah maklum. DL
for
9/10/09

MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
DITERIMA
9/10/09

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

i- Memberi kelulusan kepada MAIS sekiranya MAIS ingin membuat sebarang pinjaman.

ii- Berunding dengan DYMM Sultan berkaitan kelulusan anggaran belanjawan MAIS.

2.3 Kesemua perbincangan atau keputusan yang diputuskan oleh MAIS hendaklah dirahsiakan kecuali jika diputuskan sebaliknya oleh MAIS berdasarkan **Seksyen 41** Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2008.

2.4 Dewan Negeri Selangor (DNS) **TIDAK BOLEH** membahaskan atau membincangkan hal ehwal dan prosiding MAIS terutamanya berkaitan kewangan MAIS. Oleh yang demikian, Kamar PUU berpendapat bahawa cadangan tersebut **BOLEH** dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATIN PADUKA ZAUYAH BE BT. T. LOTH KHAN)
Penasihat Undang-undang Negeri
Selangor.

s.k Fail

YAB. Dato' Setia Haji Mohammad Adzib b. Mohd Isa
Pengerusi
Majlis Agama Islam Selangor,
Tingkat 9 dan 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : SALAHGUNA TANAH UNTUK MEMELIHARA BINATANG

35. Laporan media dan aduan orang ramai menunjukkan terdapat salahguna bangunan di Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung dan kawasan hutan di Hulu Selangor untuk memelihara binatang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan yang telah dilaksanakan mengenai isu salahguna bangunan di Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung dan kawasan hutan di Hulu Selangor untuk memelihara binatang?

b) Adakah kejadian ini terlibat penjualan kulit binatang haram?

JAWAPAN :

a) Tindakan notis kompaun diberikan mengikut seksyen 70 (11) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 – atas kesalahan salahguna bangunan.

Program pemutihan sarang burung walid sedang dilaksanakan bermula Julai 2010 hingga Disember 2010.

b) Tiada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR(PADAT)

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan program dan peruntukan bagi PADAT untuk tahun 2009 dan 2010?

b) Senaraikan ahli lembaga pengurusan PADAT dan elaun/emolumen setiap ahli.

c) Apakah rancangan dan struktur yang diwujudkan di setiap daerah pentadbiran untuk mempertingkatkan penghayatan terhadap adat Melayu dan warisan Selangor?

JAWAPAN :

a) Program-program yang dilaksanakan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada tahun 2009 adalah sepertimana di **Lampiran "A"**. Manakala program-program bagi tahun 2010 pula dapat dirujuk pada **Lampiran "B"** yang disertakan bersama ini. Peruntukan tahun 2009 yang di perolehi oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dari Kerajaan Negeri sebanyak RM 5.4 juta. Manakala pada tahun 2010 pula berjumlah RM6.0 juta.

b) Perbelanjaan yang terlibat dalam program-program pada tahun 2009 adalah sebanyak **RM 3,032,437.00** Manakala bagi program-program tahun 2010 pula, anggaran perbelanjaan yang dijangka akan terlibat adalah sebanyak **RM 735,905.00.**

c) Senarai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi Penggal Pertama Mac, 2010 - Februari, 2013 ialah :-

Pengerusi	:	**Y.B. Dato` Dr Hasan Bin Mohamed Ali** YB Pengerusi Jawatakuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor.
Timbalan	:	**Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail** YB Pengerusi Jawatakuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, Kebajikan, Sains Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan Negeri Selangor
Bendahari	:	**Y.B. Dato` Mohd. Arif Bin Ab. Rahman** YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Setiausaha	:	**Puan Azlinda Binti Azman** Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor

Ahli-Ahli :

- **Y. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim**
  (Pakar/Ahli Sejarah/Sukan/Budaya)
  Jabatan Sejarah, Universiti Malaya,
  50603 KUALA LUMPUR

- **Y. Bhg. S.N. Dato' Dr. Anuar bin Haji Rethwan**
  (Sasterawan Negara/Pakar Budaya)
  13, Jalan Pekaka 8/10,
  Kota Damansara,
  47810 PETALING JAYA

- **Y. Bhg. Prof. Dr. Noriah bt. Mohamed**
  (Pakar/Ahli Bahasa)
  Lot 7438, Kg Dato' Abu Bakar Baginda, Air Hitam,
  43000 KAJANG

- **Y. Bhg. Dr. Siti Zainon bte. Ismail**
  (Pakar/Ahli Senibudaya)
  Rimba Nilam,
  D-O-1 Templer Park Resort,
  48000 RAWANG

- **Y. Bhg. Tuan Haji Md. Redzuan b. Tumin**
  (Pakar/Ahli Museologi & Museografi)
  No 1, Jalan 10/1,
  Taman Putera Selangor,
  68000 AMPANG

- **Y.D.M. Profesor Madya Dato' Dr. Tengku Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj**
  (Wakil Pihak Istana)
  Pejabat Orang Besar Daerah Sepang,
  Tingkat 2, Bangunan Tun Aziz, Bandar Baru Salak Tinggi,
  43900 SEPANG

- **Y. Bhg. Dr. Chia Oai Peng**
  (Pakar/Ahli Budaya Cina)
  No. 34, Jalan 17/41,
  46400 PETALING JAYA

- **Y. Bhg. Dr. R. Sivaperegasam P. Rajanthiran**
  (Pakar Sejarah/Sains Politik)
  B4- 1 Excelsa Apartment
  Jalan Indah 1/9
  Taman Universiti Indah
  43000 SERI KEMBANGAN

- **Y. Bhg. Dato' Aidit bin Ghazali**
  (Pakar Sumber Manusia/Pengurusan)
  Suite 5.17, Tingkat 5, Blok Utara,
  The Ampang Walk, 218 Jalan Ampang,
  50450 KUALA LUMPUR.

Pecahan emolumen ialah seperti berikut sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PADAT Bil.1/2010 yang bersidang pada 23 Mac 2010 :-

Pengerusi	:	RM800.00 (RINGGIT MALAYSIA: LAPAN RATUS SAHAJA)
Timbalan Pengerusi	:	RM500.00 (RINGGIT MALAYSIA : LIMA RATUS SAHAJA)
Ahli-Ahli	:	RM400.00 (RINGGIT MALAYSIA : EMPAT RATUS SAHAJA)

Emolumen hanya dibayar untuk setiap sesi kehadiran Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PADAT sahaja.

LAMPIRAN 'A'

PROGRAM/ AKTIVITI PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2009

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPOH/TARIKH	TEMPAT	KOS (RM)
1.	Bengkel Sumbang Saran Halatuju Lembaga Muzium Selangor	13 -15 Februari 2009	De Palma Ampang, Selangor	RM19,500.00
2.	Program Diploma Eksekutif Muziologi Modul 3 - Kuratorial Dan Profesionalisme Di Muzium	25 - 29 Mei 2009	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	Percuma selaku tuanrumah.
3.	Majlis Makan Malam Penghargaan Terima Kasih Sempena Bengkel Sumbang Saran Halatuju Lembaga Muzium Selangor	18 Jun 2009	Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam	RM3,900.00
4.	Taklimat Pengungsian Dan Keselamatan Bangunan	29 Jun 2009	Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah	RM700.00
5.	Majlis Jalinan Aidilfitri 2009	16 Oktober 2009	Perkarangan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	RM9,100.00
6.	Program Wacana Ilmu	Februari – Disember, 2009	Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah	RM1,952.00
7.	Program Diploma Eksekutif Muziologi Modul4- Pengurusan Koleksi	26-30 Oktober 2009	Jabatan Muzium Sarawak	RM7,500.00

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	KOS (RM)
8.	Bengkel Sumbang Saran Pelancaran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bil 1/2009	29-30 Oktober 2009	Palm Garden IOI Resort, Putrajaya	RM10,781.00
9.	Program Eksplorasi Bukit Malawati 2009	21 November 2009	Bukit Malawati, Kuala Selangor	RM9,493.00
10.	Bengkel Sumbang Saran Pelancaran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bil 2/2009	07-08 Disember 2009	Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam	RM7,650.00
11.	Bengkel Seni Khat	09-10 Disember 2009	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	RM5,583.00
12.	Pertandingan Kompang Berformasi Terbuka Anjuran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor, Pejabat Khidmat Masyarakat Dun Gombak Setia Dan Kesenian Ezhar	20 Disember 2009	Gombak, Selangor	RM6,930.00
13.	Program Jambori Nisa' Selangor Anjuran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Dan Nisa' Selangor	25-27 Disember 2009	Gombak, Selangor	RM1,510.00

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPOH/TARIKH	TEMPAT	KOS (RM)
14.	Aktiviti Merekabentuk Ruang Dalaman dan Kerja-Kerja Menaiktaraf Muzium Insitu, Jugra, Kuala Langat	Februari - Oktober 2009	Muzium Insitu, Jugra, Kuala Langat	RM 457,838.00
15.	Aktiviti Menaiktaraf Aktiviti Pameran, Peragaan, Infokiosk dan Lanskap Di Muzium-Muzium Daerah	Februari - Oktober 2009	Muzium Pertanian dan Perikanan, Sabak Bernam, Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor, Bukit Malawati, Kuala Selangor, Muzium Permainan Tradisional Rakyat, Bukit Malawati, Kuala Selangor dan Muzium Insitu, Jugra, Kuala Langat	RM170,000.00
16.	Aktiviti Menaiktaraf Kemudahan dan Kelengkapan Muzium	Februari - Oktober 2009	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	RM240,000.00
17.	Aktiviti Membaiki Kebocoran dan Keretakan Bangunan	Oktober 2009 – Ogos, 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	RM2,080,000.00
			JUMLAH KESELURUHAN	**RM 3,032,437.00**

LAMPIRAN 'B'

PROGRAM/ AKTIVITI PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2010

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	KOS (RM)
1.	Bicara Tokoh : Tradisi Ilmu Menilai Waktu Oleh Prof. Madya Mohd Hanafiah Harun, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Dan Matematik, UITM Shah Alam.	10 Februari 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	RM 11,517.00
2.	Bicara Tokoh : Budayanita Kelahiran Negeri Selangor, Dr Siti Zainon Ismail	24 Februari 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	
3.	Bengkel Seni Kelingkan Satu Tradisi	2 Mac 2010 – 31 Mei 2010	Bilik Ratu Ruatu, Muzium Sultan Alam Shah	
4.	Forum Sehari Metodologi Penyelidikan	8 Mac 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	RM 4,303.00
5.	Bengkel Penulisan Tradisi Lisan	31 Mac 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	RM 3,935.00
6.	Program 'Karnival Adat Rakyat Selangor' dan Majlis Pelancaran PADAT	23 – 25 April 2010 dan 05 Mei 2010	Bazaria, Perkarangan Stadium Melawati, Shah Alam dan Stadium Malawati Shah Alam.	RM 546,920.00

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	KOS (RM)
7.	Hari Muzium Antarabangsa	17-21 Mei 2010	Sabah, Negeri Bawah Bayu	RM 19,230.00
8.	Bual Bicara Adat-Adat Melayu	17 Jun 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	
9.	Bengkel Membaca Dan Menulis Jawi Bagi Bukan Melayu Peringkat Pelajar Sekolah	20-21 Julai 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	
10.	Pertandingan Membaca Dan Menulis Jawi Bagi Bukan Melayu Peringkat Pelajar Sekolah	29 Julai 2010	Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah	
11.	Seminar Warisan Kesenian Selangor	Julai	Belum Ditentukan	
12.	Kursus ‘Team Building’	Belum Ditentukan	Belum Ditentukan	
13.	Bengkel Tulisan Khat	Belum Ditentukan	Belum Ditentukan	

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI		KOS (RM)
14.	Program Penyelidikan / Kajian		
	a.	Penyelidikan Mengenai Kelingkan Dan Telepuk Dalam Naskhah Melayu Klasik	RM 150,000.00
	b.	Penyelidikan Cerita Lisan Rakyat Negeri Selangor	
	c.	Pengumpul Dan Mengenalpasti Manuskrip Lama Selangor Yang Berkaitan Sejarah Negeri Selangor	
	d.	Penyelidikan Insitusi Sekolah-Sekolah Pondok Negeri Selangor	
	e.	Penyelidikan Tradisi Ilmu Kelingkan Di Semenanjung Malaysia, Sarawak, Daik Lingga Dan Acheh	
	f.	Perbandingan Masjid-Masjid Tua Di Selangor (Khusus Tentang Reka Bentuk, Ragam Hias, Dan Seni Taman Masjid Lama Dan Terpilih)	
	g.	Kajian Inventori Rumah Tradisonal Selangor (Fasa Iii) Khusus Di Daerah Kuala Selangor Dan Sabak Bernam.	
	h.	Kajian Adat Dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Etnik Jawa Di Selangor	
	i.	Kajian Selangor Sebagai Tempat Tumpuan Pelbagai Etnik Di Selangor	
	j.	Kerja-Kerja Penyelidikan Arkeologi Pejabat Daerah Lama Jugra, Kuala Langat	
		JUMLAH KESELURUHAN	**RM 735,905.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PERSATUAN BOLA SEPAK (FAS)

37. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan untung rugi dan jumlah aset serta liabiliti Persatuan Bola Sepak (FAS) bagi setiap tahun sepanjang lima tahun yang lepas. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan audit kewangan ke atas FAS?

JAWAPAN :

a) Jawapan adalah seperti di lampiran.

PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR
(0032/98)

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 DAN 2009

azman , wong, salleh & co.
(AF : 0012)
akauntan bertauliah

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	2009 RM	2008 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	1,861,608	1,805,040
ASET SEMASA		
Pelbagai penghutang dan pendahuluan	249,673	141,505
Pelbagai deposit	171,037	21,036
Tunai di tangan dan di bank	485,358	285,709
	906,068	448,250
TOLAK: LIABILITI SEMASA		
Pelbagai pemiutang	1,691,242	1,924,297
Pemiutang lain dan perbelanjaan terakru	77,101	165,302
Deposit sewa	22,875	22,875
Pemiutang sewabeli	33,106	18,876
	1,824,324	2,131,350
LIABILITI SEMASA BERSIH	(918,256)	(1,683,100)
	943,352	121,940
DIWAKILI OLEH:		
DEFISIT TERKUMPUL		
Baki pada 1 Januari	(5,360,202)	(6,639,277)
Lebihan bersih tahun semasa	1,001,055	1,279,075
Baki pada 31 Disember	(4,359,147)	(5,360,202)
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Pendahuluan atas pajakan	5,194,998	5,466,958
Pemiutang sewabeli	107,501	15,184
	5,302,499	5,482,142
	943,352	121,940

Certified True Copy

N. SIVADASAN
(Partner)
AZMAN, WONG, SALLEH & CO. (AF: 0012)
Chartered Accountants

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN		
Hasil pertandingan	1,551,809	1,307,274
Tajaan dan pengiklanan	4,619,069	5,879,950
Subsidi dari Persatuan Bolasepak Malaysia	300,000	626,205
Subsidi dari Majlis Sukan Negeri Selangor	-	241,516
Yuran pendaftaran	102,660	107,950
Sewa diterima	48,000	108,000
Pendapatan pajakan - bangunan	5,293	5,293
Pendapatan pajakan - tanah	266,667	266,667
Piala Selangor (Selangor lwn Persib Bandung)	295,595	-
Pelbagai pendapatan	539	2,579
Hadiah wang tunai	500,000	100,000
Piala Yamaha	-	33,000
Lagenda FAS Sdn. Bhd. (Pendapatan dari Petronas)	283,736	436,906
Kursus jurulatih (Lesen remaja "C" FAM)	2,960	2,500
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	12,043	224
Pertandingan Futsal Kebangsaan FAM/FELDA	87,000	36,000
Piala Sultan Selangor (Hadiah wang tunai)	10,000	50,000
	8,085,371	9,204,064
TOLAK: PERBELANJAAN		
Perbelanjaan pentadbiran	597,067	671,143
Perbelanjaan perlawanan	5,625,784	6,337,755
Perbelanjaan pembangunan belia dan teknik	5,449	378,378
Perbelanjaan pertandingan	259,179	284,808
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	85,577	155,695
Hutang lapuk dihapuskira	13,370	-
Hartanah, logi dan peralatan dihapuskira	10,575	-
Pertandingan Futsal Kebangsaan FAM/FELDA	219,585	89,210
Piala Selangor (Selangor lwn Persib Bandung)	259,730	-
Yuran audit	7,000	7,000
Yuran penterjemahan	1,000	1,000
	7,084,316	7,924,989
LEBIHAN BERSIH TAHUN SEMASA	1,001,055	1,279,075

Certified True Copy

N. SIVADASAN
(Partner)
AZMAN, WONG, SALLEH & CO. (AF: 0012)
Chartered Accountants

PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR
(0032/98)

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006 DAN 2007

azman , wong, salleh & co.
(AF : 0012)
akauntan bertauliah

PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR (0032/98)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB DISEMBER, 2007

	2007 RM	2006 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	1,913,825	2,031,081
ASET SEMASA		
Pelbagai penghutang dan pendahuluan	65,050	99,125
Pelbagai deposit	30,836	127,836
Tunai di tangan dan di bank	476,150	122,803
	572,036	349,764
TOLAK: LIABILITI SEMASA		
Pelbagai pemiutang	2,936,694	3,767,530
Pemiutang lain dan perbelanjaan terakru	373,193	81,984
Deposit sewa	22,875	19,875
Pemiutang sewabeli	18,876	18,876
	3,351,638	3,888,265
LIABILITI SEMASA BERSIH	(2,779,602)	(3,538,501)
	(865,777)	(1,507,420)
DIWAKILI OLEH:		
DEFISIT TERKUMPUL		
Baki pada 1hb Januari	(7,571,233)	(7,077,126)
Lebihan/(defisit) bersih tahun semasa	931,956	(494,107)
Baki pada 31hb Disember	(6,639,277)	(7,571,233)
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Pendahuluan atas pajakan	5,738,918	6,010,878
Pemiutang sewabeli	34,582	52,935
	5,773,500	6,063,813
	(865,777)	(1,507,420)

Certified True Copy

N. SIVABASAN
(Partner)
AZMAN, WONG, SALLEH & CO. (AF: 0012)
Chartered Accountants

PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR (0032/98)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER, 2007

	2007 RM	2006 RM
PENDAPATAN		
Hasil pertandingan	582,620	610,055
Tajaan dan pengiklanan	4,945,220	6,756,100
Subsidi dari Persatuan Bolasepak Malaysia	337,875	671,688
Telekom Malaysia Bhd. (insentif)	-	110,000
Asian Football Confederation (Subsidi untuk Piala AFC)	-	271,005
Yuran pertandingan	-	120,750
Yuran pendaftaran	5,500	5,850
Sewa diterima	75,000	109,000
Piala Menteri Besar	15,000	-
Pendapatan pajakan - bangunan	5,293	5,293
Pendapatan pajakan - tanah	266,667	266,667
Pelbagai pendapatan	3,797	18,781
Hadiah wang tunai	-	50,000
Lagenda FAS Sdn. Bhd. (Pendapatan dari Petronas)	366,311	279,457
Kursus jurulatih (Lesen remaja "C" FAM)	4,700	18,570
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	4,575
Futsal	31,000	-
Piala Sultan Selangor	10,000	-
	6,648,983	9,297,791
TOLAK: PERBELANJAAN		
Perbelanjaan pentadbiran	533,935	497,392
Perbelanjaan perlawanan	4,444,070	8,239,631
Perbelanjaan pembangunan belia dan teknik	485,974	505,385
Perbelanjaan pertandingan	78,069	320,714
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	124,534	220,776
Yuran audit	7,000	7,000
Yuran penterjemahan	1,000	1,000
Elaun hutang ragu	42,445	-
	5,717,027	9,791,898
LEBIHAN/(DEFISIT) BERSIH TAHUN SEMASA	931,956	(494,107)

Certified True Copy

N. SIVADASAN
(Partner)
AZMAN, WONG, SALLEH & CO. (AF: 0012)
Chartered Accountants

PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR
(0032/98)

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004 DAN 2005

azman , wong, salleh & co.
(AF : 0012)
akauntan bertauliah

Persatuan Bolasepak Selangor (0032/98)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB DISEMBER, 2005

		2005 RM	2004 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN		2,167,725	2,336,543
HARTA SEMASA			
Pelbagai penghutang dan pendahuluan		243,629	156,051
Pelbagai deposit		163,236	40,061
Tunai di tangan dan di bank		358,774	183,972
		765,639	380,084
TOLAK: TANGGUNGAN SEMASA			
Pelbagai pemiutang		3,526,072	4,875,597
Pemiutang lain dan perbelanjaan terakru		154,057	128,811
Deposit sewa		19,875	19,875
Pemiutang sewabeli		6,237	22,010
		3,706,241	5,046,293
TANGGUNGAN BERSIH SEMASA		(2,940,602)	(4,666,209)
		(772,877)	(2,329,666)
DIWAKILI OLEH:			
DEFISIT TERKUMPUL			
Baki pada 1hb Januari		(8,912,674)	(9,116,280)
Lebihan bersih tahun semasa		1,835,548	203,606
Baki pada 31hb Disember		(7,077,126)	(8,912,674)
TANGGUNGAN JANGKAPANJANG DAN TERTUNDA			
Pendahuluan atas pajakan		6,282,838	6,554,798
Pemiutang sewabeli		21,411	28,210
		6,304,249	6,583,008
		(772,877)	(2,329,666)

Certified True Copy

N. SIVADASAN
(Partner)
AZMAN, WONG, SALLEH & CO. (AF: 0012)
Chartered Accountants

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER, 2005

	2005 RM	2004 RM
PENDAPATAN		
Hasil pertandingan	3,820,949	333,345
Tajaan dan pengiklanan	7,625,300	5,150,800
Subsidi dari Persatuan Bolasepak Malaysia	719,983	952,578
Yuran pendaftaran dan pertandingan	111,930	86,165
Sewa diterima	96,000	159,500
Sukan Selangor - Sukses	10,800	-
Program Gerak Daya Wawasan	6,700	-
Piala Menteri Besar	51,620	-
Pendapatan pajakan - bangunan	5,293	5,293
Pendapatan pajakan - tanah	266,667	266,667
Pelbagai pendapatan	480	5,052
Hadiah wang tunai	250,000	50,000
Lesen remaja "C"	10,380	15,760
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	(8,012)
Tuntutan insuran (perubatan)	-	26,147
	12,976,102	7,043,295
TOLAK: PERBELANJAAN		
Perbelanjaan pentadbiran	666,220	562,445
Perbelanjaan perlawanan	9,495,171	5,470,815
Perbelanjaan pembangunan belia dan teknik	376,145	263,972
Perbelanjaan pertandingan	376,962	344,370
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	218,056	190,087
Yuran audit	7,000	7,000
Yuran penterjemahan	1,000	1,000
	11,140,554	6,839,689
LEBIHAN BERSIH TAHUN SEMASA	1,835,548	203,606

Certified True Copy

N. SIVADASAN
(Partner)
AZMAN, WONG, SALLEH & CO. (AF: 0012)
Chartered Accountants

azman, wong, salleh & co (No. AF 0012)
akauntan bertauliah
chartered accountants

29 Jun 2010

Jawatankuasa Kewangan
Persatuan Bolasepak Selangor
Yayasan FAS Business Avenue
Tingkat 1, Section 7
Jalan Perbandaran
47301 Kelana Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tuan-tuan,

PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR ("PERSATUAN")
PERTANYAAN MULUT/BERTULIS DARIPADA AHLI YANG BERHORMAT

Merujuk kepada surat daripada Persatuan bertarikh 29 Jun 2010, pihak kami melampirkan lembaran kunci kira kira dan penyata untung rugi bagi tahun-tahun 2005 sehingga 2009 yang telah disahkan sebagai salinan asal. Kami juga melampirkan surat Persatuan bertarikh 29 Jun 2010 sebagai rujukan

Sila hubungi pihak kami jika terdapat sebarang keraguan

Yang menjalankan tugas,
AZMAN, WONG, SALLEH & CO.

12th Floor, Wisma Tun Sambanthan, No. 2, Jalan Sultan Sulaiman, P.O. Box 12019, 50764 Kuala Lumpur, Malaysia.
tel: 603-2273 2688 fax: 603-2274 2688 e-mail: awssla@tm.net.my / folksdfk@tm.net.my

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENILAIAN TERHADAP AHLI PBT

38. Penilaian terhadap ahli-ahli PBT telah dibuat pada pertengahan 2010 baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Sejauh manakah prestasi ahli-ahli PBT pada keseluruhan?

b) Adakah dari kalangan mereka diberhentikan?

c) Apakah tindakan yang diambil terhadap yang kurang memuaskan, tapi dikekalkan?

JAWAPAN :

a) Pada keseluruhannya, Ahli-Ahli Majlis PBT yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi penggal 2009/2010 telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, berkesan serta amat memuaskan. Walau bagaimanapun, hanya segelintir sahaja Ahli Majlis yang kurang aktif dalam penyampaian perkhidmatannya dan mereka ini telah pun diberikan pendedahan melalui kursus di Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan (ILPBT) untuk meningkatkan pengetahuan serta kecekapan agar dapat menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis.

b) Berdasarkan rekod bagi Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan lantikan penggal 2009/2010, tiada rekod menunjukkan Ahli Majlis PBT diberhentikan. Walau bagaimanapun, bilangan Ahli Majlis yang menarik diri hanya **seorang** manakala yang meletak jawatan seramai **5 orang**.

c) Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar setiap Parti Politik hendaklah bertanggungjawab untuk memberi nasihat ke atas mana-mana Ahli Majlis yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan namun dikekalkan jawatannya sebagai Ahli Majlis PBT. Tujuan keputusan ini dibuat adalah bagi memberi peluang kepada Ahli-Ahli Majlis berkenaan membuat penambahbaikan ke atas prestasinya dari segi perkhidmatan dan juga penyampaian terhadap Kerajaan Negeri, PBT dan penduduk setempat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PERUMAHAN KOS RENDAH

39. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status siasatan terbaru terhadap pemilikan rumah kos rendah oleh pegawai-pegawai PBT yang tidak berkelayakan?

b) Apakah usaha daripada kerajaan negeri untuk memastikan bahawa rumah kos rendah dimiliki oleh mereka yang betul-betul berkelayakan sahaja?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri memandang serius kes yang melibatkan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tidak berkelayakan memiliki rumah kos rendah di Negeri Selangor. Dasar Kerajaan Negeri adalah jelas bahawa selain setinggan, pemilikan rumah kos rendah adalah disasarkan kepada golongan yang berpendapatan RM2,500.00 dan ke bawah. Bakal pembeli rumah kos rendah hendaklah berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Rumah Kos Rendah (SPPR) yang berpusat di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi menentukan kelayakan mereka.

Buat masa ini LPHS masih menjalankan semakan dan meneliti senarai nama kakitangan setiap PBT yang mempunyai pendapatan melebihi RM2,500.00 ke atas. Semua PBT telah diminta untuk mengemukakan senarai nama kakitangan mereka kepada LPHS untuk disemak sama ada memiliki atau tidak rumah kos rendah. Kerajaan Negeri akan mencari kaedah penyelesaian kepada permasalahan ini setelah data-data selesai dikaji dan disemak oleh LPHS. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. Ke 19/2010 juga telah memutuskan supaya pegawai-pegawai yang telah pun memiliki rumah kos rendah tetapi tidak layak dari segi jumlah pendapatan, mereka akan diminta untuk menyerahkan semula unit rumah yang dimiliki kepada Kerajaan Negeri untuk dijual semula mengikut harga pasaran.

Untuk kes yang melibatkan pemilikan rumah kos rendah oleh pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ianya sedang disiasat oleh satu Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh MBPJ. Jawatankuasa ini terdiri daripada 4 orang Ahli Jawatankuasa Audit Dan Tadbir Urus (JATU) dan seorang Ahli Majlis. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyiasat dan membuat laporan kes tersebut dengan membuat soal siasat terhadap kakitangan MBPJ dan pemaju di samping meneliti minit-minit mesyuarat dan fail-fail yang berkaitan. Laporan penuh siasatan akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri setelah Jawatankuasa selesai menjalankan soal siasat dan menyiapkan laporan berkenaan kes salah guna kuasa di kalangan pegawai PBT untuk memiliki rumah kos rendah.

Adalah ditegaskan bahawa pemantauan yang dilakukan ini tidak bermakna Kerajaan Negeri ingin menyekat kakitangan kerajaan di Negeri Selangor daripada memiliki RKR asalkan mereka benar-benar layak serta menepati syarat dan prosedur sedia ada yang telah ditetapkan.

b) Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan hanya golongan yang berkelayakan sahaja memiliki rumah kos rendah (RKR) di Negeri Selangor. Mulai Mac 2008, Kerajaan Negeri telah menetapkan hanya mereka yang mendaftar dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sahaja layak membeli rumah kos rendah. Dasar baru ini telah menetapkan 100% nama pembeli RKR mestilah menggunakan senarai nama daripada Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) yang berpusat di LPHS. Dasar ini bagi menggantikan dasar pembahagian kuota pembeli RKR sebanyak 50% dari Sistem Pendaftaran Terbuka Berpusat RKR dan 50% lagi dari perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu. Penetapan ini membolehkan LPHS mengawal sepenuhnya nama pembeli di samping pengagihan RKR dapat dilaksanakan dengan adil dan telus.

Bagi memastikan nama-nama pemohon yang ditawarkan RKR tidak dipertikaikan, nama-nama pemohon yang telah diluluskan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri akan dipaparkan dalam laman web LPHS. Sekiranya ada bantahan terhadap mana-mana nama yang dipamerkan ianya akan disiasat dan jika didapati benar maka tawaran RKR kepada pemohon tersebut akan dibatalkan.

Pemaju-pemaju yang membangunkan RKR di Negeri Selangor juga mestilah mematuhi dasar pemilikan rumah kos rendah ini dengan memastikan senarai nama pembeli hanya diperolehi daripada LPHS. Pemaju-pemaju yang ingkar atau enggan mendaftar dengan LPHS berhubung penjualan RKR akan dikenakan denda pada kadar sebanyak RM500.00 bagi setiap nama yang tidak berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR). Dasar ini ditetapkan bagi mengelak berlakunya penyelewengan pembelian dan penjualan RKR di lokasi-lokasi tumpuan terutamanya di Daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

40. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah organisasi yang komited dengan agenda membangunkan sektor perbandaran dan sosioekonomi rakyat dengan tujuan menyusun masyarakat Selangor agar lebih seimbang dan harmonis.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk membina dan memindah ibu pejabat PKNS dari Petaling Jaya ke Shah Alam dan bila ia akan dilaksanakan?

b) Berapakah anggaran untuk perbelanjaan pembinaan Pejabat PKNS yang baru di Shah Alam?

c) Apakah pengurusan PKNS akan mengubah sistem kuota penjualan rumah di bawah kelolaan PKNS dengan peruntukan 70% untuk Bumiputera dan 30% bukan Bumiputera?

d) Senaraikan syarikat-syarikat yang berjaya/terpilih untuk memajukan tanah-tanah milik PKNS di bawah program penswastaan pembangunan tanah miliknya dari tahun 2008 sehingga kini?

JAWAPAN :

a) PKNS sedang dalam perancangan untuk membina Ibu Pejabat yang baru di Shah Alam. Kerja-kerja awal pembangunan telahpun dilaksanakan sejak bulan Mei 2010. Pembinaan dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2011 dan dijangka siap pada tahun 2012.

b) Kos pembinaan Ibu Pejabat PKNS Baru dijangka sebanyak RM90 juta.

c) PKNS tetap mengekalkan sistem kuota penjualan hartanah dengan peruntukan 70% untuk Bumiputera dan 30% untuk bukan Bumiputera bagi semua projek hartanah PKNS dan projek-projek penswastaan PKNS.

d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : KEBAJIKAN.

41. Kebajikan merupakan perkara yang menjadi keutamaan bagi Negara mahupun negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jenis bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan jumlahnya setiap satu mengikut DUN bagi tahun 2008, 2009 dan Jun 2010?

b) Berapakah bantuan yang diterima mengikut jenis bantuan bagi DUN Dusun Tua untuk tahun 2008, 2009 dan Jun 2010?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan untuk agihan kepada yang layak melalui JKM bagi bantuan seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah. JKMN Selangor tidak mempunyai data penerima bantuan mengikut DUN. Jabatan hanya mempunyai data penerima bantuan mengikut daerah.

DATA PENERIMA BANTUAN NEGERI 2009

DAERAH	Bantuan Am		Bantuan Latihan Aperantis		Bantuan Bencana	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes*	RM
P.JAYA	457	326,161	2	1,500	0	0
S.JAYA	206	140,830	0	0	0	0
S.ALAM	127	102,585	1	1,100	0	0
KLANG	727	542,430	5	10,500	81	38,640
GOMBAK	1184	749,845	0	7,650	26	14,200
SEPANG	505	573,125	0	1,750	0	0
K.LANGAT	704	870,965	0	7,500	6	25,700
H.LANGAT	734	690,975	0	9,750	747	902,500
K.SEL	541	559,585	4	11,000	12	22,200
H.SEL	777	901,185	6	6,750	3	3,600
S.BERNAM	412	333,409	0	4,750	169	91,637
JUMLAH	**6374**	**5,791,095**	**18**	**62,250**	**1044**	**1,098,477**

*Untuk Bantuan Bencana bilangan kes adalah mengikut bilangan keluarga.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PENYELESAIAN MASALAH BANJIR DI SELAYANG BARU

61. Selayang Baru adalah perkampungan lama yang kini mengalami pertumbuhan pesat dan menghadapi masalah densiti penduduk yang padat. Pembangunan yang tidak terancang ini telah memberi kesan buruk kepada sistem perparitan. Longkang besar (monsoon drain) sedia ada sudah tidak lagi dapat menampung saliran air lebih-lebih lagi ketika hujan lebat sehingga berlaku banjir kilat di kawasan-kawasan sekitar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perancangan pembangunan yang akan dilakukan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi menyelesaikan masalah banjir kilat ini untuk jangka masa panjang demi memelihara kesejahteraan rakyat di kawasan tersebut.

b) Adakah penyelesaian bagi masalah banjir yang telah lama dihadapi ini dimasukkan oleh MPS atau Kerajaan Negeri Selangor sebagai salah satu projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)

JAWAPAN :

a) Majlis Perbandaran Selayang bersama Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengenal pasti kawasan yang sering berlaku banjir iaitu di sepanjang Jalan 62 Selayang Baru bersempadan dengan Kampong Mahkota. Bagi tindakan segera pihak JPS telah melantik kontraktor untuk menggantikan *box culvet* merentasi ke kampung Mahkota (dalam pelaksanaan) Bagi jangka masa panjang *Monsoon Drain* di sepanjang Jalan 62 perlu dinaiktaraf dan memerlukan peruntukan yang besar. Satu lagi kawasan yang sering berlaku banjir adalah di Jalan 6 Selayang Indah. Bagi kawasan tersebut tawaran menaiktaraf monsoon drain di kawasan ini telah ditutup pada 5 Julai 2010.

b) Pihak Majlis telah berbincang dengan pihak JPS bagi mengenal pasti dan seterusnya menyenaraikan projek-projek dalam RMK 10 di bawah peruntukan JPS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERANAN PENASIHAT EKONOMI NEGERI SELANGOR

62. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Apakah peranan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor yang disandangkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim ?

b) Sejauh manakah sumbangan beliau untuk meningkatkan prestasi ekonomi Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PREMIS PERJUDIAN

63. Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan dengan tidak membuka premis premis judi bola sepak dunia.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sebab-sebab dasar ini dilaksanakan ?

b) Apakah premis-premis perjudian yang telah diluluskan dan terdapat dalam kawasan PBT Negeri Selangor juga akan ditutup. Jika tidak mengapa premis-premis perjudian yang disediakan perlu dikekalkan ?

JAWAPAN :

a) Aktiviti perjudian bakal membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa PBT Selangor tidak akan meluluskan lesen premis perjudian kepada mana-mana pemohon walaupun lesen dari Kerajaan Persekutuan telah diperoleh. Dasar ini dilaksanakan demi memastikan bahawa aktiviti perjudian sukan tidak di beroperasi di Negeri Selangor dan kesan negatif daripada aktiviti ini dapat dibendung. Perjudian sukan ini adalah tidak sihat memandangkan aktiviti sukan merupakan salah satu gaya hidup sihat yang perlu diterapkan kepada generasi muda khususnya dan rakyat Selangor secara keseluruhan. Apabila aktiviti sukan dikaitkan dengan perjudian, ia menimbulkan percanggahan dan kekeliruan objektif sebenar aktiviti sukan diberikan fokus di semua peringkat.

b) Lesen bagi premis-premis perjudian sedia ada telah dikeluarkan semasa pentadbiran dahulu dan premis –premis ini juga mempunyai lesen daripada Kerajaan Persekutuan. Aktiviti perjudian yang dijalankan juga tidak secara langsung dikaitkan dengan perjudian sukan yang menjadi permainan masyarakat awam. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menutup premis-premis perjudian ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN(TKPM)

64. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah prestasi TKPM?

b) Apakah rancangan Jabatan Pertanian dalam mentransformasikan tanaman konvensional kepada tanaman bernilai komersial tinggi di TKMP?

c) Adakah Jabatan Pertanian bersedia mewujudkan Task Force untuk mengkaji dan merancang semula TKPM?

JAWAPAN :

a) Sepanjang perlaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) sebanyak 12 buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah berjaya diwujudkan yang melibatkan kawasan seluas 1,300.45 hektar dan 350 orang usahawan dan syarikat swasta Jumlah pengeluaran bagi tempoh (2006 – April 2010) adalah sebanyak 107,300 metrik tan sayur-sayuran dan buah-buahan dan jumlah nilai pengeluaran sebanyak RM100.82 juta. Jumlah perbelanjaan kerajaan bagi membina dan menyelenggara kemudahan infrastruktur ladang seperti jalan ladang , perparitan, pusat pengumpulan hasil, bekalan elektrik dan bekalan air bersih pula adalah sebanyak RM 21.35 juta (Perbelanjaan Negeri RM11.70 juta dan Persekutuan RM9.65 juta).

b) Jenis-jenis projek pertanian yang diusahakan oleh usahawan/syarikat swasta di TKPM Selangor pada masa ini adalah terdiri daripada :

i. Sayur-sayuran jenis daun (sawi, kangkung, bayam)
ii. Sayur-sayuran jenis buah (Cili , bendi, kacang panjang, timun dan terung)
iii. Buah-buahan (Nanas, jagung, belimbing, jambu batu, pisang , tembikai)
iv. Bunga-bungaan (Orkid, tanaman hiasan)
v. Ternakan (lembu, kambing, ayam pedaging)
vi. Akuakultur (ikan tilapia, ikan hiasan)

Pada masa ini prestasi hasil pengeluaran telah mencapai 80 % daripada hasil potensi per hektar tanaman, kerana tanah-tanah yang terdapat di TKPM terdiri dari tanah yang bermasalah seperti tanah gambut, tanah bekas lombong dan tanah berbukit yang memerlukan pemuliharaan kesuburan tanah.Ini memberikan kesan terhadap pendapatan usahawan yang belum mencapai pendapatan bersih RM3,000 sebulan secara keseluruhannya.

Oleh yang demikian Jabatan Pertanian telah merancang beberapa penambahbaikan ke arah transformasi pertanian secara menyeluruh agar pencapaian TKPM dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah mentransformasikan TKPM Negeri Selangor yang dilaksanakan secara berterusan ialah :

- Pemuliharaan Sumber Tanah
- Peserta Projek Yang Berdaya Maju
- Amalan Teknologi Pertanian Moden
- Amalan Pertanian Baik (GAP)
- Rangkaian Pemasaran (Agribazaar)
- Nilai Tambah Produk (Industri Asas Tani)

1. Pemuliharaan Sumber Tanah:

Tanah-tanah di TKPM kebanyakannya adalah tanah bermasalah iaitu tanah gambut (TKPM H.Chuchoh, Sg Blankan,Sg Kelambu,Kg Kundang, Sg Panjang), tanah bekas lombong (Hulu Yam, Bistari Jaya, Semenyih) dan tanah berbukit (Batu Arang, Batangsi)Oleh itu usaha-usaha pemuliharaan tanah berkenaan seperti pengapuran, pembinaan teres dan tapak tanaman perlu dilakukan secara berterusan dan kajian perlu dibuat agar tanah tersebut dapat dipulihkan dengan kadar yang lebih cepat dan kos yang murah.

2. Peserta Projek Yang Berdaya Maju:

2.1 Sebahagian daripada peserta TKPM masih mendapat pulangan hasil dan pendapatan yang rendah disebabkan faktor kurang mahir menguruskan ladang mengikut kaedah yang betul. Oleh yang demikian peserta-peserta ini akan diberikan latihan kemahiran dalam aspek pengurusan ladang, pengurusan masa dan mematuhi disiplin sebagai pengusaha/peniaga dalam sektor pertanian.

2.2 Pemilihan peserta juga akan diperketatkan di mana bakal peserta perlu menunjukkan bahawa mereka benar-benar berminat, mahir dalam bidang yang dijalankan serta mempunyai modal yang kukuh.

3. Amalan Teknologi Pertanian:

3.1 Teknologi merupakan aspek penting dalam industri pertanian dan sebahagian peserta TKPM belum sepenuhnya menggunakan teknologi yang ada. Oleh yang demikian usaha akan dilakukan agar peserta mendapat maklumat dan mengamalkan teknologi pertanian terutama dalam aspek:

i. Penggunaan benih dan varieti tanaman yang berkualiti dan disyorkan Jabatan Pertanian
ii. Penggunaan baja berasaskan mikrob (organik) yang boleh meningkatkan tahap kesuburan tanah dan keupayaan pokok menyerap sumber nutrien.Ini juga meliputi penggunaan kawalan musuh dan penyakit secara organik
iii. Amalan teknologi mekanisasi ladang bagi mengurangkan tenaga manual.
iv. Penggunaan teknologi sistem pengairan yang lebih efisyen.

4. Amalan Pertanian Baik (GAP):

i. Penggunaan benih dan varieti yang bermutu
ii. Penyertaan peserta dalam persijilan SALM dan SOM
iii. Penggunaan racun makhluk perosak yang betul dan mengikut kadar MRL yang dibenarkan

5. Pemasaran:

i. Adalah didapati bahawa masalah utama yang sering dihadapi peserta adalah harga pasaran yang tidak menentu , lambakan hasil pertanian dan kurang rangkaian dalam pasaran dalam dan luar negara.
ii. Oleh yang demikian peserta TKPM akan dibantu dalam maklumat pasaran hasil pertanian terkini (FAMA XCHANGE) dan sistem rangkaian pasaran (AGRIBAZAAR oleh Jabatan Pertanian)
iii. Peserta-peserta projek TKPM juga akan didedahkan dengan lebih banyak berkaitan pasaran melalui internet

6. Nilai Tambah Produk:

i. Hasil bahan mentah pertanian jika diproses akan memberikan pulangan yang lebih baik dan tahan lama. Oleh yang demikian peserta-peserta TKPM digalakkan menambah nilai produk dengan memproses bahan mentah seperti ubi kayu, keledek, pisang, nanas dan lain-lain agar dapat dipasarkan dengan lebih baik hingga eksport ke luar negara. Kerajaan juga perlu menyediakan kemudahan premis, kilang dan pusat jualan produk nilai tambah dari peserta TKPM.

c) Jabatan Pertanian bersedia dan bersetuju sekiranya perlu diwujudkan Task Force bagi mengkaji dan merancang semula TKPM agar prestasi secara keseluruhan aspek dapat ditingkatkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : BIRO TATANEGARA (BTN)

65. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah program latihan yang akan menggantikan modul Biro Tatanegara (BTN) bagi semua pelajar-pelajar IPT milik Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan agar kursus BTN digantikan dengan kursus SPIES yang telah diubahsuai dengan menerapkan modul kenegaraan. Golongan yang menjadi sasaran pada masa ini adalah penjawat awam di seluruh Negeri Selangor.

Setakat ini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk menggantikan modul Biro Tatanegara bagi pelajar IPT Selangor kepada modul-modul lain. Namun begitu kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor (MPMS) yang dinaungi oleh YB Exco Pendidikan Tinggi Negeri Selangor.

Fokus MPMS adalah khusus kepada dua perkara iaitu, membina sikap positif di dalam diri mahasiswa dan mengutamakan kecemerlangan pencapaian akademik. Beberapa siri program telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut seperti menghadiri program SPIES, Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM), Dialog bersama Pemimpin, Seminar Kerjaya dan sebagainya. Program–program ini dirangka khusus untuk pembinaan sikap positif di kalangan mahasiswa melalui perubahan hati, minda dan sikap serta pembinaan kepimpinan dan pembinaan kemahiran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : GLC KERAJAAN NEGERI SELANGOR

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan nama ahli politik, ADN atau Ahli Parlimen yang duduk di mana-mana GLC Kerajaan Negeri Selangor.

b) Adakah mereka menerima elaun atau gaji sebagai non-executive director? Sila senaraikan secara terperinci.

JAWAPAN

Kumpulan Darul Ehsan Berhad

- YAB Tan Sri Dato Seri Abd Khalid Ibrahim

YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Ibrahim

-	Yuran Pengarah setiap tahun	RM100,000.00
-	Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah	RM5,000.00
-	Elaun bulanan sebagai Pengerusi	RM10,000.00
-	"Leave Pasage"	RM100,000.00

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahi, Adun Ijok sebagai Pengerusi PNSB.

Beliau tidak menerima gaji, sebaliknya menerima elaun tahunan (yang akan ditetapkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah) dan elaun bulanan sejumlah RM5,000.00 sebulan.

SSIC Berhad

- Senarai Ahli Lembaga Pengarah SSIC Berhad yang terdiri daripada ahli politik :
- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
- YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
- YB Puan Teresa Kok Suh Sim
- YB Tuan Yaakob bin Sapari

Ahli Lembaga Pengarah hanya menerima elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat lembaga Pengarah dan Elaun Tahunan Ahli Lembaga Pegnarah (Director 's Fee)

- Elaun Kehadiran Mesyuarat
  i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor RM1,000.00/Mesyuarat
  ii YB-YB RM500.00/Mesyuarat

- Director 's Fee For 2009
  i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor RM8,000.00
  ii YB-YB RM6,000.00

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB)

Di KSSB, ahli lembaga pengarah yang terdiri dari ahli politik dan ADN adalah seperti berikut :-

i. En. Mohd. Khairuddin Othman – berkuat kuasa pada 06/01/2010
ii. YB Tuan Mat Shuhaimi Hj. Shafiei (ADN Seri Muda) – berkuat kuasa pada 10/06/2010
iii. En. Ganabatirau a/l Veraman – berkuat kuasa 21/06/2010

Pengarah bukan eksekutif KSSB menerima elaun menghadiri mesyuarat lembaga pengarah sebanyak RM500 untuk setiap mesyuarat.

Yuran tahunan pengarah bukan eksekutif pula bergantung pada prestasi syarikat dan budi bicara pemegang saham (MBI).

Tourism Selangor Sdn. Bhd (TSSB)

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim (ADN Ijok) Pengerusi TSSB
- YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (ADN Bukit Lanjan)
- YB Tuan Edward Lee Poh Lin (ADN Bukit Gasing)

Mereka menerima elaun mesyuarat dan yuran lembaga pengarah TSSB seperti berikut :-

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim (ADN Ijok) Pengerusi TSSB
  Yuran lembaga pengarah RM8,000.00 setahun
  Elaun mesyuarat RM1,000.00 setiap kali mesyuarat

- YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (ADN Bukit Lanjan)
  Yuran lembaga pengarah RM5,000.00 setahun
  Elaun mesyuarat RM500.00 setiap kali mesyuarat

- YB Tuan Edward Lee Poh Lin (ADN Bukit Gasing)
- Yuran lembaga pengarah RM5,000.00 setahun
- Elaun mesyuarat RM500.00 setiap kali mesyuarat

MSNS Holdings Sdn Bhd

- YB Amirudin bin Shari (ADN Batu Caves), Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah
- Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Pengurus MSNS Holdings Sdn Bhd
- RM500 / Mesyuarat

Bukit Beruntung Golf & Country Resort Bhd.

- YB Amiruddin Bin Shari
- Elaun Mesyuarat RM300

Industri YS. Sdn. Bhd.

- YB Puan Dr. Halimah binti Ali
- YB Dr. Che Rosli bin Che Mat
- YB Dato' Rashid bin Din

Mereka tidak menerima sebarang gaji. Dan mereka hanya menerima elaun mesyuarat RM1,000 sekali mesyuarat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PRESTASI KETUA-KETUA KAMPUNG

67. Sejumlah ketua-ketua kampung dilantik oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Secara keseluruhan bagaimanakah prestasi mereka?

b) Adakah kalangan mereka dianggap salah pilih dan menentang polisi Kerajaan?

c) Adakah kalangan mereka telah diberhentikan?

JAWAPAN :

a) Secara keseluruhan daripada 368 orang Ketua-Ketua Kampung di Selangor, seramai 73% telah menjalankan tugas serta memikul tanggungjawab dengan baik dengan purata markah prestasi melebihi 85%.

b) Semua Pejabat Daerah telah menjalankan prosedur pelantikan mengikut tatacara pelantikan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir Ketua Kampung yang tidak dapat mengikuti aspirasi Kerajaan Negeri disebabkan oleh masalah-masalah tertentu.

c) Pada masa ini, hanya seorang Ketua Kampung sahaja yang telah diberhentikan disebabkan tidak selari dengan matlamat Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : LATIHAN KEPADA GOLONGAN BELIA

68. Kerajaan mensasarkan supaya para belia dilatih dan disediakan pekerjaan yang berpendapatan sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah status kejayaan program tersebut?

b) Apakah bidang-bidang ekonomi strategik yang boleh disertai oleh para belia?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa membuka peluang kepada rakyat Selangor untuk menceburi bidang keusahawanan ke arah meningkatkan pendapatan sendiri yang tidak terhad. Pelbagai latihan telah disusun setiap tahun dan ianya dihebah di setiap daerah bagi memastikan program ini diketahui umum. Penyertaan orang ramai terhadap program latihan ini amat menggalakkan dan hampir 85 peratus peserta yang hadir bagi setiap kursus adalah terdiri daripada golongan belia.

b) Kerajaan Negeri tidak mengehadkan bidang-bidang ekonomi yang strategik untuk diceburi oleh belia. Pelbagai bidang ekonomi boleh disertai oleh para belia sama ada perkhidmatan, pembuatan, pertanian, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kemahiran innovasi adalah kemahiran yang sangat berguna dan diperlukan oleh setiap usahawan. Kemahiran ini membolehkan usahawan belia tersebut mempunyai tahap kompetitif yang tinggi di antara pesaing lain di dalam pasaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : HASIL BALAK

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan terkini mengenai pembalakan haram yang dikenal pasti di kawasan hutan di Hulu Selangor?

b) Berapa kes pembalakan haram yang telah dikesan oleh Kerajaan Selangor?

c) Adakah tindakan akan diambil terhadap pihak yang dikenal pasti terlibat dalam pembalakan haram?

JAWAPAN :

a) Pembalakan haram di tidak berlaku dalam hutan simpan sebaliknya telah berlaku di Tanah Kerajaan yang masih berhutan telah dikesan pada pada 31 Januari 2010 (Ahad). Kawasan pembalakan ini merupakan kawasan yang permohonan mengeluarkan kayu balak/jaras dalam kawasan Orang Asli Hulu Tamu, Batang Kali seluas 44.32 hektar (109.5 ekar) yang tidak diberi kelulusan dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kerana status tanah masih berstatus Tanah Kerajaan dan tidak diberikan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan pembukaan kawasan baru. Pihak kontrator telah ditangkap hasil kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 3 Februari 2010 telah membuat keputusan berikut :-

1. Pegawai Daerah Hulu Selangor menyemak dan mengambil tindakan ke atas pencerobohan tanah kerajaan.

2. Kerajaan Negeri Selangor membuat laporan SPRM ke atas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

3. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengambil tindakan ke atas kes pembalakan haram ini.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor membuat tafsiran gantirugi dan membuat laporan lengkap ke atas kawasan ini dan kayu-kayu yang terdapat dalam kawasan telah ditender.

b) Kes pembalakan haram yang telah dikesan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah melibatkan 9 kes pada tahun 2007 hingga Jun 2010. Kes pembalakan haram yang dikesan telah dibuka kertas siasatan untuk proses pendakwaan.

c) Tindakan yang akan diambil kepada pihak yang dikenal pasti terlibat dengan pembalakan haram boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) iaitu Denda maksima RM 500,000 dan dipenjarakan tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 20 tahun.

Antara Seksyen Pendakwaan ialah :-

- Seksyen 15 – Mengambil Hasil Hutan daripada Hutan SimpananKekal atau Tanah Kerajaan tanpa lesen yang sah atau ;Seksyen 40 – Memindahkan Hasil Hutan tanpa Pas Memindah daripada Tanah Berimilik, TOL, Lombong dan Tanah Rizab atau;
- Seksyen 81 – Menebang, memotong,menggelang,menanda, menutuh atau menoreh atau merosakkan mana-mana pokok atau kayu atau memindah atau mengheret mana-mana pokok atau kayu atau pencerobohan dengan apa jua cara yang sebelum ini dilarang dalam Seksyen ini atau;
- Seksyen 86 – Memalsukan atau merosakkan, atau Memiliki alat bagi tujuan pemalsuan, tanda pada pokok dan balak dan mengubah sempadan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

70. Kerajaan negeri menubuhkan Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam usaha melaksanakan program-program bagi pembentukan modal insan belia.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah bentuk program pembangunan modal insan yang telah dilaksanakan?

b) Nyatakan statistik bilangan belia yang telah dilatih menerusi program PeBT setakat ini?

c) Apakah program PeBT dapat membentuk pangkalan maklumat profil belia negeri meliputi aspek seperti pendidikan, pekerjaan, gaya hidup dan sumbangan mereka?

JAWAPAN :

a) Dalam usaha pembangunan Modal Insan, Jawatankuasa Tetap Belia telah melaksanakan Program *Youth In Community.* Program ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawan belia dalam membantu dan menabur bakti kepada masyarakat setempat. Program *Youth In Community* bukan hanya dilaksanakan di peringkat Negeri malahan turut dilakukan di peringkat Zon Penggerak Belia Tempatan.

Penggerak Belia Tempatan juga tidak terlepas dalam menerima faedah daripada Jawatankuasa Tetap Modal Insan sendiri yang mana para ahli Penggerak Belia Tempatan telah mengikuti kursus SPIES bagi tujuan meningkatkan lagi sahsiah diri.

b) Kerajaan Negeri tidak melatih belia secara khusus menerusi program PeBT namun Program Kursus Kepimpinan PeBT telah berjaya dilaksanakan pada tahun lepas dan akan dilaksanakan pada tahun ini. Tujuan program Kursus Kepimpinan PeBT ini adalah untuk memberi pendedahan kepada ahli jawatankuasa Penggerak Belia Tempatan dalam melaksanakan agenda Pembangunan Belia di zon yag dipertanggungjawabkan.

Selain itu, bermula pada Oktober 2010, Kerajaan Negeri akan melaksanakan klinik usahawan, klinik sukan dan klinik budaya. Klinik ini merupakan program serampang dua mata yang mana ianya adalah untuk meningkatkan kemahiran belia dalam tiga kemahiran yang dinyatakan tadi dan juga bertujuan mengekang belia untuk terlibat dengan masalah sosial. Ini berikutan klinik ini akan diadakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan.

c) Kerajaan Negeri telah mengumpulkan data daripada Jawatankuasa PeBT tentang belia seluruh negeri Selangor. Sehingga 25 Jun 2010, sebanyak 457 data PeBT telah dikumpul daripada jangka tersebut sebanyak 6,541 data belia di Selangor telah diperolehi. Usaha mengumpul data belia yang baru bermula pada tahun 2010 akan diteruskan lagi dengan giat pada program-program belia yang dianjurkan sepanjang tahun

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : INDUSTRI HIJAU

71. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan kawasan-kawasan mengikut PBT yang telah dikenal pasti sebagai kawasan Zon Industri Hijau.

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menggalakkan perkembangan industri hijau di Selangor?

c) Adakah sebarang insentif ditawarkan oleh kerajaan negeri kepada pemilik industri hijau?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyediakan peluang dan ruang yang sama kepada semua sektor perindustrian yang giat beroperasi di negeri ini Kerajaan Negeri menyediakan 5 Zon Perindustrian Bebas Cukai (Free Industrial Zone) secara aktif di FIZ Sg. Way, FIZ Hulu Klang, FIZ Telok Panglima Garang, Zon Bebas Pelabuhan Klang dan Zon Perdagangan Bebas – MISC Logistik.

Kerajaan Negeri kini dalam usaha penggalakan ke arah industri yang lebih mesra alam melalui sektor industri bio-teknologi dan sektor industri hijau. Kerajaan negeri percaya aktiviti perindustrian yang berteraskan teknologi hijau mampu bersaing di dunia pembuatan dan perindustrian.

Kerajaan Negeri tidak meletakkan zon khas kepada mana-mana industri yang berasaskan teknologi hijau. Walau bagaimanapun, sebagai satu langkah permulaan, Kerajaan Negeri akan memfokuskan kawasan perindustrian di Science Park 2 (SSP2) di Sepang sebagai perintis dalam menggalakkan pelaburan sektor perindustrian yang berasaskan teknologi hijau. Kerajaan Negeri percaya, usaha murni ini akan terus digarap dari masa ke masa agar sektor industri hijau berkembang di negeri ini.

b) Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan teknologi hijau di negeri ini, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi pelbagai bantuan dari segi khidmat nasihat dan lain-lain perkhidmatan yang sewajarnya kepada para pelabur yang ingin membuat pelaburan industri berteknologi hijau di negeri Selangor. Walaupun perindustrian yang berasaskan teknologi hijau masih belum dipelopori oleh banyak penggiat industri, tetapi Kerajaan Negeri melalui Selangor State Investment Centre (SSIC) akan sentiasa membuat promosi di dalam dan luar negara bagi tujuan memperluaskan lagi industri ini pada masa hadapan.

c) Kerajaan Negeri sentiasa memberi peluang yang sama kepada semua jenis industri yang beroperasi di dalam negeri Selangor. Walaupun Kerajaan Negeri tidak menggariskan insentif khas bagi industri teknologi hijau tetapi Kerajaan Negeri masih lagi memenuhi setiap insentif yang telah digariskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Insentif-insentif yang telah disediakan adalah merangkumi insentif pengurusan persekitaran seperti insentif bagi aktiviti kitar semula bahan industri, insentif bagi aktiviti pelupusan sisa toksik industri, insentif bagi pemuliharaan tenaga, insentif bagi aktiviti menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan insentif dari segi duti import dan pengecualian cukai jualan bagi sistem solar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : HARTANAH PKNS DI WILAYAH PERSAEKUTUAN KUALA LUMPUR

72. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa jumlah hartanah dan aset dari segi keluasan dan nilai milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?

b) Apakah dasar kerajaan negeri, dalam memaju semula aset-aset terbabit yang sebahagianya telah ketinggalan zaman dan lusuh?

c) Bagaimana kerajaan negeri akan menyalur semula keuntungan dan laba yang diperolehi dari aset –aset terbabit untuk kesejahteraan dan pembangunan rakyat Selangor?

JAWAPAN :

a) Bangunan milik PKNS yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah Bangunan Wisma Yakin berkeluasan 2,592 mp di Jalan Masjid India Kuala Lumpur.

b) PKNS sedang dalam perancangan untuk membangunkan semula aset-aset terbabit sesuai dengan peredaran zaman. Konsep pembangunan yang dirancang adalah merupakan bangunan yang mesra pelanggan dan moden yang yang akan memberi nilai tambah kepada penyewa dan peniaga sediada dan juga kawasan sekitar.

c) Projek pembangunan semula Wisma Yakin dijangka akan memberi manafaat kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputera dan memberi nafas baru kepada kawasan tersebut yang turut merupakan tumpuan pelancung dalam dan luar negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : CARA-CARA MEMBANTU ORANG MUDA UNTUK MENJADI PETANI

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila sebutkan langkah-langkah untuk membantu orang muda untuk menjadi petani.

b) Apakah insentif yang diperolehi supaya menggalakkan orang muda menjadi petani?

c) Sila sebutkan langkah-langkah untuk memohon sebidang tanah untuk pertanian.

JAWAPAN :

a) Jawapan disediakan oleh Jabatan Pertanian.

b) Jawapan disediakan oleh Jabatan Pertanian.

c) i. Kenal pasti tapak yang hendak dipohon oleh pemohon.

ii. Siasat status tanah di Unit Teknikal Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan.

iii. Mengemukakan pelan lakar.

iv. Mengisi borang permohonan tanah sama ada Borang 1 atau Borang Lesen Menduduki Sementara dan membuat pembayaran pemprosesan.

v. Kemukakan permohonan pemberimilikan tanah kepada Pentadbir Tanah Daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI

74. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah sambutan pemaju dan pembeli bagi mengatasi rumah terbengkalai yang dianjurkan oleh Exco Perumahan dan senaraikan senarai projek perumahan yang telah diselesaikan?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman semua Yang Berhormat, sememangnya isu projek terbengkalai di Negeri Selangor menjadi perhatian semua pihak termasuklah pemaju-pemaju yang berminat untuk memulihkan projek terbengkalai.

Sehingga 31 Mei 2010, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 20 projek yang melibatkan 7,779 unit dan senarai projek tersebut seperti berikut :-

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit

7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit

19	KOMPLEKS KOTA KAJANG, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
Jumlah Pembeli/Unit		**7,779 unit**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: PEMBIAYAAN PAKAR FORENSIK

75. Kerajaan negeri ada melantik Dr.Pornthip Rojasunand, Pakara outopsi dari Thailand dalam kes pembunuhan Teoh Beng Hock

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membiayai tenaga pakar luar ini?

b) Adakah pelantikan tersebut mencapai matlamat yang dikehendaki oleh kerajaan negeri?

c) Adakah ini menunjukkan kerajaan negeri bersikap prejudis dengan siste keadilan Negara dan keupayaan tenaga pakar tempatan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

76. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Apakah tindakan PBT terhadap kegiatan pembuangan sampah haram ?

b) Semada kegiatan pembuangan sampah haram di Selangor meningkat atau sebaliknya ?

JAWAPAN:

a) Tindakan dan pengawalan di setiap PBT dalam aktiviti kegiatan pembuangan sampah haram di Selangor adalah berbeza. Antara tindakan yang diambil oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dengan melakukan operasi membanteras kegiatan pembuangan sampah haram. Ia selaras dengan tindakan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) mencegah kekotoran MDKL. Manakala Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan menubuhkan *Unit Flying Squad* yang dibentuk pada 20 Februari 2006, dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) pula dengan melakukan aktiviti pemantauan berkala secara bersepadu dengan Bahagian Penguatkuasaan. Selain dari itu, ganjaran dan insentif turut diberikan kepada mereka yang memberikan maklumat yang betul dan tepat.

b) Masalah pembuangan sampah haram di Selangor masih lagi dalam keadaan yang terkawal. Hal ini adalah berdasarkan kepada laporan dan aduan yang diterima. Sebagai contoh, MDKL hanya mengeluarkan 7 notis pada tahun 2009 berbanding 44 notis pada tahun 2008, dan pada tahun 2010 hanya sebanyak 3 notis sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : KECURIAN PASIR

77. Telah heboh diperkatakan tentang kegiatan pencurian pasir di Negeri Selangor ini . Kegiatan ini amat mengecewakan rakyat Selangor. Jangkaan Kerajaan Negeri untuk mengutip hasil pasir melebihi 200 juta setahun telah gagal.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah kegiatan ini berlaku ?

b) Adakah kegiatan ini amat sukar dikesan dan dibendung ?

c) Mengapakah setelah heboh di akhbar dan di TV tentang kegiatan kecurian pasir tetapi kegiatan itu masih berlaku ?

JAWAPAN :

a) Kegiatan curi pasir masih berlaku kerana terdapat permintaan pasir yang tinggi di kawasan Lembah Klang. Ini disokong pula dengan pembangunan yang pesat di kawasan Lembah Klang seperti pembinaan lebuh raya dan lapangan terbang.

b) Kegiatan ini pada dasarnya tidak sukar untuk dibendung tetapi kegagalan untuk memenuhi permintaan dan tawaran harga yang kurang berdaya saing telah menyebabkan banyak pihak mengambil kesempatan untuk membekalkan pasir (daripada sumber yang tak sah) kepada pengguna.

c) Kegiatan kecurian pasir masih berlaku walaupun telah dihebahkan di dalam media cetak atau media elektronik namun terdapat beberapa laporan yang disiarkan adalah tidak sahih dan kurang tepat. Walau bagaimanapun tindakan penguatkuasaan terhadap laporan yang disiarkan akan dan telah diambil oleh Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan dengan kadar segera.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : SUKAN

78. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah terdapat perancangan kerajaan negeri dalam menangani kesuraman aktiviti sukan antarabangsa di Selangor di samping memaksimumkan penggunaan kelengkapan yang kita ada seperti Stadium Shah Alam dan sebagainya, Huraikan

b) Satu ketika dahulu, MBPJ, MBSA dan MBPJ kelihatan gagah dalam sukan dan ada yang menghasilkan atlet Negara. Apakah terdapat perancangan dalam mengembalikan program di peringkat PBT ?

c) Huraikan berapakah jumlah peruntukan kerajaan negeri yang akan disalurkan kepada kegiatan dan aktiviti sukan di negeri Selangor mengikut daerah

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan Persatuan-persatuan Sukan Negeri Selangor membuat perancangan untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Penganjuran kejohanan biasanya dibincangkan bersama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan selain Majlis Sukan Negara. Pihak Majlis Sukan Negeri mahupun Persatuan Sukan Negeri sentiasa bekerjasama dan mencari peluang-peluang bagi penganjuran kejohanan-kejohanan yang difikirkan sesuai dengan bantuan dan peruntukan yang disediakan sama ada oleh Persatuan Sukan Kebangsaan ataupun Majlis Sukan Negara.

Kejohanan-kejohanan peringkat negeri ada dianjurkan oleh persatuan-persatuan negeri dan mendapat bantuan kewangan dari Majlis Sukan Negeri.

b) Bermula tahun 2010 Majlis Sukan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa perubahan untuk memantapkan lagi perjalanan dan perlaksanaan program Pembangunan Sukan di setiap daerah secara menyeluruh.

- Majlis Sukan Negeri Selangor telah memberi mandat kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas serta peranan Majlis Sukan Daerah (MSD) yang sebelum ini dilaksanakan oleh Majlis Daerah. Oleh yang demikian Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan akan dilantik sebagai Pengerusi Majlis Sukan Daerah dan Pegawai Belia dan Sukan PBT tersebut sebagai Setiausaha.

- Penstrukturan semula Majlis Sukan Daerah (MSD) adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara yang menekankan kepada sukan berprestasi tinggi dan sukan untuk semua.

- Pembangunan atlit perlu dikenal pasti potensinya sejak dari awal lagi. Atlit yang digilap dengan sistem latihan yang sistematik dan pendekatan saintifik yang betul dalam satu jangka masa yang panjang mampu mencapai prestasi tertingginya pada ketika yang dikehendaki.

c) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor melalui Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan bantuan kewangan untuk tujuan pembangunan Sukan di Daerah tersebut.

Majlis Sukan Negeri Selangor sedang berusaha memperkemas dan meningkatkan pengurusan MSD dengan mengujudkan perjawatan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan MSD. Adalah dicadangkan perjawatan bagi seorang pegawai dan seorang pembantu tadbir diwujudkan untuk setiap MSD bagi melicinkan penyelarasan dan pelaksanaan program-program di Daerah tersebut.

Pihak MSD akan bertanggungjawab dalam segala pelaksanaan program-program Sukan di daerah tersebut. Kejayaan setiap MSD akan ditentukan melalui keberkesanan program pembangunan di daerah tersebut yang mana ia akan dapat di nilai melalui prestasi atlet-atlet di kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) yang diadakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

79. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Apakah pencapaian pelajar-pelajar yang mengikuti PTRS?

b) Apakah prosedur pembayaran elaun guru-guru PTRS? Mengapa berlaku kelewatan dari segi pembayaran?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : PEKEBUN SG. KELAMBU KUALA LANGAT

80. Pekebun-pekebun ini telah bercucuk tanam di sebidang tanah yang seluas lebih kurang 1300 ekar untuk 30 tahun. Kebelakangan ini, kerajaan negeri berhasrat untuk mengambil balik tanah ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengatur dan menetapkan kehidupan mereka jika kerajaan mengambil balik tanah tersebut?

b) Adakah Kuala Langat masih mempunyai tanah-tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam?Jika ya, sila nyatakan lokasi-lokasi tanah tersebut.

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : TANAH-TANAH KERAJAAN

81. Terdapat usaha-usaha dari rakyat tempatan terhadap tanah-tanah Kerajaan di daerah Hulu Langat untuk pertanian melebihi antara dua puluh hingga tiga puluh tahun dan kini telah mengeluarkan hasil dan pernah mendapat L.M.S. (T.O.L.)

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Kenapa Kerajaan menolak permohonan mereka sedangkan mereka pernah berjasa kepada Tanah Air seperti menjadi anggota RELA dan sebagainya?

b) Apakah Kerajaan mempunyai perancangan terhadap tanah-tanah tersebut setelah permohonan mereka ditolak? (setelah ditolak bermakna tanah dikembalikan kepada Kerajaan.)

JAWAPAN:

a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 10/2010 yang diadakan pada 17 Mac 2010 telah menimbang dan menolok permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah kepada Ahli RELA dan pemohon-pemohon lain di Mukim Semenyih, daerah Hulu Langat seluas 0.4 hingga 0.8 hektar untuk tujuan pertanian. Tiada sebarang alasan yang diberikan MMKN di dalam keputusan tersebut.

Maklumat Tambahan

1. Syor Pentadbir Tanah Darah Hulu Langat di dalam Kertas Ringkasan Permohonan yang dikemukakan Bil (7) dlm PTDUL : 1/5/891-94 (R) bertarikh 24 Oktober 2009, Pentadbir Tanah Hulu Langat telah mengesyorkan MMKN memberi pertimbangan ke atas 42 orang pemohon yang telah mengusahakan tanah tersebut lebih 15 tahun. Ini selaras Pekeliling Tanah dan Galian Selangor Bil 1/2008 di dalam perkara 3.2.3 (ii) yang boleh dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan kriteria pengusaha asal telah mengusahakan tanah atau menduduki sekurang-kurangnya tiga tahun pada tarikh 1 Januari 2008.

2. Jumlah permohonan keseluruhan adalah sebanyak 92 permohonan secara bertindih. Walau bagaimanapun Jawatankuasa kerja Tanah Bil 4/2007 mengesyorkan seramai 68 pemohon diberikan pertimbangan. Namun hasil siasatan tapak hanya 42 pemohon telah mengusahakan dan disyor diberikan pertimbangan.

b) Mengikut ulasan Jabatan Perancang Bandar dan Desa rujukan JPBD.Sel/06/04/00141-T (3) bertarikh 14 Mac 2008 tanah tersebut telah dizonkan untuk kegunaan pertanian. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri mempunyai perancangan tertentu bagi membangunkan kawasan berkenaan sebagai ladang ternakan.

Ini kerana Pentadbir Tanah Daerah (Kerajaan Negeri) berhasrat untuk membangunkan kawasan berkenaan di dalam Mukim Hulu Semenyih sebagai pengeluaran hasil ternakan selaras konsep Satu Daerah Satu Industri bagi daerah Hulu Langat. Ini selaras juga dengan usahawan sate di Bandar Kajang Selangor dan Program Membantai yang menjadi program tahunan masyarakat di kawasan Pekan Beranang menjelang hari Perayaan Islam.

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX,
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

SELANGORSHINES

Ruj. Kami: (25)dlm.MMK.SEL.(R)
31010/1 Jld.II
Bertarikh: 24 Mac, 2010

Pentadbir Tanah Daerah
Hulu Langat

Tuan,

KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan **Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri** bertarikh **17 Mac, 2010** kertas ringkasan **MMK. No. 30 / 10 / 2010** yang telah disahkan oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 11 / 2010** bertarikh **24 Mac, 2010** untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

3. Sila kemukakan **Maklum Balas Jika Berkaitan** ke pejabat ini dalam tempoh **dua minggu** dari tarikh penerimaan surat ini.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(MOHAMAD YASID BIN BIDIN)
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor Darul Ehsan

s.k. - Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

PPD(PT)

ZAINAL ABIDIN BIN SALEH
Pegawai Daerah
Hulu Langat

pt CHG (y.samayih)
tindakan
PPD(PT)
9/4/10

TERHAD
RAHSIA

CABUTAN DARIPADA KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KE 10 / 2010 YANG DIADAKAN PADA 17 MAC 2010 YANG TELAH DISAHKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KE 11 / 2010 PADA 24 MAC 2010

7.30. **Kertas MMK. No. 30 / 10 / 2010**

Permohonan Pelupusan Secara Pemberimilikan Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Di Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat Untuk Tujuan Pertanian
Pemohon : Ahli Rela Daerah Hulu Langat Dan Lain-Lain Pemohon

---

(7) dlm.PTDUL: 1/5/891-94(R)
(24)dlm.MMK.SEL.(R) 31010/1 Jld.II

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbang dan **menolak** permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah ini kepada pemohon-pemohon di Lampiran 4A di Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat seluas antara 0.4 hingga 0.8 hektar setiap plot untuk tujuan pertanian.

Tindakan : Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat

Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Selangor

KERTAS MMK : 30 / 10 /2010

RAHSIA
Bil (7) dlm PTDUL:1/5/891-94(R)
Bil (24) MMK.Sel (R) 31010/1 Jld 11

KERTAS RINGKASAN

PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA DI MUKIM HULU SEMENYIH DAERAH HULU LANGAT UNTUK TUJUAN PERTANIAN.

DARIPADA: AHLI RELA DAERAH HULU LANGAT DAN LAIN-LAIN PEMOHON.

==========

1. TUJUAN.

Kertas ini dikemukakan bagi mendapatkan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor mengenai permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara di Mukim Hulu Semenyih Daerah Hulu Langat seluas antara 0.4 hingga 0.8 hektar setiap plot untuk tujuan pertanian daripada Ahli RELA Daerah Hulu Langat dan lain-lain pemohon.

RAHSIA

2.4. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 27 Jun 2001 MMK ke 16/2001 telah menimbang dan menolak permohonan ini secara pemberimilikan sebaliknya mengekalkan kelulusan LMS kepada pemegang-pemegang LMS dengan syarat tidak dibenarkan membina sebarang bangunan kekal kerana kawasan ini telah dizonkan sebagai kawasan hijau dan merupakan kawasan tadahan air kelas 1. Sesalinan keputusan seperti **di Lampiran 1.**

2.5. Pada tahun 2007, permohonan ini telah diangkat sekali lagi ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah (JKT) bil 4/2007 dengan keputusan memperakukan supaya permohonan ini diluluskan kepada enam puluh lapan (68) pemohon seperti nama **di Lampiran 3.**

2.6. Permohonan adalah layak untuk memiliki tanah di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

B. KEDUDUKAN TANAH SEKELILING

(i)	Utara	: Tanah Kerajaan -	Belukar
(ii)	Selatan	: Tanah Hakmilik - Lot 1584 – 1638	Pertanian
(iii)	Timur	: Tanah Kerajaan -	Belukar
(iv)	Barat	: Tanah Hakmilik - Lot 1251 – 1259	Pertanian

C. KEADAAN FIZIKAL / KEADAAN ATAS TANAH

Keadaan tanah adalah berbukit dan kering. Sebahagian daripada kawasan yang dipohon telah diusahakan oleh peserta-peserta RELA dengan tanaman dusun buah-buahan dan sebahagiannya masih terdapat belukar. Terdapat aliran sungai melalui kawasan yang di pohon . Kawasan yang di pohon adalah dikelilingi dengan tanah-tanah pertanian dan berhampiran dengan Hutan Simpan Negeri Selangor .Terdapat beberapa pondok kayu untuk kegunaan tempat rehat / solat yang dibina oleh pengusaha - pengusaha tanah.

iv. Jika permohonan ini diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, sempadan pemberimilikan tanah hendaklah disediakan oleh Juruukur Berlesan dan disahkan oleh Pentadbir Tanah .

5.2. **Jabatan Pertanian Negeri Selangor**

(i) Rujukan/Tarikh : Bil (46) Dlm. PPHL.100/22/4 Jld.418/2 pada 15.5.2008

(ii) Syor : Di sokong untuk pertanian.

5.3. Jabatan Pengairan Dan Saliran

(i). Rujukan / Tarikh : (4) dlm JPS.Sel 012A/6/3/28 pada 15 April 2008

(ii) Syor : Tiada halangan

(iii) Syarat-syarat :

a. Pelan yang dipersetujui adalah seperti yang dilampirkan bersama dengan simpanan Sungai Kemang sebanyak 100 kaki seperti yang ditandakan .

e. Bagi permohonan pembangunan perumahan / industri pemohon adalah dikehendaki membayar caruman parit sebanyak RM 6000.00 seekar bagi kawasan yang dipohon. Bayaran ini hendaklah dibuat dengan Bank Deraf atas nama Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Selangor Darul Ehsan dan dijelaskan dalam masa yang ditetapkan .

f. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan pemohon adalah dikehendaki menyediakan dan merujuk pelan pertapakan yang mengandungi dan disertakan dengan butir-butir dan syarat-syarat ternyata dalam **Lampiran 5** .

5.4. **Pejabat Hutan Daerah**

(i). Rujukan / Tarikh : PHD.ST.08/3/1 Jld.IV(11)
Pada 19 Mac 2008

(ii) Syor : Tiada halangan

(ii) **Lampiran 3**

Senarai nama (berjumlah 68 orang) yang telah diperakukan oleh Jawatan Kuasa Tanah Daerah Bil 4 / 2007 melalui Projek Kelompok Kebun Jati Diri RELA Hulu Langat.

(ii) **Lampiran 4**

A. Nama – nama yang di perakui oleh Jawatankuasa Tanah Daerah dan telah mengusahakan tanah yang dipohon .

B. Nama - nama yang diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Daerah tetapi tidak mengusaha tanah yang dipohon .

C. Senarai nama pemohon baru yang bertindih dengan nama yang telah diperakui oleh JKT Bil 4/2007.

7. **ULASAN PENTADBIR TANAH**

7.1. Permohonan ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Bil 4/2007 pada 30 Mac 2007 . Keputusan mesyuarat mengesahkan dan memperakukan supaya permohonan tanah ini di luluskan kepada enam puluh lapan orang pemohon (68 orang) seperti senarai nama **di Lampiran 3.**

tanah yang telah diusahakan yang terlibat dengan rizab sungai hendaklah dikeluarkan mengikut ulasan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran .

8.1.3. Permohonan dari ahli-ahli RELA dan lain-lain pemohon seperti **di Lampiran 4 (B)** (seramai 26 orang) wajar di tolak kerana tanah tidak diusahakan selaras dengan pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian bil 1/2008.

8.1.4. Senarai baru nama pemohon yang bertindih dengan nama yang telah diperakui oleh JKT Bil 4 / 2007 (seramai 24 orang) seperti **diLampiran 4 (C)** adalah wajar ditolak.

8.2. Sekiranya permohonan ini diluluskan maka syarat-syarat kelulusan dan bayaran yang diperakukan adalah seperti berikut :-

A. <u>Kelulusan : Pemberimilikan (Pertanian)</u>

(i)	Jenis Hakmilik	: Hakmilik Pejabat Tanah
(ii)	Jenis Suratan Hakmilik	: Pajakan Mukim
(iii)	Tempoh	: 99 tahun

9. PENUTUP

Kertas ringkasan ini dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri .

(ZAINAL ABIDIN BIN AALA)
Pentadbir Tanah
Hulu Langat

Bertarikh: 25 Okt. 2009

Tambahan Syarat:

Premium Khas — Cukai tahunan x tempoh mengusahakan tanah.

10.2 Lain-lain permohonan adalah disyorkan **tolak** selaras dengan Pekeliling PTG Selangor Bil. 1/2008.

Kertas Ringkasan Bil. (7) dlm.PTDUL.1/5/891-94 (R) dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(Fail dan pelan boleh di lihat di Dewan Mesyuarat pada waktu-waktu bekerja sahaja)

(**DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN**)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 1/2/10

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)

TAJUK: PEMBUANGAN BAYI

82. Masyarakat digemparkan dengan insiden pembuangan bayi yang turut berlaku di negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah statistik insiden pembuangan bayi di Selangor dengan pecahan mengikut kaum dan daerah bagi tahun 2009 dan 2010?

b) Apakah tindakan segera kerajaan negeri dalam usaha membasmi gejala ini dari terus berlaku?

JAWAPAN:

a) Jadual 1 : Statistik pembuangan bayi di Negeri Selangor mengikut daerah dan kaum bagi tahun 2009 dan sehingga bulan Jun 2010.

Bil	Tahun/Daerah	2009	2010	Kaum			
				Melayu	Cina	India	Tidak dikenal pasti
1.	Subang Jaya	1					1
2.	Petaling Jaya	2	2				4
3.	Ampang	2					2
4.	Gombak		1	1			
5.	Klang	1	2			1	2
6.	Kajang	1	3	2		1	1
7.	Shah Alam	2	1	1			2
8.	Kuala Langat						
9.	Kuala Selangor		1	1			
10.	Hulu Selangor	1	1	1			1

11.	**Sabak Bernam**						
12.	**Sepang**		**1**	**1**			
	Jumlah	**10**	**12**	**7**		**2**	**13**

b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendididkan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan mengambil satu langkah proaktif dengan merangka satu Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara holistik dan bersepadu. Ianya meliputi semua aspek bagi memastikan tindakan menangani gejala sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Selamat, Sejahtera dan Berkebajikan. Semua Program Menangani Gejala Sosial akan dikenali sebagai **Program Generasi Idaman Selangor (GeMS).**

Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) adalah satu langkah serius yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor.Satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor yang dipengerusi oleh YB Dr Hajah Halimah Ali, Pengerusi Jawantankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor.

Jawatankuasa yang bersifat inklusif akan diwujudkan di setiap Daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor JAIS, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, JKKK, Jabatan Pelajaran Selangor, Pertubuhan Belia,Pertubuhan Wanita, Majlis Permuafakatan Guru MPPBIG, Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Majlis Intitutsi Pendidikan Islam Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Ketua-ketua kaum, Persatuan Pesara, Kaunselor dan Agensi dan NGO,s yang berkaitan.

Kerajaan Negeri bersetuju untuk menggunakan pendekatan bersepadu iaitu 5P :

a. Pembangunan *(Development)*
b. Pencegahan *(Prevention)*
c. Pencelahan *(Intervention)*
d. Penguatkuasaan *(Enforcement)*
e. Pemulihan *(Rehabilitation)*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : PEMBANGUNAN EKONOMI

83. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan yang akan diambil untuk menunaikan janjian YAB Dato' untuk membangunkan ekonomi Hulu Selangor terutamanya di Bukit Beruntung?

b) Adakah Kerajaan akan mengurangkan cukai pintu supaya menggalakkan kegiatan ekonomi di Hulu Selangor?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

84. Strategi pembangunan wilayah yang saksama penting untuk menyeimbangkan pembangunan antara daerah-daerah di negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah strategi pembangunan daerah-daerah di luar Lembah Klang selaras dengan aspirasi RMK-10?

b) Adakah kerajaan bercadang untuk merombak dan menetapkan fokus dan jenis aktiviti pembangunan sosioekonomi baru di semua daerah di Selangor?

c) Apakah arah tuju dan perancangan khusus bagi pembangunan daerah Kuala Langat?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri akan memastikan daerah-daerah yang berada di luar Lembah Klang akan menjadi item penawaran produk kepada penduduk di Lembah Klang. Ini kerana tumpuan permintaan dan pasaran adalah tinggi dan ia akan membantu para petani dan usahawan di sekitar Lembah Klang memperolehi ruang pasaran produk yang dihasilkan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengkhususkan daerah-daerah berikut:-

1.	Sepang dan Kuala Langat	- Zon makanan berperoses dan pertanian (umbisi)
2.	Sabak Bernam dan Kuala Selangor	- Zon pengeluaran padi dan hasil laut
3.	Hulu Selangor dan Hulu Langat	- Zon tanaman buah-buahan / sayur-sayuran

b) Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada aktiviti berikut, contohnya:-

i. Menjadikan daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor sebagai pengeluar benih padi kepada seluruh negara.
ii. Mempelbagaikan produk-produk IKS dengan citarasa yang memenuhi permintaan pasaran.
iii. Mewujudkan program mento menti bagi projek yang boleh menjana pendapatan dalam tempoh yang singkat seperti tanaman cendawan.
iv. Mewujudkan pusat pengumpulan produk IKS di daerah terpilih.
v. Mewujudkan homestay baru sebagai tarikan pelancong.

c) Bagi daerah Kuala Langat program yang dirancang adalah seperti berikut:-

i. Menjadikan Kuala Langat sebagai zon makanan berproses dengan mewujudkan sebuah pusat pengumpulan di Morib.
ii. Mewujudkan Kuala Langat sebagai zon pelancongan (Pantai Morib / Kelanang).
iii. Menjadikan Kuala Langat sebagai kawasan pertanian moden.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : MEDIA ALTERNATIF KERAJAAN NEGERI SELANGOR

85. Media saluran utama tidak memberikan liputan kepada usaha dan program–program Kerajaan Negeri Selangor . Justeru itu Kerajaan Negeri melancarkan TV Selangor dan TV Antara sebagai media alternatif.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri membuat kajian tentang keberkesanan media alternatif ini sejak ianya dilancarkan?

b) Berjayakah akhbar Selangorkini menyalurkan maklumat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kepada seluruh rakyat Negeri Selangor?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PERLABURAN SEKTOR SWASTA(PSS)

86. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah peratusan pelaburan sektor swasta di negeri Selangor dari tahun 2005-2009

b) Berapakah peratusan sumbangan PSS dalam GDP Negeri Selangor bagi tahun 2005-2009?

c) Apakah insentif dan galakan Negeri Selangor dalam usaha mempertingkatkan peratusan PSS?

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2009, Selangor telah menerima pelaburan dalam sektor perkilangan berjumlah RM 18,630,500,964 daripada 580 projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor.

b) Sumbangan sektor perkilangan kepada GDP negeri Selangor bagi tahun 2005-2009 adalah seperti berikut:

2005 : 48.0%
2006 : 38.6%
2007 : 37.0 %
2008 : 36.2 %
2009 : 33.3%
2010 : 34.8 %

Sumber: UPEN, Selangor

c) Inisiatif dan galakan Negeri Selangor dalam usaha meningkatkan peratusan PSS adalah seperti berikut;-

i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.

ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.

iii. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.

iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.

v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.

vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

ix. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.

x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.

xi. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.

xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.

xiii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.

xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.

xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH UTILITI

87. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap tanah-tanah utiliti dan kemudahan awam?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengekalkan tanah rezab telekom daripada dibangunkan menjadi tanah komersil?

c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempertahankan tanah kegunaan utiliti ini untuk kepentingan awam?

JAWAPAN :

a) Pendirian Kerajaan Negeri terhadap tanah-tanah kemudahan awam adalah di kekalkan untuk dirizabkan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

Bagi tanah-tanah kemudahan awam yang diwartakan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 ianya hanya boleh dibatalkan setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri menurut seksyen 64 KTN.

b) Pada masa ini tiada sebarang pewartaan dibuat untuk kegunaan rizab Telekom memandangkan Seksyen 62, KTN memperuntukkan bahawa pewartaan hanya boleh dibuat kepada Badan Kerajaan. Oleh yang demikian, untuk tapak-tapak telekomunikasi tanah-tanah dilupuskan secara pemberimilikan. Cukai tanah yang dikenakan adalah mengikut kadar perniagaan.

c) Pegawai Pengawal boleh melaksanakan penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 425, KTN bagi mempertahankan tanah kerajaan dan tanah rizab untuk kepentingan awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK: MEMPERKASAKAN SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN AGAMA ISLAM.

88. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah prestasi terkini perancangan Jabatan Agama Islam dalam memperkasakan lagi sekolah-sekolah agama sama ada rendah atau menengah di negeri Selangor.

b) Adakah JAIS mempunyai perancangan untuk membina lebih banyak lagi sekolah menengah agama yang semakin mendapat sambutan dari kalangan rakyat di negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Sehingga maklumbalas ini disediakan kerajaan negeri Selangor melalui JAIS telahpun mempunyai 12 buah Prasekolah yang boleh menampung seramai 1396 orang mourid dan 159 orang guru, 203 buah sekolah Rendah Agama (SRA) yang menampung 120,622 orang murid dan 4542 guru, 11 buah sekolah Rendah Agama Integrasi yang boleh menampung 7010 murid dan 596 orang guru, 23 buah sekolah Agama Menengah (SAM) dengan jumlah pelajar 16,127 orang dan guru 1135 orang serta 2 buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi dengan palajar seramai 404 orang dan guru 51 orang.

Disamping itu kerajaan Selangor bersam a Lembaga Zakat Selangor juga terus memberi bantuan kepada Kelas-kelas Al –Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang berjumlah 291 buah sekolah yang boleh menampung murid seramai 87,307 orang dan guru 3548 orang serta sekolah-sekolah Persendirian dan Tahfiz yang mencecah angka 125 buah dengan pelajar seramai 6,253 murid dengan 653 orang guru

Perancangan menstruktur semula sekolah berkenaan dengan menambah perjawatan guru.

Penstrukturan ini akan melibatkan sekolah berikut :

- Pra sekolah
- Sekolah Rendah Agama
- Sekolah Rendah Agama Integrasi
- Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor
- Sekolah Agama menengah

} Lihat lampiran ringkasan jawatan dipohon

Mengkaji dan menyemak kurikulum Pendidikan Islam mengikut perkembangan semasa dan membina buku teks untuk dilaksanakan 2012

b) Tidak ada perancangan untuk menambah bilangan sekolah Agama menengah sedia ada. Apa yang akan kerajaan lakukan adalah menambah baik sekolah-sekolah yang sedia ada. Pembenaan sekolah Agama Menengah dalam Rancangan malaysia ke 10 adalah untuk sekolah-sekolah yang amat memerlukan dan sekolah-sekolah Agama Menengah yang masih berkongsi dengan Sekolah Rendah.

Kerajaan akan meminta Kementerian Pendidikan menambah bilangan kelas, guru dan kemudahan-kemudahan lain kepada sekolah Agama Menengah Sedia ada.

BIL	SEKOLAH	JUMLAH SEKOLAH	MURID	GURU
1	PRASEKOLAH SRA SRAI SAM MITS	12 203 11 23 2	1,396 120,622 16,127 404 7,010	159 4542 1135 51 596
2	KAFA	291	87307	3548
3	PERSENDIRIAN SWASTA	125	6253	653
	JUMLAH		**23,9119**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PILIHANRAYA PBT

89. Kerajaan negeri telah meminta Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk mengadakan pilihanraya peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), tetapi ditolak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan pilihanraya peringkat PBT ini sendiri?

b) Apakah kerajaan negeri setuju dengan kenyataan bahawa pilihanraya itu akan mengurangkan fokus kerja PBT sebaliknya sibuk berpolitik (politiking)?

c) Adakah impak positif yang bakal berlaku jika cadangan ini dapat dilaksanakan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengadakan pilihanraya peringkat PBT. Oleh yang demikian satu kajian telah pun selesai dilaksanakan. Berdasarkan hasil kajian tersebut Kerajaan Negeri telah pun menghantar surat kepada SPR meminta secara rasmi untuk SPR meneliti dan menjalankan kajian lanjut berlandaskan undang-undang sedia ada bagi memastikan sama ada pilihan raya kerajaan tempatan untuk pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor boleh dilaksanakan atau pun tidak. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak SPR adalah seperti berikut :

1. SPR mempunyai kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan tertakluk ia diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri menurut Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan;

2. Akta 473 memberi SPR kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, SPR tidak dapat menguatkuasakan Akta 473 kerana subseksyen 15(1) Akta 171 yang memperuntukkan bahawa semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan dan terhenti kuat kuasanya atau terhenti mempunyai kesan;

3. Berikutan dengan kuat kuasanya subseksyen 15(1) dan pemakaian seksyen 10 Akta 171, adalah jelas bahawa SPR tidak boleh menjalankan pilihan raya bagi memilih Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan kerana keanggotaan mereka hendaklah dibuat secara lantikan *(by appointment);*

4. Walaupun pilihan raya kerajaan tempatan berada di bawah bidang kuasa Negeri, namun berdasarkan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, perubahan dasar berhubung dengan apa-apa cadangan untuk mengadakan

semula pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh **Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan *(National Council for Local Government)***;

5. Jika **Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan *(National Council for Local Government)*** memutuskan bahawa Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan hendaklah dibuat melalui suatu pilihan raya, maka cadangan ini boleh dilaksanakan dengan cara berikut:

    5.1 Seksyen 10 dan 15 Akta 171 perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukkan sedia ada yang lain berkaitan dengan pelantikan Anggota Majlis;

    5.2 Semua cadangan pindaan kepada Akta 171 hendaklah diterima pakai oleh semua Negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu; dan

    5.3 Peraturan-peraturan bagi menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diadakan.

6. Sehinggalah segala tindakan diambil berdasarkan cadangan yang dinyatakan di sebelum ini, SPR tidak boleh menguatkuasakan Akta 473 untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan bagi Negeri Selangor.

7. Seterusnya, pihak SPR tidak boleh menjalankan kajian dan penyelidikan untuk Kerajaan Negeri Selangor kerana bertentangan dengan fungsi dan kuasa SPR di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada peruntukkan sedia ada sehingga ini, keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan di bawah Akta 473 tidak boleh dilaksanakan kerana semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan telah dimansuhkan dan terhenti berkuat kuasa atau terhenti mempunyai kesan atas pemakaian seksyen 15 Akta 171. Pihak Kerajaan Negeri juga adalah tertakluk kepada seksyen 10 Akta 171 yang menyatakan bahawa pelantikan Anggota Majlis Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat secara lantikan *(by appointment)*.

b) Pegawai PBT hanya bertugas sebagai pelaksana dan bukan sebagai pembuat polisi. Sekiranya pilihan raya ini dilaksanakan Pegawai PBT akan bekerja seperti biasa kerana mereka tidak akan berkempen untuk calon Ahli Majlis yang bakal bertanding. Jika dilihat kepada senario Malaysia, jentera Kerajaan masih lagi beroperasi seperti biasa semasa pilihan raya umum dilaksanakan.

c) Jika ia dapat dilaksanakan maka rakyat boleh diberi peluang untuk mengundi calon yang sesuai sebagai Ahli Majlis. Walau bagaimanapun akibat kekangan perundangan ia perlu dikaji semula terutamanya dari aspek kesediaan masyarakat dan keperluan politik semasa agar impak yang positif dapat dinikmati oleh semua pihak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: ISU BONUS KSSB

90. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Isu Bonus Kumpulan Semester Sendirian Berhad (KSSB) telah dijadikan tumpuan orang ramai, adakah Kerajaan Negeri masih memberikan kuasa muktamad kepada pengurusan KSSB untuk memberi bonus yang tinggi pada masa akan datang?

JAWAPAN:

a) Pemberian bonus adalah berdasarkan prestasi kewangan syarikat dan juga prestasi kerja kakitangan. KSSB akan merujuk kepada MBI pada masa hadapan di dalam pemberian bonus.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)

TAJUK : ZAKAT

91. Zakat adalah antara mekanisme untuk mengani masalah sosioekonomi dalam masyarakat Islam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pendekatan terkini untuk meningkatkan hasil kutipan zakat?

b) Apakah pendekatan dan cara untuk memastikan agihan zakat sampai kepada mereka yang berhak tanpa prejudis politik?

c) Apakah impak positif hasil program-program pengagihan zakat yang telah dilaksanakan?

JAWAPAN :

a) Bagi perancangan Strategik LZS 2010, pihak pengurusan akan menyemak pencapaian tahun 2009 dan menambah baik strategi dan memperkenalkan aktiviti baru. Perancangan Strategik 2010 adalah seperti berikut :

1) Mempertingkatkan potensi kutipan zakat melalui Skim Berkat **(Pembayaran Zakat Melalui Potongan Gaji)**
2) Meningkatkan kutipan zakat dari sektor perniagaan
3) Menyebarkan dakwah secara komprehensif
4) Melaksanakan pelbagai promosi secara menyeluruh
5) Meningkatkan kutipan Zakat Padi dan Zakat Fitrah
6) Memaksimumkan potensi kutipan kaunter
7) Penggunaan pendekatan '*Internet Marketing'* Zakat secara menyeluruh
8) Mengemas kini dan menyelaras kaedah kiraan zakat
9) Memperkasa R & D kutipan
10) Mempertingkatkan kesetiaan pelanggan
11) Meyakinkan masyarakat tentang agihan zakat yang telus dan menepati syarak
12) Kemaskini strategi promosi melalui media
13) Memaksimumkan kepelbagaian kaedah penyampaian perkhidmatan pelanggan
14) Mempercepatkan urusan pemprosesan Skim Berkat
15) Memaksimumkan potensi kutipan melalui ejen bank
16) Melaksanakan Peraturan Zakat dan Fitrah Selangor
17) Pengurusan prospek & pemantauan
18) Memanfaatkan penerima untuk kutipan

b) Tiada elemen politik kepartian diterapkan dalam pemilihan asnaf, kerana setiap orang yang menepati kriteria pemilihan yang tertakluk kepada fatwa agihan zakat Negeri Selangor berhak dibantu dengan wang zakat.

Beberapa pendekatan dan cara untuk memastikan agihan zakat sampai kepada mereka yang berhak tanpa prejudis politik dilakukan oleh LZS seperti berikut :

1) Melakukan bancian menyeluruh penduduk kariah yang dikenal pasti mengalami kesusahan melalui amil kariah setiap masjid.

2) Haddul Kifayah diguna untuk semua proses penentuan fakir dan miskin.

c) Antara beberapa impak positif hasil program-program pengagihan zakat yang telak dilaksanakan ialah :

1) Impak paling besar ialah kepada anak-anak asnaf, khususnya dalam bidang pendidikan. Imlak lain, membantu asnaf membina hidup semula, khususnya dalam bidang sosial seperti pemberian rumah. Asnaf yang mampu berdikari diberikan modal perniagaan. Manakala kepada ummah, zakat dijana untuk pembinaan masjid, surau dan sekolah agama.

2) Dakwah zakat Selangor berkembang dan dirasai oleh semua lapisan masyarakat.

3) Kutipan zakat meningkat setiap tahun.

4) Program-program agihan yang dilaksanakan LZS mendapat liputan media dan secara tidak langsung member kesan positif kepada Negeri Selangor.

5) Institusi zakat negeri dan negara asia tenggara datang membuat lawatan kerja ke LZS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

92. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah semua syarikat di bawah MBI dan anak syarikatnya dan senaraikan satu persatu untuk makluman dewan

b) Senaraikan berapakah keuntungan yang diperolehi oleh semua syarikat di bawah MBI

c) Dari keuntungan yang diperolehi berapakah yang disumbangkan kepada kerajaan Negeri

JAWAPAN :

a) Seperti di lampiran 4.

b)

c) Seperti di bawah.

Kumpulan Darul Ehsan Berhad telah menyumbang sebanyak Rm434.81 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2001 hingga 2009.

Sumbangan yang telah dibuat adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	**JUMLAH RM' Juta**
1. Bayaran kepada pemegang unit Amanah Saham Selangor (ASAS)	210.27
2. Bayaran bagi 20m3 Air Percuma (Jun 08 – Dis 09)	200.13
3. Program Projek Komuniti (PPRT)	6.67
4. Sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor	2.95
5. Tajaan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor • Sukma 2008 • FAS (musim 2009)	 0.35 4.11
6. Zakat	7.62
7. Lain-lain sumbangan	2.71
Jumlah	**434.81**

Perincian sumbangan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad kepada kerajaan Negeri adalah seperti di Lampiran.

Permodalan Negeri Selangor Berhad
Sumbangan Kepada Kerajaan Negeri

TAHUN	BUTIRAN PERBELANJAAN	JUMLAH RM	JUMLAH RM
2008	Program Basmi Kemiskinan	1,282,979	
	Program Prihatin / Mesra Rakyat	3,182,000	
	Program Aidil Fitri	499,289	
	Pekawanis, NGO dan lain-lain	701,675	5,665,943
2009	Program Basmi kemiskinan	278,907	
	Program Prihatin / Mesra Rakyat	1,000,000	
	Program Aidil Fitri	920,269	
	Pekawanis, NGO dan lain-lain	1,041,999	3,241,175
2010	Pekawanis	129,000	
	Karnival Sungai Klang	20,000	
	Yayasan Amal Malaysia	100,000	
	Program Prihatin / Mesra Rakyat	1,000,000	
	SUKMA	200,000	
	Tajaan Golf Selangor Master	200,000	
	Karnival Sukan Masjid	3,000	1,652,000

SSIC Berhad tidak mempunyai keuntungan untuk disumbangkan kepada Kerajaan Negeri kerana syarikat hanya menerima geran pembiayaan untuk tujuan mempromosi pelaburan Negeri Selangor. Sekiranya terdapat lebihan pendapatan, lebihan tersebut juga akan digunakan untuk tujuan promosi pelaburan dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

Sumbangan KSSB kepada Kerajaan Negeri :-

- Sumbangan kepada Program-program kerajaan Negeri untuk 2009 : RM 1.3 juta
- Dividen Interim 2009 dibayar kepada MBI : Rm3.5 juta.

Lampiran 4

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH ANAK-ANAK SYARIKAT MBI
(Data dikemaskini takat 30 Jun 2010)

Company	Alamat	Ahli Lembaga Pengarah
Permodalan Negeri Selangor Berhad **Subsidiari :-** PNSB Development Sdn Bhd PNSB Management Consultancy Sdn Bhd PNSB Properties Sdn Bhd PNSB Supply & Services Sdn Bhd PNSB Trading Sdn Bhd PNSB Construction Sdn Bhd PNSB Insurance Broker Sdn Bhd Port Klang Logistic Centre Sdn Bhd	Tgkt 25, Wisma MBSA Persiaran Perbadanan 40000 Shah Alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman Y.Bhg Dato' Noordin Sulaiman Tuan Haji Ahmad Omar
Kumpulan Darul Ehsan Berhad **Subsidiari KDEB :** Jetson Corporation Sdn Bhd Cekal Tulin Development Sdn Bhd Mantapmurni Sdn Bhd Darul Ehsan Multimedia Corporation Sdn Bhd Application Service Provider Kumpulan Perangsang Selangor Bhd Hydrovest Sdn Bhd Titisan Modal (M) Sdn Bhd Viable Chip (M) Sdn Bhd Cash Band (M) Sdn Bhd **Kumpulan Hartanah Selangor Bhd** **Subsidiari :** Central Spectrum (M) Sdn Bhd Templer Park Golf & Resort Berhad	Tgkt 17, Plaza Perangsang, Persiaran Perbadanan, 40000, Shah alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Ramli Mahmud YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman Dato Abd Karim Munisar
Tourism Selangor Sdn Bhd	Lot P7, Jalan Indah 14/12 40000 Shah Alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Ramli Mahmud YB Elizabeth Wong Y.Bhg Dato' Noordin Sulaiman Y.Bhg Datin Jasmin Abdullah Heng Mr Anthony Wong Kim Hooi En Perremal a/l Maruthamuthu YB Tuan Edward Lee Poh Lin
Rantaian Mesra Sdn Bhd	LG, Bgnan Darul Ehsan 40000 Shah Alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Ramli Mahmud YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman YB Dr Ab Rani Osman YB Puan Rodziah Ismail
Kumpulan Semesta Sdn Bhd	No 2-12-1, Worldwide@7 Jln Lazuardi 7/29 Sek 7, Shah Alam	YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman En.Abdul Shukor Nagor En.Ramli Abd.Majed Mr Wong Su Kok En. Mohd Khairuddin Othman YB Mad Shuhaimi Shafiei Tuan Ganabatirau Veraman
Yayasan Warisan Anak Selangor	A1-11-2 & A1-11-3 Jln Multimedia 7/AH Park City, I-city 40000 Shah Alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim Datin Paduka Zauyah Be T.Loth Khan YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman YB Puan Rodziah Ismail
Communication Corporation Sdn Bhd	3rd Floor, No 6.D Jln Jubli Perak 22/1 Sek 22, 40400 Selangor	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Ramli Mahmud YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman En. Md Yunus Md Said
Majlis Sukan Negeri Selangor (Holding)	Carlton Holidays & Suites No1, Level 3, Persiaran Akuatik 13/43, Sek 13 40100 Shah Alam	YB Tuan Amiruddin Shari YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman Dato Termedi Hj Omar

SSIC Berhad	No.F1-2-G, Jln Multimedia 7/AG, City Park, I-city 40000 Shah Alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Ramli Mahmud YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman Dato Noordin Sulaiman Dato Mohd Jabar Dato Dr Hassan Mohd Ali YB Teresa Kok YB Yaakob Sapari
Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	WDT No 14 48009 Rawang	YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman YB Tuan Amirudin Shari En Mohd Azizi Mohd Zain En Noor Hisham Ahmad Dahlan En Tukiman Nail
Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Tgkt 5, Jln Zikron A 7/A Sek 7, 40000 Shah Alam	YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim YB Dato Ramli Mahmud YB Dato Mohd Arif Ab. Rahman Dato Dr Rosti Saruwono Datin Paduka Zauyah Be T.Loth Khan Dr Halimah Ali Dato Abd Karim Munisar Hj. Takril Tasuki Dato Dr Adnan Alias Dato Prof.Ir.Dr.Sahol Hamid Abu Bakar Dato Dr Muhamad Ariffin Aton Dato Ir Dr Muhamad Zohaidie Bardaie Pn Faekah Hj Husin Dr Che Rosli Bin Che Mat Dato Rashid Bin Din

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK :BANTUAN DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SELANGOR (JKM)

93. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah keseluruhan bantuan yang diberikan oleh JKM Selangor dalam tahun 2006-2010?

b) Apakah jenis-jenis bantuan dan jumlah yang diberi mengikut daerah?

c) Adakah senarai penerima bantuan-bantuan yang diberi dimaklumkan kepada ADUN-ADUN di kawasan berkaitan? Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

a) Jumlah keseluruhan bantuan yang diberikan oleh JKM Selangor dalam tahun 2006-2010 adalah seperti jadual di bawah.

TAHUN	PERUNTUKAN NEGERI (RM)	PERUNTUKAN PERSEKUTUAN (RM)
2006	6.54 juta	9.85 juta
2007	7.22 juta	10.65 juta
2008	7.43 juta	11.28 juta
2009	8.75 juta	13.66 juta
2010 (sehingga April)	6.81 juta	11.99 juta
JUMLAH KESELURUHAN	**36.75 juta**	**58 juta**

b) Jenis-jenis bantuan dan jumlah yang diberi mengikut daerah (berdasarkan data bagi tahun 2009) adalah seperti di bawah:

c) JKMM tidak memberi senarai penuh nama penerima-penerima bantuan kepada ADUN disebabkan perkara berikut:-

i) JKM berpegang kepada prinsip kerahsiaan kepada semua klien di bawah kelolaan Jabatan termasuklah klien penerima bantuan.

ii) Senarai klien penerima bantuan tidak disenaraikan mengikut ADUN tetapi mengikut Daerah tempat tinggal penerima.

Walaubagaimanapun Jabatan akan memaklumkan keputusan permohonan kepada ADUN yang membuat rujukan termasuk juga kepada perujuk-perujuk yang lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: HOSPITAL & KLINIK

94. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah dan lokasi hospital, klinik dan rumah-rumah sakit di seluruh Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor memainkan apa-apa peranan bagi menjaga keselamatan dan kebajikan kesemua rumah-rumah sakit di seluruh Negeri Selangor pada masa kini?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga kebajikan pesakit-pesakit di kesemua rumah-rumah sakit di Negeri Selangor ini?

JAWAPAN:

a) Terdapat 10 buah hospital kerajaan di negeri Selangor iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Serdang, Hospital Selayang, Hospital Ampang, Hospital Sg Buloh, Hospital Kajang, Hospital Tanjong Karang, Hospital Banting, Hospital Kuala Kubu Bharu dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam. Jumlah Klinik Kesihatan pula ialah 58 buah dan Klinik Desa 131 buah. Lokasi Klinik Kesihatan dan Klinik Desa mengikut daerah di negeri Selangor adalah seperti berikut :

Daerah	Klinik Kesihatan	Klinik Desa
Gombak	9	6
Hulu Langat	9	14
Hulu Selangor	8	12
Klang	8	19
Kuala Langat	7	20
Kuala Selangor	5	22
Petaling	5	6
Sabak Bernam	6	22
Sepang	3	10
Jumlah	60	131

b) Tidak berkaitan

c) Tidak berkaitan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : MENAIK TARAF HIDUP KUMPULAN ORANG ASLI TERMISKIN

95. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 37, 10 Nov 2009); "Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk menjalankan dua projek perintis ujian bagi menaik taraf hidup kumpulan Orang Asli termiskin."

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Untuk program-program apa dan bagaimanakah peruntukan RM500 ribu ini diagihkan sehingga Jun 2010?

b) Melalui agensi atau institusi apakah Kerajaan Negeri melaksanakan dua projek perintis ujian ini?

c) Apakah program yang telah dijalankan dan komuniti-komuniti Orang Asli manakah yang telah mendapat manfaat daripadanya sehingga Jun 2010?

JAWAPAN :

Soalan ditujukan kepada kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat menyediakan jawapan kepada kesemua soalan yang dibangkitkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PAKEJ RANSANGAN EKONOMI

96. Kerajaan dijangka dapat menarik pelaburan melebihi RM50 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi negeri melalui Inisiatif Kewangan Swasta untuk menggerakkan enam projek teras.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah nilai pelaburan yang diperolehi sehingga kini untuk menggerakkan enam projek teras tersebut?

b) Pelabur atau Negara manakah yang berminat untuk melabur dalam Pakej Ransangan Ekonomi ini?

c) Apakah impak positif perlaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dapat dilihat setakat ini?

d) Adakah kerajaan akan membuka makmal-makmal (laboratories) yang memperincikan perlaksanaan setiap enam projek teras tersebut?

JAWAPAN :

a)

b)

c)

d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : TOL HARAM BUKIT BERUNTUNG

97. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan terkini mengenai isu "Tol Haram" yang dikenal pasti di kawasan Bukit Beruntung?

JAWAPAN :

a) Keputusan MMKN telah menimbang dan memutuskan supaya mewujudkan Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah (Right of Way) di bawah seksyen 390 (1) Kanun Tanah Negara 1965 oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).

Satu sesi mesyuarat bersama Y.B Ronnie Liu dengan PNSB, pemilik/pengusaha tanah kawasan sekitar dan Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor di mana kos-kos yang terlibat dalam permohonan (Right of Way) ini ditanggung bersama dengan pembahagian RM20,000.00 daripada PNSB dan RM30,000.00 daripada pemilik/pengusaha.

Status terkini pihak PNSB telah melantik juruukur berlesen untuk membuat kerja ukur bagi tujuan mengemukakan permohonan secara rasmi ke Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMK-10)

98. Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang mengarah ke negara berpendapatan tinggi.
Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kerajaan negeri sudah mengkaji pencapaian RMK-9 dan prospek RMK-10 negeri?

b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan rakyat Selangor menikmati pendapatan tinggi?

c) Apakah nilai tambah dalam menjayakan prospek RMK-10 negeri Selangor?

JAWAPAN :

Dijawab bersekali dengan soalan no.19.

a) Dalam RMKe-9 Negeri Selangor, peruntukan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM3.42 bilion. Ianya merupakan rancangan dan peruntukan untuk tujuan pembangunan bagi tempoh 2006 hingga 2010. Dalam tempoh tersebut sebanyak 76.2 peratus telah pun dibelanjakan iaitu berjumlah RM2.61 bilion. Program-program pembangunan yang telah dilaksanakan adalah meliputi program-program Mesra Rakyat, Pembangunan Ekonomi, Usahawan, Latihan, Pembangunan Insan, Pusat Latihan, Pembangunan Kampung, dan Pelancongan. Sejak Mac 2008, kerajaan Negeri Selangor telah menumpukan program dan projek yang berlandaskan polisi Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor di mana kekayaan dan hasil mahsul negeri akan dikembalikan untuk kesejahteraan seluruh rakyat negeri Selangor ini. Maka itulah, pada tahun 2009 peruntukan pembangunan negeri adalah sebanyak RM787 juta manakala bagi tahun 2010 peruntukan pembangunan yang disediakan adalah sebanyak RM590.4 juta.

b) Walaupun 90 peratus kawasan di negeri Selangor adalah dikategorikan sebagai kawasan perbandaran, namun kerajaan Negeri Selangor tidak pernah terlintas untuk mengabaikan kebajikan dan kesejahteraan seluruh penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh itu, peruntukan yang disediakan untuk tujuan pembangunan luar bandar pada tahun 2008 sebanyak RM7.5 juta, manakala bagi tahun 2009 ialah sebanyak RM9.076 juta dan tahun 2010 pula meningkat kepada RM10.8 juta. Peruntukan ini adalah bagi membangunkan projek-projek seperti kemudahan asas desa, aktiviti pembangunan kampung, pembangunan kampung baru, penyelenggaraan jalan kampung dan kemudahan asas sawah sempadan.

c) RMKe-9 bagi Negeri Selangor yang dirancang terdahulu telah dinilai semula dengan menjadikan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 sebagai panduan utama pembangunan Negeri Selangor yang akan datang. RMKe-10 Negeri Selangor akan mengambil kira aspek pembangunan ekonomi, pembasmian kemiskinan, pendidikan, pembangunan berterusan, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan integriti, isu gender, inisiatif belia, peluang pekerjaan, pembangunan sumber manusia dan latihan, serta isu agama. Maka dengan hasrat itulah Kerajaan negeri Selangor telah memperkenalkan program Merakyatkan Ekonomi Selangor atau MES yang pada prinsipnya setiap rakyat di negeri Selangor adalah pemilik kepada sumber dan hasil kekayaan di negeri ini dan mereka mempunyai hak ke atas sumber tersebut untuk digembleng bersama. Penumpuan program MES ini adalah untuk menjaga kebajikan, kesamarataan, kekayaan serta kesejahteraan setiap penduduk di negeri Selangor ini. Maka dengan itu, sebaik mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri, Pakatan Rakyat telah melancarkan program-program seperti Bekalan Air Percuma bagi 20 meter padu, Program Peningkatan hasil Batuan dan Mineral, Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang. Selain itu, atas dasar memberi nilai tambah kepada negeri Selangor pada masa sekarang dan akan datang, Pakej Rangsangan Ekonomi telah diperkenalkan pada tahun 2008 yang menekankan projek-projek yang dapat memberi pulangan pendapatan tinggi negeri. Antara projek-projek yang sedang dijalankan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut adalah projek pemulihan dan pembangunan Sungai Klang, Penstrukturan semula air, Projek Pembaharuan Bandar, Pembangunan Semula projek-projek Terbengkalai dan Penambahbaikan Sistem Pengangkutan Awam di Lembah Klang ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH KOS RENDAH (RKR) PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

99. Rumah–rumah kos rendah PKNS yang telah diduduki masih mengalami masalah penyelenggaraan dan pembentukan JMB.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan projek perumahan RKR yang telah PKNS serahkan untuk penyelenggaraan JMB masing –masing?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan PKNS untuk mensubsidi belanja penyelenggaraan rumah RKR memandangkan pengutipan duit penyelenggaraan daripada penduduk tidak mencukupi untuk menampung belanja penyelenggaraan?

JAWAPAN :

a) Bilangan projek perumahan PKR yang telah PKNS serahkan untuk penyelenggaraan JMB masing-masing adalah 40. Pecahan adalah seperti berikut :-

Ampang	:	12
Kota Damansara	:	8
Shah Alam	:	8
Klang	:	4
Kuala Lumpur	:	6
Bangi	:	1
Selayang	:	1
JUMLAH	**:**	**40**

b) PKNS tiada perancangan untuk mensubsidi belanja penyelenggaraan rumah kos rendah (PKR) di bawah pengurusan PKNS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

100. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan keluasan dan bilangan keluarga di setiap kampung orang asli mengikut daerah di Selangor?

b) Senaraikan kampung-kampung orang asli yang mempunyai JKKK.

c) Apakah nisbah peruntukan tanah untuk setiap keluarga yang dapat menyara hidup 50 tahun?

JAWAPAN :

a) Seperti di lampiran.

b) **SENARAI J.K.K.K ORANG ASLI NEGERI SELANGOR TAHUN 2010 NEGERI SELANGOR**

DAERAH	BIL	KAMPUNG	BIL. AHLI		JUMLAH
			LELAKI	PER.	
KUALA LANGAT	1	KG. TANJONG SEPAT	**10**	**5**	**15**
	2	KG. PULAU BANTING	**8**	**7**	**15**
	3	KG. BUKIT KEMANDUL / TANJUNG RABOK	**12**	**3**	**15**
	4	KG. PULAU KEMPAS / BKT. CHEEDING	**12**	**3**	**15**
	5	KG. SUNGAI BUMBUN	**10**	**3**	**13**
	6	KG. BUKIT TADOM	**14**	**0**	**14**
	7	KG. BUKIT BARU	**12**	**2**	**14**
HULU LANGAT	8	KG. KUALA PANGSON	**11**	**3**	**14**
	9	KG. SUNGAI LALANG BARU	**12**	**3**	**15**
	10	KG. BROGA	**13**	**2**	**15**
	11	KG. DONGLAI BARU	**13**	**2**	**15**
	12	KG. GENTING PERES	**11**	**4**	**15**
	13	KG. PAYA LEBAR / SG. LUI	**10**	**5**	**15**
HULU SELANGOR	14	KG. TUN RAZAK	**13**	**2**	**15**
	15	KG. BULOH TELOR	**10**	**5**	**15**
	16	KG. GERACHI	**12**	**3**	**15**
	17	KG. PERTAK	**10**	**5**	**15**
	18	KG. KUALA KERLING	**9**	**4**	**13**
	19	KG. MELAKA, SERENDAH	**11**	**4**	**15**
	20	KG. BUKIT MANCHONG	**12**	**3**	**15**

	21	KG. SUNGAI KELUBI	**12**	**3**	**15**
	22	KG. SERIGALA	**12**	**3**	**15**
	23	KG. CHANGKAT BINTANG	**10**	**4**	**14**
	24	KG. HULU TAMU/SONGKOK C	**10**	**5**	**15**
	25	KG. SUNGAI JANG	**12**	**3**	**15**
	26	KG. GURNEY	**10**	**5**	**15**
SEPANG	27	KG. SUNGAI BELANKAN	**12**	**3**	**15**
	28	KG. BT. 28, JENDERAM HILIR	**9**	**2**	**11**
	29	KG. BUKIT DUGANG	**9**	**0**	**9**
	30	KG. BUKIT BAJA	**11**	**0**	**11**
	31	KG. BUKIT BANGKONG, SG. PELEK	**12**	**0**	**12**
	32	KG. KELINGSING / JAMBU / BAKOK	**8**	**5**	**13**
	33	KG. BKT. BANGKONG, DENGKIL	**12**	**3**	**15**
	34	KG. BKT TAMPOI, DENGKIL	**9**	**1**	**10**
	35	KG. SUNGAI BUAH	**9**	**3**	**12**
GOMBAK & PETALING	36	KG. SUNGAI RASAU HILIR	**8**	**6**	**14**
	37	KG. SUNGAI RASAU HULU	**6**	**3**	**9**
	38	KG. AIR KUNING	**6**	**1**	**7**
	39	KG. BUKIT LANJAN	**7**	**3**	**10**
	40	KG. HULU KUANG	**7**	**2**	**9**
		JUMLAH BESAR	**422**	**125**	**541**

c) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah memperuntukkan Pemilikan tanah pertanian dan tapak perumahan seluas .5 ekar setiap keluarga.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK: MASALAH KEPADA KAMPUNG BARU CINA

101. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sejak Pakatan Rakyat memerintah, berapa banyak geran tanah yang telah diluluskan untuk kampung baru cina dan jumlah kelulusan pajakan baru.

b) Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat, berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada kemajuan dan naik taraf kampung baru cina?

JAWAPAN:

a) Sejak Pakatan Rakyat memerintah, geran tanah yang telah diluluskan untuk Kampung Baru Cina dan jumlah kelulusan pajakan baru adalah :-

DAERAH	KG. BARU CINA
KLANG	Tiada maklumat
SABAK BERNAM	138
SEPANG	35
HULU SELANGOR	Tiada maklumat
GOMBAK	Tiada maklumat
HULU LANGAT	Tiada maklumat
PETALING	134
KUALA LANGAT	Tiada maklumat
KUALA SELANGOR	Tiada maklumat
JUMLAH	**307**

DAERAH	PAJAKAN BARU		
	2008	**2009**	**2010**
KLANG	132	49	16
SABAK BERNAM	104	73	42
SEPANG	100	90	31
HULU SELANGOR	155	68	24
GOMBAK	332	174	86
HULU LANGAT	274	150	52
PETALING	91	161	20
KUALA LANGAT	31	25	39
KUALA SELANGOR	152	75	35
JUMLAH	**1371**	**865**	**345**

b) Jawapan disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : LALU LINTAS DI BANDAR BARU BANGI

102. Lalu lintas di Bandar Baru Bangi menjadi kritikal, terutama pagi dan petang hari-hari bekerja.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Tidakkah wajar dibina `flyover` merentasi kawasan bulatan selepas Tol Bangi?

b) Wajarkah juga dibina `flyover` merentasi bulatan dari Jalan Reko ke Seksyen 4, 9 dan 7 Bandar Baru Bangi?

c) Adakah cadangan bagi melebar dan menaiktaraf jalan-jalan utama di Bandar Baru Bangi?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN (PADAT)

103. Kerajaan negeri telah menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan (PADAT) bagi membangun, memelihara dan menyebarkan adat Melayu serta warisan negeri

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah program-program yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosikan PADAT kepada semua rakyat Selangor?

b) Berapakah peruntukan untuk operasi badan dan melaksanakan program-program yang telah dirangka?

c) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan badan yang sama untuk memelihara adat kaum-kaum lain?

JAWAPAN :

a). Beberapa program utama telah dirangka bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

1. Konvensyen Adat Melayu Selangor akan diadakan setahun sekali.
2 Pengwujudan beberapa Desa Budaya di pintu-pintu masuk utama Negeri Selangor untuk mengetengahkan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor.
3. Membuat bengkel-bengkel seperti permainan tradisional, warisan kesenian dan masakan tradisional di setiap daerah-daerah di Negeri Selangor.
4. Melaksanakan penyelidikan dan kajian warisan Sejarah, Seni budaya, Flora, Fauna dan Alam Semulajadi.
5. Melaksanakan penyelidikan, pengumpulan dan pemeliharaan bahan untuk muzium-muzium daerah.
6. Melaksanakan kerja-kerja Eksplorasi Arkeologi dan Ekskavasi Arkeologi.
7. Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan koleksi adat Melayu dan warisan.
8. Merancang, menyediakan, dan melaksanakan Pameran-pameran berkala, khas dan bergerak.
9. Menyediakan konsep pelaksanaan pameran tetap dan sementara di Muzium Sultan Alam Shah dan Muzium-muzium Daerah.
10. Melaksanakan program Muzium dan pendidikan serta Rakan Muda Muzium.
11. Melaksanakan kerja-kerja Kajian Adat Melayu.
12. Melaksanakan kerja-kerja Kajian Tamadun Islam.
13. Melaksanakan Kajian Etnologi, Sejarah dan Pengumpulan Koleksi serta Maklumat Berhubung dengan Kebudayaan Selangor.
14. Melaksanakan kerja-kerja Kajian Seni Hias dan Seni Kraf.
15. Melaksanakan kerja-kerja Kajian Seni Bina dan Kampung Warisan Selangor.
16. Melaksanakan Kajian Masakan Tradisional dan Persembahan Warisan.
17. Melaksanakan kerja-kerja Kajian Tradisi Ilmu.
18. Melaksanakan kerja-kerja Kajian Bahasa dan Persuratan.
19. Melaksanakan Kajian Penulisan Jawi.

b) Bagi tahun 2010 sebanyak RM6 juta peruntukan telah diluluskan oleh kerajaan Negeri bagi pengurusan dan pelaksanaan program PADAT.

c) Setakat ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan lain selain daripada Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor untuk menguruskan dan memelihara adat kaum lain kerana PADAT ditubuhkan bertujuan menjaga kepentingan kaum lain melalui aspek warisan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERUNTUKAN KAWASAN DEWAN NEGERI

104. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Bagaimana caranya penggunaan peruntukan RM500,000.00 untuk setiap kawasan Dewan Negeri ?

JAWAPAN:

a) Cara penggunaan peruntukan kepada Ahli Dewan Negeri adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2010 iaitumengenai Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor. Peruntukan tersebut boleh digunakan untuk perkara-perkara berikut:-

(a) Pengurusan Pejabat ADN (Tidak Melebihi RM10,000 setahun)

Penyewaan ruang pejabat, penyewaan mesin fotostat, penyelenggaraan pejabat, pembayaran bil utiliti, pembelian komputer, pencetak, alat tulis, perbelanjaan mesyuarat serta lain-lain peralatan dan keperluan dalam pengurusan pejabat;

(b) Projek Kecil Pembangunan (Tidak Melebihi RM20,000 Setiap Projek)

Projek Kecil Pembangunan adalah merangkumi:-

(i) Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (Bangunan Awam) berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bil. 2 Tahun 2007; dan

(ii) Projek Infrastruktur Asas berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bil. 3 Tahun 2007.

(c) Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai (Tidak Melebihi RM10,000 Setiap Sumbangan)

Pemberian derma dan sumbangan sagu hati kepada rakyat miskin, warga emas, anak yatim, ibu tunggal, orang kurang upaya, badan atau individu seperti persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berdaftar dan tidak bermotifkan keuntungan*,* mangsa bencana, mangsa kemalangan, penghidap penyakit kronik dan bantuan kepada jawatankuasa masjid/surau dan rumah ibadat yang berdaftar. Sumbangan tunai yang diberikan **bukan secara sumbangan bulanan** tetapi diberi **sekali sahaja***;*

(d) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat (Tidak Melebihi RM20,000 Setiap Program)

Program turun padang, sesi dialog bersama rakyat, ziarah, program menceriakan kawasan sempena perayaan, program belia dan sosial, program-program kemasyarakatan termasuk perolehan pembelian barang-barang serta perkhidmatan; dan

(e) Pengubahsuaian Pejabat ADN (Tidak Melebihi RM20,000 Setiap Kerja)

Setiap ADN dibenarkan membuat kerja-kerja pengubahsuaian pejabat **sekali sahaja setiap lima (5) tahun** dengan menggunakan peruntukan ADN dan tidak melebihi **RM20,000.**

Di samping itu juga bagi terdapat kelonggaran untuk membelanjakan peruntukan di luar kawasan iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dibenarkan untuk menggunakan sehingga RM100,000 setahun bagi mengadakan semua aktiviti/program seperti di atas mana kala bagi ADN lain dibenarkan menggunakan sehingga RM50,000 setahun bagi mengadakan semua aktiviti/program seperti di atas kecuali bagi Projek Pembangunan Kecil dengan syarat ia memberi manfaat kepada majoriti penduduk kawasan ADN berkenaan.

Pihak Berkuasa Negeri juga telah mewujudkan kemudahan tabung pendahuluan ADN yang berjumlah tidak melebihi RM30,000 pada satu-satu masa yang boleh digunakan oleh ADN pada bila-bila masa dengan keutamaan kepada sumbangan/bantuan kepada mangsa bencana alam, kebakaran, penghidap penyakit kronik dan kemalangan. Peruntukan ini juga boleh digunakan bagi tujuan seperti di para (a) hingga (e) kecuali bagi Projek Pembangunan Kecil.

Pihak ADN bertanggungjawab dalam memastikan perbelanjaan peruntukan ADN dibelanjakan secara adil dan telus sama ada dari segi perolehan, perkhidmatan dan pengurusan kewangan supaya peruntukan yang disalurkan dapat memberi faedah kepada rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : GELANGGANG PERMAINAN

105. Gelanggang permainan amat diperlukan oleh golongan belia sama ada di kampung atau taman perumahan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk membina gelanggang permainan seperti futsal, sepak takraw dan lain-lain?

b) Sila senaraikan semua jenis gelanggang yang dibina baru di seluruh negeri Selangor mengikut DUN?

c) Sila nyatakan senarai semua jenis gelanggang baru dan lokasi ianya dibina bagi kawasan DUN Dusun Tua dari tahun 2009 hingga sekarang?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri tidak menyalurkan sebarang bentuk peruntukan khas kepada PBT untuk membina gelanggang permainan atas kekangan peruntukan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan Negeri sendiri. Walau bagaimanapun, PBT boleh menghantar permohonan untuk pembinaan gelanggang permainan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan lanjut.

b) Berikut adalah senarai semua jenis gelenggang yang dibina baru di seluruh Negeri Selangor mengikut DUN:

BIL	PBT	DUN	JENIS GELANGGANG (BARU DIBINA)	BIL
1	MPSJ	Sri Serdang	Badminton	1
			Bola Keranjang	2
			Bola Jaring	1
			Sepak takraw	1
		Subang	Badminton	1
		Kinrara	Futsal	1
		Seri Kembangan	Futsal	1
2	MPAJ	Pandan	Petanque lokasi Pandan Indah	1
3	MPSepang	Sepang	Futsal di Taman Murni Sepang	1
4	MPKj	Bangi	Badminton / Sepak takraw	1
		Kajang	Badminton / Sepak takraw	1
		Balakong	Bola Keranjang	1

		Dusun Tua	Futsal Badminton / Sepak takraw	1
5	MBSA	Shah Alam	Badminton	2
			Futsal	4
6	MBPJ	Seri Setia	Bola Keranjang	2
			Futsal	3
			Badminton	14
		Taman Medan	Badminton	13
			Bola Keranjang	5
			Bola Tampar	1
			Futsal	3
		Bukit Gasing	Badminton	18
			Bola Keranjang	9
			Bola Tampar	2
		Kampung Tunku	Badminton	22
			Bola Keranjang	8
			Futsal	1
		Damansara Utama	Badminton	17
			Bola Keranjang	17
			Bola Tampar	4
			Futsal	4
		Bukit Lanjan	Bola Keranjang	4
			Badminton	3
		Kota Damansara	Badminton	18
			Bola Keranjang	5
			Futsal	1

7	MDKS	Sungai Burong	Futsal	1
		Permatang	Futsal	3
		Malawati	Futsal	12
		Ijok	Futsal	11
		Jeram	Futsal	14
8	MDSB		Sepak Takraw	1
9	MPS	Tiada Gelanggang		
10	MPK	Meru	Futsal	2
		Sementa	Futsal	10
		Kota Raja	Futsal	3
		Seri Muda	Futsal	1
		Sri Andalas	Futsal	2
11	MDKL	Tiada Maklumat Diberi		
12	MDHS	Tiada maklumat diberi		
JUMLAH				**254**

c) Berikut adalah senarai semua jenis gelanggang baru dan lokasi ianya dibina bagi kawasan DUN Dusun Tua dari tahun 2009 hingga sekarang:

BIL	JENIS GELANGGANG	LOKASI
1.	Futsal	Desa Sentosa, Hulu Langat
2.	Badminton / Sepak takraw	Pinggiran Delima, Hulu Langat

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PINJAMAN PENDIDIKAN

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan kriteria serta proses pinjaman pendidikan pelajar bagi IPT milik Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

a) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor** (TKWBNS) telah ditubuhkan pada tahun 1987 berpandukan kepada "*State of Selangor Enactment No. 4 of 1949*" (Enakmen Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor 1949 (Pindaan 2001)). Berdasarkan enakmen tersebut, peruntukan tahunan TKWBNS adalah di bawah **pembiayaan Kerajaan Negeri**.

TKWBNS mempunyai **dua (2) jenis tabung** yang memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Negeri Selangor dan mereka yang layak setelah dipertimbangkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS). Bentuk tabung pinjaman yang disediakan adalah seperti berikut:

(i) <u>Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor</u>
Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara, sama ada IPT Awam/ IPT Swasta (IPTA/ IPTS) termasuk IPT milik Kerajaan Negeri bagi pengajian di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah.

(ii) <u>Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor</u>
Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS, termasuk IPT milik Kerajaan Negeri bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang teknikal dan kemahiran di peringkat Sijil.

Syarat-syarat kelayakan permohonan pinjaman yang telah ditetapkan berdasarkan Enakmen TKWBNS adalah seperti berikut:

(i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
(ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
(i) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974; atau
(ii) Pemohon telah bermastautin lebih dari 5 (lima) tahun di Negeri Selangor.

Permohonan bagi pinjaman pelajaran TKWBNS tersebut boleh dibuat bermula dari tarikh makluman **iklan tawaran dibuka** yang disiarkan melalui akhbar-akhbar utama tempatan atau melalui laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor: <u>http://www.selangor.gov.my</u>, setiap **<u>dua (2) kali</u>** setahun.

Pemohon perlu mengisi **Borang Permohonan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor** yang berharga **RM3.00**. Borang permohonan rasmi tersebut boleh diperolehi melalui:

(i) Kaunter: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor; atau

(ii) Pos: Dengan mengemukakan sampul surat 16 cm x 23 cm yang dilekatkan dengan setem 50 sen beralamat sendiri berserta wang pos/ *money order* bernilai RM3.00 atas nama **Bendahari Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor** kepada Urus Setia LTKWBNS.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada Urus Setia LTKWBNS sebelum tarikh tutup permohonan untuk diproses.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : TANAH-TANAH RIZAB PERKUBURAN CINA DAN INDIA

107. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan tanah-tanah yang telah digazetkan sebagai tanah-tanah perkuburan Cina atau tanah perkuburan India mengikut pecahan PBT bagi tahun 2006-2010.

b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memodenkan tapak pembakaran mayat yang sedia ada serta cara pemodenan yang akan dilaksanakan dan senaraikan tapak yang telah dikenal pasti untuk mengikut PBT sekiranya ada.

JAWAPAN:

a) Terdapat 76 buah tanah telah digazet untuk perkuburan Cina dan sebanyak 42 buah tanah digazet untuk perkuburan India. Berikut adalah jumlah tapak perkuburan tersebut mengikut PBT dari 2006 hingga 2010. Dan senarai tapak-tapak perkuburan tersebut adalah seperti di Lampiran A.

BIL	PBT	TAPAK PERKUBURAN HINDU	TAPAK PERKUBURAN CINA
1.	MBSA	2	9
2.	MBPJ	2	1
3.	MPK	2	2
4.	MPSJ	3	4
5.	MPAJ	1	2
6.	MPKJ	5	13
7.	MPS	2	10
8.	MPSP	8	13
9	MDKS	7	2
10..	MDHS	4	10
11	MDKL	5	8
12.	MDSB	1	4
JUMLAH		42	76

b) Kerajaan negeri belum bercadang untuk memodenkan tapak pembakaran mayat yang sedia ada. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan bagi membina sebuah krematorium di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya iaitu di atas sebahagian tapak Perkuburan Hindu, Batu 14 Puchong dan masih di dalam perancangan dari segi kesesuaian tapak, kos pelaksanaan dan perbincangan dengan Persatuan Pengurusan Tanah Perkuburan Hindu. Selain itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga telah memasang sebuah mesin pembakar mayat yang baru pada Mac 2010 dan bercadang untuk menggantikan 2 buah mesin pembakar mayat lagi pada tahun hadapan krematorium Sek. 51A/229.

SENARAI TANAH PERKUBURAN CINA DAN HINDU DI NEGERI SELANGOR

BIL	PBT	TAPAK PERKUBURAN HINDU	TAPAK PERKUBURAN CINA
1	MBSA	SEKSYEN U14	SEKSYEN 15
			SEKSYEN U16
			TANAH PERKUBURAN PEKAN SUBANG, SEKSYEN U6
			SEKSYEN U14 (FAIRY PARK)
			SEKSYEN U14 (PREMIVEST SDN BHD)
			SEKSYEN U14 (LAYAK ABADI SDN BHD)
			SEKSYEN U14 (PERSATUAN HOKKEIN,KLANG)
			SEKSYEN U14 (PERSATUAN KWONG TUNG KLANG)
		KOMPLEKS PERKUBURAN BERSEPADU SEKSYEN 21	
2	MBPJ	JALAN SS 22/7,SS 22	JALAN 229 SEKSYEN 51A
		JALAN 229 SEKSYEN 51A	
3	MPSJ	LOT 7374 BT 14 PUCHONG	LOT 5857 UPM SERDANG
		LOT 5856 UPM SERDANG	BT 14 PUCHONG
			LOT 2784 BT 14 PUCHONG
		TANAH PERKUBURAN BERSEPADU, TAMAN SUBANG HI-TECH	
4	MPKJ	LOT 5833 JALAN DESA SERDANG	JALAN WAN SIEW, SUNGAI CHUA
		MUKIM KAJANG	JALAN BANGI LAMA (SEBELAH TAMAN UKM)
		LOT 4539 TAMAN DAMAI MEWAH	JALAN BANGI LAMA (HADAPAN KAMPUNG BAHAGIA)
		LOT 3456 SUNGAI LONG	KAMPUNG SUNGAI KANTAN
		LOT 1070 KAWASAN PERINDUSTRIAN KAJANG JAYA	LOT 2370 SUNGAI JELOK
			LOT 3456 SUNGAI LONG
			LOT 3224 BALAKONG
			LOT 313,1233,1234,1235,1236 (BERHADAPAN JALAN SEMENYIH)
			LOT 760 JALAN SUNGAI TEKALI HULU LANGAT
			LOT 702 JALAN AMPANG-HULU LANGAT
			LOT 2240, MUKIM BERANANG
			NIRVANA MEMORIAL PARK
			SEMENYIH MEMORIAL HILL

5	MPK	LOT 3959 JALAN HJ SIRAT	LOT 47 JALAN MERU KLANG
		LOT 218 TANAH PERKUBURAN BERSEPADU SIMPANG LIMA KLANG	LOT 6314 TANAH PERKUBURAN BERSEPADU SIMPANG LIMA KLANG
6	MPAJ	LOT 2945 JALAN KOLAM AIR LAMA, TAMAN UKAY HEIGHT, MUKIM HULU KELANG	LOT 507 JALAN HULU KELANG, KAMPUNG PASIR, MUKIM HULU KELANG
			LOT 1239, BERHAMPIRAN JALAN PINGGIR SATU, TAMAN PINGGIRAN UKAY, MUKIM HULU KELANG
7	MPS	Tanah Perkuburan Hindu Batu Arang 48050 Rawang	Tanah Perkuburan Cina Lama Kepong, Selangor
		Tanah Perkuburan Hindu Taman Setia Fasa 1, Taman Setia Rawang	Tanah Perkuburan Cina Selayang Baru, 68100 Batu Caves
			Tanah Perkuburan Cina 48020 Rawang
			Tanah Perkuburan Cina Kepong, Jalan Jinjang, Kampung Batu,
			Tanah Perkuburan Cina Kuang, 48050 Rawang
			Tanah Perkuburan Cina Kampung Bahagia, Bukit Laggong
			Tanah Perkuburan Cina Batu Arang, 48050 Rawang
			Tanah Perkuburan Pertubuhan Perkuburan Masyarakat Cina
			Tanah Perkuburan Cina Batu Arang, 48050 Rawang
			Tanah Perkuburan Cina 47000 Sg Buloh
8	MPSP	SEBAHAGIAN 3344 KAWASAN TELUK MERBAU	LOT 2935 LEMBAH PAYA
		PEKAN DENGKIL	LOT 2,3,2182,4487 PEKAN SEPANG
		DENGKIL	LOT 4638 PEKAN DENGKIL
		LOT 3330 JENDERAM	PEKAN DENGKIL, BATU 1
			LOT 6985 PEKAN DENGKIL
			LOT 4632 PUCHONG
			LOT 2211 PUCHONG
			LOT 1909 SALAK
			LOT 3329 JENDERAM
		KUBUR BERSEPADU PEKAN SEPANG	
		KUBUR BERSEPADU TAMAN SAINS SELANGOR 2	
		KUBUR BERSEPADU CYBERJAYA	
		KUBUR BERSEPADU VINTAGE HEIGHT, SUNGAI BLANKAN	
9	MDSB	LOT 57 JALAN TORKINTON	LOT 46 JALAN TORKINTON
			LOT 6305 BATU 2 SEPINTAS
			LOT 2653 SUNGAI PULAI
			LOT 740 SABAK

10	MDKS	LOT 3409 SUNGAI DARAH BATANG BERJUNTAI	LOT 2471, 816 IJOK
		LOT 519 IJOK	LOT 33 BUKIT TALANG KUALA SELANGOR
		LOT 5387 KAMPUNG SUNGAI BULOH	
		LOT 14 TELOK PIAI	
		LOT 2405 KAMPUNG KUANTAN KUALA SELANGOR	
		LOT 2143 KAMPUNG RAJA MUSA KUALA SELANGOR	
		LOT 43 KAMPUNG RAJA MUSA KUALA SELANGOR	
11	MDHS	LOT 894 KERLING	LOT 137,150 KERLING
		LOT 1071 JALAN DATO' HAMZAH KUALA KUBU BARU	LOT 1113,101 KUALA KUBU BARU
		LOT 2019 SERENDAH	LOT 2401,2550 RASA BATANG KALI
			LOT 62 RASA (RUMAH MURAH) BATANG KALI
			LOT 50 RASA (JALAN RASA-BUKIT BERUNTUNG) BATANG KALI
			LOT 5095 ULU YAM LAMA
			LOT 2024 ULU YAM BHARU
			RAWANG MEMORIAL PARK
			KAMPUNG DATO' HARUN
		LOT 3020,3061 TAHAN PERKUBURAN BERSEPADU HULU YAM BHARU	
12	MDKL	LOT 4469 MUKIM TANJUNG DUABELAS	BUKIT PERAH MUKIM TANJUNG DUABELAS
		LOT 513,514 JALAN SUNGAI BUAYA LADANG JUGRA	LOT 18338 BUKIT CHEEDING MUKIM TANJUNG DUABELAS
		LOT 1477 SUNGAI PEDU MUKIM TANJUNG DUABELAS	LOT 3157 KAMPUNG PERMATANG PASIR JUGRA
		LOT 506 SUNGAI PEDU MUKIM TANJUNG DUABELAS	LOT 248 BUKIT JUGRA
		LOT 1252 TITIP MUKIM BATU	LOT 340 BUKIT JUGRA
			LOT 664 BUKIT JUGRA
			LOT 1009 TELOK PANGLIMA GARANG
			LOT 431 MORIB

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : INDUSTRI AIR DI SELANGOR

108. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan terkini tentang rundingan pengambil-alihan industri dan aset air di Selangor?

b) Kerajaan Persekutuan sedang membina paip air untuk menyalur air dari Pahang ke Selangor dan menuduh Kerajaan Selangor sengaja melengahkan projek ini. Apakah penjelasan kerajaan Selangor?

JAWAPAN :

a) Bersekali dengan jawapan soalan NO. 98 bertulis.

Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah Senarai 111-Senarai Bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan perkhidmatan bekalan air semenjak tahun 1994 dan penswastaan sepenuhnya telah dilaksanakan pada tahun 2004. Melalui penswastaan ini, Perjanjian Konsesi telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Konsesi Air.

Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Dalam usaha untuk mencapai hasrat untuk menstrukturkan semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, beberapa siri rundingan telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:

a) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan

b) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan

Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan. Rundingan dengan Pemegang Konsesi telah dimulakan oleh Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja bermula semenjak 10 Jun 2009.

Berdasarkan kepada perbincangan di dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Induk Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air, Kerajaan Negeri telah menyemak semula nilai tawaran asal tersebut dan telah bersetuju supaya nilai tawaran kepada Pemegang Konsesi dianggarkan pada jumlah RM9.218 bilion. Nilai RM9.218 bilion yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah tidak lebih dari nilai yang akan dibayar oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) kepada Kerajaan Negeri Selangor sebagai balasan ke atas aset-aset bekalan air yang akan diambil alih oleh PAAB. Nilai RM9.218 yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah mengandungi nilaian ke atas aset, nilaian ekuiti dan liabiliti termasuk bon yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi yang berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja (*water related activities only)*.

Penilaian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah dibuat berdasarkan *Audited Account* Pemegang Konsesi dan anggaran setakat 30 Jun 2009. Dalam membuat penilaian ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggunakan kaedah *1 x Nett Book Value* sebagai mana kaedah penilaian yang dipersetujui oleh PAAB. Dalam menentukan nilai yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri telah mengambil kira elemen-elemen mengenai jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham di dalam Syarikat Konsesi Air, tempoh pelaburan yang telah dibuat, jumlah hutang yang ditanggung, dan pulangan keuntungan sebanyak 12% atas pelaburan yang telah dibuat oleh Pemegang Saham. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak.

Nilai RM9.218 bilion tersebut adalah anggaran sahaja. Nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan ditentukan selepas proses *due diligence* disempurnakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juru perunding yang dilantik. Sekiranya wujud perbezaan dan/atau ketidaktepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence* disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.

Tawaran pengambilalihan syarikat konsesi air menggunakan Model holistik Kerajaan Negeri Selangor pada anggaran nilai RM9.218 bilion tersebut diterima oleh SPLASH dan ABASS, manakala SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd menolak tawaran tersebut.

Lanjutan tidak mendapat persetujuan dari kesemua syarikat pemegang konsesi ke atas Model holistik Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju supaya Model Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) digunakan untuk proses penstrukturan semula di Selangor.

Di bawah Model PAAB ini, SYABAS akan dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator agihan manakala ABASS, SPLASH dan Puncak Niaga dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN. Di bawah Model PAAB ini juga, pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Selangor di dalam SYABAS akan ditingkatkan dari 30% kepada 49% manakala pegangan ekuiti Puncak Niaga di dalam SYABAS akan dikurangkan dari

70% kepada 51% dan saham emas akan kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Penerimaan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Model PAAB adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:-

a) Terma-terma dan syarat-syarat yang mengehendaki pengurusan SYABAS yang profesional, berkebolehan dan efisien akan dimuktamadkan di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang akan ditandatangani di antara pemegang ekuiti SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor; dan

b) Model PAAB dipersetujui untuk diterima oleh keempat-empat syarikat pemegang konsesi air negeri Selangor.

Antara 16 Mac 2010 hingga 23 Mac 2010, pihak KTTHA telah membuat rundingan bersama kesemua syarikat konsesi air bagi memaklumkan nilai untuk pengambilalihan oleh PAAB. Kesemua syarikat konsesi air diberi tempoh sehingga 06 April 2010 untuk memberikan maklum balas ke atas tawaran tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan pada 22 April 2010, SPLASH dan ABASS memaklumkan bahawa mereka menolak tawaran oleh KTTHA tersebut, manakala SYABAS dan Puncak Niaga mengemukakan cadangan balas. Memandangkan Model PAAB juga tidak diterima oleh kesemua Pemegang Konsesi Air, Kerajaan Negeri berpandangan, maka Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi PAAB adalah gagal.

Lanjutan dari kegagalan semua Model yang dicadangkan tersebut, Jawatan Kuasa Induk Penstrukturan semula telah memutuskan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti Model baru yang akan mengambil kira semua pandangan dari Pemegang Konsesi. Kerajaan Negeri Selangor ketika itu diminta untuk berbincang dengan PAAB mengenai Model yang dicadangkan. Model baru yang dipersetujui di dalam perbincangan bersama PAAB adalah Model Holistik di mana PAAB akan menyediakan nilai untuk mengambil alih aset dari Pemegang Konsesi dan Kerajaan Negeri akan bertanggungan menyediakan dana bagi membayar nilai ekuiti bagi mengambil alih perniagaan Pemegang Konsesi. Sekiranya Model ini berjaya dilaksanakan, maka kesemua perjanjian konsesi dengan Pemegang Konsesi akan ditamatkan dan operasi rawatan dan pembekalan air akan dilaksanakan oleh satu operator yang merupakan syarikat SPV yang akan dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Namun demikian, sehingga hari ini tiada sebarang perkembangan baru sama ada Model yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor dan PAAB akan dipersetujui untuk dilaksanakan. Apa jua keputusan akhir sama ada Model holistik negeri Selangor akan diterima pakai adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Ini adalah kerana melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

b) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menghalang pelaksanaan projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor. Pada ketika ini Kerajaan Negeri Selangor hanya menangguhkan untuk sementara semua kelulusan yang berkaitan dengan penggunaan tanah bagi projek tersebut. Keputusan ini di buat berdasarkan kepada justifikasi bahawa "*site possession*" belum diperlukan ketika ini. Pihak Kementerian

Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) masih boleh membuat kerja-kerja ukur atau menyediakan semua dokumentasi yang berkaitan dengan pelantikan tender bagi kerja-kerja penyaluran tanah sementara menunggu "*site possession*" diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pada masa yang sama, kelulusan ke atas tanah-tanah tersebut akan diberikan sebaik sahaja penstrukturan semula industri perkhidmatan air sebagaimana yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dipersetujui untuk dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : ISU PASAR BESAR JALAN MERU

109. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Pasar Besar Klang mempunyai 3 persatuan mewakili penjaja yang mencorakkan perniagaan di situ, Bagaimanakah pihak MPK menangani aduan persatuan ini dan apakah bentuk siasatan dan tindakan yang telah diambil?

JAWAPAN :

a) Pihak Majlis akan menerima semua aduan sama ada dari orang ramai atau persatuan pasar. Setiap aduan akan disemak terlebih dahulu dan akan diagihkan kepada Jabatan-jabatan berkaitan dengan aduan tersebut, contoh jika aduan ini berkaitan kerosakan infrastruktur di pasar, maka aduan ini akan disalurkan ke Jabatan Kejuruteraan. Pihak Majlis juga akan memanggil persatuan ini jika aduan ini melibatkan dasar atau polisi Majlis untuk berbincang atau mesyuarat.

Bentuk siasatan yang dibuat terhadap aduan-aduan ini adalah mengenal pasti kebenaran aduan ini terlebih dahulu. Sekiranya betul, tindakan perundangan terus akan diambil seperti mengeluarkan notis atau kompaun kepada peniaga. Pihak Majlis juga akan mengambil tindakan yang lebih keras seperti tindakan siasatan jika aduan ini berulang atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Majlis. Majlis juga akan menarik balik peruntukan gerai pasar jika peniaga masih lagi melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : NEGERI BERKEBAJIKAN

110. "Negeri Berkebajikan" adalah konsep penting dalam pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri melalui kajian tentang tahap keberkesanan dan penerimaan rakyat terhadap konsep ini?

b) Apakah impak nyata dan manfaat yang dinikmati oleh rakyat hasil penerapan konsep ini?

c) Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan negeri untuk menjayakan konsep dan program "Negeri Berkebajikan" ini bagi tahun 2009 dan 2010?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri dengan penuh keazaman untuk meletakkan agenda membela rakyat telah memperkenalkan satu konsep di dalam pembangunan Negeri Selangor iaitu konsep "Negeri Berkebajikan". Matlamat utama konsep ini diperkenalkan adalah untuk menghapuskan kesengsaraan rakyat dan memperbaiki kelemahan dalam mentadbir hasil mahsul negeri. Akibat daripada kemerosotan ekonomi, rakyat terpaksa menanggung kean negatif seperti kenaikan harga barang, minyak dan lain-lain. Oleh itu, Pakatan Rakyat telah berazam untuk memperluaskan lagi usaha membelanjakan wang negeri untuk kepentingan rakyat. "Negeri Berkebajikan" ini adalah manifestasi serta pelaksanaan konsep "kepedulian" kepada rakyat yang dilaungkan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat.

   Konsep "Negeri Berkebajikan" menekankan bahawa sumber-sumber dan aset-aset negeri tidak akan disalahgunakan tetapi ia kan dimaksimumkan untuk manfaat rakyat. Berteraskan kepada konsep ini, Kerajaan Negeri mewujudkan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bagi memastikan kebajikan rakyat terus terjamin. Ini bersesuaian dengan prinsip MES iaitu kepercayaan bahawa sumber-sumber negeri adalah kepunyaan rakyat. Oleh itu, kita memulangkan kekayaan negeri kepada mereka yang merupakan pemilik ekonomi yang sebenarnya. Agenda MES ini telah berjaya memberikan impak yang positif dan juga memudahkan beban yang ditanggung oleh rakyat Negeri Selangor melalui program-program seperti berikut :

   i. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

   ii. Skim Mesra Usia Emas

   iii. Hadiah Anak Masuk Universiti

   iv. Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu

v. Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang

vi. Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)

vii. Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral

b) Berdasarkan kepada program MES yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008, ia memberi banyak kemudahan kepada rakyat. Program ini juga dilihat berjaya memberi impak yang besar kepada rakyat negeri Selangor. Perkara ini dapat dilihat dari pertambahan jumlah rakyat yagn menerima faedah dari setahun ke setahun. Berikut merupakan jumlah rakyat yang menerima faedah daripada program MES mengikut program :

BIL	PROGRAM	JUMLAH PENERIMA FAEDAH
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	13,424 orang
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	11,802 orang
3	Skim Mesra Usia Emas	11,683 orang
4	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	3,436,702 orang
5	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	5,287 orang

Selain daripada program-program di atas, terdapat juga program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) yang bertujuan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak khususnya bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga, penderaan dan sebagainya. Pusat ini bertindak sebagai *first respondent/point of contract* bagi kes-kes yang dinyatakan di atas. Terdapat 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan di Selangor, iaitu di Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang.

Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral juga merupakan salah satu program MES. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan berlainan dalam aktiviti pengorekan bahan batuan dan mineral di Selangor. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan akan diagihkan dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam program pelaksanaan Agenda MES. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd yang beroperasi sebagi syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Sehingga Jun 2010, hasil daripada penjualan pasir yang sudah diterima dan dikumpulkan adalah berjumlah RM62.6 juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM12.4 juta.

c) Pelaksanaan konsep dan program “Negeri Berkebajikan” ini diterjemahkan melalui program dan projek-projek yang dirangka di dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan Negeri Selangor. Dalam hal ini, peruntukan pembangunan Negeri Selangor bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM590 juta kesemua peruntukan yang disediakan ini adalah semata-mata untuk merealisasikan konsep “Negeri Berkebajikan” melalui program dan projek yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di Negeri Selangor.

Bagi menjayakan konsep dan program “Negeri Berkebajikan” juga, Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir RM50.5 juta bagi program khusus iaitu :

BIL.	**PROGRAM**	**JUMLAH PERUNTUKAN (RM)**
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	13 juta
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	13.4 juta
3	Skim Mesra Usia Emas	20.7 juta
4	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	3.4 juta
JUMLAH		**50.5 juta**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : KECURIAN PASIR

111. Laporan media dan aduan orang ramai menunjukkan terdapat kejadian kecurian pasir atau perlombongan haram di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawal dan menguatkuasakan aktiviti perlombongan pasir dan adakah pihak-pihak tersebut berkemampuan?

b) Apakah langkah yang betul jika rakyat mahu melaporkan sebarang aduan?

c) Adakah benar kegiatan pencurian pasir atau perlombongan haram ini didalangi oleh kumpulan kongsi gelap?

JAWAPAN :

a) KSSB bertanggungjawab untuk mengawal dan menguatkuasakan aktiviti perlombongan pasir di Negeri Selangor. Setakat ini semua permit pasir (Borang 4C) dikeluarkan kepada KSSB.

b) Langkah yang betul jika rakyat mahu melaporkan sebarang aduan adalah melalui Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan.

c) Mengikut pemerhatian dan penelitian Pejabat Tanah, kebanyakan kegiatan kecurian pasir dijalankan oleh pengusaha pasir yang telah lama berkecimpung dalam aktiviti perlombongan pasir (samada pernah mempunyai Borang 4C atau tidak pernah mempunyai Borang 4C).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
SEMENTA

TAJUK : BANDAR DIRAJA KLANG

112. Bandar Diraja Klang terus mengalami pelbagai pembangunan infrastruktur yang pesat untuk kesejahteraan penduduknya.

Bertanya kepada YAB. Dato Menteri Besar :-

a) Adakah kerajaan negeri menyediakan bajet tertentu untuk memastikan penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur Bandar ini menepati statusnya sebagai Bandar Diraja?

b) Apakah status terkini projek pembersihan Sg. Klang dan apakah status cadangan projek jambatan baru di Bandar Klang?

c) Apakah perkembangan terkini polemik perpindahan stesen bas dan teksi yang baru?

JAWAPAN:

a) Tiada jawapan

b) Status projek pembersihan Sg Klang di peringkat MPK/Daerah:-

- Bancian guna tanah dan pemilikan lot-lot di kawasan 50 meter di tebing – selesai
- Notis penguatkuasaan ke atas penggunaan tidak sah di tanah kerajaan (rizab sungai) – perbincangan dengan Pejabat Tanah dan Daerah
- Pembersihan dan Pemantauan berterusan serta permohonan bajet bagi membaiki perangkap sampah dan papan notis
- Pengindahan berterusan dengan tumpuan kepada pusat bandar
- Penglibatan awam melalui River Rangers. Dua pasukan baru akan ditubuh selain tiga yang ada.

c) Terkini semua bas Ekspres telah berpindah dan memberi perkhidmatan di Klang Sentral di Terminal A termasuk perkhidmatan teksi Klang Sentral. Hanya bas-bas arah ke Pekan Meru/Kapar sahaja singgah ke Klang Sentral jika terdapat penumpang. Perkhidmatan bas ke Kuala Lumpur dari Klang Sentral hanya diperolehi daripada Rapid K.L. yang turut beri perkhidmatan ke Puncak Alam. Semua bas-bas tempatan masih terus beroperasi di Pusat Bandar dan berada/menunggu di tempat-tempat mengambil penumpang (Pick-up Point) khasnya P1 (Seranas) P2 (Rapid KL/City Liner/Wawasan Sutra) P6 Bas mini yang turut memasuki tempat letak kereta Majlis di atas bekas tapak Stesen Bas Ekspres Tindakan penguatkuasaan adalah diteruskan dari masa ke semasa namun kurang mendapat kerjasama LPKP yang kini sedang diselaraskan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat. Kepesatan pembangunan bernilai tambah di Klang Sentral turut memajukan dan menarik perkhidmatan bas ke Klang Sentral. Dijangka menjelang hujung tahun 2010 sebahagian perkhidmatan bas ke Klang Sentral berdasarkan permintaan pengguna.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : MASALAH JALANRAYA

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan secara terperinci tindakan yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah jalan mendap di Jalan Kampung Johan Setia ? Bilakah akan dibaiki dan berapakah kos pembaikannya ?

b) Kenapakah pemaju tidak dipertanggungjawabkan membaikinya kerana jalan itu mendap semasa sedang dan selepas dibina beberapa bulan. Apakah rasionalnya ?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : RANCANGAN PEMBANGUNAN SELANGOR

114. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

a) Penafian pembangunan Selangor dalam RMK10 mencabul hak rakyat Selangor terhadap pembangunan. Apakah usaha dan tindakan kerajaan Selangor dalam menangani sikap tidak profesional kerajaan pusat?

b) Bagaimana serius kerajaan negeri mencari jalan menyalurkan kutipan cukai daripada warga Selangor untuk pembangunan dalam negeri, berikutan sikap kerajaan pusat ini?

JAWAPAN :

a) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) merupakan program pembangunan serta pelan transformasi kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan berdaya saing seiring menuju mencapai Wawasan 2020. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah menggariskan idea dan pendekatan baru melalui RMKe-10, Kerajaan Negeri Selangor tidak hanya bersikap 'tunggu dan lihat' sahaja. Dalam usaha meraih pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih optimum, Kerajaan Negeri telah terlebih dahulu merencanakan pelan pembangunan jangka panjang iaitu "Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025". Pelan perancangan pembangunan ini adalah lebih komprehensif dan holistik dengan gabungan elemen-elemen ekonomi, sosial, fizikal dan spiritual. Prinsip asas yang sentiasa menjadi teras perancangan Kerajaan Negeri dengan penekanan terhadap pembangunan yang seimbang, penetapan nilai kerohanian di dalam sebarang pembangunan dan memastikan penjagaan dan pengekalan alam sekitar ini menjadi dasar kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam memastikan hak rakyat negeri ini untuk mengecapi pembangunan tidak dinafikan.

Seiring dengan pelan perancangan jangka panjang ini, Kerajaan Negeri tidak lama lagi akan meluluskan dan mengumumkan anggaran peruntukan kewangan yang telah disusun atur dengan teliti mengikut kepentingan dan fungsi bagi setiap jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh Negeri Selangor. Setiap peruntukan yang diluluskan ini merupakan satu usaha murni Kerajaan Negeri menyusun pembangunan Negeri agar ianya seimbang dan dapat diagihkan secara sama rata kepada setiap golongan masyarakat di negeri ini. Penyusunan peruntukan kewangan negeri ini jelas membuktikan Kerajaan Negeri mampu melaksanakan pembangunan negeri dengan lebih telus dan terancang.

b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bersifat terbuka dan sedia menerima apa jua cadangan dan idea daripada Kerajaan Persekutuan demi untuk pembangunan negeri dan kebaikan rakyat. Perbincangan dan rundingan akan terus dilakukan dari semasa ke semasa agar Kerajaan Negeri dapat menyatakan setiap permohonan dan cadangan demi untuk kebaikan kedua-dua belah pihak

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : HASIL ROYALTI TANAH MERAH DAN BAHAN BATUAN

115. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

(a) Sila huraikan dengan terperinci kutipan hasil royalti tanah merah dan batu- batuan di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?

(b) Sila kemukakan apakah kriteria-kriteria yang dikenakan apabila mengemukakan sesuatu permohonan bagi kelulusan mengeluarkan tanah merah dan batu –batuan ?

(c) Sila huraikan bagaimanakah status pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti mencuri tanah merah dan bahan batuan di Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

Jawapan:

a) Kutipan hasil royalti tanah merah dan bahan batuan di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah adalah seperti di bawah

TAHUN	2006		2007		2008		2009		2010	
DAERAH	PASIR	LAIN-LAIN	PASIR	LAIN-LAIN	PASIR	LAIN-LAIN	PASIR	LAIN-LAIN	PASIR	LAIN-LAIN
PETALING	1,225,800.00	1,165,092.00	987,900.00	253,652.00	3,683,682.00	150,350.00	102,000.00	259,450.00	12,000.00	53,800.00
KLANG	133,161.00		432,000.00		90,000.00		Tiada		Tiada	42,000.00
SEPANG	484,057.46		439,950.00	109,880.00	1,075,410.00	284,610.00	1,658,910.00	285,000.00	593,370.00	35,540.00
KUALA LANGAT	237,600.00	194,000.00	186,000.00	135,000.00	408,000.00	241,000.00	Tiada	909,000.00	372,000.00	540,000.00
HULU LANGAT	130,716.00	10,147,624.82	50,502.00	10,945,494.88	142,500.00	9,371,647.60	345,000.00	10,172,075.20	333,000.00	4,581,850.43
KUALA SELANGOR	980,650.00		Tiada	15,000.00	386,250.00	13,800.00	2,556,000.00	71,900.00	1,260,000.00	43,800.00
HULU SELANGOR	154,450.00	506,070.00	38,700.00	268,198.00	273,159.00	309,960.00	689,955.00	567,150.80	307,800.00	238,600.00
SABAK BERNAM	Tiada	18,000.00	Tiada	600.00	Tiada	40,000.00	Tiada	37,500.00	Tiada	17,300.00
GOMBAK	38,235.00	3,021,449.90	790,953.00	3,362,448.30	259,265.29	4,870,204.30	79,904.04	2,722,052.60	24,600.00	1,485,415.00

* Sumber diperolehi daripada PTD
* Maklumat dikemaskini sehingga 15 Mei 2010

b) Kriteria-kriteria yang dikenakan apabila mengemukakan sesuatu permohonan bagi kelulusan mengeluarkan tanah merah dan bahan batuan adalah sebagaimana yang termaktub dalam Pekeliling PTG Bil.3/2009 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2009.

c) Status pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti mencuri tanah merah dan bahan batuan di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

i. Mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir;

ii. Mengadakan rondaan / pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan

iii. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan Unit Penguatkuasaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, Jebatan-jebatan Teknikal dan KSSB.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

116. Projek Terbengkalai yang diselenggarakan oleh **EXCO** TETAP PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN SETINGGAN:-

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Berapa banyakkah projek yang telah di siapkan dan berapa banyakkah belanja digunakan untuk projek tersebut.

b) Mengikut pecahan berapa banyakkah rumah kos rendah, rumah kedai, rumah kediaman harga tinggi yang disiapkan sedia untuk didiami.

JAWAPAN:

a) Sehingga 31 Mei 2010, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 20 projek yang melibatkan 7,779 unit. Walau bagaimanapun, buat masa ini suntikan dana tidak diperlukan dari Kerajaan Negeri bagi memulihkan projek-projek terbengkalai kerana projek-projek yang dipulihkan adalah bersifat *self financing* (pembiayaan sendiri) seperti contoh projek Bukit Botak yang sedang dipulihkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang mana ia melibatkan tindakan pengambilan tanah yang membolehkan Kerajaan Negeri menyusun semula pembangunan dengan tawaran unit rumah yang lebih menarik dan tinggi nilainya serta membolehkan pembeli bersetuju menambah wang sendiri untuk menanggung defisit tersebut.

b) Berikut adalah projek yang berjaya disiapkan mengikut pecahan skim :

i) Skim Kos Sederhana :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
3	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit

4	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
5	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
6	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
7	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit

ii) Skim Kos Tinggi :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
2	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
3	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
4	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
5	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
6	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
7	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
8	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit

9	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit

iii) Skim Komersial / Rumah Kedai :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
2	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
3	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd.	512 Unit
4	KOMPLEKS KOTA KAJANG, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : NIKAH SINDIKET

117. Terdapat di kalangan masyarakat khususnya penduduk yang berhijrah dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung yang beragama Islam mengamalkan nikah sindiket dan tidak mempunyai sijil nikah yang sah. Ini mengakibatkan anak yang dilahirkan tidak dapat didaftarkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membendung permasalahan ini?

b) Bagaimanakah nasib anak-anak ini untuk memasuki alam persekolahan?

c) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti dan tindakan yang akan di ambil untuk mengatasi keadaan yang sedang dan telah berlaku ini?

JAWAPAN:

a) Jabatan Agama Islam Selangor melalui Pejabat Agama Islam Daerah-daerah telah memudahkan urusan untuk mereka yang mendakwa telah bernikah tetapi tiada dokumen yang boleh dijadikan bukti.Melalui siasatan di Unit Undang-undang Keluarga Pejabat Agama Islam Daerah,siasatan akan dijuruskan kepada kesahihan sesuatu pernikahan.Jika pernikahan itu sah,maka permohonan bagi mendaftarkan pernikahan tersebut akan dilaksanakan.Proses ini memakan masa sedikit kerana memerlukan kepada siasatan apakah benar Imam yang didakwa menikahkan mereka itu Penolong Pendaftar Nikah (Jurunikah) yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah atau Sarawak.(Bagi kes Sabah dan Sarawak).

   Jika pernikahan tersebut tidak dilaksanakan oleh Penolong Pendaftar Nikah,siasatan akan menjurus bagaimana pernikahan tersebut dilaksanakan.Adakah ia mengikut rukun nikah yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak seperti nikah menggunakan wali yang betul atau pernikahan disaksikan oleh dua orang saksi lelaki yang Muslim serta kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan memang tiada halangan untuk bernikah.Jika semua sisatan telah lengkap,maka ia akan dibawa kepada Ketua Pendaftar Nikah,Cerai dan Ruju' Negeri bagi mendapat pandangan dan arahan samaada pernikahan tersebut boleh didaftarkan atau tindakan lain yang perlu diambil kerana pernikahan yang tidak mengikut prosedur Jabatan Agama Islam Negeri adalah berlawanan dengan enakmen yang telah diwartakan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

c) Jabatan Agama Islam Selangor,melalui Bahagian Pengurusan Masjid telah melantik dan memberikan Kad Kuasa kepada semua Pegawai-pegawai Masjid diseluruh kariah Negeri Selangor sebagai telinga dan mata kerajaan untuk melaporkan hal-hal yang berlawanan dengan Hukum Syara' seperti ajaran sesat,bersekedudukan tanpa nikah,khalwat dan juga pernikahan sindiket kepada Bahagian Penguatkuasa untuk diambil tindakan selanjutnya.Namun begitu,bukanlah suatu yang sangat mudah untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat menjalankan pernikahan sindiket ini kerana modus operandi mereka yang licik serta tidak menjalankan operasi secara berpusat (centralised).Hasil siasatan awal mendapati bahawa operasi mereka akan hanya bergerak jika ada pelanggan yang hanya akan diterima jika melalui orang tengah yang telah mereka tetapkan.Mereka tidak akan menerima sebarang pelanggan begitu sahaja kerana bimbang kegiatan mereka akan gagal.

Sebagai tindakan pencegahan yang lain,Jabatan Agama Islam Selangor akan mengatur gerak gempur taklimat bersepadu dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tentang peri pentingnya mempunyai dokumen samaada untuk pernikahan,kelahiran dan sebagainya.Gerak gempur ini akan diadakan di kawasan-kawasan panas yang dihuni oleh ramai golongan sasaran serta tempat-tempat yang selalu berlakunya pernikahan sindiket.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PEMILIHAN KERAJAAN TEMPATAN

118. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Bilakah Negeri Selangor akan melaksanakan Pemilihan Kerajaan Tempatan sepertimana yang dijanjikan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : PROGRAM RUMAH SENDIRI UNTUK GENERASI MUDA

119. Isu untuk penempatan atau pembelian aset perumahan mampu milik kini menjadi satu topik di kalangan golongan belia yang ingin membeli rumah khususnya di kawasan Bandar.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah wujud sebarang perancangan atau insentif oleh kerajaan negeri bagi membolehkan generasi muda Selangor mampu memperolehi rumah sendiri?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan keperluan perumahan kepada semua golongan masyarakat di Negeri Selangor. Ini termasuklah penyediaan perumahan untuk generasi muda. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui Dasar Pembangunan Tanah telah menetapkan sebarang pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang. Melalui dasar tersebut ia secara tidak langsung bukan sahaja membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana tetapi juga bagi golongan belia. Ini kerana berdasarkan kepada pemerhatian mendapati kebanyakan ekonomi golongan belia khususnya eksekutif muda masih kurang stabil dan pengenalan dasar ini akan dapat memberi peluang kepada mereka memiliki hartanah mampu milik sebelum berkemampuan memiliki perumahan harga tinggi pada masa hadapan.

   Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan perumahan kepada semua penduduk di Negeri Selangor. Ini termasuklah juga perumahan bagi golongan muda. Berdasarkan kepada keadaan semasa, purata pendapatan golongan ini adalah di antara RM1,500.00 sehingga RM3,000.00. Untuk itu, selain mengguna pakai Dasar Pembangunan Tanah sedia ada untuk merealisasikan matlamat penyediaan perumahan untuk semua penduduk di Negeri Selangor tanpa mengira apa jua golongan, Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan reka bentuk baru rumah mampu milik yang lebih mampan dan kondusif. Matlamat utama penyediaan reka bentuk baru ini adalah untuk memberi lebih keselesaan dan menyediakan saiz rumah berdasarkan keperluan sendiri. Pengenalan konsep reka bentuk dan perancangan rumah mampu milik ini menekan ciri-ciri berikut:

   i. Reka bentuk rumah mampu milik yang lebih terkini;

   ii. Mengintegrasikan rumah mampu milik dengan rumah-rumah yang lain;

   iii. Mempelbagaikan jenis rumah mengandungi rumah satu bilik, rumah 2 bilik dan seterusnya dalam satu blok bangunan;

iv. Mengambil kira aspek kemapanan dari segi bahan binaannya dan persekitarannya;

v. Mampu memberi keselesaan dari segi saiz rumah (saiz minimum 750 kaki persegi);

vi. Penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi seperti kawasan riadah, surau dan sebagainya;

vii. Menerapkan konsep kejiranan yang baik;

viii. Kos penyelenggaraan yang murah; dan

ix. Harga jualan yang dicadangkan adalah rendah iaitu tidak melebihi RM100,000.00 seunit.

Untuk itu, sebuah tapak di Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah dipilih sebagai projek perintis pelaksanaan konsep baru rumah mampu milik tersebut yang mana Pelan Kebenaran Merancang / Susun atur telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Dengan pengenalan reka bentuk baru ini diharap dapat menjadi alternatif kepada reka bentuk kepada rumah mampu milik sedia ada pada masa kini yang akan dijadikan model khusus untuk diguna pakai oleh pemaju-pemaju swasta serta menjadi pilihan kepada pembeli termasuk golongan muda untuk membeli hartanah berdasarkan kepada kemampuan masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : HUBUNGAN KERAJAAN NEGERI DAN BADAN BUKAN KERAJAAN

120. Kerajaan Negeri telah bertindak baik mengadakan hubungan dengan beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) membentuk jawatankuasa konsultasi yang dapat menasihati Kerajaan Negeri dalam pembentukan pelbagai polisi dan enakmen Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sehingga kini berapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat mengadakan konsultasi dengan pihak Kerajaan Negeri dan berapa jawatankuasa bertindak yang telah dibentuk bersama mereka?

b) Sejak tahun 2008, setakat manakah pandangan dan cadangan pihak Badan bukan Kerajaan (NGO) diambil kira dalam perancangan program dan polisi Kerajaan Negeri dan adakah jawatankuasa bertindak bersama Badan Bukan Kerajaan ini efektif ?

JAWAPAN :

a) Dari semakan rekod Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), pihak-pihak berkenaan telah dijemput ke sesi taklimat MTES:-

i) The Kuala Lumpur & Selangor Furniture Entrepreneur Association (KLSFEA) – Persatuan Pengusaha Perabot Kuala Lumpur & Selangor pada 22 Oktober 2009.
- Cadangan pembangunan Selangor International Funiture City

ii) NASMEC (National SME Council) – Majlis Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan

Sesi penerangan berkenaan Plants For 2010 Nestle-Nasmec-HDS's Product and services pada 14 Januari 2010 dan Kerajaan Negeri bersetuju supaya:-

(a) NASMEC mengadakan seminar dan perjumpaan dengan usahawan kecil dan sederhana (menggunakan SACC Convec);
(b) Perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha yang mempromosikan produk low emission; dan
(c) Ahli EXCO dan NASMEC mengatur perbincangan dengan pengusaha-pengusaha perabot di Sungai Buloh bagi penempatan baru, meneliti industri kasut di Seri Kembangan dan kawasan perindustrian Telok Gong.

iii) Persatuan Penjaja-penjaja Melayu Pasar Besar Klang
- Menangani aduan berhubung peniaga-peniaga bangunan PKNS yang memulakan perniagaan seawal jam 2.00 pagi pada 25 Mac 2010 dan pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) diminta mengambil tindakan sewajarnya bersesuaian dengan situasi semasa di tapak.

Walau bagaimanapun, tiada jawatankuasa bertindak yang telah dibentuk bersama mereka. Namun terdapat beberapa agensi kerajaan yang telah diminta untuk mengadakan perbincangan dan perundingan dengan pihak NGO ini seperti PTG Selangor, Majlis Perbandaran Klang (MPK), SSIC Berhad dan Ahli EXCO Kerajaan Negeri yang berkaitan.

b) Sejak tahun 2008, beberapa cadangan dan pandangan serta aduan daripada pihak NGO akan didengari di mesyuarat EXCO-MTES sekiranya diarahkan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dan bersesuaian untuk diberi pertimbangan dalam agenda Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan dan kerjasama sekiranya cadangan daripada pihak NGO ini adalah bernas dan konsepnya boleh diterima pakai.

Setakat ini, terdapat beberapa siri dialog dengan KLSFEA telah diadakan bagi membincangkan penempatan baru bagi industri perabot di Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT

121. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan rumah burung walit dan syarikat-syarikat yang terdapat di negeri Selangor?

b) Berapakah jumlah pendapatan kasar dari hasil jualan sarang burung walit dari 2005-2009?

c) Apakah dasar dan tindakan kerajaan terhadap perusahaan rumah burung walit?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : TEKNOLOGI HIJAU

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memajukan teknologi hijau di Selangor. Sila jelaskan rancangan tersebut.

b) Bagaimanakah syarikat-syarikat boleh membantu dalam bidang ini?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK: PRESTASI KETUA KAMPUNG

123. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Secara umum bagaimana prestasi ketua-ketua kampung dalam membawa agenda perubahan kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor terutamanya program memasyarakatkan ekonomi negeri Selangor (MES).

b) Adakah peruntukan RM 10,000.00 setiap kampung yang di berikan oleh kerajaan negeri dapat membantu meningkatkan prestasi mereka.

JAWAPAN:

a) Secara purata, prestasi Ketua-Ketua Kampung berada pada tahap 85%. Dengan prestasi yang ditunjukkan, Kerajaan Negeri berkeyakinan Ketua-Ketua Kampung yang dilantik ini mampu untuk membawa agenda perubahan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri.

b) Ya, peruntukan tersebut sememangnya dapat membantu meningkatkan prestasi Ketua-Ketua Kampung. Peruntukan tersebut boleh digunakan untuk menggerakkan JKKK di bawahnya dan menjalankan pelbagai program yang telah dirancang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)TAJUK : PEMBELIAN HUTANG TALAM COPRATION

124. Kerajaan Negeri Selangor telah membeli hutang Talam Copration pada tahun 2009.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri setelah membeli hutang syarikat tersebut ?

b) Adakah dengan membeli hutang Talam Copration Kerajaan Negeri bertanggungjawab terhadap projek-projek yang dibangunkan oleh syarikat tersebut ?

c) Sehubungan dengan itu, apakah peranan Kerajaan Negeri melakukan tanggungjawab penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan, lampu jalan dan sebagainya di Bandar Sentosa dan Bandar Bukit Beruntung ?

JAWAPAN :

a) Keuntungan dalam merealisasikan hutang yang sebelum ini tidak diwujudkan.

b) Tidak bertanggungjawab dan tidak berkaitan dengan projek syarikat Talam.

c) Terpulang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : AKHBAR KERAJAAN NEGERI SELANGOR

125. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menerbitkan akhbar harian Kerajaan Negeri Selangor? Jika tidak, mengapa?

b) Bilakah rancangan ini boleh dilaksanakan?

c) Berapakah kos yang terlibat dan siapakah yang akan menerajui rancangan ini?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PROJEK PERTANIAN DI BAWAH PKPS

126. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah projek pembangunan pertanian yang dijalankan oleh PKPS buat masa kini?

b) Sejauh manakah tanah milik PKPS yang terlibat dengan pengeluaran pasir dan minta disenaraikan?

c) Berapakah keuntungan yang diperolehi oleh PKPS dari hasil jualan pasir tersebut?

JAWAPAN :

a) PKPS telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan pertanian secara komersial di dalam dan di luar Negeri Selangor. Pelaksanaan projek melalui anak syarikat ataupun secara langsung oleh PKPS. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut :

i. Perladangan Kelapa Sawit

Ladang-ladang kelapa sawit PKPS ialah :-

• Ladang Sungai Panjang, Sabak Bernam	-	764 ha
• Ladang Jelutong Jati, Sabak Bernam	-	380 ha
• Ladang Kerling, Ulu Selangor	-	364 ha
• Ladang Tanjung 12, Kuala Langat	-	81 ha
• Ladang Editas, Gua Musang	-	657 ha
• Ladang Irat, Lahat Datu	-	853 ha
• Ladang Jogaharmoni, Lahad Datu	-	498 ha
Jumlah		**3,597 ha**

Jualan buah kelapa sawit daripada ladang-ladang tersebut menyumbang sebanyak 80% daripada jumlah pendapatan PKPS. Maka itu, projek perladangan kelapa sawit merupakan perniagaan teras PKPS yang akan diperkembangkan lagi di masa hadapan.

ii. Projek Ladang Buah-Buahan

PKPS sedang mengusahakan ladang buah-buahan tropika di Selangor Fruits Valley, Rawang, Daerah Ulu Selangor seluas 690 hektar bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar negara. Jenis tanaman utama ialah tembikai dan belimbing. Projek tersebut diadakan sebagai langkah untuk mempelbagaikan sumber pendapatan PKPS.

iii. Projek Tanaman Kontan

Projek tanaman kontan adalah bertujuan untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS tempatan dalam mendapatkan bekalan bahan mentah yang diperlukan mereka. Projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- Ubi kayu
  Sungai Blankan, Daerah Sepang - 110 ekar (45 ha)
  Mukim Ulu Tinggi, Daerah Kuala Selangor - 50 ekar (20 ha)

- Nanas
  Mukim Ulu Tinggi, Daerah Kuala Selangor - 50 ekar (20 ha)

- Tebu
  Mukim Api-api, Daerah Kuala Selangor - 32 ekar (13 ha)

iv. Projek Pembenihan Ikan Air Tawar

Projek pembenihan ikan air tawar, khususnya ikan keli, telah dimulakan dalam tahun 2002. Pelaksanaan projek dikendalikan oleh anak syarikat PKPS iaitu PKPS Bukit Tinggi fishfarm Sdn. Bhd. dengan melibatkan kawasan seluas 35 ekar di Rawang, Daerah Ulu Selangor. Selain daripada ikan keli, projek tersebut juga mengeluarkan benih ikan tilapia, baung, puyu dan patin. Jumlah pengeluaran benih ikan ialah 96 juta ekor setahun iaitu pada kadar 8 juta ekor sebulan.

v. Projek Penternakan Ikan Talapia Merah

PKPS Farm Mart Sdn. Bhd merupakan anak syarikat yang menguruskan projek penternakan ikan tilapia merah yang terletak di Rawang, Daerah Ulu Selangor. Projek tersebut telah dimulakan dalam tahun 2000 dengan keluasan sebanyak 143 ekar. Setiap tahun, projek mengeluarkan sebanyak 600 tan metrik ikan tilapia merah untuk pasaran tempatan dan Singapura. Projek menggunakan tangki simen ini merupakan perusahaan yang terbesar dalam negara.

vi. Projek Pengilangan Produk Berasaskan Herba dan Madu

PKPS juga menjalankan aktiviti pengilangan produk berasaskan herba dan madu. Produk-produk dikilangkan dalam bentuk kapsul. Tablet, cecair dan sachet. Operasi pengilangan dijalankan di Seksyen 23, Shah Alam di sebuah kilang bertaraf Good Manufacturing practise (GMP) dengan pengiktirafan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

vii. Projek Pasar Borong Selangor

Projek yang dijalankan di Seri Kembangan, Puchong ini telah bermula pada tahun 2001. Pasar Borong Selangor menyediakan lot-lot perniagaan ikan, daging, ayam, sayur, bahan kering dan lain-lain kepada orang ramai. Ketika ini, seramai 310 orang peniaga menjalankan perniagaan mereka di pasar tersebut. Ini telah memberi peluang perniagaan kepada penduduk tempatan.

viii. Projek Penanaman Getah Balak

PKPS menjalankan projek perladangan getah balak di Hutan Simpan Rantau Panjang seluas 300 hektar di bawah Program Penghutanan Semula PKPS. Sehingga kini, PKPS telah mewujudkan tapak semaian anak pokok getah balak dan akan mula menanam anak-anak pokok ini di ladang pada bulan September 2010.

ix. Projek Ternakan Lembu Integrasi

Projek ternakan lembu pedaging secara integrasi di Ladang Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam telah dimulakan dalam tahun 2002 dengan 100 ekor lembu. Pada masa kini, jumlah lembu-lembu yang diternak telah meningkat kepada 443 ekor. PKPS telah bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dalam melaksanakan projek tersebut.

b) Senarai tanah milik PKPS yang terlibat dengan pengeluaran pasir dengan kerjasama Syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd adalah seperti berikut :-

i. HS(D) 5396, pt 610, Mukim Ulu Tinggi, Darah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan seluas 100 ekar (40 ha).

ii. HS(D) 24200, PT 24579, Mukim Tanjung Dua Belas, HS(D), 24199, PT 24578, Mukim Tanjung Dua Belas dan HS(D) 26426, PT 28750, Mukim Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan seluas 120 ekar (48 ha).

iii. PN 16861, Lot 19439 (Dahulu dikenali sebagai HS(D) 48489, PT 2548), Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Pengeluaran stockpile pasir yang diwujudkan oleh pengusaha haram.

iv. PT 11352 HS(D) 136591, dan PT 11353 HS(D) 136592, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan seluas 26 ekar (10.5 ha)

c) Sehingga Jun 2010, keuntungan yang diperolehi PKPS dari hasil pasir adalah sebanyak RM217,469/-. Perincian hasil pasir adalah seperti di Lampiran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : JUMLAH SETINGGAN

127. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan jumlah setinggan bagi setiap pihak berkuasa tempatan yang telah dipindahkan sepanjang 2 tahun yang lepas.

JAWAPAN :

a) Tiada pemindahan setinggan sepanjang tempoh 2 tahun ini kerana kebanyakan penempatan setinggan sedia ada mempunyai pelbagai masalah yang perlu diselesaikan secara teliti kerana ianya melibatkan isu-isu berkaitan pemilikan tanah, kes mahkamah, tuntutan yang dibuat oleh setinggan dan sebagainya.

Pemindahan setinggan atau perobohan secara paksa tidak akan dilakukan bagi mengelakkan sebarang implikasi buruk sama ada kepada setinggan mahupun kepada Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah mengenal pasti beberapa kawasan yang boleh diselesaikan dalam tempoh 6 bulan bermula Januari lalu. Walau bagaimanapun, pemindahan setinggan tersebut tidak dapat dilaksanakan segera kerana tiada unit rumah kos rendah berdekatan yang boleh ditawarkan kepada setinggan-setinggan berkenaan. Sebagai contoh adalah penempatan setinggan Pandan Jaya, Ampang yang didiami oleh 188 keluarga setinggan sukar dipindahkan kerana tiada projek RKR yang boleh ditawarkan kepada mereka walaupun bersetuju keluar daripada tapak. Namun demikian ada di antara mereka bersetuju membeli rumah yang dicadangkan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) di projek RKR Taman Harmoni, Balakong yang jauh daripada penempatan sedia ada. Masalah padanan RKR ini bukan sahaja berlaku di MPAJ malahan berlaku di PBT lain seperti di Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKlgt), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Selain itu, terdapat kes tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh setinggan kepada pemilik tanah yang masih belum mencapai kata putus seperti yang berlaku di penempatan setinggan Jalan Papan, Pandamaran.

Jadual di bawah menunjukkan pecahan atau taburan setinggan mengikut PBT di Negeri Selangor.

Statistik Pecahan Bilangan Setinggan Yang Belum Diselesaikan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Selangor
Sehingga 30 Jun 2010

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bilangan Setinggan
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	-
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	112
3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	348
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	337
5	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	1,318
6	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	256
7	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	1,075
8	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	103
9	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	12
10	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	8
11	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	331
12	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKLgt)	173
JUMLAH		**4,073**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : KABEL KUASA TINGGI

128. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah polisi kerajaan negeri bagi memastikan bahawa pembinaan kabel kuasa tinggi adalah tidak melalui kawasan perumahan, sekolah dan tempat yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi bagi memastikan keselamatan penduduk adalah terjamin?

b) Badan manakah (di peringkat kerajaan negeri) yang bertanggungjawab meluluskan sesuatu projek naik taraf kabel kuasa tinggi bagi menjamin keselamatan penduduk setempat?

JAWAPAN:

a) Talian rentis untuk pengaliran kuasa elektrik oleh TNB adalah di atas tanah rizab untuk talian rentis tersebut. Yang mana, ia merupakan hak TNB mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap sebarang cadangan pembinaan supaya penduduk tidak menerima impak ataupun impak yang paling minimum.

b) Sebarang cadangan pembinaan atau naik taraf kabel kuasa tinggi ini akan dibawa untuk perhatian Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam yang seterusnya akan diangkat ke Mesyuarat EXCO-MTES untuk pertimbangan dan kelulusan, dan kemudian untuk mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : PUSAT SENI DAN BUDAYA SELANGOR

129. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Di manakah lokasi-lokasi yang akan dijadikan Pusat Seni dan Budaya?

b) Berapakah kos perbelanjaan yang diperlukan untuk Pusat Seni dan Budaya?

JAWAPAN :

a) Terdapat banyak pusat dan tempat rekreasi sedia ada yang boleh digunakan dan dimanfaatkan sebagai platform atau tempat untuk mempersembahkan seni karya, muzik dan budaya yang mana ianya tidak bertumpu kepada seni nyanyian. Di antaranya adalah seperti Laman Budaya di Shah Alam dan Petaling Jaya yang mampu untuk seniman dan karyawan berkarya dan dipersembahkan kepada pengunjung yang mengunjungi tempat tersebut. Secara tidak langsung program-program kebudayaan yang dipersembahkan mampu untuk menarik dan menggalakkan orang ramai mengenali seni budaya serta dapat menjadikannya sebagai salah satu daya tarikan pelancong yang mengunjungi Negeri Selangor.

Jawatankuasa Tetap Kebudayaan juga telah menyarankan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah di Negeri Selangor untuk mengenal pasti lokasi dan mewujudkan kawasan atau tempat rekreasi yang boleh digunakan sebagai tempat untuk memperkenalkan kebudayaan Selangor kepada masyarakat setempat dan aktif melaksanakan program kebudayaan setiap bulan.

Dalam usaha memberikan pendedahan tentang nilai-nilai budaya warisan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga turut menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni budaya melalui program dan aktiviti sukan rakyat melalui Program Festival Jalanan Daerah di Negeri Selangor. Program ini telah pun dilaksanakan di Sepang dan Klang baru-baru ini dan sambutan serta penerimaan dari kalangan masyarakat mengenai pendedahan seni budaya Negeri Selangor amat memberangsangkan. Dengan menggabungjalinkan seni budaya pelbagai kaum dan peringkat umur, sekali gus dapat menerapkan minat untuk terlibat secara langsung dalam bidang ini.

b) Sebagaimana yang telah dimaklumkan di jawapan (a), Kerajaan negeri sememangnya tiada memperuntukkan khas untuk mewujudkan Pusat Seni Dan Budaya di Negeri Selangor. Saranan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah untuk mewujudkan kawasan khas seperti Laman Budaya bagi menyemarakkan aktiviti kebudayaan adalah digalakkan serta sebagai langkah yang positif dalam membangunkan seni budaya. Kos bagi setiap penubuhan laman budaya di setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah subjektif kepada pembangunan kawasan yang berkenaan dan juga harus bersesuaian dengan kemudahan persekitaran dan infrastruktur yang sedia ada

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : MELAWAT NEGERI SELANGOR – SELANGOR SHINES

130. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 34, 10 Nov 2009); ", kerajaan negeri akan melancarkan kempen Melawat Negeri Selangor pada tahun 2010 yang bertemakan Selangor Shines":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah alasan kerajaan negeri menggunakan tema dalam Bahasa Inggeris (Selangor Shines) dan bukan dalam Bahasa Kebangsaan?

b) Berapakah peruntukkan yang telah digunakan sehingga Jun 2010 untuk menjayakan kempen 'Melawat Negeri Selangor'?

c) Apakah program-program yang telah dijalankan sehingga Jun 2010 untuk menjayakan kempen 'Melawat Negeri Selangor'?

JAWAPAN :

a) Tema Selangor Shines bukan sahaja dalam bahasa Inggeris tetapi ia juga terdapat dalam versi bahasa kebangsaan iaitu Selangor Bersinar. Walau bagaimanapun, Selangor Shines digunakan dalam siri promosi di dalam dan luar Negara kerana ia mudah difahami oleh pelancong luar Negara dan domestik.

b) Peruntukan yang telah digunakan bagi acara dan promosi untuk menjayakan kempen Selangor Shines sehingga Jun 2010 ialah berjumlah RM 2, 299,881 yang merangkumi bahagian promosi sebanyak (RM 1,357,747) dan acara sebanyak (RM 942, 134).

c) i) Acara-acara yang telah dijalankan sehingga Jun 2010 untuk menjayakan Kempen Selangor Shines adalah seperti berikut :

Tarikh	Acara	Tempat
Januari		
9 Januari	Larian Bendang	Sabak Bernam
29-30 Januari	Fiesta Thaipusam	Batu Caves
Februari		
20 Februari	State Chinese New Year Open House	Jenjarum
27 Februari	Chap Goh Mei	i-City, Shah Alam

7 Februari	Le Tour De Langkawi	Kuala Kubu Baru
Mac		
13-14 Mac	Selangor 8th "Nash Hash"	Royal Klang Club, Klang
13-14 Mac	Karnival Sungai Klang	Pengkalan Batu, Klang
13-14 Mac	Shah Alam Auto Show 2010	Perkarangan Stadium Shah Alam
April		
24 & 25 April	Selangor Mountain Bike Challenge	Kg Bukit Lagong, Sungai Buloh
Mei		
15 Mei	Selangor Shine Hunt 2010	Shah Alam - Sabak Bernam
23 Mei	Selangor Photo Hunt	Shah Alam & Kuala Langat
Jun		
4,5 & 6 Jun	1st Asian Lion Dance Competition	Stadium Malawati
4-7 Jun	Kejohanan Paragliding Antarabangsa Selangor	Bukit Jugra
26 Jun	Pesta Bola Piala Dunia Selangor	Padang Timur, PJ
Jun	Kejohanan Bot Laju Kawalan Jauh (PDB)	Tasik Kelana Jaya, Kelana Jaya

ii) Program promosi di luar negara yang telah dijalankan sehingga Jun 2010 untuk menjayakan kempen “Melawat Negeri Selangor” (Selangor Shines) adalah seperti berikut :

Bil.	**PROMOSI**	**TARIKH**
1.	Asean Tourism Forum - Brunei	26 – 28 Januari
2.	Asia Pacific Incentive And Meetings – Australia	2-3 Mac

3.	Thailand Discover World – Thailand	11-14 Mac
4.	Malaysia International Travel Tourism - Rusia	18-21 Mac
5.	Indonesia Travel And Holiday	9-11 April
6.	Arabian Travel Mart – UAE	5-8 Mei

iii) Program promosi di dalam negara yang telah dijalankan sehingga Jun 2010 untukmenjayakan kempen “Melawat Negeri Selangor” (Selangor Shines) adalah seperti berikut :

Bil.	**PROMOSI**	**TARIKH**
1.	MASUM	15 – 17 Jan 2010
2.	Karnival WOW Putrajaya	20 – 21 Feb 2010
3	Misi jualan domestik Cuti-cuti 1 Malaysia (Johor Bharu)	17-21 Mac 2010
4.	Road to challenge 1 (Muay Thai Cotender ASIA)	21 Mac 2010
5.	Traditional Welcome Troupe for Queen Victoria	25 Mac 2010
6.	Karnival Klang	10 – 11 Apr 2010
7.	Misi Jualan Domestik Cuti-cuti 1 Malaysia (Sabah)	28 April-02 Mei 2010
8.	Malaysia Domestic Tourism Fair 2010 (MDTF 2010)	14-16 May 2010
9.	MATTA Sabah Fam. Tour to Selangor	20 – 23 Mei 2010
10.	Royal Classic Car rally	21 – 23 Mei 2010
11.	Hari bertemu pelanggan, PKNS Bangi	25-26 Mei 2010
12.	Eco Green Week 2010	02-06 Jun 2010
13.	Karnival larian 10KM MPSJ – NST 2010	12-13 Jun 2010
14.	Simposium Sempena Taman Tasik Shah Alam Kali Pertama (1)	17 – 20 Jun 2010
15.	Selangor Shines Fam. Tour 2010	25 – 29 Jun 2010

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PENUKARAN NAMA JALAN

131. Kerajaan negeri ada bercadang menukar nama Jalan Barat kepada Jalan Dr. V David di Bandar Raya Petaling Jaya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapakah hasrat ini tertangguh dan adakah kerajaan negeri masih berhasrat untuk meneruskan pertukaran nama jalan tersebut?

b) Apakah prosedur yang perlu dilalui untuk sebarang proses penukaran nama jalanraya di kawasan PBT?

c) Adakah kerajaan negeri mempunyai dasar-dasar tertentu untuk menukar nama jalanraya di Selangor.

JAWAPAN :

a) Dijawab oleh MPPJ

b) Mengikut peruntukan Akta Jalan,Parit dan Bangunan 1974,(Akta 133),Seksyen 29,Pihak Berkuasa Tempatan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan nama atau boleh mengubah nama jalan. Permohonan penukaran nama jalan di kawasan PBT dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk dipertimbangkan dan diluluskan. Selepas diluluskan perkara ini akan dimaklumkan kepada Pos Malaysia sebelum digunakan bagi tujuan penyelarasan alamat.

c) Buat masa ini masih belum ada dasar khusus dan garis panduan tertentu untuk menukar nama jalan di Negeri Selangor .

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: KADAR SEWA PETAK PASAR PAGI DAN PASAR MALAM

132. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Adakah kadar sewa bagi petak pasar pagi dan pasar malam dinaikkan oleh PBT ?

b) Jika ia, kenapa ?

c) Jika tidak, kenapa para penjaja dan peniaga pasar pagi dan pasar malam sering membuat sungutan terhadap perkara ini ?

JAWAPAN:

Bagi menjawab Soalan A, B dan C , Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa terdapat perbezaan kadar sewa petak pasar pagi dan pasar malam di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat, kadar RM 4 didapati paling munasabah bagi menampung kos operasi dan pengurusan PBT untuk tapak pasar. Oleh kerana itu, penyeragaman kadar sewa ini dilaksanakan secara menyeluruh. Sememangnya akan ada kawasan yang mengalami penurunan dan ada kawasan yang mengalami kenaikan. Tujuan utama penyeragaman ini adalah untuk mengelakkan sebarang penyelewengan seperti penyewaan caj tapak yang tinggi, dengan adanya satu kadar, ia akan memudahkan para peniaga untuk mengurus perniagaan masing-masing. Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan arahan kepada semua PBT agar tidak mengenakan caj-caj lain atau membenarkan pihak ketiga untuk membuat sebarang kutipan bayaran terhadap peniaga pasar pagi dan pasar malam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

133. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh pemaju bagi Projek Taman Sungai Yu Indah, Kampung Sungai Yu sehingga pembeli merana menunggu sekian lama?

b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini dan bilakah dijangka perumahan ini dapat disiapkan?

c) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan dana untuk membantu pembeli-pembeli membayar sewa rumah disebabkan projek perumahan yang mereka beli terbengkalai dan pada waktu yang sama pembeli-pembeli sudah mula membuat pembayaran di bank-bank?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, Taman Sungai Yu Indah mempunyai 100% pembangunan Perumahan Teres Kos Rendah. Pada awal perancangan pembangunan, pemaju bersedia untuk membangunkan keseluruhan pembangunan 499 unit Rumah Teres Kos Rendah dan 11 unit kedai ini tanpa berfasa.

Namun begitu setelah penjualan dibuat pemaju menghadapi pelbagai masalah. Di antara masalah tersebut ialah ada pembeli tidak layak untuk membuat pinjaman dan sesetengah pembeli mengambil langkah tunggu dan lihat iaitu dengan hanya membayar 10% dan tidak meneruskan pembayaran sehingga projek benar-benar berjaya. Ini menyebabkan pemaju mempunyai masalah aliran tunai dalam meneruskan projek ini.

Kesulitan ini ditambah dengan kelembapan jualan dan kekurangan pembeli. Pemaju terpaksa menyiapkan kerja-kerja infrastruktur dahulu seperti pembersihan dan meratakan tapak serta penyediaan jalan masuk yang sempurna bagi menarik perhatian pembeli seterusnya untuk meningkatkan jualan. Namun usaha yang dijalankan gagal menarik perhatian orang ramai.

Sehubungan dengan itu, pemaju terpaksa memecahkan cadangan pembangunan kepada dua fasa. Cadangan Fasa 1 meliputi 227 unit Rumah Teres Kos Rendah dan 11 unit kedai manakala Fasa 2 meliputi pembangunan 272 unit Rumah Teres Kos Rendah. Di dalam usaha untuk menyiapkan pembangunan agar tidak terbengkalai, pemaju cuba untuk menyiapkan dahulu Fasa 1 dan kesemua 49 pembeli di Fasa 2 cuba dipindahkan ke Fasa 1.

Sambutan yang diterima juga tidak memberangsangkan. Ada di antara pembeli Fasa 2 tidak mahu menukar unit ke Fasa 1 malah ada di antara mereka mahu membatalkan perjanjian jual beli. Ini memberi tekanan kepada pemaju yang juga mempunyai masalah pusingan modal mereka.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sedang mengemukakan cadangan serta alternatif kepada Kerajaan Negeri bagi membantu mengatasi masalah projek perumahan ini daripada terbengkalai :

i. Memohon meminda harga 227 unit Rumah Teres Kos Rendah (RTKR) di dalam Fasa 1 daripada RM35,000.00 kepada 42,000.00. dengan adanya pertambahan harga ini, pemaju dapat menyediakan keadaan struktur binaan yang lebih baik bagi Rumah Teres Kos Rendah tersebut dan ianya dijangkakan akan dapat merangsangkan penjualan dengan lebih baik.

ii. Memohon meminda 272 unit Rumah Teres Kos Rendah (RTKR) di dalam Fasa 2 kepada Rumah Teres Kos Sederhana Rendah (RTKSR). Ini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut :

a. Sambutan yang diberikan bagi Rumah Teres Kos Rendah (RTKR) di kawasan tersebut adalah tidak menggalakkan. Ini dapat dibuktikan yang mana sehingga kini hanya 130 unit RTKR dapat dijual daripada 499 unit ditawarkan.

b. Kebanyakan permintaan juga hanya kepada spesifikasi kediaman yang lebih tinggi sedikit daripada RTKR. Kebanyakan pembeli sediada juga mahukan pengubahsuaian RTKR yang telah dibeli.

c. Selain dapat menyediakan suasana kediaman yang lebih menarik dan efisyen, ianya juga dijangka akan dapat merancakkan lagi penjualan baki unit-unit lain dengan harga masih lagi berpatutan berbanding dengan RTKR.

iii. Pemaju bersama juruperunding sedang menyediakan pelan pindaan untuk dikemukakan kepada Majlis Daerah Kuala Selangor untuk kelulusan.

c) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan sebarang dana untuk membantu pembeli-pembeli untuk membayar sewa rumah yang disebabkan projek perumahan yang mereka beli terbengkalai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

134. Penyelenggaraan jalan di MBSA adalah sekitar RM5 juta setahun berbanding pendapatan tahunan sekitar RM210 juta.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Huraikan kenapakah belanjawan untuk penyelenggaraan ini kecil berbanding pendapatan yang diperolehi?

b) Berikan penjelasan kenapakah tidak dibuat kajian menyeluruh di semua PBT supaya peruntukan secukupnya disalurkan untuk penyelenggaraan parit dan jalan

c) Sila jelaskan apakan kriteria utama yang ditimbangkan sebelum sesuatu PBT meluluskan belanjawan penyelenggaraan

JAWAPAN :

a) Dalam belanjawan 2010, pihak Majlis hanya menyediakan sekitar RM5 juta kerana Majlis menjangkakan akan mendapat geran penyelenggaraan jalan (MARRIS) 2010 sebanyak RM7 juta. Geran tersebut akan digunakan semuanya untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan.

b) Tiada jawapan

c) Majlis perlu menyediakan budget yang berimbang iaitu dengan mengambil kira hasil Majlis. Memandangkan hasil Majlis agak terhad maka Majlis tidak dapat menyediakan peruntukan yang tinggi untuk penyelenggaraan jalan dan parit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : BILLBOARD MILIK PBT

135. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Adakah PBT memiliki billboard? Jika ada, berapa buah, saiz dan lokasi bagi setiap PBT?

b) Berapakah billboard haram yang mengiklankan bekas Menteri Besar tidak dirobohkan, di mana dan mengapa?

c) Apakah tindakan terhadap PBT yang masih membiarkan billboard tersebut setelah 2 tahun dilantik Menteri Besar yang baru?

JAWAPAN :

a) Berikut jumlah *Billboard* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) Negeri Selangor dan dilampirkan di lampiran senarai mengikut saiz dan lokasi:

Bil.	**Pihak Berkuasa Tempatan**	**Bil. Billboard**
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	14
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2
3.	Majlis Perbandaran Klang	9
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	22
6.	Majlis Perbandaran Selayang	6
7.	Majlis Perbandaran Kajang	6
8.	Majlis Perbandaran Sepang	9
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Tiada
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	10
11.	Majlis Daerah Kuala Langat	12
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2
Jumlah		**95**

b) Maklum balas yang diterima dari PBT mengenai perkara ini, Semua *Billboard* yang memaparkan wajah bekas Menteri Besar Selangor telah diturunkan visualnya dan papan iklan haram juga turut di pantau oleh PBT.

c) Kerajaan Negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana PBT yang masih membiarkan *Billboard* memaparkan bekas Menteri Besar atas dasar kelalaian PBT yang boleh menyebabkan rakyat keliru dengan perkara ini. Maklumat –maklumat yang dipaparkan di *Billboard* haruslah tepat dan dikemaskini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

136. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya ini untuk mengatasi kekurangan representasi bukan Melayu dalam perkhidmatan awam di Selangor?

b) Sudahkah dasar pengambilan Orang Kurang Upaya (OKU) dilaksanakan? Sila berikan butir-butir.

c) Sila senaraikan semua butir-butir kes tatatertib yang telah dirujuk kepada Suruhanjaya ini semenjak tahun 2008 dan penamatan perkhidmatan (jika ada).

JAWAPAN :

a) Apabila terdapat kekosongan jawatan yang perlu diisi Suruhanjaya akan mengiklankan kekosongan jawatan setelah dimaklumkan secara rasmi oleh Ketua Perkhidmatan iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Urusan pengiklanan ini akan dibuat sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar perdana berbahasa Melayu. Walau bagaimana pun, Suruhanjaya boleh mengikut budibicaranya yang difikirkan sesuai dalam menyiarkan iklan berkenaan selaras dengan perenggan 14 dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam kerajaan Negeri Selangor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

   Oleh itu, Suruhanjaya telah membangunkan aplikasi laman web melalui alamat http://www.spn.selangor.gov.my sebagai medan hebahan iklan jawatan kosong. Dengan itu warga negeri Selangor boleh menyemak jawatan mengikut kelayakan masing-masing dan sekaligus memuat turun borang permohonan. Laman web Suruhanjaya akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

b) Dasar pengambilan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menjadi dasar di peringkat persekutuan sememangnya diamalkan di peringkat negeri selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008. Sungguhpun begitu bidang tugas yang bersesuaian masih lagi menjadi sebab mengapa setiap kali iklan jawatan yang disiarkan mengikut skim perkhidmatan tidak ramai pemohon dalam golongan tersebut membuat permohonan. Statistik pengambilan OKU di peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor setakat bulan Disember 2009 adalah seperti berikut:-

STATISTIK PENGAMBILAN OKU SETAKAT DISEMBER 2009

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	KUMPULAN	KATEGORI KETIDAKUPAYAAN	JUMLAH
1	Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41	Pengurusan dan Profesional	Kurang Upaya Pendengaran	1
2	Penolong Pegawai Tanah Gred NT27	Sokongan I	Kurang Upaya Fizikal	1
3	Penolong Pegawai Tanah Gred NT27	Sokongan I	Kurang Pendengaran	1
4	Pembantu Teknik Gred J29	Sokongan I	Hemiplegia	1
5	Juruteknik Awam Gred J22	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	1
6	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	1
7	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Sokongan II	Kurang Upaya Pendengaran	2
8	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Sokongan II	Lain-Lain	2
9	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	1
10	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Sokongan II	Tunnel Vision	1
11	Pembantu Makmal Gred C17	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	1
12	Pembantu Kebajikan Masyarakat Gred S17	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	4
13	Pembantu Tadbir Rendah Gred N11	Sokongan II	Kurang Upaya Penglihatan (Tunnel Vision)	1
14	Pemandu Kenderaan Gred R3	Sokongan II	Keilatan Separa kekal	1
15	Pembantu Am Pejabat Gred N1	Sokongan II	Pendengaran	1
16	Pembantu Am Pejabat Gred N1	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	1
17	Pembantu Am Pejabat Gred N1	Sokongan II	Pendengaran/Percakapan (Bisu)	1
18	Pembantu Am Pejabat Gred N1	Sokongan II	Lain-Lain	1
19	Pekerja Awam Gred R1	Sokongan II	Kurang Upaya Pendengaran	3

20	Pekerja Awam Gred R1	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	4
21	Pekerja Awam Gred R1	Sokongan II	Pekak dan Bisu	1
22	On Job Training	Sokongan II	Pendengaran	1
23	On Job Training	Sokongan II	Cerebral Palsy	1
24	On Job Training	Sokongan II	Kurang Upaya Fizikal	2
		JUMLAH		**35**

c) Butiran kes tatatertib dan penamatan perkhidmatan yang diterima dan diuruskan oleh Suruhanjaya semenjak tahun 2008 sehingga kini (30 Jun 2010) adalah seperti berikut:-

KES-KES YANG DITERIMA LEMBAGA TATATERTIB TAHUN 2008

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN	JENIS KESALAHAN	KEPUTUSAN	JUMLAH
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diplima Gred DGA29	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah	Lucut Hak Emolumen dan Turun Gaji *(Hukuman kombinasi)*	1
2.	Juruteknik (Awam) Gred J17	Jabatan Kerja Raya Daerah Klang	-sama-	Buang kerja	1
3.	Pelukis Pelan Gred J17	Jabatan Kerja Raya Daerah Klang	-sama-	-sama-	1
4.		Pejabat Tanah dan Daerah Petaling	-sama-	-sama-	1
5.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	-sama-	-sama-	1
6.	Operator mesin Prosesan Data Gred F11	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	-sama-	-sama-	1
7.	Pemandu Kenderaan Gred R3	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	-sama-	-sama-	1
8.	Pekerja Awam Khas Gred R3	Pejabat Hutan Hulu Selangor	Kesalahan Jenayah	*Kes sedang dalam tindakan (dibawa ke tahun 2009)*	1

9.	Jaga Gred R1	Jabatan kerja Raya Kuala Selangor	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah	Buang kerja	1
10.	Pekerja Awam Gred R1	Jabatan kerja Raya Daerah Petaling	-sama-	*-sama-*	1
11.		Jabatan Kerja Raya Daerah Sabak Bernam	Kesalahan Jenayah	Lucut Hak Emolumen dan tangguh Pergerakan Gaji *(Hukuman Kombinasi)*	1
12.		Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah	Lucut Hak Emolumen dan Turun Gaji *(Hukuman Kombinasi)*	1
13.		Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah	Buang Kerja	1
14.		Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah	Buang Kerja	1
15.		Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling	Kesalahan dadah	Tangguh Pergerakan gaji dan Buang kerja	1
			JUMLAH		**15**

KES-KES YANG DITERIMA LEMBAGA TATATERTIB TAHUN 2009

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN	JENIS KESALAHAN	KEPUTUSAN	JUMLAH
1.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Jenayah	Buang Kerja *(Peraturan 38)*	1
2.	Penolong Pegawai Tanah Gred NT17	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	Tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan.	Warta Buang Kerja *(Peraturan 26)*	1
3.	Juruteknik Gred J17	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	- sama -	-sama-	1
4.	Pembantu Tadbir Rendah Gred N11/Jurutaip	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	- sama -	-sama-	1
		Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	- sama -	-sama-	1
5.	Pembantu Am Pejabat Gred N1	Jabatan Agama Islam Selangor	- sama -	-sama-	1
6.		Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	- sama -	-sama-	1
7.		Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor	- sama -	-sama-	1
8.	Pemandu Kenderaan Gred R3	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	- sama -	-sama-	1
9.	Pekerja Awam Gred R1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	- sama -	-sama-	1
10.		Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Selangor	- sama -	-sama-	1
11.		Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	- sama -	-sama-	1
12.		Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat	- sama -	-sama-	1
13.		Jabatan Kerja Raya Daerah Klang	- sama -	-sama-	1
14.	Pekerja Awam Khas Gred R3	Pejabat Hutan Hulu Selangor	Kesalahan Jenayah	*Buang kerja*	1
			JUMLAH		**15**

KES-KES YANG DITERIMA LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2008

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN	KEPUTUSAN	BILANGAN
		-TIADA -		

KES-KES YANG DITERIMA LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2009

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN	KEPUTUSAN	BILANGAN
1.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Mengesahkan keputusan berkenaan dengan salah laku perayu, tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan selaras dengan Peraturan 12(4) (c), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan Dan Tatatertib) 1995 daripada:- Amaran; dan Denda (amaun yang sama banyak dengan emolumen bagi tujuh (7) hari). <u>Kepada</u>:- Amaran; dan Denda (amaun yang sama banyak dengan emolumen bagi tiga (3) hari).	1

PERTUKARAN PERKHIDMATAN TAHUN 2008

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	PERMOHONAN	LULUS	TOLAK	TANGGUH
		-TIADA -			

PERTUKARAN PERKHIDMATAN TAHUN 2009

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	PERMOHONAN	LULUS	TOLAK	TANGGUH
1.	Penolong Pegawai Veterinar Gred G32	1	1	-	-
2.	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17	1	-	1	-
3.	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	1	-	-	1
	JUMLAH	**3**	**1**	**1**	**1**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENUKARAN `DEWAN UNDANGAN NEGERI` KEPADA `DEWAN NEGERI`

137. Penukaran `Dewan Undangan Negeri` kepada `Dewan Negeri` Selangor telah dibuat.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Atas alasan apakah nama `Dewan Undangan Negeri` Selangor ditukarkan kepada `Dewan Negeri` Selangor?

b) Bukankah `Dewan Undangan Negeri` lebih tepat kerana Dewan ini menggubal undang-undang (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 2005: 346-347)?

c) Bagi menyelaraskan penggunaan, adakah diterima supaya `Dewan Undangan Negeri` diterima pakai kembali?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : AHLI MAJLIS

138. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa jumlah perbelanjaan Kerajaan Selangor telah belanja kepada Ahli Majlis pada tahun 2009?

JAWAPAN :

a) Jumlah perbelanjaan kepada Ahli Majlis pada tahun 2009 oleh Kerajaan Selangor mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti jadual di Lampiran A.

LAMPIRAN A

BIL	PBT	JUMLAH PERBELANJAAN AHLI MAJLIS BAGI TAHUN 2009 (RM)
1	MBSA	1,757,533.77
2	MBPJ	2,755,839.49
3	MPK	884,292.00
4	MPAJ	2,291,414.05
5	MPSJ	2,547,274.10
6	MPS	1,392,361.00
7	MPKj	1,428,567.45
8	MPSp	1,048,477.39
9	MDKS	505,232.50
10	MDHS	274,793.40
11	MDKL	877,000.00
12	MDSB	5,674.00
JUMLAH KESELURUHAN		15,768,459.15

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : MASJID

139. DYMM Sultan Selangor telah menitahkan agar masjid-masjid tidak dijadikan gelanggang berpolitik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakan langkah yang telah diambil untuk menguatkuasakan titah arahan ini?

b) Setakat ini adakah mana-mana masjid yang telah melanggar titah arahan ini dan sekiranya berlaku perlanggaran tersebut apakah bentuk pendakwaan dan hukuman yang boleh dikenakan jika seseorang itu didapati bersalah mengingkari titah arahan ini?

c) Apakah kerajaan bercadang untuk menghalang mereka yang aktif berpolitik agar tidak menyampaikan khutbah dan memberikan ceramah?

JAWAPAN:

a) Jabatan ini telah menguatkuasakan titah tuanku dan telah menghantar salinan titah tersebut kepada semua masjid dan surau untuk ditampal dan dimaklumkan kepada semua ahli kariah.

b) Terdapat beberapa masjid yang telah didapati melanggar titah tersebut dan telah diambil tindakan, nasihat, amaran, surat tunjuk sebab dan sehinggalah pemecatan seperti berikut :

BIL	NAMA MASJID / SURAU	ISU	TINDAKAN
1	Masjid Taman Subang Perdana	Khatib tidak bertauliah dan menyentuh politik. (Us. Hassan Basri).	Surat tunjuk sebab telah diberikan kepada Nazir.
2	Masjid Al-I'tisam Seksyen U2,Taman TTDI Jaya	Khatib tanpa tauliah dan menyentuh politik.	Surat tunjuk sebab telah diberikan kepada Nazir.
3	Masjid Darul Ehdan Jalan SS 15/2E, Subang Jaya	Khatib tidak bertauliah dan menyentuh politik	Penamatan jawatan Pengurus Masjid.
4	Masjid Al-Ubudiah Seksyen 19, Shah Alam	Khatib berkhutbah menimbulkan isu ISA.	Surat tunjuk sebab telah diberikan kepada Nazir.

5	Masjid Al-Amin Seksyen 17, Shah Alam	Menjemput penceramah tanpa tauliah (Aliran Wahabi)	Surat mohon penjelasan telah diberikan kepada Nazir.
6	Surau Al-Huda, Seksyen 19 Shah Alam (Surau Kebenaran Solat Jumaat)	Khatib berkhutbah tanpa tauliah (Y.B Abdul Khalid Samad).	Surat mohon penjelasan telah diberikan kepada Pengerusi Surau.
7	Masjid Jamek Ar-Rahimiah Klang.	Membenarkan orang bukan Islam berucap di dalam Masjid (Y.B Xavier) **Aduan melalui surat**	Surat mohon penjelasan telah diberikan kepada Nazir
8	Masjid Kampung Raja Uda Pelabuhan Klang	Khatib tidak bertauliah.(Ust. Zubir Embong) 28 April 2010 **Aduan melalui surat**	Nazir telah dinasihati dan pengajian penceramah ditangguhkan.
9	Masjid As-Saadah, Bandar Sultan Sulaiman, Pel. Klang	Penyalahgunaan dana masjid Kenyataan **YB Dato' Abd Rahman Palil dalam SinarHarian 25/05/2010**	Akan disiasat oleh Bahagian Audit MAIS.
10	Masjid At-Taufikiah Parit 4, Sungai Burong Tanjung Karang	Khatib tidak membaca teks dan berunsur politik. **Aduan melalui surat**	Telah diberi nasihat kepada Nazir.
11	Masjid Sg. Gulang-Gulang	Ahli politik PKR berceramah di Masjid Aduan surat dari JKKP	Surat mohon penjelasan Nazir telah dihantar
12	Masjid As-Syarif Telok Seri Telok Datok, Banting	Berceramah berunsur politik (Dr. Badrul Amin). **Aduan melalui surat**	Surat mohon penjelasan telah diberi kepada Nazir
13	Masjid An-Nur Kampung Melayu, Wira Damai,Batu Caves	Penceramah tidak bertauliah dan edar risalah. **Aduan melalui surat.**	Surat mohon penjelasan kepada Nazir. Didapati risalah diedar diluar masjid.
14	Masjid Lama Batu 6 Batu 6, Jalan Gombak	Penceramah berunsur politik **Aduan melalui surat**	Surat mohon penjelasan telah diberi kepada Nazir.

15	Masjid Al-Sharif Kampung Simpang Tiga Jalan Gombak	Penceramah berunsur politik. **Aduan melalui surat**	Setelah disiasat aduan tidak benar.
16	Masjid Al-Azim Pandan Indah	Kuliah oleh Ust. Abdullah Yasin **Aduan melalui surat**	Sedang dalam siasatan.
17	Masjid Daerah Kuala Kubu Baru	Khutbah oleh ahli Politik dan Khutbah tidak ada selawat. - Kenyataan oleh Dato' Zainal Abidin Sakom dan Timb. Pengerusi BN Selangor di akhbar	Setelah disiasat, bacaan selawat dibaca oleh YB Dato' Dr. Hassan Bin Mohd Ali

c) Penceramah-penceramah yang memberikan ceramah dan berkhutbah di masjid-masjid negeri Selangor adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

"Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 119, Kesalahan Mengajar Agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam Tanpa Tauliah :

(1) mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh di denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi –

(a) Mana-mana orang atau golongan yang dikendalikan oleh Majlis dibawah seksyen 121 Enakmen ini; atau

(b) Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarga sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : HASIL PASIR

140. Kerajaan Negeri telah gagal mencapai sasaran hasil kutipan pasir yang disasarkan berjumlah RM150 juta setahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah cara pengiraan sehingga kerajaan negeri mendapat angka sasaran RM150 juta tersebut?

b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengemukakan anggaran baru hasil pasir dalam setahun?

c) Apakah faktor – faktor yang menggagalkan usaha kerajaan negeri untuk meraih sasaran kutipan tersebut?

d) Berapakah kutipan hasil pasir sehingga Jun 2010?

JAWAPAN :

a) Jawapan disediakan oleh Y.B. Tuan Yaakob Bin Sapari. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan.

b) Jawapan disediakan oleh Pejabat Menteri Besar Selangor.

c) Faktor-faktor yang menggagalkan usaha kerajaan negeri untuk meraih sasaran kutipan tersebut ialah:

(i) Kejadian kecurian pasir yang tidak dapat dikawal;
(ii) Permintaan pasir yang tinggi tetapi tidak dapat dipenuhi; dan
(iii) Kemasukan pasir dari negeri lain, contoh: Perak dan Negeri Sembilan

d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN PEMBAIKPULIHAN JALANRAYA

141. Kerajaan Pusat memperuntukkan sejumlah wang kepada Jabatan Kerja Raya Selangor (JKR Selangor) setiap tahun untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk tahun 2009 dan tahun 2010?

b) Senaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dengan peruntukkan tersebut di Selangor ?

JAWAPAN :

a) Berikut adalah jumlah peruntukkan yang diterima JKR Selangor untuk tahun 2009 dan tahun 2010 untuk kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak konsesi dan juga secara jabatan yang dilaksanakan oleh JKR Daerah.

Bil	Tahun	Konsesi	Jabatan	Jumlah
1.	2009	RM 27,554,290.00	RM 42,701,390.30	RM 70,255,680.30
2.	2010	RM 20,000,000.00	RM 10,408,299.00	RM 30,408,299.00

b) Sila rujuk lampiran yang disertakan. (lampiran A)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: PADI

142. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah jumlah keluasan tanah yang digunakan untuk tanaman padi di seluruh negeri?

b) Berapakah jumlah hasil tahunan bagi tahun 2008-2009?

c) Berapakah keluasan tanah yang strategik dan hasil penanaman padi yang minima untuk negeri Selangor?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : RUMAH-RUMAH IBADAT

143. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menjaga keselamatan rumah-rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil , tokong dan gereja?

b) Berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjaga keselamatan rumah-rumah ibadat tersebut?

c) Berapakah jumlah rumah-rumah ibadat di Negeri Selangor yang telah menerima atau ditimpa ancaman keganasan, kebakaran dan kerosakan dari segi fizikal.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyediakan langkah-langkah yang khusus bagi menjaga keselamatan rumah-rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil, tokong dan gereja. Keselamatan rumah-rumah ibadat adalah di bawah tanggungjawab pengurusan dan ahli jawatankuasa rumah ibadat berkenaan.

b) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyediakan peruntukan khusus untuk menjaga keselamatan rumah-rumah ibadat tersebut. Peruntukan rumah-rumah ibadat bukan Islam adalah untuk tujuan baik pulih bangunan sedia ada, pendidikan keagamaan dan sumbangan bagi tujuan pemindahan bangunan keagamaan yang dirobohkan.

c) Buat masa ini kerajaan Negeri masih belum mempunyai statistik khusus bagi rumah-rumah ibadat yang ditimpa bencana memandangkan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran rumah-rumah ibadat tersebut adalah di bawah tanggungjawab jawatankuasa rumah ibadat yang terlibat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat rumah-rumah ibadat yang ditimpa bencana, kerajaan negeri sedia mempertimbangkan bantuan bagi membantu rumah-rumah ibadat tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : INSFRASTRUKTUR AWAM TIDAK DISELENGGARAKAN DENGAN BAIK DAN BERJADUAL. – SAMPAH, JALAN BERLUBANG, RUMPUT PANJANG DAN PARIT TERSUMBAT

144. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Masalah sampah tidak dikutip, jalan berlubang, rumput panjang dan parit tersumbat masih lagi merupakan masalah utama yang belum diselesaikan dengan baik dan berkesan. Apakah langkah berkesan yang diambil oleh MPK untuk mengatasi hal ini dan bilakah kontraktor baru dilantik menggantikan kontraktor yang gagal menjalankan tanggungjawab ini?

JAWAPAN :

a) i. **JALAN**

Langkah-langkah berkesan yang diambil oleh MPK untuk mengatasi jalan berlubang adalah

i) Mengadakan pemeriksaan berkala keadaan jalan
ii) Menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan secara jabatan atau kontrak.
iii) Menurap semula jalan-jalan yang melebihi 10 tahun /isipadu lalulintas yang tinggi dan yang mengalami kerosakan yang kritikal
(panjang dan luas kawasan bergantung kepada geran MARRIS yang diperolehi dari Kerajaan Negeri.)
v) Memastikan kerja-kerja pengorekan jalan dan membaik pulih jalan oleh syarikat utiliti, dilaksanakan mengikut piawai dan syarat-syarat Majlis.
vi) Memastikan tiada aktiviti di atas jalan seperti memasak dan membasuh terutama di lorong belakang kedai-kedai makan yang menjadi salah satu punca kerosakan jalan.

ii. **LONGKANG**

i) JPS telah menyediakan Pelan Induk menangani masalah banjir di Klang MPK melaksanakan cadangan pembinaan /pengawalan sistem kawalan banjir berdasarkan peruntukan sedia ada/melalui permohonan.

ii} MPK mengambil tindakan dengan menyelenggara parit/longkan secara berkala disamping menaiktaraf parit /longkang berdasarkan peruntukan sedia ada. Majlis juga memastikan rumah pam berfungi dengan baik disamping berkerjasama dengan pihak JPS bagi memastikan pintu air diselenggara dan di kawal dengan sempurna

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
SEMENTA

TAJUK : MASALAH SOSIAL ANAK-ANAK PENGHUNI RUMAH FLAT

145. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

a) Bagaimanakah keadaan sosial anak-anak penghuni flat ketika ini dan adakah apa-apa program yang disediakan untuk mereka ?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Tiadakah perancangan dari Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membangunkan kawasan perkampungan orang asli yang terdapat di Negeri Selangor khususnya di Pulau Indah, Pelabuhan Klang? Ini kerana secara tidak langsung pembangunan di kawasan perkampungan orang asli boleh menjanakan pendapatan penduduk setempat serta menyokong usaha sektor pelancongan di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

a) Soalan ditujukan kepada kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat menyediakan jawapan kepada soalan yang dibangkitkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : MASALAH SOSIAL RAKYAT

147. Keruntuhan akhlak, bersekedudukan dan pembuangan bayi semakin berleluasa di negeri Selangor bukan saja kepada rakyat Malaysia warga pendatang yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Jabatan Agama Islam dan juga peranan agama lain bagi membendung gejala ini.

JAWAPAN :

a) Di antara langkah-langkah yang telah dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIS bagi membendung masalah sosial rakyat yang meliputi kes berkesedudukan dan pembuangan bayi ialah melalui :

1) Penerangan setiap bulan di peringkat negeri dan daerah tentang jenayah syariah samada di sekolah, kolej atau IPT dan juga masjid-masjid.

2) Mengadakan kursus khas yang dinamakan Kursus Bimbingan Rohani (KUBRO) – (bagi kes-kes yang melibatkan kelakuan kurang sopan di tempat awam, atau kes yang tidak cukup bukti atau saksi untuk dibawa ke mahkamah).

3) Mengadakan Seminar "Masih Ada Yang Sayang" – (bagi mereka yang bekerja sebagai tukang urut batin, GRO, orang yang bekerja di premis menjual arak, pelayan bar dan lain-lain)

4) Membuat Program Khas "HARAPANKU SUBUR KEMBALI" – (bagi wanita-wanita yang melahirkan anak tidak sah taraf)

Bahagian-bahagian lain di JAIS seperti Bahagian Dakwah, Bahagian Undang-Undang-Keluarga dan Pejabat Agama Islam Daerah juga bertanggungjawab dan turut melaksanakan banyak program bagi menangani masalah ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : URUS NIAGA KOPERASI

148. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan skop urus niaga Koperasi milik Kerajaan Negeri. Berapakah jangkaan untung rugi koperasi tersebut?

JAWAPAN :

a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri tiada memiliki sebarang Koperasi. Koperasi ialah pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dengan matlamat untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya melalui aktiviti-aktiviti koperasi seperti bidang-bidang kredit, pengguna, perumahan, pembangunan tanah, perbankan dan insurans.

Di peringkat Kerajaan Negeri, bidang-bidang tersebut dilaksanakan melalui penubuhan anak syarikat Kerajaan Negeri (GLC), Yayasan, Badan Berkanun dan *Special Purposed Vehicle* (SPV).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PINJAMAN MIKROKREDIT

149. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bilakah skim pinjaman mikrokredit ini akan dilaksanakan dan badan pelaksana manakah yang bertanggung jawab terhadap pemprosesan permohonan untuk skim mikrokredit?

b) Apakah sistem agihan yang digunakan bagi memastikan bahawa pinjaman ini sampai kepada mereka yang layak mengikut syarat yang telah ditetapkan?

c) Selain meminjamkan wang, apakah program yang akan dilaksanakan di bawah skim pinjaman mikro kredit ini bagi memperdayakan peminjam-peminjam?

JAWAPAN:

a) Skim pinjaman mikro kredit dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada penghujung bulan Julai 2010. Satu sekreteriat telah ditubuhkan di bawah Menteri Besar Pemerbadanan (MBI) iaitu agensi yang bertanggungjawab terhadap pemprosesan pemakanan skim mikrokredit.

b) Syarat – syarat kelayakan untuk memohon pinjaman mikrokredit adalah seperti berikut;
   i) Pendapatan isi rumah kurang dari RM1,500.00
   ii) Berumur tidak melebihi 65 tahun
   iii) Tidak memiliki aset yang melebihi RM50,000.00
   iv) Warganegara Malaysia dan telah bermastautin di Selangor selama 10 tahun
   v) Mempunyai rancangan perniagaan yang boleh menjana pendapatan

Jenis-jenis pembiayaan modal dan tempoh bayaran balik yang dicadangkan:

Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan (RM)	Tempoh Bayar Balik (minggu)	Keterangan
Ehsan	2,000 – 3,000	48	Pembiayaan pertama peserta baru.
Aman	3,001 – 5,000	96 – 144	Ditawarkan kepada peserta yang telah mengambil Pembiayaan Ehsan dan menunjukkan prestasi projek ekonomi yang cemerlang.
Makmur	5,001 – 20,000	96 – 192	Pembiayaan untuk peserta yang berjaya mencapai tahap usahawan kecil dan sederhana.

Jenis pembayaran balik skim mikro kredit ini adalah secara mingguan di mana setiap minggu pegawai yang ditugaskan akan berjumpa dengan peminjam untuk membuat kutipan bayaran ansuran.

c) Untuk menjayakan skim mikrokredit Selangor, pengalaman AIM dan Bank Grameen di Bangladesh menunjukkan bahawa latihan merupakan faktor terpenting dalam menjayakan skim ini. Dicadangkan supaya modul latihan yang komprehensif dibentuk merangkumi latihan pegawai dan kakitangan agensi pengendali dan latihan para peminjam (sahabat) di berbagai-bagai peringkat. Modul latihan TQHS akan dirangka kemudian oleh pihak pengurusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK: PeBT

150. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Adakah kerajaan negeri telah membuat kajian ke atas kegiatan sambutan belia bagi program-program dijalankan atau diusahakan?

b) Apakah jenis-jenis kursus tersebut dan jumlah yang telah dijalankan?

c) Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi mempergiatkan lagi tawaran kursus-kursus kepada belia-belia ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sentiasa memantau program-program yang dijalankan oleh Penggerak Belia Tempatan atau lebih dikenali PeBT di seluruh Selangor. Pegawai-pegawai Belia di Pihak Berkuasa Tempatan merupakan pemantau bagi Kerajaan Negeri dan pihak UPEN akan menyelaras ke semua laporan seterusnya dilaporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia. Malahan terdapat di sesetengah Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Majlis juga turut memantau PeBT dari segi pentadbiran dan perjalanan program bagi memastikan objektif program tercapai.

   Melalui laporan oleh PeBT, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan untuk menyatakan jumlah pengunjung atau kehadiran orang ramai ke program-program tersebut.

b) Program-program yang telah dijalankan adalah berteraskan enam teras Pembangunan Belia iaitu :-
   i. Pendidikan
   ii. Kepimpinan
   iii. Ekonomi
   iv. Sukan
   v. Kemasyarakatan dan Kesukarelawan dan
   vi. Kebudayaan dan Kesenian

   Sehingga 30 Jun 2010, sebanyak 104 program telah dijalankan di seluruh PBT oleh PeBT dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM293,095.10.

c) Kerajaan Negeri dalam usaha menggerakkan fasa III Merakyatkan Ekonomi Selangor yang mana Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan akan terlibat dengan dua program fasa tersebut iaitu :-

   i. Bimbingan kepada Usahawan Muda
   ii. Bantuan Perniagaan kepada Belia

   Melalui fasa ini, Kerajaan Negeri akan mengadakan program secara bulanan di semua daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : KEBERKESANAN SISTEM PENYALURAN MAKLUMAT

151. Sejauh manakah keberkesanan sistem penyaluran maklumat kita kepada rakyat, kerana rakyat di pinggir-pinggir kampung dan di gugusan FELDA terutamanya ada yang masih tidak tahu tentang Skim-skim juga Program-program yang dijalankan oleh kerajaan Negeri setakat ini.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Perlukah kita tukar dasar penyaluran maklumat supaya ianya lebih Cepat, Cekap dan Berkesan Bagi Memenuhi Kehendak Dan Ekspektasi kita agar rakyat sentiasa "*update*" dengan usaha terkini kerajaan.

b) Apakah langkah pembaikan yang diambil bagi memastikan "SUARA SELANGOR" yang diedarkan mencapai sasaran.

c) TV Selangor perlu melakukan sesuatu agar dapat melebarkan '*coverage*"nya supaya dapat ditonton oleh lebih ramai rakyat tidak hanya menggunakan "*table* atau lap top.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : PEMBANGUNAN BANDAR

152. Antara Gapi adalah antara pembangunan kawasan bandar baru di Hulu Selangor kendalian PKNS yang kelihatan lesu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah status perkembangan semasa pembangunan Antara Gapi setakat ini ?

b) Apakah strategi PKNS di bawah pengurusan baru memacu pembangunan Antara Gapi bagi manfaat penduduk Hulu Selangor ?

c) Adakah anak syarikat kerajaan berperanan untuk membangunkan bandar-bandar lama seperti Kuala Kubu Bharu, Ulu Yam dan Batang Kali di Hulu Selangor ?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini projek-projek yang telah siap dan diduduki di Antara Gapi berjumlah 1,180 unit masing-masing di Seksyen 1 (902 unit), Seksyen 2A (182 unit) dan Seksyen 2B (96 unit). Jumlah penduduk yang menetap pula dianggarkan hampir 4,500 orang. Komponen pembangunan Antara Gapi telah dirancang sebagai kawasan kediaman seperti berikut :-

Bil.	**Seksyen**	**Luas (ekar)**	**Jenis Pembangunan**
1.	1	261.80	Perumahan/Institusi
2.	2	228.10	Perumahan/Institusi
3.	3	128.50	Pusat Bandar/Perumahan
4.	4	109.40	Perumahan/Institusi
5.	5	107.00	Perumahan/Institusi
6.	6	162.77	Perumahan/Institusi
	JUMLAH	**952.57**	

Projek sediada yang sedang dalam jualan ialah :-

Bil.	Nama Projek	Unit	Harga (RM)	Telah Jual	Baki
1.	Rumah Teres 1 Tingkat Fasa 1E, Seksyen 1	79	Dari 109,800	54	25
2.	Banglo 1 Tingkat, Seksyen 2A	14	Dari 293,800	13	1
3.	Rumah Kedai 2 Tingkat	18	Dari 220,800	10	8
4.	Rumah Link 2 Tingkat Seksyen 5	139	Dari 179,000	38	101
5.	Lot Banglo, Seksyen 1	90	9.00 skp	57	33
	JUMLAH	**340**		**172**	**168**

Projek-projek akan datang yang sedang dalam pembinaan adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Projek	Unit	Lokasi	Projek Mula
1.	Rumah Link 2 Tingkat	64	Seksyen 2B	2010
2.	Rumah Link 2 Tingkat Fasa 2	128	Seksyen 5	2010
3.	Kedai Pejabat 2 Tingkat	30	Seksyen 1A	2010
4.	Banglo 1 Tingkat	22	Seksyen 2A	2011
	JUMLAH	**244**		

b) Antara strategi PKNS memacu pembangunan Antara Gapi bagi manafaat penduduk Hulu Selangor adalah seperti berikut :-

i. Meneruskan pembangunan kediaman selesa dan moden yang mampu dimiliki.

Walaupun kos binaan masakini sudah meningkat kira-kira 30%, PKNS masih mengekalkan harga lama untuk semua kediaman terbabit yang bermakna pembeli buka saja menikmati penjimatan harga tetapi juga dari segi bayaran faedah pinjaman kerana kediaman berkenaan adalah di tahap kemajuan pembinaan hampir atau sudah sedia diduduki.

ii. Menyediakan kemudahan infrastruktur bagi penduduk di Antara Gapi dan kawasan sekitar.

Bagi memenuhi keperluan masyarakat di Antara Gapi, pelbagai kemudahan telah disediakan antaranya ialah sekolah, surau, taman permainan dan kedai/pejabat yang terletak di Seksyen 1. Di samping itu, PKNS telah menyediakan kemudahan pengangkutan van awam kepada penduduk Antara Gapi untuk ke stesen komuter yang terdekat di Serendah mengikut jadual setiap jam. Faktor keselamatan juga dititikberatkan yang mana pengawal keselamatan 24 jam bertugas mengawasi pintu masuk utama Antara Gapi setiap hari.

Rangkaian perhubungan sangat penting bagi sesebuah bandar baru. Sehubungan itu, cadangan projek penyambungan jalan sepanjang 2.4 kilometer yang menghubungkan Antara Gapi ke Jalan Sungai Tua sebagai jalan alternatif telah diluluskan dan akan dibina dalam masa terdekat. Apabila siap, jalan ini akan memberi manfaat kepada penduduk Antara Gapi dan kawasan sekitar dari segi memudahkan perjalanan seterusnya dapat meningkatkan lagi nilai hartanah di kawasan tersebut.

Dengan kewujudan rangkaian jalan yang strategik dan perancangan pembangunan untuk menjadikan sebahagian Antara Gapi sebagai kawasan rekreasi dan resort yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan moden dilihat akan dapat menjadi pemangkin yang membantu menonjolkan lagi nama Antara Gapi sebagai pusat pertumbuhan baru PKNS di Hulu Selangor yang kondusif untuk didiami.

c) Buat masa ini, PKNS masih menumpukan aktiviti pembangunan kawasan baru seperti Antara Gapi dan Bernam Jaya di Hulu Selangor. Walau bagaimanapun Syarikat Anak PKNS seperti Ligamas Sdn. Bhd. telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Batang Kali.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : CUKAI PINTU

153. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan berniat untuk meningkatkan cukai pintu?

JAWAPAN :

a) Kerajaan negeri tidak bercadang untuk meningkatkan cukai pintu buat masa ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 25 tahun 2009 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2009 dan telah disahkan pada 19 Ogos 2009 yang telah bersetuju agar setiap PBT menjalankan penilaian terbaru cukai pintu berdasarkan peruntukan seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan. Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa nilaian baru perlu diadakan setiap lima (5) tahun sekali atau dalam tempoh lain yang boleh dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Keputusan tersebut juga telah menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak akan menaikkan bayaran cukai pintu walaupun hasil daripada penilaian yang dilakukan adalah tinggi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN BEKAS PEKERJA LADANG DUSUN DURIAN, MORIB

154. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan dan penyelesaian status projek perumahan tersebut ?

b) Apakah bentuk bantuan kerajaan negeri kepada pembeli yang ditolak oleh Bank kerana faktor umur dan pendapatan yang tidak melayakkan pinjaman bank sedangkan mereka memerlukan rumah tersebut ?

c) Adakah kerajaan bercadang menubuhkan Dana Khas bagi membantu menyelesaikan masalah peminjam/pembeli seperti ini?

JAWAPAN :

a) Tanah yang terlibat berkeluasan lebih kurang 4.0468 ha (10.0 ekar) pada asalnya dipunyai oleh Golden Hope Plantations (Peninsular) Sdn Bhd (Golden Hope) dan Golden Hope telah bersetuju untuk menyerahkan tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan tapak perumahan pekerja-pekerja Ladang Dusun Durian sebagai sebahagian pakej pemberhentian pekerja ladang tersebut setelah mendapat persetujuan daripada National Union Plantation Workers (NUPW).

Tanah yang terlibat dengan pembangunan projek perumahan di Ladang Dusin Durian masih berstatus tanah rizab Melayu. Walaupun Golden Hope telah mengemukakan Borang 12B yang lengkap melalui surat bertarikh 26 Oktober 1994, status tanah rizab Melayu masih belum dibatalkan.

Keputusan MMKN bil 30/2006 bertarikh 13 Disember 2006 berkenaan kelulusan pelupusan secara pemberimilikan kepada 122 nama peserta terlibat tidak dapat dilaksanakan kerana status tanah rizab Melayu masih belum dibatalkan.

Setelah perbincangan diadakan dengan wakil bekas pekerja ladang dan wakil kontraktor serta wakil-wakil daripada jabatan kerajaan berkaitan seperti Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Langat, didapati isu berkaitan pemberimilikan tanah kepada peserta yang telah disenaraikan perlu disemak semula berdasarkan tujuan asal cadangan penyerahan balik tanah oleh Golden Hope Plantations Sdn Bhd iaitu untuk penyediaan skim perumahan bagi bekas pekerja ladang Dusun Durian.

Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor pada 15 Mac 2010 bagi tujuan mendapatkan maklumat dan perincian lanjut mengenai masalah yang dihadapi dalam pembangunan projek perumahan bekas pekerja ladang Dusun Durian untuk membolehkan Lembaga menyediakan kertas ringkasan sepertimana yang diarahkan oleh EXCO MMKN bagi mendapatkan penyelesaian kepada masalah status projek perumahan tersebut.

Sebagai jalan penyelesaian,senarai nama yang dikemukakan oleh Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat bagi tujuan pemberimilikan terus kepada peserta projek perumahan di Ladang Dusun Durian perlu disemak semula memandangkan terdapat aduan daripada bekas pekerja Ladang Dusun Durian yang mendakwa nama mereka tercicir sedangkan ada di antara nama peserta yang terpilih bukan dari kalangan bekas pekerja Ladang Dusun Durian.

Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat juga perlu mengesahkan senarai 71 peserta asal yang merupakan bekas pekerja ladang serta 38 nama waris bekas pekerja ladang terlibat bagi membolehkan penetapan harga premium berdasarkan keputusan MMKN tahun 2007 diguna pakai manakala kelulusan bagi senarai peserta untuk 11 unit kedai perlu dikaji semula kerana didapati kesemua pembeli bukan dari kalangan bekas pekerja ladang dan sepatutnya kadar premium yang dikenakan perlu mengikut harga pasaran semasa.

Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat kini dalam tindakan untuk membuat pembatalan dan gantian tanah rizab Melayu serta memproses permohonan pelupusan secara pemberimilikan dengan mengekalkan syarat-syarat serta kadar premium yang dinyatakan dalam keputusan MMKN pada 13 Disember 2006 dan 13 Jun 2007 kepada 121 peserta asal yang terlibat.

Kontraktor yang dilantik, Tetuan Era Permai Sdn Bhd menyatakan bahawa syarikatnya mengalami masalah kewangan untuk menyiapkan projek memandangkan kebanyakan pembeli tidak berjaya mendapat pembiayaan bagi tujuan membeli rumah daripada institusi kewangan kerana faktor umur dan pendapatan yang kecil.

Sebagai jalan penyelesaian, pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan nilaian (valuation) keseluruhan kos projek yang terlibat yang dipersetujui diperingkat awal penerimaan projek tersebut serta kos yang diperlukan bagi tujuan penyiapan projek tersebut bagi memudahkan semua pihak mengenal pasti punca dan seterusnya menyelesaikan masalah yang berlaku.

Pihak Kontraktor juga dikehendaki merujuk kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk membincangkan keperluan perancangan yang perlu dipatuhi bagi tujuan melicinkan perjalanan proses kelulusan projek kelak.

b) Isu ketiadaan hakmilik telah menyebabkan permohonan pinjaman perumahan bagi tujuan membiayai pembelian rumah yang diperuntukkan tidak dapat diluluskan. Oleh itu isu tanah perlu diselesaikan dengan segera sehingga hakmilik dikeluarkan kepada setiap peserta terlibat untuk menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi oleh bekas pekerja ladang Dusun Durian.

Bagi mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang berlarutan sekian lama, kontraktor yang dilantik telah berurusan dengan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) untuk membantu peserta yang masih belum mempunyai pembiayaan dan kontraktor juga bersetuju untuk meneruskan pembangunan projek sejurus selepas isu hakmilik tanah dan urusan dengan SJKP selesai.

Bagi peserta yang tidak layak untuk membuat pinjaman perumahan disebabkan faktor umur dan pendapatan disarankan agar melibatkan ahli keluarga terdekat bagi mendapatkan pembiayaan secara 'third party loan'.

Wakil Persatuan Pekerja Ladang Dusun Durian (NUPW) juga telah disarankan agar berusaha mendapatkan sumber kewangan bagi membantu semua pekerja yang mahu membeli rumah yang ditawarkan dan sekiranya tiada sumber yang boleh membantu, ia perlu dipohon bagi mendapatkan dana bantuan.

c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai dana khas bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peminjam/pembeli. Walau bagaimanapun, isu tersebut kini dalam perhatian EXCO yang bertanggungjawab ke atas kebajikan bekas pekerja ladang iaitu **Y.B. Tuan Dr. Xavier Jaya Kumar** yang memegang portfolio sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Perumahan Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PEMBANGUNAN BANDAR PETALING JAYA

155. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Apakah tempoh yang diberikan kepada 'Task Force' diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memutuskan kadar pajakan selepas diumumkan pada awal tahun 2010?

b) Bilakah kerajaan negeri akan mengumumkan kadar pajakan baru dengan tawaran menarik kepada penduduk PJ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri mahu agar Jawatankuasa Kerja (Task Force) ditubuhkan bagi meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini Pejabat Tanah Daerah Petaling akan dijadikan sebagai Projek Pemandu dengan penubuhan “Task Force” yang bertanggung jawab untuk menjelaskan kepada pemilik-pemilik tanah berhubung kelebihan melanjutkan tempoh pajakan kepada 99 tahun
.
Y.B. Pegawai Kewangan Negeri bersama PTGS dan PTD Petaling telah mengkaji formula pengiraan terbaru dan lain-lain insentif yang akan dikenakan kepada penduduk di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun kertas cadangan tersebut masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

b) PTGS telah mengemukakan kertas cadangan berhubung dengan cadangan dasar meningkatkan hasil bukan cukai melalui premium perlanjutan tempoh pajakan di Negeri Selangor. Namun cadangan tersebut masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENYELESAIAN ISU PERUMAHAN PENDUDUK KAMPUNG BEREMBANG

156. Penduduk Kampung Berembang sudah ditawarkan rumah di projek Berembang Indah sebagai penyelesaian kepada masalah perumahan mereka selepas rumah mereka dirobohkan . Rumah batu tersebut sepatutnya siap pada bulan Jun ,2009 yang lepas tetapi sehingga hari ini, didapati mereka masih lagi terpaksa tinggal dalam khemah ditapak bekas kampung mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Kenapakah rumah mereka belum siap sehingga kini ?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memantau dan berusaha menyelesaikan masalah perumahan mereka dengan segera?

JAWAPAN :

a) Projek ini dikenali sebagai Projek Berembang Indah dan pemajunya adalah PNSB (Permodalan Negeri Selangor Berhad) anak Syarikat Negeri Selangor. Projek ini adalah di bawah pemantauan Stanco Pembangunan Setinggan dan Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor. Pihak Majlis adalah bertanggungjawab menyediakan laporan pembangunan di tapak secara berjadual.

b) Langkah-langkah Kerajaan Negeri

Dicadangkan :

i) Diisytiharkan projek terbengkalai bagi penyelesaian masalah di mana projek gagal disiapkan dalam tempoh 7 tahun.
ii) Pengambilalihan oleh anak Syarikat Selangor lain bagi menyiapkan projek tersebut.
iii) Dijual kepada pemaju lain yang berminat untuk menyiapkan projek tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PERBELANJAAN TAMBAHAN

157. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan bercadang untuk membentangkan perbelanjaan tambahan pada akhir tahun ini di Dewan Negeri?

b) Mengapakah kerajaan tidak membuat perancangan awal seberapa teliti yang mungkin dalam belanjawan kerajaan negeri supaya tidak perlu dibentangkan perbelanjaan tambahan?

JAWAPAN :

a) Adalah dimaklumkan bahawa pertimbangan mengadakan bajet tambahan oleh kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada keperluan dengan terlebih dahulu membuat keutamaan semula bajet sedia ada, mencari penjimatan sedia ada daripada program-program yang telah dibajetkan, mengkaji kedudukan jumlah hasil kerajaan semasa iaitu sama ada masih mampu menanggung tambahan perbelanjaan baru atau adakah kerajaan perlu membuat pinjaman dalam membiayai keperluan tambahan tersebut.

Kedudukan semasa kewangan negeri sekiranya berada dalam kedudukan defisit perlu diambil kira memandangkan ianya akan melebarkan lagi defisit kewangan kerajaan. Sehubungan dengan itu sama ada Kerajaan bercadang untuk membentangkan perbelanjaan tambahan pada akhir tahun ini akan dibuat berdasarkan pertimbangan yang dinyatakan di atas.

b) Untuk makluman, belanjawan Kerajaan Negeri yang dibuat pada masa ini adalah belanjawan seimbang iaitu anggaran perbelanjaan adalah bersamaan dengan jangkaan hasil yang diterima. Oleh itu perancangan awal yang dibuat adalah berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan dan jumlah jangkaan hasil yang diterima.

Kerajaan Negeri telah membuat bajet tambahan pada tahun 2009 memandangkan terdapat program-program baru yang dilaksanakan iaitu program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun ini. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri akan mengawal perbelanjaan ini dan sebarang perlaksanaan program tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa keperluan yang mendesak. Dengan itu Kerajaan Negeri perlulah berhemah dan merancang perbelanjaan dengan memberikan keutamaan kepada projek atau program yang penting dan mempunyai impak kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman, keutamaan bagi mengadakan bajet tambahan adalah dengan mengutamakan tambahan bajet bagi perbelanjaan *locked–in* iaitu satu perbelanjaan yang mesti diberikan seperti emolumen, sewaan, biasiswa dan lain-lain. Perbelanjaan tambahan juga perlu dibuat jika terdapat keputusan dasar oleh Kerajaan negeri ke atas program atau aktiviti yang tidak dibajetkan atau tidak disediakan peruntukan yang mencukupi pada tahun semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK: SKIM MIKRO KREDIT

158. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah kedudukan terkini mengenai skim mikro kredit negeri Selangor yang di umumkan oleh Dato' MB tempoh hari.

JAWAPAN:

a) Kedudukan terkini Skim Mikro Kredit Negeri Selangor adalah satu Sekreteriat telah ditubuhkan di bawah Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) untuk melaksanakan Skim Mikro Kredit ini. Pada masa ini urusan melantik pegawai dan kakitangan sekreteriat sedang dilaksanakan oleh MBI. Sekreteriat ini dijangka berfungsi sepenuhnya menjelang hujung bulan Julai 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : INFRASTRUKTUR ASAS

159. Infrastruktur asas seperti jalan kampung masih banyak yang perlu disediakan untuk kemudahan rakyat di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk membina jalan kampung yang baru?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk membaiki jalan-jalan kampung sedia ada yang rosak?

c) Sila nyatakan senarai kampung serta jumlah peruntukan yang diterima bagi membina jalan baru atau membaik pulih jalan kampung di dalam DUN Dusun Tua.

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4.1 juta bagi projek di bawah Kemudahan Asas Desa yang merangkumi projek-projek kecil di daerah seperti menaiktaraf jalan, memabaikpulih balairaya, serta membina dan membaiki longkang. Peruntukan ini disalurkan berdasarkan permohonan dari Pejabat Daerah.

Sehingga Jun 2010, sejumlah Rm2,703,000.00 atau 66% dari peruntukan keseluruhan telah digunakan bagi menampung sebahagian daripada bayaran elaun Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK/Kampung Baru serta bayaran elaun Ketua Komuniti kaum India di seluruh Negeri Selangor. Sejumlah RM250,000.00 pula atau 6% telah gunakan untuk menaiktaraf jalan kampung manakala baki peruntukan RM1,147,000.00 disalurkan ke daerah bagi kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur asas yang lain seperti baik pulih balairaya, bakipulih longkang, baik pulih jambatan dan sebagainya.

b) Bagi tahun 2010, sejumlah Rm1 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung sedia ada di seluruh Negeri Selangor. Peruntukan ini juga akan disalurkan terus kepada Pejabat Daerah berdasarkan permohonan yang dikemukakan dari Pejabat Daerah yang berkaitan.

c) Pada tahun 2009, 2 projek kecil dengan nilai Rm49,333.00 telah diluluskan bagi tujuan membaik pulih jalan kampung bagi kawasan Dusun Tua. Senarai adalah seperti berikut :

BIL	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1	Membaiki jalan Kg. Batu 20	7,000.00
2	Membina longkang baru dan melebarkan jalan utama yang sempit antara Kg. Sg. Macau dan Kg. Kenangan Batu 18	42,333.00
Jumlah		**49,333.00**

MAKLUMAT TAMBAHAN

DAERAH	BIL. KAMPUNG		JUMLAH KAMPUNG	PERUNTUKAN 2010 (RM)
	TRADISI	BARU		
PETALING	19	7	26	260,000.00
GOMBAK	35	14	49	490,000.00
KLANG	33	4	37	370,000.00
KUALA LANGAT	34	2	36	360,000.00
HULU LANGAT	61	12	73	730,000.00
SEPANG	19	4	23	230,000.00
KUALA SELANGOR	55	10	65	650,000.00
HULU SELANGOR	33	13	46	460,000.00
SABAK BERNAM	79	12	91	910,000.00
JUMLAH	**368**	**78**	**446**	**4,460,000.00**

DAERAH	BILANGAN KAMPUNG INDIA	PERUNTUKAN ELAUN RM300/BULAN (MEI – DIS 2010) (RM)
PETALING	5	12,000.00
GOMBAK	6	14,400.00
KLANG	7	16,800.00
KUALA LANGAT	4	9,600.00
HULU LANGAT	4	9,600.00
SEPANG	3	7,200.00
KUALA SELANGOR	9	21,600.00
HULU SELANGOR	5	12,000.00
SABAK BERNAM	2	4,800.00
JUMLAH	**45**	**108,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
SEMENTA

TAJUK : RUMAH FLAT

160. Kerajaan negeri menyediakan beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kesejahteraan hidup penghuni rumah flat atau pangsapuri kos rendah.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status perkembangan fasa penambahbaikan dan penyelesaian masalah di rumah flat terkini ?

b) Adakah kerajaan negeri bercadang mewujudkan mekanisme selain Join Management Body (JMB) yang ada antaranya menimbulkan masalah?

JAWAPAN:

a) Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri telah merancang dan melaksanakan pelbagai program sebagai usaha penambahbaikan dan jalan penyelesaian masalah di rumah flat atau pangsapuri seperti berikut:

i- <u>Geran Baik Pulih Lif Pangsapuri Kos Rendah</u>

Memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang penting dan perbelanjaan penyenggaraan lif adalah sangat tinggi untuk dibiayai oleh pembeli-pembeli yang mempunyai pendapatan yang rendah, maka Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM1.6 Juta untuk membaik pulih 41 lif melibatkan 3 kawasan pemajuan pangsapuri kos rendah seperti berikut:

BIL.	**KAWASAN PANGSAPURI**	**BILANGAN LIF**	**KOS MEMBAIK PULIH**
1.	Desa Mentari Petaling Jaya	27	RM 557,300.00
2.	Taman Permai Indah, Klang	8	RM 600,000.00
3.	Taman Ampang Mewah, Ampang	6	RM 480,000.00
JUMLAH		41	RM1,637,300.00

Semua kerja-kerja baikpulih lif ini sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka dapat disiapkan selewat-lewatnya bulan Julai 2010.

ii- Program Kempen “Pangsapuri Kita Bersih Ceria Dan Harmoni”

Menyedari sikap keprihatinan dan tahap kesedaran pembeli perumahan bertingkat mengenai tanggungjawab mereka masih rendah, Kerajaan Negeri telah meneruskan Program Kempen “Pangsapuri Kita…Bersih, Ceria Dan Harmoni” di kawasan perumahan bertingkat khususnya perumahan kos rendah yang turut membawa mesej penghargaan kepada pembeli-pembeli yang telah menjelaskan bayaran caj penyenggaraan mereka. Matlamat dan objektif kempen ini untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada komuniti perumahan bertingkat terutama perumahan bertingkat kos rendah. Ia bertujuan supaya setiap pembeli mempunyai inisiatif sendiri dan bertanggungjawab untuk menjaga kawasan masing-masing. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengadakan dua siri program kempen seperti berikut;

- Pangsapuri Seri Kembangan, Bukit Beruntung
  24 April 2010

- Pangsapuri Sri Perantau, Pelabuhan Klang
  27 Jun 2010

iii- Pewujudan Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan

Hasil cetusan idea dari program Majlis Dialog Bajet Negeri Selangor pada Disember 2009, Kerajaan Negeri telah menetapkan satu dimensi dan misi baru supaya kawasan perumahan bertingkat khususnya pangsapuri kos rendah mempunyai imej sebagai kediaman yang selesa dan harmoni. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan di beberapa kawasan pangsapuri agar dapat menjana dan melahirkan rakyat negeri Selangor yang lebih maju, moden dan berdaya saing dari aspek material dan spiritual. Kerajaan negeri telahpun membelanjakan RM45,000.00 untuk mewujudkan Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan tersebut di dua kawasan pemajuan pangsapuri bertingkat.

iv- Garis Panduan Akta 663 Dan Pindaan Jadual Pertama Akta 663

Selain itu, berikutan Kaedah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan pengurusan) 2007 [Akta 663], masih belum wujud dan bagi mengatasi isu kekaburan Akta tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil satu inisiatif untuk menyediakan garis panduan yang seragam supaya penubuhan Badan Pengurusan Bersama di negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan lancar di samping memastikan hak-hak pembeli terus dilindungi. Garis-garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

- Garis Panduan Mesyuarat Pertama Badan Pengurusan Bersama
- Garis Panduan Pemakaian Surat Kuasa wakil
- Garis Panduan Pemakaian Proksi

Kerajaan Negeri juga telah pun meluluskan pindaan Jadual Pertama Akta 663 sebagai satu usaha penambahbaikan kepada peraturan ke atas Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) yang dilantik pembeli supaya melaksanakan kuasa dan tugas mereka dengan telus.

v- Penstrukturan Semula Organisasi Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Memandangkan isu pembeli kawasan pemajuan strata yang semakin kompleks, Kerajaan Negeri telah merancang untuk memperkasakan organisasi Pesuruhjaya Bangunan melalui penstrukturan semula entiti terbabit di peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, penstrukturan semula organisasi COB ini melibatkan 89 perjawatan tambahan dan implikasi sejumlah RM6.7 juta untuk dua tahun. Sehingga kini, satu perbincangan bersama Jawatankuasa Perjawatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah pun diadakan dan seterusnya cadangan yang dipersetujui Jawatankuasa berkenaan akan dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

b) Akta 663 telah memperuntukkan sekiranya Pesuruhjaya Bangunan atau COB selepas menjalankan siasatan sewajarnya dan berpuas hati bahawa Badan Pengurusan Bersama (JMB) tidak menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan bangunannya dengan memuaskan, COB boleh melantik ejen pengurusan untuk menyenggarakan dan menguruskan bangunan selama tempoh yang dinyatakan COB. Walau bagaimanapun, secara realitinya, COB menghadapi kesukaran untuk melantik ejen pengurusan kerana majoriti kawasan pemajuan strata yang mempunyai masalah, struktur bangunannya sangat teruk dan peratus kutipan caj penyenggaraan yang rendah.

Justeru itu, dalam menangani isu kegagalan JMB dan kesukaran melantik ejen pengurusan yang berminat, Kerajaan Negeri telah mempunyai perancangan untuk mengambil alih penyenggaraan bagi kawasan pemajuan terbabit. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian untuk menimbangkan sama ada pengambilalihan kerja-kerja penyenggaraan pangsapuri kos rendah dibuat melalui penubuhan satu anak syarikat Kerajaan Negeri atau kontraktor-kontraktor yang dilantik Kerajaan Negeri sebagai ejen pengurusan. Hasil kajian tersebut akan dibawa ke Mesyurat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selewat-lewatnya Oktober 2010 supaya pelaksanaan pengambilalihan kerja-kerja penyenggaraan bagi pangsapuri kos rendah berkenaan dapat dibuat bermula tahun 2011 secara cekap dengan penggunaan sumber serta kos yang optimum.

Namun begitu, Kerajaan Negeri menggalakkan supaya tanggungjawab penyenggaraan bangunan ini dilaksanakan sendiri oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) atau Perbadanan Pengurusan (MC). Ini adalah kerana melalui penglibatan JMC atau MC secara langsung, segala perbelanjaan dan urusan berkaitan penyenggaraan bangunan dapat dikawal dan ditentukan oleh JMC atau MC berdasarkan keperluan utama pembeli dengan mengambil kira kedudukan kewangan sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : INFRASTRUKTUR KILANG DI DALAM KAWASAN KAMPUNG

161. Terdapat pembinaan kilang-kilang di dalam kawasan kampung-kampung khususnya di Pelabuhan Klang yang mana kemudahan jalan raya tersebut telah digunakan bersama oleh kedua-dua belah pihak.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sedia maklum bahawa jalan raya yang terdapat di dalam kawasan kampung-kampung tidak dapat menampung beban berat kenderaan yang membawa muatan sehingga mencecah ke 60 ton atau lebih. Ini menyebabkan jalan raya tersebut akan mudah rosak serta pecah.

b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani serta menyelesaikan permasalahan tersebut?

c) Tiadakah penguatkuasaan undang-undang yang membolehkan penggunaan jalan raya tersebut mengikut had limit berat sesuatu jalan raya?

JAWAPAN :

b) Menambah peruntukan bagi menaiktaraf infra di kawasan yang telah dizonkan untuk industri, atau menolak permohonan tukar syarat kepada industri di kawasan kampung/lot-lot kecil tanpa infra yang cukup.

c) Tiada jawapan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : STATUS HAK MILIK KAMPUNG BARU

162. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan bil dan peratusan rumah kampung baru Sungai Chua, Kwantung Baru dan Bukit Angkat yang telah memiliki hak milik sementara(TOL).

b) Apakah keistimewaan atau pertimbangan khas diberi untuk kedai-kedai perniagaan yang terletak di dalam kawasan kampung baru?

JAWAPAN :

a) Mengikut rekod Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat, di Kampung Baru Sungai Chua terdapat 748 lot rumah dan daripada jumlah tersebut sebanyak 456 lot telah mendapat hak milik sementara atau sebanyak 61%.

Untuk makluman Kwantung Baru dan Bukit Angkat tidak terletak di dalam kawasan kampung baru daerah Hulu Langat. Mengikut rekod, di Kwantung Baru terdapat 159 lot rumah dan kesemuanya telah dikeluarkan hak milik sementara bersamaan 100%. Di Bukit Angkat terdapat 96 lot rumah dan daripada jumlah tersebut 95 lot telah mendapat hak milik sementara bersamaan sebanyak 99%. Satu lot tersebut telah dikeluarkan Notis 5A namun tidak dapat dikeluarkan hak milik sementara kerana pemohon tidak menjelaskan bayaran premium tersebut.

b) Mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 4/1999 mengenai bayaran premium tanah bagi kampung-kampung baru negeri Selangor, kedai-kedai perniagaan yang terletak di dalam kawasan kampung baru telah diberikan insentif sebanyak 50% daripada bayaran premium sebenar melalui kaedah pengiraan seperti berikut:

i. Bagi Tempoh Pajakan 60 Tahun
Perniagaan = (3/4 x 1/100 nilaian tanah semasa dan industri x 60 tahun) x 50%

ii. Bagi Tempoh Pajakan 99 Tahun
Perniagaan = (3/4 x 1/100 nilaian tanah semasa dan industri x 99 tahun) x 50%

Melalui penguatkuasaan Pekeliling PTG tersebut, pemberian insentif premium sebanyak 50% adalah merupakan keistimewaan yang telah diberikan kepada kedai-kedai perniagaan yang terletak di dalam kawasan kampung baru.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Perbezaan Pengiraan Premium Kampung Baru Dengan Selain Kampung Baru

JENIS	KAMPUNG BARU	SELAIN KAMPUNG BARU
Bangunan Kediaman	Pajakan 60 tahun 0.50 sen skp Pajakan 99 tahun Dalam kawasan Majlis Perbandaran – RM2.50 skp Dalam kawasan Majlis Daerah – RM2.00 skp Luar Kawasan Majlis Daerah – RM1.00 skp	¼ x 1/100 x nilaian tanah yang diluluskan x 99 tahun – baki tempoh pajakan
Bangunan Perniagaan dan industri	Pajakan 60 tahun (¾ x 1/100 nilaian tanah semasa dan industri x 60 tahun) x 50% Pajakan 99 tahun (¾x 1/100 nilaian tanah semasa dan industri x 99 tahun) x 50%	¾ x 1/100 x nilaian tanah yang diluluskan x 99 tahun – baki tempoh pajakan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : ASET MILIK YAYASAN SELANGOR

163. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perancangan masa hadapan ke atas aset-aset milik Yayasan Selangor yang bernilai tinggi di Bukit Bintang, Kampung Baru dan Petaling Jaya.

JAWAPAN :

a) Yayasan Selangor memiliki tiga (3) bangunan pejabat berprofil tinggi yang terletak di Jalan Bukit Bintang, Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, Selangor. Ketiga-tiga bangunan ini merupakan penyumbang utama kepada hasil pendapatan Yayasan Selangor melalui penyewaan ruang bangunan.

1.0 BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR.

Penyewaan
Bangunan ini terletak di tengah-tengah **Kawasan Segitiga Emas (GTA)**, Kuala Lumpur. Bangunan ini mengandungi 12 tingkat ruang pejabat boleh sewa dan 2 tingkat basemen untuk tempat letak kereta.

Peratus ruang yang telah disewa sehingga Julai 2010 adalah sebanyak 82.6% yang mana menyumbang sebanyak RM 478,015.00 sebulan kepada Yayasan Selangor. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak **15%.**

Tetuan Malayan Banking Berhad adalah merupakan *'anchor tenant'* kepada bangunan ini di mana mereka menyumbang lebih kurang 34.6% daripada jumlah pendapatan sewaan.

Pembangunan
Bangunan Yayasan Selangor Jalan Bukit Bintang (BYS BB) bersama-sama bangunan The Pavillion, Berjaya Times Square, BB Plaza, Sg Wang Plaza, Lot 10 dan KL Plaza dan Star Hill terletak di dalam 'Tourism Belt' zon perdagangan utama dan GTA Pusat Bandaraya Kuala lumpur. Yayasan Selangor akan melaksanakan cadangan pembangunan semula hartanah ini kerana ianya sangat berpotensi selaras dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai hartanah yang bernilai tinggi. Cadangan pembangunan ini akan melibatkan kerja-kerja menaiktaraf atau pengubahsuaian bangunan untuk menjadikannya **'Grade A Commercial Building'** sesuai dengan syarat pembangunan yang diperuntukkan di dalam zon guna tanah pelan struktur Bandaraya Kuala Lumpur. Di antara cadangan konsep pembangunan yang akan dipertimbangkan oleh Yayasan Selangor untuk pelaksanaan berdasarkan 'Feasibility Studies' termasuk pembinaan Hotel, 'Service Apartment', 'Prime Office Building', Commercial Plaza dan Menaiktaraf Sidewalk Cafe.

Cadangan menaiktaraf bangunan dan pembangunan semula kawasan siarkaki BYS BB ini akan meningkatkan nilai hartanah Bangunan Yayasan Selangor selain anggaran peningkatan pendapatan sebanyak **15 - 20%** di atas pendapatan sedia ada dan anggaran pendapatan baru sebanyak **RM5.0 Juta setahun.** Juru perunding arkitek telah dilantik pada 9 Jun 2010 yang lalu untuk menyediakan konsep dan reka bentuk akhir untuk cadangan kedua-dua pembangunan tersebut.

2.0 BANGUNAN YAYASAN SELANGOR KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR.

Penyewaan

Bangunan ini terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampong Baru, Kuala Lumpur. Bangunan ini mengandungi ruang pejabat setinggi 18 tingkat dengan 4 tingkat tempat letak kereta bawah tanah.

Peratus ruang yang telah disewa adalah 92.3%. Kutipan sewaan bulanan bangunan ini berjumlah RM 307,357.00 pada akhir 2009 dan telah meningkat kepada RM 358,737.00 pada Julai 2010. Peningkatan pendapatan ini adalah sebanyak **15%.**

Di bangunan ini Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan *'anchor tenant'* dan menyumbang lebih kurang 56.6% dari jumlah pendapatan. Sementara University Kebangsaan Malaysia (UKM) menyumbang lebih kurang 25.8% dari jumlah pendapatan sewaan.

3.0 MENARA YAYASAN SELANGOR PETALING JAYA.

Penyewaan

Bangunan ini terletak di tepi Lebuhraya Persekutuan dan bersebelahan dengan pusat membeli belah Amcorp Mall dan PJ Exchange Petaling Jaya. Di bangunan inilah terletaknya Ibu Pejabat Yayasan Selangor yang memenuhi 3 tingkat daripada 12 tingkat ruang pejabat boleh sewa.

Peratus penyewaan adalah 97.6%. Jumlah pendapatan hasil daripada sewaan sebulan adalah sebanyak RM240,725.00 pada bulan Julai 2010. Ini merupakan peningkatan pendapatan sebanyak **15%** berbanding pendapatan pada awal Januari 2010.

Pembangunan

Kedudukan Menara Yayasan Selangor yang terletak di dalam 'District Commercial Center' dan nukleus pembangunan Bandaraya Petaling Jaya sangat berpotensi untuk dibangunkan semula.

Di antara cadangan konsep pembangunan yang akan dipertimbangkan oleh Yayasan Selangor untuk pelaksanaan berdasarkan 'Feasibility Studies' termasuk membina bangunan 'Prime Office Building' atau menaiktaraf dan mengubahsuai Menara Yayasan Selangor serta sistem bangunan selain pembangunan kawasan rezab tanah dan parit JPS di sekitar Menara Yayasan Selangor. Yayasan Selangor akan mewujudkan 'PJ Walk' yang mengandungi struktur komersial berkonsep peruncitan, 'F&B' dan rekreasi sebagai menjadi hub bagi penghuni bangunan berhampiran iaitu Amcorp Tower, PJ Tower, Bangunan TNB dan PJ Exchange dalam usaha menyediakan kemudahan aktiviti komersil dan riadah kepada penduduk setempat.

Cadangan menaiktaraf dan pembangunan kawasan sekitar ini akan meningkatkan nilai hartanah Menara Yayasan Selangor selain anggaran peningkatan pendapatan sebanyak **15 - 20%** di atas pendapatan sedia ada dan anggaran pendapatan baru untuk pembangunan 'PJ Walk' sebanyak **RM4.8 Juta setahun.** Juru perunding arkitek telah dilantik pada 9 Jun 2010 yang lalu untuk menyediakan konsep dan reka bentuk untuk cadangan kedua-dua pembangunan tersebut.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengurusan baru Yayasan Selangor telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak **15%** dari pendapatan sebelum ini iaitu sebanyak **RM150,900.00** sebulan jika dibandingkan bagi tempoh Januari hingga April 2010. Cadangan menaiktaraf bangunan dan pembangunan semula untuk Bangunan Yayasan Selangor Jalan Bukit Bintang dan Menara Yayasan Selangor Petaling Jaya pula, Yayasan Selangor dijangka dapat meningkatkan hasil pendapatan sebanyak **15 hingga 20%** di atas pendapatan sedia ada selain anggaran pendapatan tambahan dari pulangan pembangunan sebanyak **RM9.8 Juta setahun** apabila pembangunan 'Sidewalk Cafe' Bukit Bintang dan 'PJ Walk' siap sepenuhnya pada tahun **2011.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN

164. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor bagi setengah tahun pertama 2010 secara perbandingan dengan setengah tahun pertama 2009 mengikut pecahan daerah ?

b) Bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam memperoleh pelaburan bagi setengah tahun pertama 2010 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain ?

c) Apakah langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Mac 2010 secara perbandingan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2009 mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut;-

Lokasi / Daerah	Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di negeri Selangor Bagi Tempoh Januari hingga Mac 2009			Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di negeri Selangor Bagi Tempoh Januari hingga Mac 2010		
	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM)	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM)
Petaling	32	1,944	551,005,892	31	1,387	487,520,110
Klang	22	1,100	456,325,723	14	611	505,186,974
Kuala Selangor	4	305	56,304,172	4	918	310,172,448
Hulu Langat	7	372	75,648,909	6	215	67,691,000
Gombak	3	171	26,380,000	5	376	95,811,610
Kuala Langat	3	365	37,097,114	1	180	25,087,500
Hulu Selangor	1	39	500,000	1	18	1,200,000
Sepang	0	0	0	0	0	0
Sabak Bernam	0	0	0	0	0	0
Lain-Lain Kawasan	1	14	6,400,000	1	87	8,600,000
Jumlah	**73**	**4,310**	**1,209,661,810**	**63**	**3,792**	**1,501,269,642**

Sumber : MIDA

b) Prestasi Negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi tempoh Januari hingga Mac 2010 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain adalah seperti berikut;-

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
W. P. Kuala Lumpur	1	97	4,402,138	0	**4,402,138**
W. P. Labuan					**0**
Selangor	**63**	**3,792**	**784,786,696**	**716,482,946**	**1,501,269,642**
Pulau Pinang	20	746	124,552,847	16,917,407	**141,470,254**
Perak	10	604	570,498,247	399,364,800	**969,863,047**
Johor	34	3,166	173,990,088	480,453,001	**654,443,089**
Negeri Sembilan	7	1,207	78,589,430	36,496,960	**115,086,390**
Melaka	4	78	235,365	4,475,623	**4,710,988**
Kedah	12	2,099	61,288,886	1,533,289,428	**1,594,578,314**
Pahang					**0**
Kelantan	3	1,084	63,700,000	6,300,000	**70,000,000**
Terengganu					**0**
Perlis					**0**
Sabah	7	178	67,129,874	0	**67,129,874**
Sarawak	9	443	76,722,342	1,673,917	**78,396,259**
Belum Ditentukan	0	0	0	0	**0**
Jumlah	**170**	**13,494**	**2,005,895,913**	**3,195,454,082**	**5,201,349,995**

c) Antara langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor adalah seperti berikut;-

i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.

ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.

iii. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.

iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.

v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.

vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

ix. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.

x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.

xi. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.

xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.

xiii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.

xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.

xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : MORATORIUM 25 TAHUN PEMBALAKAN HUTAN DAN HUTAN BAKAU

165. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 35, 10 Nov 2009); “Kerajaan Negeri akan memperkenalkan satu moratorium 25 tahun terhadap pembalakan hutan dan hutan bakau’ :

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:

a) Apakah objektif-objektif serta komponen-komponen dan program-program moratorium 25 tahun ini?

b) Apakah impak kepada kurangnya hasil negeri daripada moratorium 25 tahun ini?

c) Berapakah kos yang diperlukan bagi menguatkuasakan dan memantau dasar moratorium 25 tahun ini?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : SEWAAN PENGGUNAAN KOMPLEKS BELIA DAN KEBUDAYAAN

166. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor terhadap pembangunan belia dan generasi muda di Selangor sehingga kini. Ini kerana wujud elemen pengkorporatan dan keuntungan kerana difahamkan kerajaan negeri akan mengenakan sistem bayaran sewa ke atas setiap penggunaan di Kompleks Belia dan Kebudayaan Seksyen 7 Shah Alam.

JAWAPAN :

a) kerajaan Negeri tidak sesekali meminggirkan pembangunan belia serta kebudayaan di negeri Selangor walaupun Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor, Seksyen 7, Shah alam sedang dalam proses pengkorporatan. Tujuan utama Kerajaan Negeri berbuat demikian kerana ingin meningkatkan lagi imej dan kadar penggunaan Kompleks Belia dan Kebudayaan yang mana kompleks ini suatu ketika dahulu suram dan kurang promosi kepada umum.

Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menceriakan semula kompleks di samping membangunkan beberapa program yang boleh menarik persatuan-persatuan luar dan orang ramai. Tanpa penyewaan yang minimum yang dikenakan maka kompleks tersebut agak terhad untuk mengadakan sebarang program kerana kos penyelenggaraan sedia ada sangat tinggi iaitu tidak kurang daripada RM750 ribu setahun

Jika dilihat perbezaan pendapatan kompleks pada sebelum dan selepas pengkorporatan, unjuran pendapatan sehingga 30 Jun 2010 ialah sebanyak Rm827,741.55 berbanding pendapatan keseluruhan pada tahun 2009 iaitu RM859,927.02. Kerajaan Negeri percaya dengan adanya elemen pengkorporatan ini, bukan hanya penyewa-penyewa kompleks sedia ada sahaja yang berpeluang menggunakan kemudahan ini malahan badan-badan kerajaan, persatuan dan NGO boleh menikmati kemudahan ini bersama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : PEMBANGUNAN DI HULU SELANGOR

167. Kerajaan negeri telah membekukan cadangan pembangunan kampus Universiti Teknologi MARA (UITM) di kawasan Serendah, Hulu Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kerajaan negeri sedar pembekuan projek ini merencatkan pembangunan sosioekonomi di kawasan Serendah ?

b) Apakah kerajaan negeri mempunyai cadangan lain untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi di Hulu Selangor ?

c) Berapakah bajet keseluruhan pembangunan ekonomi dan infrastruktur serta pecahannya mengikut DUN yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi daerah Hulu Selangor ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan akan terus menerapkan semua perancangan pembangunan yang telah direncanakan sebelum ini seperti 'Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025' dan ' Pakej Rangsangan Ekonomi' bagi menjamin pembangunan sosioekonomi berlaku di segenap pelosok negeri. Setiap pelan pembangunan yang telah diatur oleh Kerajaan, telah jelas menggariskan semua aspek-aspek pembangunan yang perlu diberi perhatian di dalam sesuatu kawasan atau daerah. Kerajaan tidak melihat bahawa pembekuan projek ini akan merencatkan pembangunan sosioekonomi di kawasan Hulu Selangor. Hal ini adalah kerana, daerah Hulu Selangor berkembang maju dengan bersandar kepada pengeluaran sektor pertanian dan perindustrian yang telah terbukti mampu meningkatkan pendapatan dan membangunkan ekonomi daerah tersebut dengan lebih mapan. Hal ini dapat dibuktikan menerusi data perangkaan taburan pekerjaan di Daerah Hulu Selangor, di mana hampir 18% dari penduduk Hulu Selangor yang berjumlah 198,000 orang adalah tergolong dalam guna tenaga di sektor pertanian. Manakala, hampir 8% lagi penduduk adalah tergolong dalam guna tenaga di sektor perindustrian.

   Kerajaan sentiasa peka dan menjadikan keperluan pendidikan kepada rakyat itu sebagai perkara utama dan perlu dititikberatkan saban tahun. Walaupun pembekuan cadangan pembangunan ini dilaksanakan, Kerajaan sebenarnya telah menyediakan institusi-institusi pendidikan terbaik di seluruh Negeri Selangor. Negeri ini yang telah dikelilingi dengan pelbagai institusi pendidikan awam dan swasta yang hebat dan terbaik, telah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat tidak pernah menolak sebarang pembangunan pendidikan untuk terus berkembang di mana-mana kawasan di negeri ini.

b) Kerajaan sentiasa bersedia untuk memacu pertumbuhan ekonomi ke arah tahap yang lebih tinggi dan baik. Bagi meneruskan lagi kecemerlangan daerah Hulu Selangor, Kerajaan telah menyusun perancangan pembangunan yang terbaik. Pelbagai usaha telah dilakukan, dan kini Kerajaan akan memastikan penumpuan diberikan ke atas peningkatan dan perkembangan sektor perindustrian di daerah tersebut.

Kerajaan Negeri menerusi anak syarikat *Selangor State Investment Centre* (SSIC) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sentiasa berusaha untuk menaiktarafkan 13 kawasan perindustrian sedia ada dan dalam masa yang sama mewujudkan kawasan-kawasan perindustrian yang baru bagi merancakkan sektor perindustrian di daerah ini seperti Kawasan Perindustrian Hulu Yam, Kawasan Perindustrian Mukim Rasa dan Pusat Perindustrian Zurah. Di kawasan Serendah kini penumpuan telah mula diberikan bagi membangunkan "Hub Automotif Negeri Selangor" sebagai subsektor utama di kawasan tersebut. Dengan penyertaan aktiviti pengeluaran yang aktif daripada industri automotif seperti Tan Chong Motor dan PERODUA, aktiviti perindustrian di daerah ini akan terus berkembang dan dalam masa yang sama, usaha ini akan dapat meningkatkan nilai kemasukan pelaburan baru dari dalam dan luar negara bagi melabur dan membuka industri-industri baru di daerah ini.

c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : DASAR MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

168. Kerajaan negeri ada memperkenalkan dasar untuk merakyatkan ekonomi Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Selangor dalam merealisasikan dasar merakyatkan ekonomi Selangor?

b) Berapakah jumlah bantuan atau peruntukan yang diterima rakyat khususnya di bawah dasar ini mengikut DUN?

JAWAPAN:

a) Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) telah mula dilaksanakan pada tahun 2008 oleh Kerajaan Neger Pakatan Rakyat Selangor dan ia dilaksanakan secara berperingkat. Sehingga kini fasa pertama dan kedua program MES sudah pun dilaksanakan dengan jayanya. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah dalam merealisasikan program ini menerusi program-program iaitu :

   i. Program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang merupakan salah satu program yang mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat Negeri Selangor. Program ini adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua Anak Selangor dengan perlindungan insurans sehingga berusia 18 tahun. Pada usia 18 tahun, semua anak Selangor ini berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil caruman di dalam pelaburan ini. Sehingga Jun 2010, seramai 13,424 orang anak kelahiran Negeri Selangor yang menepati syarat berjaya diluluskan untuk Program Tabung Warisan Anak Selangor.

   ii. Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu pula membolehkan rakyat Negeri Selangor yang mempunyai meter individu terus menikmati bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu. Setiap bulan, Kerajaan Negeri berusaha meneruskan program air percuma ini kerana ia ternyata membantu mengurangi beban kewangan rakyat dalam perbelanjaan utiliti yang semakin meningkat. Dalam hal ini, sebanyak 3,463,702 orang yang telah mendapat faedah dari program ini di mana sebanyak lebih kurang Rm230 juta sudah dibelanjakan.

   iii. Dalam program Hadiah Anak Masuk Universiti, Kerajaan Negeri memberikan wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi, tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Sehingga Mei 2010, seramai 11,802 pelajar menerima hadiah RM1,000 setiap orang bagi menampung keperluan semasa mendaftar belajar di Institusi Pengajian Tinggi.

iv. Program Skim Mesra Usia Emas dilancarkan bagi membantu mengurangkan beban kewangan waris kepada warga emas yang meninggal dunia di Negeri Selangor. Program ini bertujuan untuk memastikan agar setiap warga emas dan orang kurang upaya (OKU) diberi penghargaan dan penghormatan yang terbaik dan berpatutan. Sehingga Jun 2010, seramai 11,683 orang waris telah menerima faedah tersebut. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak Rm27.5 juta untuk program ini di mana setiap waris menerima RM2,500 seorang.

v) Bagi pelaksanaan program MES seterusnya, Kerajaan Negeri menubuhkan syarikat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) bagi melaksanakan Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral. Sehingga Jun 2010, hasil daripada penjualan pasir yang sudah diterima dan dikumpulkan adalah berjumlah RM62.6 juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak Rm12.4 juta. Royalti yang diterima ini diagihkan kepada rakyat Negeri Selangor melalui program-program kebajikan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

vi) Program Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang pula diwujudkan bertujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang untuk menyambung pelajaran dalam kursus kemahiran teknikal di INPENS. Sehingga Jun 2010, seramai 215 orang anak pekerja ladang melanjutkan pelajaran di INPENS dengan bantuan skim Tabung Anak Pekerja Ladang ini. Selain daripada bantuan melanjutkan pelajaran di INPENS, anak-anak pekerja ladang ini diberi bantuan dari segi kewangan seperti bantuan tambang bas sekolah, bantuan tuisyen, bayaran yuran sekolah dan lain-lain. Jumlah penerima faedah bagi bantuan ini adalah 5,072 orang dan jumlah wang yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM2.6 juta.

vii) Bagi Program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC), sebanyak 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan di Selangor, iaitu Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang. Program ini diwujudkan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga dan lain-lain kes jenayah. Pusat ini bertindak sebagai first respondent/point of contract bagi kes-kes yang dinyatakan di atas.

Kerajaan Negeri juga mengambil langkah untuk memperluaskan lagi dasar ini dengan mempelbagaikan lagi program-program kebajikan untuk kebaikan dan kemudahan rakyat Negeri Selangor. Perkara ini dapat dilihat melalui program MES Fasa 2 yang sedang dilaksanakan iaitu :

1. Cuti bersalin selama 90 hari

2. Cuti untuk suami yang isterinya bersalin selama 14 hari

3. Cuti kematian suami selama 30 hari.

b) Sepanjang pelaksanaan program Skim Mesra Usia Emas, daerah yang paling banyak menerima bantuan daripada program tersebut adalah daerah Petaling iaitu sebanyak Rm6.3 juta berbanding lain-lain daerah. Ini diikuti oleh daerah Klang yang menerima bantuan sebanyak Rm4.8 juta, Hulu Langat (RM4.1 juta), Gombak (RM3.4 juta), Kuala Selangor (RM2.3 juta), Sabak Bernam (RM2.2 juta, Kuala Langat (RM2.1 juta), Hulu Selangor (RM1.6 juta) dan seterusnya daerah Sepang yang menerima bantuan sebanyak RM0.7 juta.

Bagi program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter padu pula, daerah yang paling banyak menerima faedah adalah daerah Klang yang menerima bantuan sebanyak Rm58 juta, diikuti dengan daerah Gombak yang menerima bantuan sebanyak RM52 juta, kemudian daerah Hulu Langat (RM33 juta), Petaling (RM27 juta), Kuala Selangor (Rm18 juta), Kuala Langat (RM11 juta), Hulu Selangor (RM8.6 juta), Sabak Bernam (RM8.1 juta), dan daerah Sepang sebanyak RM5.6 juta.

Manakala jumlah peruntukan yang telah diterima oleh rakyat bagi program-program MES yang lain secara keseluruhannya adalah seperti berikut :

BIL	**PROGRAM**	**JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)**
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1.3 juta
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	11.8 juta
3	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	2.6 juta
4	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	0.6 juta
5	Program Peningkatan Hasil daripada Bahan Batuan dan Mineral	Program ini melibatkan peningkatan pendapatan kepada Kerajaan Negeri Selangor
	JUMLAH PERBELANJAAN	**16.3 juta**

Bagi program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan berlainan dalam aktiviti pengorekan bahan batuan dan mineral di Selangor. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan akan diagihkan dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam program pelaksanaan Agenda MES. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Sehingga Jun 2010, hasil daripada penjualan pasir yang sudah diterima dan dikumpulkan adalah berjumlah RM62.6 juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM12.4 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : TEMPAT LETAK KERETA

169. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan PBT yang menandatangani kontrak pengurusan tempat letak kereta dengan Suasa Efektif Sdn Bhd dan tempoh perjanjian untuk PBT masing-masing?

b) Apakah bidang tugas syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd mengikut perjanjian dan senaraikan jumlah hutang Suasa Efektif Sdn Bhd mengikut PBT?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan hutang tersebut dijelaskan kepada PBT berkenaan dan polisi pengurusan tempat letak kereta kerajaan adalah telus dan efektif agar tidak menjejaskan keefisienan PBT.

JAWAPAN :

a) Perjanjian kontrak pengurusan tempat letak kereta ditandatangani oleh tiap-tiap PBT dengan syarikat konsesi. Tiada perjanjian utama dengan Kerajaan Negeri. Tempoh perjanjian konsesi adalah selama 20 tahun yang akan berakhir pada bulan April 2019.

Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. telah menandatangani kontrak pengurusan tempat letak kereta bagi PBT berikut :-

i) Majlis Bandaraya Shah Alam;
ii) Majlis Perbandaran Klang;
iii) Majlis Perbandaran Selayang;
iv) Majlis Perbandaran Ampang Jaya;
v) Majlis Perbandaran Kajang;
vi) Majlis Perbandaran Sepang; dan
vii) Majlis Daerah Kuala Selangor.

b) Bidang tugas syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. adalah berdasarkan kepada perjanjian yang ditandatangani oleh syarikat dengan PBT yang terlibat. Antara bidang tugas syarikat terhadap PBT adalah seperti berikut:-

i) Membayar kos perkhidmatan kakitangan penguatkuasaan kepada Majlis mengikut tempoh masa dan kadar yang telah ditetapkan oleh PBT masing-masing mengikut perjanjian;

ii) Dari masa ke semasa membantu Majlis mendapatkan kakitangan penguatkuasaan yang secukupnya untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan;

iii) Menyediakan jadual kerja mingguan pegawai penguatkuasa dan dikemukakan kepada Majlis setiap minggu;

iv) Membuat pemantauan dan melaporkan secara bertulis kepada Majlis sebarang kesalahan dari segi tatatertib yang dilakukan oleh pegawai penguatkuasa;

v) Memberikan dan membiayai kursus dan latihan mengenai penguatkuasaan serta kursus lain yang difikirkan perlu. Kursus yang dicadangkan hendaklah atas persetujuan bersama oleh Majlis dan syarikat;

vi) Membayar segala kos yang dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

vii) Menyediakan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan oleh Majlis untuk tujuan penguatkuasaan termasuk penyelenggaraan yang mana kos akan ditanggung oleh syarikat;

viii) Menyediakan dan membangunkan program sistem aplikasi kompaun bersepadu dan sistem berkomputer secara *on-line* dengan JPJ di Majlis untuk tujuan kemas kini data, carian maklumat, semakan pendaftaran kenderaan dan pemilik atau apa-apa maklumat yang berkaitan untuk tujuan penguatkuasaan dan pendakwaan. Segala kos sistem tersebut akan ditanggung oleh pihak syarikat. Sistem kompaun bersepadu yang disediakan hendaklah seperti spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis;

ix) Memastikan data-data yang diperoleh dari JPJ melalui Majlis digunakan bagi tujuan dan maksud perjanjian. Data-data atau maklumat yang diperolehi adalah dianggap sulit dan rahsia dan tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud selain dari yang disebutkan tanpa kebenaran Majlis;

x) Menyediakan dan menghantar bagi pihak Majlis notis peringatan yang telah ditandatangani pegawai yang diberi kuasa kepada orang yang gagal menjelaskan bayaran kompaun;

xi) Menyediakan dan mengemukakan laporan bulanan mengenai pengeluaran notis dan kompaun kepada Majlis setiap bulan;

xii) Membantu pegawai yang diberi kuasa menyediakan borang pengaduan bagi tujuan pendakwaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Undang-undang Majlis, termasuk membantu pegawai penyiasat menyediakan bukti-bukti dan keterangan yang diperlukan di mahkamah berhubung dengan pendahuluan kes tersebut menurut peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan;

xiii) Menyediakan dan mengemukakan laporan dan penyata terkini bagi orang yang gagal menjelaskan kompaun setelah notis dikeluarkan, kepada Majlis setiap bulan; dan

xiv) Memastikan tidak berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan kepada mana-mana kenderaan semasa dikunci. Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan atau kehilangan sehingga timbulnya tuntutan di mahkamah oleh pemilik atau penjaga kenderaan atau mana-mana orang/badan yang mempunyai kuasa ke atas kenderaan tersebut maka pihak syarikat akan menanggung apa-apa kos yag timbul akibat dari tuntutan tersebut.

Jumlah hutang Suasa Efektif Sdn. Bhd. mengikut PBT adalah seperti berikut:-

PBT	JUMLAH TUNGGAKAN	CATATAN
MBSA	-	Tiada Tunggakan
MPK	1,192,614.13	Sehingga 31 Mei 2010
MPAJ	211,587.00	Sehingga 30 Jun 2010
MPS	1,029,677.76	Sehingga 31 Mei 2010
MPKJ	157,986.56	Sehingga 30 Jun 2010
MPSp	31,682.31	Sehingga 31 Mei 2010
MDKS	-	Belum Beroperasi
JUMLAH	**2,623,547.76**	

Tunggakan bayaran oleh pihak syarikat adalah disebabkan beberapa perkara yang perlu dibincangkan bersama antara syarikat dengan PBT yang terlibat. Antara menjadi punca tunggakan bayaran adalah pertikaian terhadap bayaran gaji dan elaun penguatkuasa yang memerlukan penyemakan semula dan pelarasan yang dilakukan oleh pihak Majlis. Kutipan kompaun juga menjadi punca tunggakan bayaran di mana kompaun yang dikutip belum dikontrakan oleh pihak Majlis.

Segala tunggakan akan dibuat *'reimbursement'* setelah '*adjustment'* dibuat. Ini terkandung di dalam perjanjian antara pihak syarikat dengan pihak Majlis di mana *Article* X.1 – *Default of the company* menyatakan bahawa pihak syarikat perlu membuat pembayaran kepada Majlis dalam tempoh sehingga dua (2) bulan. Jika tiada pembayaran dalam tempoh tersebut barulah dianggap sebagai *default*.

c) Pihak yang terbabit di dalam kontrak pengurusan tempat letak kereta adalah antara PBT dan syarikat yang terbabit dan bukan dengan Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dan bertindak sebagai "*mediator*" antara PBT dan syarikat-syarikat berkenaan dalam menyelesaikan pertikaian terutamanya mengenai tunggakan pembayaran.

Terkini, Kerajaan Negeri Selangor sedang meneliti dan menyemak semula semua perjanjian dan bercadang membuat penambahbaikan ke atas setiap perjanjian agar memberi kebaikan kepada semua pihak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN, BANTUAN KESIHATAN , RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

170. Kerajaan Negeri melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan, Bantuan Kesihatan , Rumah Kerajaan Prihatin membantu rakyat yang kurang berkemampuan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan bilangan warga Selangor yang telah memperolehi manfaat mengikut program-program tersebut.

JAWAPAN :

a) Bilangan warga Selangor yang telah memperolehi bantuan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan, Bantuan Kesihatan dan Rumah Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut:-

Sila Rujuk Lampiran A

LAMPIRAN A
SOALAN DEWAN
PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN, BANTUAN KESIHATAN DAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

BIL	DAERAH	TAHUN 2008			TAHUN 2009			TAHUN 2010 (sehingga Jun 2010)			JUMLAH
		PROGRAM BLUEPRINT	PROGRAM KESIHATAN	PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN	PROGRAM BLUEPRINT	PROGRAM KESIHATAN	PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN	PROGRAM BLUEPRINT	PROGRAM KESIHATAN	PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN	
1	PETALING	0	0	7	2	3	19	41	10	9	**91**
2	KLANG	5	0	30	3	22	44	43	27	22	**196**
3	GOMBAK	45	0	29	23	9	25	0	3	10	**144**
4	HULU LANGAT	0	0	13	2	0	18	41	2	16	**92**
5	KUALA LANGAT	4	0	37	58	0	32	45	1	19	**196**
6	SEPANG	0	0	18	0	3	24	28	0	8	**81**
7	HULU SELANGOR	0	0	14	23	0	18	30	1	13	**99**
8	KUALA SELANGOR	0	0	48	13	0	47	10	4	14	**136**
9	SABAK BERNAM	13	0	90	210	1	52	0	2	9	**377**
	JUMLAH	**67**	**0**	**286**	**334**	**38**	**279**	**238**	**50**	**120**	**1412**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status kajian pengangkutan awam di Negeri Selangor?

b) Siapakah ahli jawatankuasa dan latar belakangnya?

c) Jangkaan dalam berapakah tahun kerajaan Selangor boleh memajukan sistem pengangkutan awam ?

JAWAPAN :

a) Kajian Pengangkutan Awam di Negeri Selangor merupakan salah satu Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor. Antara langkah yang diambil adalah Memperluaskan Sistem Pengangkutan Awam di Negeri Selangor secara lebih menyeluruh diberikan tumpuan khusus di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor. Antara program penting yang menjadi teras adalah seperti berikut :

i. Memastikan pengukuhan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
ii. Modal Split dari 90:10 ke 50:50.
iii. 'One Hour Public Transport Model'
iv. Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.
i. Menyambung Laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang dan Laluan Kota Damansara ke Kajang.
v. Terminal pengangkutan Awam Bersepadu (Bas, Teksi, LRT diintegrasikan dalam terminal pengangkutan awam seperti di Bandar Tasik Selatan, Taman Melati dan Sungai Buloh).
vi. Menambah penyediaan sistem pengangkutan ke seluruh kawasan dalam Negeri Selangor.
vii. Menambah perkhidmatan 'bas henti-henti' antara bandar dalam Negeri Selangor.
viii. Cadangan Priority Bus Lane.
ix. Cadangan Water Base Public Transport dari Muara Sungai Klang melalui Bandar Klang MPK, MBSA sehingga ke MPSJ.

Sehingga kini, kajian pengangkutan awam yang sedang dijalankan secara khususnya adalah Projek Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang (AMG) dan LRT Laluan Kelana Jaya (KLJ). Projek ini akan dibina oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB).

Sambungan LRT Laluan Ampang sepanjang 17.7 km akan bermula dari Stesen Sri Petaling sedia ada dan berakhir di Puchong/USJ – Bandar Putra Heights. Bagi sambungan LRT Laluan Kelana Jaya sepanjang 17 km akan bermula dari Stesen

Kelana Jaya dan berakhir di Puchong/USJ – Bandar Putra Heights. Daripada 26 stesen, sebanyak 13 stesen akan disediakan kemudahan ‘Park & Ride’ dengan disediakan tempat letak kereta keseluruhan berjumlah 5,872.

b) Projek Memperluaskan Sistem Pengangkutan Awam Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor adalah di bawah Sekretariat Pejabat Menteri Besar Selangor.

c) Sehingga kini, masih belum ditetapkan jangkaan masa secara khusus Kerajaan Negeri boleh memajukan Sistem Pengangkutan Awam. Jangkaan masa ini adalah berkait rapat dengan peruntukan kewangan dan pihak-pihak yang terlibat untuk membangunkannya serta terdapat kekangan daripada faktor penduduk dan pembangunan sekitar. Walau bagaimanapun di dalam Hala Tuju Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran perancangan Sistem Pengangkutan Awam sehingga tahun 2025.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : TEMPAT PELUPUSAN SAMPAH DI SUNGAI KEMBONG

172. Tempat pelupusan sampah yang dibuka semula secara sementara di Sungai Kembong dijanjikan akan ditutup sepenuhnya pada April 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Mengapakah tapak itu masih dibuka hingga kini?

b) Apakah masalah yang dihadapi MPKj hingga membenarkan sampah dibuang semula ke sini?

c) Adakah plan jangka panjang bagi mengatasi masalah pembuangan sampah bagi MPKj?

JAWAPAN :

a) Logi RDF tidak dapat menerima sepenuhnya sampah daripada MPKj. Kelewatan menaiktaraf logi disebabkan oleh kontraktor yang membekalkan alat ganti penting tersebut tidak mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui.

b) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) terpaksa menghantar semua sisa pepejalnya ke Tanjung 12 dan setiap penghantaran akan mengamalkan masa yang panjang dan menyebabkan proses kutipan tidak berjalan mengikut jadual.

c) Menurut maklumat awal Majlis Perbandaran Sepang akan membantu *tranferstation* dan MPKj boleh menggunakan *tranferstation* yang sama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
SEMENTA

TAJUK : PROGRAM PEMBERIAN AIR PERCUMA PENDUDUK RUMAH FLAT

173. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

a) Bagaimanakah status terkini program pemberian air percuma penduduk rumah flat ?

JAWAPAN:

a) Penduduk rumah flat atau pangsapuri yang menggunakan meter air individu sebenarnya telah menikmati pemberian air percuma setiap 20 meter padu pertama setiap bulan secara automatik. Manakala, bagi penduduk pangsapuri yang masih menggunakan meter air pukal, pemberian air percuma bagi setiap 20 meter padu pertama telah dilaksanakan dan dilancarkan pada 27 Mei 2010 melalui sistem kupon.

Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16 Subang Jaya telah dipilih sebagai kawasan projek perintis yang mendapat kupon air percuma bagi tempoh percubaan selama tiga bulan iaitu mulai bil air bagi Jun 2010 sehingga Ogos 2010. Tempoh tiga bulan yang diberikan ini adalah bagi membolehkan sebarang kelemahan dan penambahbaikan kepada sistem kupon dapat dibuat sebelum ianya diperluaskan ke kawasan pemajuan Pangsapuri Kos Rendah yang lain di Selangor secara berperingkat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KESELAMATAN AWAM

174. Keselamatan awam adalah penting untuk peningkatan kualiti hidup rakyat dan mereka harus berganding bahu dengan pihak Polis untuk menjaga keselamatan dan membanteras masalah jenayah setempat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Bagaimanakah tahap keselamatan awam di Negeri Selangor ketika ini?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan Indeks Keselamatan Negeri mengikut Daerah atau PBT?

c) Bagaimanakah tahap kesedaran rakyat Selangor terhadap tanggungjawab untuk turut sama memelihara keselamatan awam di Selangor? Adakah Kerajaan Negeri melaksanakan program-program bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam soal keselamatan awam?

JAWAPAN:

a) Secara keseluruhannya tahap keselamatan di Selangor adalah terkawal. Masyarakat tidak perlu bimbang dengan keselamatan nyawa dan harta benda mereka. Pihak polis selama ini dan pada bila-bila masa tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan orang ramai dan ketenteraman awam ke arah itu Polis Selangor telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai langkah bagi mempertingkatkan tahap keselamatan di negeri ini. Antaranya termasuklah melaksanakan konsep Community Policing iaitu menjalinkan kerjasama mencegah jenayah dengan Badang-badan Bukan Kerajaan (NGO's). Persatuan Penduduk, Pihak Sekolah, Rukun Tetangga dan sebagainya. Sebahagian besar anggota yang bertugas di pejabat juga telah ditempatkan di kawasan-kawasan awam, kawasan perumahan dan kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan sering berlakunya jenayah. Ringkasnya Polis Selangor melaksanakan konsep Ommni Presence dan Konsep High Profile Policing iaitu sentiasa berada di tempat-tempat awam dengan uniform dan pada masa yang sama berhubung dengan mereka. Hasil daripada usaha gigih ini maka kadar jenayah di Selangor telah dapat dikurangkan sebanyak 11.34% (Januari hingga 6 Julai 2010) atau 3,117 kes berbanding dengan tahun 2009.

b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : PUSAT HIBURAN BERLELUASA

175. Terdapat ramai anak-anak muda malah dewasa terlibat dengan gejala sosial malah ramai yang menjadi pelanggan pusat hiburan, rumah-rumah urut dan premis mesin slot judi yang semakin banyak premis-premis seperti ini di mana-mana. Ianya telah banyak memberi implikasi bukan saja kepada pelaku tetapi turut menjejaskan kehidupan keluarga mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah langkah berkesan yang dilakukan oleh negeri bagi mengatasi masalah-masalah tersebut?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah pun **membekukan** lesen pusat hiburan & rumah-rumah urut sejak tahun 2008 bagi membendung perkara ini dari lebih berleluasa. Walau bagaimanapun bagi premis mesin slot judi haram ia terletak di bawah kuasa Polis Diraja Malaysia dan Kerajaan Negeri memerlukan bantuan mereka bagi melaksanakan penguatkuasaan. Sungguhpun begitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tetap meneruskan operasi pencegahan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan Negeri sedar akan masalah ini dan semua pihak terutamanya komuniti setempat perlu mengambil bahagian dalam usaha membanterasnya. Masyarakat perlu proaktif dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan dan menyalahi undang-undang kepada PBT agar tindakan lanjut dapat dilaksanakan dan secara langsung mewujudkan kesedaran masyarakat awam terhadap masalah ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PERUBAHAN TRANSFORMASI(TRANSFORMATIONAL CHANGE)

176. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar dan rancangan kerajaan dalam mentransformasikan sektor perindustrian?

a) Apakah dasar dan rancangan kerajaan dalam mentransformasikan sektor pertanian?

JAWAPAN :

a) Pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor sentiasa mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dari setahun ke setahun. Perkembangan yang positif ini adalah kerana disokong prestasi kukuh sektor perindustrian yang dipacu oleh subsektor pembuatan dan pembinaan. Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan prioriti kepada sektor perindustrian yang berperanan sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor. Negeri Selangor mempunyai lebih kurang 219 kawasan perindustrian dengan jumlah keluasan tanah melebihi 13,000 hektar. Pada ketika ini, 4 kawasan perindustrian dan perdagangan bebas telah diwujudkan seperti di Sungai Way, Hulu Klang, Telok Panglima Garang, dan Pelabuhan Klang.

Kini, sektor perindustrian di Negeri Selangor dipelopori oleh pembuatan komponen dan produk berasaskan elektrik dan elektronik. Kerajaan Negeri tidak akan terlalu bergantung pada pembuatan yang berasaskan elektrik dan elektronik semata-mata kerana sektor pembuatan ini mempunyai saingan yang hebat daripada negara-negara jiran seperti Thailand dan China yang mampu menyediakan kos tenaga buruh yang jauh lebih murah.

Kerajaan Negeri menerusi Selangor State Investment Centre (SSIC) akan terus berusaha dari semasa ke semasa menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian Negeri Selangor dengan mentransformasikan sektor perindustrian kepada aktiviti perindustrian yang lebih berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan dan berorientasikan modal dan mesra alam. Penggalakan akan sentiasa diberikan ke atas penglibatan industri-industri baru dan berpotensi besar untuk dikembangkan di negara ini seperti industri bio-teknologi, industri penerbangan dan *Green-Industry* seperti industri solar. Selain daripada itu, Kerajaan turut memberikan perhatian ke atas pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti Perkhidmatan Pelancongan, Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan, Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan Perkhidmatan Logistik yang dilihat semakin penting dan mendapat tempat di kalangan masyarakat pada masa ini.

Sebagai nadi utama penggerak ekonomi negeri, Kerajaan akan memastikan sektor perindustrian di Negeri Selangor bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pengeluaran produk dan perkhidmatan yang terbaik, malah setiap pengeluaran yang dilakukan

mampu mewujudkan nilai tambah kepada pasaran produk khasnya, masyarakat dan negeri secara amnya.

b) Sektor pertanian turut menyumbang ke atas pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor. Walaupun catatan sumbangan sektor pertanian di dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri agak kecil, sektor pertanian telah mencatatkan pertumbuhan positif berbanding sektor-sektor lain yang mencatatkan penguncupan semasa kemerosotan ekonomi dunia dan negara pada tahun lalu.

Bagi memastikan sektor pertanian di negeri ini terus berkembang dan tidak diketepikan dalam usaha pembangunan negeri, Kerajaan telah menyenaraikan Program Peningkatan Hasil Padi sebagai salah satu program utama di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi. Inisiatif ini jelas membuktikan sikap prihatin Kerajaan kepada golongan petani dan pesawah bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada 4.5 tan per hektar kepada 7.5 tan per hektar. Peningkatan ini sekali gus akan meningkatkan pendapatan para petani dan pesawah daripada RM14,475 kepada RM20,475 setiap sesi menuai. Kerajaan Negeri akan tetap memberikan peruntukan dengan menyediakan bantuan dari segi teknikal, latihan dan motivasi kepada para perani dan pesawah di negeri ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan akan terus memperkenalkan teknologi penanaman padi yang baru dan amalan penanaman yang baik dari semasa ke semasa setiap kali teknologi berkembang dan berubah.

Pelbagai aktiviti pertanian yang dilaksanakan di negeri ini akan dipantau dan diberikan bantuan sewajarnya mengikut keutamaan. Selain penumpuan kepada tanaman kontan seperti getah dan kelapa sawit yang dijalankan secara berskala besar, bantuan dan penekanan juga diberikan kepada pengusaha berskala sederhana dan kecil seperti pengusaha tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Pelaksanaan program penanaman cendawan dan penanaman nanas dengan teknologi baru kini mula mendapat tempat di kalangan pengusaha tempatan kerana teknologi yang diperkenalkan dapat memaksimumkan pengeluaran. Kerajaan Negeri berharap agar sektor pertanian negeri akan sentiasa berkembang dan proses pemodenan sektor pertanian dapat direalisasikan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PENGURUSAN PASIR

177. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan jumlah hasil pendapatan pasir kepada kerajaan negeri daripada tahun 2006-2010?

b) Adakah satu jawatankuasa ditubuhkan bagi memantau hasil serta operasi pasir dan siapakah anggota dalam jawatankuasa tersebut?

c) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mempercepatkan kelulusan pengeluaran pasir sungai yang menyebabkan banjir dan badan manakah yang bertanggungjawab meluluskan pengeluaran pasir daripada sungai?

JAWAPAN:

a) Senarai jumlah hasil pendapatan pasir kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2006-2010 adalah seperti dibawah.

TAHUN	2006		2007		2008		2009		2010	
DAERAH	**PASIR**	**LAIN-LAIN**	**PASIR**	**LAIN-LAIN**	**PASIR**	**LAIN-LAIN**	**PASIR**	**LAIN-LAIN**	**PASIR**	**LAIN-LAIN**
PETALING	1,225,800.00	1,165,092.00	987,900.00	253,652.00	3,683,682.00	150,350.00	102,000.00	259,450.00	12,000.00	53,800.00
KLANG	133,161.00		432,000.00		90,000.00		Tiada		Tiada	42,000.00
SEPANG	484,057.46		439,950.00	109,880.00	1,075,410.00	284,610.00	1,658,910.00	285,000.00	593,370.00	35,540.00
KUALA LANGAT	237,600.00	194,000.00	186,000.00	135,000.00	408,000.00	241,000.00	Tiada	909,000.00	372,000.00	540,000.00
HULU LANGAT	130,716.00	10,147,624.82	50,502.00	10,945,494.88	142,500.00	9,371,647.60	345,000.00	10,172,075.20	333,000.00	4,581,850.43
KUALA SELANGOR	980,650.00		Tiada	15,000.00	386,250.00	13,800.00	2,556,000.00	71,900.00	1,260,000.00	43,800.00
HULU SELANGOR	154,450.00	506,070.00	38,700.00	268,198.00	273,159.00	309,960.00	689,955.00	567,150.80	307,800.00	238,600.00
SABAK BERNAM	Tiada	18,000.00	Tiada	600.00	Tiada	40,000.00	Tiada	37,500.00	Tiada	17,300.00
GOMBAK	38,235.00	3,021,449.90	790,953.00	3,362,448.30	259,265.29	4,870,204.30	79,904.04	2,722,052.60	24,600.00	1,485,415.00

* Sumber diperolehi daripada PTD

* Maklumat dikemaskini sehingga 15 Mei 2010

b) Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan telah ditubuhkan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan Unit Penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, Jebatan-jebatan Teknikal dan KSSB. Selain itu, Pasukan Petugas Khas Pemantauan Permit Pasir telah ditubuhkan bagi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit / kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah.

c) Bagi mempercepatkan kelulusan pengeluaran pasir sungai yang menyebabkan banjir, Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan diberi tanggungjawab untuk memastikan semua permohonan pasir sungai diproses dengan kadar segera. Pentadbir Tanah akan mengeluarkan Borang 4C kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) bagi mengendalikan pengeluaran pasir sungai tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : GANJARAN RM 5000 UNTUK BANTERAS KEGIATAN CURI PASIR

178. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tujuan utama dan bilakah ganjaran RM 5000 untuk Pengerusi dan Ahli JKKK ini akan diimplementasikan?

b) Sila perjelaskan apakah melalui kaedah memberi ganjaran RM 5000 kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli JKKK yang melaporkan kegiatan mencuri pasir dapat membendung kegiatan tersebut?

c) Sila nyatakan selain memberi ganjaran, apakah langkah-langkah komprehensif yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kegiatan curi pasir kian berleluasa?

JAWAPAN :

a) Dijawab oleh PTG

b) Dijawab oleh PTG

c) Selain memberi ganjaran, langkah-langkah komprehensif yang telah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk menangani masalah kegiatan curi pasir adalah seperti berikut:

(i) Mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir;

(ii) Mengeluarkan satu notis atas Borang 7A (pelanggaran syarat tanah) ke atas mana-mana tanah yang didapati mengeluarkan pasir tanpa permit yang sah di mana notis ini memerlukan tuan tanah untuk meremedi tanah kepada keadaan asal. Sekiranya tuan tanah tidak mematuhi arahan meremedi tanah tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan Borang 7B dan sekiranya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah masih dijalankan setelah siasatan dilaksanakan, Pentadbir Tanah hendaklah menyiarkan di dalam Warta Notis mengenai penyitaan atas Borang 8A ;

(iii) Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan Unit Penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, Jabatan-Jabatan Teknikal dan KSSB.

(iv) Mengadakan rondaan / pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan

(v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemantauan Permit Pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit / kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PEJABAT PKNS DI PETALING JAYA DIJUAL

179. PKNS adalah anak syarikat kerajaan negeri Berdaya Maju.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Benarkan Ibu Pejabat PKNS di Petaling Jaya telah dijual?

b) Jika benar, apakah yang memerlukan bangunan PKNS di PJ dijual?

c) Siapakah pemilik syarikat baru yang membeli bangunan PKNS tersebut?

JAWAPAN :

a) Ibu Pejabat PKNS di Petaling Jaya tidak dijual. PKNS bercadang membangunkan semula tapak secara usahasama.

b) Konsep pembangunan semula adalah selaras dengan dasar pakej rangsangan ekonomi Kerajaan Negeri Selangor. Dasar ini sesuai dilaksanakan di atas tapak ibu pejabat PKNS sekarang bertujuan untuk menaiktaraf bangunan yang telah lama dan juga mengambil peluang terhadap peningkatan nilai tambah hartanah.

c) Usahasama dilaksanakan bersama syarikat anak milik Gapurna Sdn. Bhd.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
SEMENTA

TAJUK : BAJET KHAS PENYELENGGARAAN LIF RUMAH FLAT

180. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah kerajaan negeri mempunyai bajet khas untuk mengatasi masalah lif-lif rosak di kawasan rumah flat?

JAWAPAN:

a) Untuk tahun 2010 Kerajaan Negeri mempunyai bajet khas sebanyak **RM1,530,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Lima Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja)** melalui Program Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang bertujuan untuk membaik pulih lif-lif di pangsapuri kos rendah memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang penting dan perbelanjaan penyenggaraan lif adalah sangat tinggi untuk dibiayai oleh pembeli yang mempunyai pendapatan yang rendah.

Walau bagaimanapun, kos sebenar bagi projek membaik pulih lif-lif di kawasan pemajuan kos rendah adalah seperti berikut:

BIL	**KAWASAN PANGSAPURI**	**BILANGAN LIF**	**AMAUN (RM)**
1.	Desa Mentari, Petaling Jaya	27	RM 557,300.00
2.	Taman Permai Indah, Klang	8	RM 600.000.00
3.	Taman Ampang Mewah, Ampang	6	RM 480,000.00
JUMLAH		**41**	**RM 1,637,300.00**

Mesyuarat MTES pada 24 Jun 2010 telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM118,805.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lapan Belas Ribu Lapan Ratus Lima Sahaja) untuk menampung kos sebenar projek. Oleh demikian peruntukan baru bagi membaik pulih lif adalah berjumlah RM1,648,805.00 **(Ringgit Malaysia: Satu Juta Enam Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Sahaja).**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR

181. Kerajaan Negeri ada mewujudkan Skim Mikro Kredit untuk membantu golongan miskin Bandar berniaga.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa ramaikah golongan miskin Bandar yang telah mendaftar dan menerima Skim Mikro Kredit ini mengikut DUN?

b) Selain skim ini, apakah program lain yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin Bandar agar mereka boleh berdikari sendiri?

c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaraskan pemberian bantuan untuk golongan miskin Bandar melalui Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) sedang menubuhkan Sekretariat bagi Program Mikro Kredit ini dan dijangka akan mula beroperasi pada akhir Julai 2010. Justeru, setakat ini pendaftaran belum dibuka.

b) Di antara program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar untuk hidup berdikari, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan dari segi peralatan dan mesin kepada pengusaha industri kecil dan peniaga kecil-kecilan yang berpendapatan rendah. Program yang dimaksudkan adalah Program Bantuan Peralatan "Blueprint" dan Program Bantua Dana Industri Kecil Sederhana (IKS). Melalui bantuan mesin dan peralatan, peniaga mahupun pengusaha kecil dilihat berjaya meningkatkan pendapatan keluarga melalui peningkatan penghasilan produk.

c) Antara bantuan yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk membantu kemiskinan di bandar ialah :
   1) Sewa rumah kepada yang layak melalui permohonan selama 6 bulan dan akan disambung melalui permohonan semula sekiranya layak.
   2) Rumah penempatan sementara dikenali sebagai Pangsapuri Barakah. Penghuni hanya membayar bil elektrik dan bil air sahaja.
   3) Bayaran yuran pendidikan Pra-sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah pada awal tahun persekolahan.
   4) Bantuan kewangan dan makanan bulanan selama setahun.
   5) Bantuan modal perniagaan.
   6) Bantuan persediaan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : BANTUAN KEPADA PARA BELIA

182. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Berapa ramai ahli belia atau persatuan belia yang telah mendapat bantuan dari kerajaan negeri dan apakah jenis bantuan itu?

JAWAPAN :

a) Kerajaan tidak mempunyai peruntukan khusus kepada mana-mana ahli atau persatuan belia. Namun begitu, Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya ahli atau Persatuan Belia ini ingin bekerjasama dengan Penggerak Belia Tempatan yang ditempatkan di setiap zon. Ini berikutan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.842 juta setahun kepada program Penggerak Belia Tempatan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PERLAKSANAAN PELAN TINDAKAN TEMPATAN 21 (LOCAL AGENDA 21) OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

183. Local Agenda 21 merupakan suatu pelan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang sungguh menyeluruh merangkumi pelbagai aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar .Malangnya di kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan, fungsi jawatankuasa mampan ini diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perancang . Ini menyebabkan program Local Agenda 21 tidak efektif.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri agar Jawatankuasa Pembangunan Mampan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan dinaiktaraf sebagai suatu Jabatan dan di bawah pantauan terus Datuk Bandar atau Yang Dipertua Majlis Daerah.

JAWAPAN :

a) Sejak tahun 2000, Local Agenda 21 telah diterima pakai di semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Program ini telah berjaya meningkatkan proses perundingan dan interaksi antara Pihak Berkuasa Tempatan, agensi dan juga masyarakat awam secara lebih berkesan dalam merancang pembangunan ke arah kemampanan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut menyedari bahawa Local Agenda 21 masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan terutamanya dari segi tadbir urus yang baik, komunikasi efektif dan pembinaan kapasiti.

Seiringan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang dalam proses mengkaji penstrukturan semula organisasi PBT di Negeri Selangor, penstrukturan semula jabatan-jabatan dalaman Pihak Berkuasa Tempatan dan juga cadangan mewujudkan Jabatan Pembangunan Mampan ataupun Jabatan 'Local Agenda 21' sebagai jabatan persendirian di bawah pemantauan Datuk Bandar atau Yang Dipertua akan diberi perhatian khusus.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: TEATER DIRAJA SHAH ALAM

184. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah kos binaan bangunan dan pengisian teater tersebut?

b) Siapakah pemaju yang bertanggungjawab dalam projek binaan?

c) Bilakah teater tersebut akan buka untuk kegunaan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM43.84** juta untuk membiayai kos projek iaitu pembinaan bangunan RM36.8 juta, peralatan sistem teater RM5.82 juta dan kerja landskap RM1.22 juta.

Bangunan teater yang dibina boleh memuatkan 800 penonton.

b) Dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan September 2003, mesyuarat telah melantik Tetuan Kembang Serantau Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi projek ini.

c) Kajian Audit ke atas cadangan ini telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor bermula 29hb. Oktober 2009 dan berakhir pada 21 hb. Mei 2010 yang lalu. Satu kertas kerja untuk Mesyuarat MMKN bagi permohonan untuk penyerahan semula bangunan dan permohonan tuntutan bayaran kos penyelenggaraan akan dibentangkan pada 8hb. Julai 2010 untuk pertimbangan mesyuarat.

Mesyuarat MMKN pada bulan Disember 2006 telah bersetuju supaya pengurusan, penyenggaraan bangunan dan pengisian program Teater Diraja Shah Alam dikendalikan sepenuhnya oleh JKKN Selangor. Selain itu, mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kebudayaan pada bulan Januari 2008 telah bersetuju melantik JKKN Selangor sebagai 'end user' bangunan teater tersebut dengan menyediakan perancangan dan senarai program yang berkualiti untuk merancakkan industri teater termasuk mengadakan kelas serta pertandingan teater.

Buat sementara ini, Majlis Bandaraya Shah Alam bertindak sebagai **'care taker'** bermula pada 22hb. Oktober 2008. Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) telah dikeluarkan dan satu majlis penyerahan bangunan telah diadakan di antara pemborong Kembang Serantau Sdn. Bhd. dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam pada tarikh tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PENUKARAN METER AIR PUKAL

185. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah pangsapuri kos sederhana dan rendah yang telah berjaya menukarkan meter air pukal kepada meter air individu bagi menikmati pemberian air percuma di Selangor?

b) Apakah halangan-halangan yang masih dihadapi oleh mereka yang tidak berjaya menukarkan meter air pukal?

c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu menyelesaikan halangan-halangan ini?

JAWAPAN :

a) Semenjak Program Migrasi ini dilancarkan pada 28 Mei 2007 sehingga 15 Jun 2010, SYABAS telah menerima 373 permohonan bagi akaun kod 18 iaitu pangsapuri kos sederhana dan rendah. Daripada jumlah tersebut hanya 124 permohonan telah diluluskan manakala akaun yang aktif dan telah menerima pemasangan meter individu adalah sebanyak 28 akaun melibatkan 4578 meter individu.

b) Sehingga kini sebanyak 249 daripada 373 permohonan migrasi yang diterima oleh SYABAS tidak dapat diluluskan disebabkan kegagalan pihak Syarikat Pengurusan (MC) mengambil sebarang tindakan sepertimana yang diperlukan oleh SYABAS berasaskan kepada garis panduan yang telah ditetapkan seperti yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Berikut adalah antara faktor-faktor kegagalan pemohon untuk mengikuti garis panduan migrasi sehingga menjadi halangan utama kepada pelaksanaan migrasi:

i) Kedudukan meter yang tidak sesuai dimana ianya dipasang terlalu tinggi melebihi 2.1 meter dan sukar untuk dibaca dan disenggara dan perlu diubahsuai;

ii) Tapak meter yang tidak sesuai dimana ianya telah reput, berkarat dan bocor atau dibuat dari bahan yang berkualiti rendah dimana ia boleh menyebabkan kebocoran dan perlu digantikan;

iii) Terdapat pemasangan pam elektrik di kawasan ‘meter stand’ dimana air dipam terus dari paip dan ini tidak mengikut peraturan sistem paip dalaman;

iv) Terdapat pemasangan penapis air berhampiran dengan ‘meter stand’ yang boleh mengganggu pembacaan meter dan juga menyukarkan penyengaraan meter;

v) Terdapat tangki air bocor yang tidak dibaiki oleh pihak MC;

vi) Meter dipasang terbalik yang perlu diubahsuai;

vii) Meter berada dalam rumah/grill yang berkunci dan pembacaan meter tidak dapat dijalankan;

viii) Terdapat tunggakan bil air terhadap akaun meter pukal Kondominium/Apartment yang perlu diselesaikan sebelum permohonan migrasi boleh diluluskan;

ix) Tidak ada meter berasingan untuk kawasan gunasama (common area).

Selain itu, sebanyak 96 permohonan migrasi yang telah diluluskan masih belum diaktifkan disebabkan oleh masalah-masalah berpunca daripada MC, antaranya ialah:

i) Kelewatan Pihak Pengurusan/Persatuan Penduduk (MC) untuk memulangkan semula borang permohonan individu yang telah lengkap diisi kepada SYABAS atas alasan pihak MC mahu penduduk menjelaskan terlebih dahulu bayaran tunggakan yuran penyenggaraan kepada pihak MC.

ii) Pemilik premis gagal untuk menyediakan dokumen yang lengkap semasa membuat permohonan bekalan air individu semasa perjanjian Jual Beli (Sale & Purchase) dan juga salinan kad pengenalan.

iii) Terdapat segelintir pemilik yang sememangnya enggan bekerjasama kerana selama ini pun mereka tidak pernah membayar bil air kepada pihak pengurusan bangunan.

iv) Kelewatan penghuni membuat permohonan bekalan air individu setelah permohonan migrasi diluluskan kepada pihak pengurusan bangunan kerana tiada undang-undang yang mewajibkan dan menetapkan tempoh masa tertentu kepada mereka untuk membuat permohonan bekalan air individu.

c) Kerajaan Negeri telah mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan migrasi meter air pukal kepada meter air individu dapat dilaksanakan dengan segera oleh SYABAS seperti berikut:

i) Persetujuan pemilik 100% hanya daripada unit rumah yang diduduki sahaja. Kebenaran untuk membuka dan mendaftarkan akaun bekalan air sementara dibenarkan kepada pihak ketiga sama ada penyewa, pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) bagi premis kosong atau pemilik premis yang tidak memberi maklum balas. Pemegang akaun sementara boleh memohon kepada SYABAS untuk menutup akaun meter air terbabit selepas bil air pertama dikeluarkan.

ii) Menyelesaikan masalah tunggakan bil air akaun meter pukal seperti berikut:-

- **Kaedah 1**
  Pemindahan tunggakan akaun meter pukal terus ke dalam akaun meter individu unit rumah terbabit.

- **Kaedah 2**
  Pembayaran tunggakan secara bersama oleh pemilik individu dan pemegang meter pukal mengikut peratusan 50% bagi setiap parti secara ansuran bagi tempoh 6 sehingga 18 bulan.

iii) Pemegang meter pukal iaitu MC, JMB atau Pemaju dikehendaki menandatangani ”Surat Akujanji” yang menyatakan bahawa SYABAS tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerosakan yang mungkin timbul kerana pembinaan sistem bekalan air dalaman bagi kondominium tersebut tidak mengikut spesifikasi dan bahan yang diluluskan oleh SYABAS.

Walaubagaimanapun, memandangkan terdapat halangan kepada migrasi meter air pukal kepada meter air individu yang menyebabkan penduduk tidak dapat menikmati pemberian air percuma 20 meter padu, selaras dengan dasar Kerajaan negeri “Merakyatkan Ekonomi Selangor”, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 15/2010 pada 28 April 2010 telah meluluskan pemberian air percuma bagi setiap 20 meter padu pertama setiap bulan melalui sistem kupon kepada pembeli-pembeli perumahan bertingkat (pangsapuri kediaman) yang menggunakan meter air pukal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : HOTEL DI TEPI TASIK CEMPAKA DI BANDAR BARU BANGI

186. PKNS bercadang untuk membina sebuah hotel di tepi Tasik Cempaka Bandar Baru Bangi.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Dengan adanya beberapa hotel besar dan hotel-hotel kecil di sekitar Bandar Baru Bangi, adakah wajar PKNS melibatkan diri membina hotel di sini?

b) Bagaimanakah dengan cadangan Ahli Dewan Negeri Selangor – Bangi dan Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi agar didirikan `Convention Centre` di tepi Tasik Cempaka itu?

c) Tidakkah wajar `Convention Centre` merupakan bangunan utama dan hotel menjadi sebahagian bagi kemudahan `Convention Centre` dan lain-lain?

JAWAPAN :

a) Perbadanan telah mengambil maklum mengenai cadangan ADUN Bangi dan Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi. PKNS telahpun mempunyai perancangan untuk membina bangunan yang boleh digunakan oleh penduduk Bandar Baru Bangi bagi memenuhi keperluan aktiviti-aktiviti seperti Konvensyen, seminar dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan.

b) Pembinaan hotel akan dilaksanakan setelah kajian fisibiliti dan kajian pemasaran dibuat oleh PKNS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

187. Menurut pembentangan Rancangan Malaysia Ke-10 oleh Perdana Menteri pada Sidang Parlimen baru-baru ini, pengurusan sisa pepejal akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan pengurusan sisa pepejal akan diswastakan kepada syarikat swasta. Rundingan dijangka siap pada hujung tahun 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri serta bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam rundingan pengurusan sisa pepejal tersebut?

b) Apakah mekanisme yang akan diwujudkan bagi memantau keberkesanan pengurusan sisa pepejal oleh kontraktor swasta di setiap PBT memandangkan aduan awam biasanya dikemukakan kepada PBT?

c) Apakah langkah yang dirancang oleh kerajaan bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal oleh masyarakat umum sebagai satu langkah mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal?

JAWAPAN:

a) Dengan penguatkuasaan Akta 672 ini, segala perihal berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dipusatkan kepada Kerajaan Persekutuan. Manakala bidang kuasa Kerajaan Negeri lebih menjurus kepada penentuan tapak tanah untuk penyediaan kemudahan pelupusan sisa pepejal. Kerajaan Negeri tidak dilibatkan dalam rundingan berkenaan, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengemukakan senarai permintaan *wish list* kepada pihak Kerajaan Persekutuan agar dapat dipertimbangkan jika sekiranya Akta 672 ini dikuatkuasakan.

b) Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang akan memantau semua operasi berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara ini telah mewujudkan pejabat-pejabat cawangan di seluruh negara bagi tujuan ini.

c) Pelbagai usaha telah dan cadangan dijalankan seperti Program Kitar Semula, Hari Tanpa Beg Plastik dan sebagainya. Namun begitu, keberjayaan program-program ini memerlukan kesedaran dan sokongan padu daripada semua golongan masyarakat. Satu lagi usaha yang sedang dirancang ialah dengan menyedarkan masyarakat kepentingan bagi mengasingkan sisa pepejal untuk faedah kepada semua pihak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENGGUNAAN DEWAN KOMUNITI DI SELANGOR

188. Dewan Komuniti memainkan peranan penting untuk membentuk suatu komuniti yang sihat dan progresif . Justeru itu Pihak Kerajaan Negeri harus mengambil tindakan untuk menghidupkan dewan komuniti ini agar ianya popular di kalangan penduduk setempat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan Dewan Komuniti yang terdapat di Selangor?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan penggunaan dewan–dewan komuniti ini ?

JAWAPAN :

a) Berikut adalah senarai bilangan dewan komuniti yang terdapat di Selangor :

PBT	BILANGAN DEWAN
MBSA	53
MBPJ	33
MPK	21
MPSJ	44
MPS	67
MPAJ	127
MPKj	19
MPSp	9
MDKS	38
MDHS	9
MDKL	4
MDSB	12

Sumber : Data PBT- PBT

b) Penggunaan dewan komuniti atau balai raya yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri diserahkan kepada pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) untuk diuruskan mengikut zon masing-masing. Permohonan penggunaan dewan komuniti atau balai raya tersebut adalah melalui JKP yang menguruskan kesemua premis mengikut zon untuk kegunaan orang ramai seperti aktiviti kemasyarakatan, mesyuarat, kelas-kelas akademik, kelas kemahiran, majlis perkahwinan, jamuan keraian, pusat maklumat, pusat perhubungan serta penerangan yang membawa faedah kepada penduduk setempat. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk menambah fungsi penggunaan dewan komuniti atau balai raya memandangkan tanggungjawab pengurusan tersebut adalah di bawah JKP. Setakat ini pihak JKP telah melaksanakan pelbagai program yang bermanfaat untuk kepentingan bersama masyarakat .

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : SYARIKAT-SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

189. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Siapakah ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi kesemua syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut Syarikat?

b) Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai bagi melantik Pengarah/Pengarah Eksekutif bagi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor?

c) Sudahkah dan/atau bilakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menempatkan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor sebagai Pengarah/Pengarah Eksekutif bagi syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri tersebut?

JAWAPAN:

a) Sila rujuk dilampiran 3.

b) Kelayakan, Pengalaman dan Mengikut budi bicara YAB Dato' Menteri Besar

Selangor.

c) Mengikut budi bicara YAB Dato' Menteri dan difahamkan sedang diuruskan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : KPI AHLI MAJLIS MPK

190. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapa peratuskah daripada Ahli Majlis MPK yang mencapai KPI seperti yang dihasratkan oleh kerajaan dan adakah mereka dibawah standard KPI perlu digantikan dengan yang baru?

JAWAPAN :

a) Secara keseluruhannya, prestasi Ahli Majlis, MPK telah mencapai markah lebih 98 markah dari 110 markah. Standard KPI adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN

191. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan jumlah aset baik dalam bentuk tanah ataupun kewangan yang disumbangkan kepada Yayasan Basmi Kemiskinan tetapi kini dibekukan dan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Selangor?

b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memantau dan memastikan bahawa sumbangan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada mana-mana badan kebajikan adalah digunakan secara sebaiknya?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK: ISU KILANG HARAM

192. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah kilang haram yang wujud pada masa kini jika dibandingkan dengan kerajaan sebelum ini?

b) Apakah permasalahan yang dihadapi kerajaan di dalam pemutihan kilang haram?

c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

a) Jumlah kilang haram yang terdapat di Negeri Selangor sepertimana yang telah dibanci oleh PBT sehingga 11 September 2007 seperti dibawah.

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH (SEHINGGA MEI 2010)

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT	KEPUTUSAN			PERMIT KHAS SEMENTARA				BAYARAN PREMIUM / PERMIT DITERIMA	BAYARAN PREMIUM / PERMIT BELUM DITERIMA
			LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010		
PETALING	985	654	591	3	53	3	0	1	1	46,104,292.00	66,265,494.00
KLANG	434	116	93	14	0	424	415	434	470	20,519,224.00	14,096,173.00
GOMBAK	44	13	32	0	12	32	0	0	0	342,056.34	1,256.34
HULU LANGAT	467	110	86	6	0	53	18	24	2	18,720,640.60	10,727,425.00
KUALA LANGAT	209	65	55	7	3	90	10	35	0	5,657,347.00	4,068,141.00
SEPANG	44	17	17	0	0	14	0	3	1	2,094,404.00	1,226,095.00
HULU SELANGOR	16	7	1	1	0	15	14	10	5	41,800.00	24,220.00
KUALA SELANGOR	34	10	8	2	0	1	6	2	1	14,700.00	0.00
SABAK BERNAM	15	10	0	0	10	6	1	3	0	10,000.00	5,000.00
JUMLAH	**2,248**	**1002**	**883**	**33**	**78**	**638**	**464**	**512**	**480**	**93,504,463.94**	**96,413,804.34**

b) Masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyelesaikan kilang haram adalah seperti berikut:

(i) Sebahagian tuan punya tanah tidak berminat untuk meminda dan menukar syarat nyata tanah;
(ii) Pemilik tanah hanya menggunakan sebahagian tanah untuk menjalankan aktiviti;
(iii) Pemilik tanah juga sukar mendapatkan pinjaman untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan kerana pemilik tanah telah berusia dan tidak layak untuk membuat pinjaman;
(iv) Kebanyakan pemilik kilang hanya menyewa di atas tanah tersebut;
(v) Premium yang tinggi juga antara penyebab tuan tanah tidak memohon tukar syarat nyata tanah;
(vi) Keadaan persekitaran yang selesa juga memainkan peranan yang mana kemudahan untuk mendapatkan pekerja mudah diperolehi;
(vii) Pemilik tanah dan pemilik kilang kurang faham mengenai tukar syarat kegunaan tanah walaupun telah diberi taklimat menyebabkan mereka tidak membuat permohonan; dan
(viii) Tempoh pajakan tanah yang hampir luput menyebabkan pemilik tanah enggan menukar syarat kegunaan tanah kerana premium tambahan bagi tempoh pajakan baru adalah tinggi.

c) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor telah merancang pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di mana di dalam program tersebut kilang-kilang yang telah dibanci akan di beri kemudahan. Kemudahan ini hanya diberikan kepada kilang-kilang haram yang beroperasi sebelum 11 September 2007.

(i) Pengurangan Premium Tambahan
Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan atau 30% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh enam (6) bulan atau 10% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh sembilan (9) bulan kepada pemilik tanah yang menjelas premium secara sekaligus atau ansuran dalam tempoh tersebut.

(ii) Bayaran premium secara ansuran
Pemilik tanah dibenarkan membayar premium secara ansuran sebanyak dua belas (12) kali dalam tempoh lapan belas (18) bulan atau dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam Borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.

(iii) Pengecualian premium khas
Pemilik tanah dikecualikan daripada dikenakan premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah Kaedah 11(6), Kaedah–Kaedah Tanah Selangor 2003 kepada pemilik tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah.

(iv) Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang lima belas (15) tahun

Permohonan perlanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian yang mempunyai baki tempoh pajakan kurang 15 tahun diluluskan atas kegunaan industri dan permium dikenakan berdasarkan nilaian tanah semasa serta diberi pengurangan premium sebanyak 50 peratus. Pengurangan ini dikecualikan bagi mereka yang telah mendapat insentif pengurangan premium tambahan.

(v) Insentif Dari PBT

Resolusi berkenaan Insentif untuk kilang-kilang tanpa kebenaran bagi memastikan kilang-kilang ini dapat beroperasi secara sah hendaklah digunapakai.

(vi) Penurunan Kuasa

Bagi mempercepatkan dan memudahkan proses permohonan tukar syarat, kuasa melulus permohonan tukar syarat di bawah seksyen 124(1)(a) dan (c), 124A dan 204A, Kanun Tanah Negara bagi kilang-kilang tanpa kebenaran diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah tertakluk kepada kilang-kilang yang berada di dalam zon yang ditetapkan.

(vii) Pengenaan Syarat Teknikal Minima

Garis panduan Syarat Teknikal Minima digunapakai oleh semua PBT di Selangor sebagai rujukan bagi meluluskan permohonan tukar syarat tanah untuk kilang–kilang tanpa kebenaran. Syarat Teknikal Minima ini akan digunapakai sebagai rujukan sepanjang program pemutihan ini dijalankan.

(viii) Program 'Outreach'

Program ini dijalankan bagi memberi penerangan tentang program pemutihan serta mendekatkan pihak berkuasa berkaitan dengan pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran. Di antara program '*outreach*' ialah pengedaran brosur-brosur kepada pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran, program turun padang oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung di dalam program pemutihan dan memberi khidmat nasihat dan bantuan di dalam melengkapkan borang-borang permohonan tukar syarat.

(ix) Pengecualian Caruman Infrastruktur Sosial

Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi pengecualian daripada dikenakan caruman infrastruktur sosial sebanyak RM50,000.00 seekar bagi kawasan Lembah Klang dan RM35,000.00 seekar bagi kawasan di luar Lembah Klang.

(x) Pengeluaran Permit Khas Sementara

Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk mengeluarkan suatu permit khas bagi penggunaan sementara tanah-tanah pertanian yang didirikan kilang-kilang tanpa kebenaran. Kuasa bagi meluluskan permit ini telah diturunkan kepada PTD dan permit-permit akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah yang berkenaan untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun. Permit tersebut juga hanya boleh diperbaharui sebanyak tiga (3) kali sahaja. Dalam masa tersebut tuan tanah hendaklah membuat permohonan secara teratur di bawah seksyen 124 KTN atau 124A KTN atau tindakan perampasan tanah boleh dibuat.

(xi) Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara

Pihak Berkuasa Tempatan juga akan mengeluarkan lesen perniagaan sementara *(trade license)* kepada pengusaha / pemilik kilang yang telah dikenalpasti.

(xii) Pelarasan Cukai Tanah

Kerajaan Negeri juga bersetuju meluluskan pelarasan cukai tanah bagi memberikan kesahan undang-undang atau pemutihan kepada aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pelanggaran syarat tanah di atas tanah hakmilik yang kategori bangunan kediaman tetapi telah dibenarkan beroperasi melalui lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.

(xiii) Pelanjutan Tempoh Permohonan Tukar Syarat

Tempoh untuk mengemukakan permohonan tukar syarat dilanjutkan sehingga 30 Jun 2010 untuk memberi peluang kepada pengusaha kilang / tuan tanah terus beroperasi secara sah dan mampu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : PREMIS PERNIAGAAN TANPA LESEN

193. Sudah dua tahun lebih pemerintahan **PAKATAN RAKYAT** memerintah negeri Selangor, dalam konteks perniagaan masih banyak premis-premis perniagaan tanpa lesen:-

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan sistem Pemutihan bagi peniaga-peniaga ini?

b) Apakah dasar Kerajaan dalam pemberian lesen kepada peniaga-peniaga ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sedang melaksanakan sistem pemutihan peniaga-peniaga tanpa lesen secara berperingkat dengan menempatkan mereka di gerai-gerai yang telah dibina oleh PBT. Walau bagaimanapun gerai-gerai yang telah dibina adalah bersifat sementara dengan hasrat agar peniaga-peniaga ini mampu untuk beroperasi di premis yang lebih baik setelah perniagaan mereka berkembang maju.

b) Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan program Lesen –Serta-merta untuk memudahkan aktiviti perniagaan yang tidak berisiko tinggi. Sebelum ini ramai peniaga yang mengemukakan aduan permohonan lesen mereka mengambil masa yang lama. Oleh sebab itu mereka terpaksa berniaga tanpa lesen semasa menunggu lesen mereka diproses. Walau bagaimanapun dengan adanya dasar Lesen Serta – Merta ia diharapkan dapat membantu para peniaga kecil mendapatkan lesen dengan cepat sekali gus mengurangkan premis-premis perniagaan tanpa lesen. Melalui program ini juga diharapkan golongan peniaga dapat mengambil peluang untuk memohon lesen dan memulakan perniagaan dengan cara yang sah

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PERTUKARAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PBT

194. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kerajaan juga bercadang untuk melibatkan wakil rakyat dalam menentukan pertukaran pegawai-pegawai kanan dalam PBT?

b) Bagaimanakah dasar ini dapat memanfaatkan kerajaan negeri dari segi prestasi dan kualiti kerja PBT?

JAWAPAN :

a) Pada masa sekarang Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk melibatkan Wakil Rakyat dalam proses pertukaran Pegawai Kanan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini adalah kerana prosedur yang dijalankan di dalam proses ini adalah prosedur perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam. Ia dilakukan dengan teliti dan menepati syarat-syarat Pekeliling tersebut.

Dasar pertukaran ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif yang telah digariskan seperti di bawah :-

i. Menimba pengalaman baru

ii. Mendapat suasana tempat kerja yang baru

iii. Mengadaptasi kemahiran dan budaya kerja yang baru

iv. Memberi buah fikiran dan pandangan yang bernas untuk membantu PBT dalam menyelesaikan masalah

v. Pertukaran kerja (rotation of job)

vi. Mengurangkan risiko berlaku gejala rasuah dan salah guna kuasa

Selaras dengan objektif yang tersebut di atas pihak Kerajaan Negeri hanya menekankan aspek pertukaran bagi Jawatan dan Gred yang sama dan tidak melibatkan skim perkhidmatan yang berbeza. Pelaksanaan dasar ini diharapkan dapat mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat semua PBT dapat melaksanakan arahan Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat. Malah pertukaran ini juga memberi peluang kepada semua PBT untuk menggunakan kepakaran. Pegawai-pegawai Kanan tersebut dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN

195. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 15, 10 Nov 2009); "Dalam usaha menggalakkan pembangunan usahawan, Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan beberapa program bagi mempertingkatkan hasil pendapatan negeri". Sehingga Jun 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyakkah premis perniagaan dan zon-zon industri kecil dan sederhana (IKS) telah diwujudkan menurut daerah?

b) Apakah program-program inkubator bagi melahirkan usahawan yang telah dilaksanakan?

c) Berapakah Pusat Sehenti (OSC) yang telah diwujudkan menurut daerah?

JAWAPAN :

a) Premis – premis perniagaan yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan Selangor adalah di bawah kedai – kedai Pembangunan Luar Bandar (PLB) seperti berikut;

Bil	Daerah	Jumlah Gerai
1	Klang	150
2	Petaling	Tiada maklumat
3	Kuala Langat	150
4	Hulu Langat	129
5	Sabak Bernam	207
6	Kuala Selangor	116
7	Gombak	191
8	Hulu Selangor	197
9	Sepang	54
JUMLAH		1194

b) Program inkubator ini pernah dilaksanakan pada tahun 1999 hingga tahun 2000. Berikutan tiada peruntukan yang diberikan program ini telah diberhentikan.

c) Kerajaan Negeri pada masa ini telah dan sedang merancang untuk membangunkan pusat sehenti atau pusat pengumpulan di daerah – daerah seperti berikut;

Bil	Daerah	Jumlah pusat	Status
1.	Sabak Bernam	1	Sedang menjalankan kerja - kerja penambahbaikan
2.	Sepang	1	Proses pemilihan sebut harga
3.	Kuala Langat	1	Lokasi telah dikenal pasti
4.	Gombak	1	Lokasi telah dikenal pasti dan sedang menyediakan *Bil Of Quantity (BQ)* oleh Pejabat Daerah
5.	Hulu Langat	1	Sedang mengenal pasti lokasi
6.	Petaling	1	Sedang mengenal pasti lokasi

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : MASALAH SAMPAH

196. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan dan strategi kerajaan untuk menangani masalah sampah yang semakin serius di Selangor?

b) Apakah kelemahan-kelemahan dan masalah yang sedang dihadapi kerajaan dan berikan huraian terhadapnya?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri akan menjalankan beberapa langkah yang difikirkan sesuai bagi menangani masalah-masalah yang semakin meruncing di Selangor. Antaranya langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah:

- Mengerakkan dan menggalakkan program kitar semula (3R);
- Penguatkuasaaan oleh agensi-agensi berkenaan ke atas individu yang membuka, mengurus dan membuang sampah di tapak-tapak sampah haram;
- Penstrukturan semula kawasan penyeliaan berpandukan kepada tenaga kerja yang ada;
- Pemantauan oleh Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Dan Penguatkuasaan Undang-undang;
- PBT juga telah menubuhkan *Unit Flying Squad* bagi menangani masalah pembuangan sampah haram
- Pengezonan semula kawasan-kawasan pengutipan sampah bersama Alam Flora Sdn. Bhd.

b) Antara kelemahan-kelemahan dan masalah yang dihadapui oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal di Selangor boleh dinyatakan seperti berikut:

- **Kecekapan / Efficiency**

  - Semua PBT di Selangor kecuali Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah menandatangani kontrak pembersihan awam dengan Alam Flora Sdn Bhd (AFSB). AFSB kemudian melantik sub kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam ini.
  - Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan sub kontraktor yang dilantik tadi tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk melaksanakan kerja-kerja pengutipan dan pembersihan.
  - Disebabkan oleh kelengkapan kerja yang tidak mencukupi ia telah mengakibatkan kecekapan dalam menjalankan kerja-kerja terjejas.

- **Masalah Tapak Pelupusan**

  - Kebanyakan daripada tapak pelupusan di Selangor merupakan tapak pelupusan terbuka yang tidak mempunyai dilengkapi dengan kemudahan pengurusan alam sekitar, sistem saliran air hujan, sistem rawatan ‘leachate’, sistem pengurusan gas tapak dan pemantauan alam sekitar.
  - Tapak-tapak pelupusan terbuka ini merupakan ancaman terhadap alam sekitar dan membahayakan kawasan tadahan air terutamanya ‘leachate’ yang mengalir ke kawasan-kawasan sumber air.
  - Tapak pelupusan terbuka ini juga tidak diselia dengan baik dan mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan dan gas yang merbahaya.
  - Kerajaan Negeri sedang merangka satu pelan jangka panjang untuk memastikan sisa pepejal dilupuskan dengan sistematik.

- **Kesedaran Penduduk**

  - Pelbagai program dan kempen diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran penduduk tentang peri pentingnya menjaga kawasan persekitaran daripada sampah sarap.
  - Kerajaan Negeri menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sampah mengikut jenis untuk memudahkan pelupusan, menggantikan beg plastik yang lebih mudah untuk diuraikan dan beg kitar semula.
  - Kempen kitar semula juga diteruskan dengan pelbagai aktiviti yang lebih meluas.

- **Kos Pengurusan Sisa Pepejal yang Tinggi**

  - Secara purata sejumlah 40% daripada hasil kutipan PBT digunakan untuk pengurusan sisa pepejal iaitu pembersihan, pengutipan dan pelupusan sampah.
  - Ini cukup membebankan PBT yang kecil dan Kerajaan Negeri terpaksa membantu dari segi kewangan untuk menampung pembayaran kepada kontraktor.
  - Jika tidak, perkhidmatan pengutipan dan pembersihan akan terjejas dan mengakibatkan pelbagai aduan daripada penduduk.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENGOREKAN TANAH MERAH DAN PENJUALAN SECARA HARAM DIBUKIT KAPAR.

197. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Banyak aduan yang dilaporkan kepada Pejabat Tanah Daerah Klang mengenai pengorekan tanah merah secara haram di Kg Bukit Kapar dan Kg Bkt Kerayong tetapi setakat ini belum ada langkah yang berkesan diambil, bagaimanakah cara pihak PTD Klang mengatasi aduan ini dan apakah cara dan langkah terbaik yang akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

a) terdapat aduan mengenai pengorekan tanah merah secara haram di Kg. Bukit Kapar dan Kg. Bukit Kerayong yang dilakukan oleh pemilik tanah sendiri dan secara kecil-kecilan untuk pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, semasa siasatan dibuat, kerja pengorekan dan pengalihan tanah secara haram tidak berlaku.

PTD Klang berpandangan bahawa cara dan langkah terbaik yang boleh dilaksanakan di dalam menangani masalah ini adalah dengan :

i. Mendidik / memaklumkan pemilik-pemilik tanah mengenai keperluan mendapatkan permit mengambil bahan batuan sebelum pengeluaran / penjualan tanah merah dengan menggunakan kaedah kain rentang yang dipamerkan di beberapa kawasan strategik di sekitar 2 buah kampung yang dimaksudkan; dan

ii. meningkatkan lagi pemantauan di 2 buah kampung terbabit kepada 2 kali seminggu dengan bantuan Unit Khidmat Pengurusan untuk membekalkan kenderaan bagi tujuan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH TANAH

198. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan bagaimanakah perkembangan terkini proses pengambilan balik tanah –tanah milik Kerajaan di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?

b) Sila nyatakan secara terperinci tanah-tanah yang dijadikan kolam ternakan udang yang diambil balik oleh pihak kerajaan mengikut pecahan daerah ? Sila berikan butir-butir.

c) Sila nyatakan apakah dasar terkini yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam proses permohonan LMS dan syarat-syarat yang dikenakan ?

JAWAPAN :

Seperti di bawah.

a)

RINGKASAN KESELURUHAN DAERAH & KPTG Negeri Selangor

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	77	94	73	69	27
Jumlah Lot Terlibat	1292	1505	825	1452	60
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	547.5542	718.5731	312.1394	1008.2872	352.6980
Jumlah Fee Yang Dibayar [Seksyen 3(1)(b)]	RM 4,831,357.50	RM 13,000.00	RM 20,000.00	RM 2,200.00	RM 10,000.00
UPEN	11	4	2	2	0
Jawatan Khas Pengambilan	13	4	2	2	0
Kelulusan Menteri Besar	56	86	62	59	24
Jumlah Borang D	44	77	48	54	18
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	9	2	6	2	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	1	8	10	10	4
Kes Selesai	77	94	73	69	24
Baki Fail	0	0	0	0	3
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	61	90	70	67	26
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	16	4	3	2	1
Catitan				2 fail dari JKPTG KIV atas arahan Dato' Menteri Besar pada 7.11.2009	

HULU SELANGOR

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	5	2	2	0	2
Jumlah Lot Terlibat	23	5	3	0	1
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	6.4010	3.0190	0.6981	0.0000	0.3940
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM 434,200.00	RM -	RM 10,000.00	RM -	RM 10,000.00
UPEN	2	0	1	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	4	0	1	0	0
Kelulusan Menteri Besar	1	2	1	0	0
Jumlah Borang D	1	2	1	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	0	0
Kes Selesai Peringkat PTG	5	2	2	0	2
Baki Fail	0	0	0	0	0
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	1	2	1	0	1
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	4	0	1	0	1

PETALING

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	1	5	2	10	0
Jumlah Lot Terlibat	5	8	9	69	0
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	0.3703	6.1934	5.2804	1.6361	0.0000
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM -	RM 11,000.00	RM -	RM -	RM -
UPEN	0	2	0	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	0	2	0	0	0
Kelulusan Menteri Besar	1	4	1	9	0
Jumlah Borang D	1	3	1	8	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	2	0
Kes Selesai Peringkat PTG	1	5	2	10	0
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	1	3	2	10	0
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	0	2	0	0	0

KUALA SELANGOR

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	4	0	1	4	1
Jumlah Lot Terlibat	58	0	1	70	6
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	317.5736	0.0000	1.1007	428.8965	287.6600
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM 6,700.00	RM -	RM 10,000.00	RM -	RM -
UPEN	1	0	1	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	1	0	1	0	0
Kelulusan Menteri Besar	2	0	0	4	1
Jumlah Borang D	1	0	0	4	1
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	1	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	0	0
Kes Selesai Peringkat PTG	4	0	1	4	1
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	3	0	0	4	1
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	1	0	1	0	0

SEPANG

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	3	1	1	0	0
Jumlah Lot Terlibat	6	10	2	0	0
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	12.5340	0.3346	0.2880	0.0000	0.0000
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM 10,000.00	RM -	RM -	RM -	RM -
UPEN	1	0	0	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	1	0	0	0	0
Kelulusan Menteri Besar	2	1	1	0	0
Jumlah Borang D	2	1	1	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	0	0
Kes Selesai Peringkat PTG	3	1	1	0	0
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	2	1	1	0	0
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	1	0	0	0	0

HULU LANGAT

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	10	4	2	5	4
Jumlah Lot Terlibat	13	15	13	13	7
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	16.2327	1.4278	2.9666	5.3449	50.8481
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM 2,727,457.50	RM 1,000.00	RM -	RM 1,000.00	RM -
UPEN	5	1	0	1	0
Jawatan Khas Pengambilan	5	1	0	1	0
Kelulusan Menteri Besar	4	4	2	4	4
Jumlah Borang D	2	3	2	5	4
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	0	0
Kes Selesai Peringkat PTG	10	4	2	5	4
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	4	3	2	4	4
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	6	1	0	1	0

KLANG

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	7	7	2	2	0
Jumlah Lot Terlibat	75	10	3	1	0
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	18.3997	2.6682	7.5433	-0.2512	0.0000
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM 1,651,000.00	RM 1,000.00	RM -	RM -	RM -
UPEN	1	1	0	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	1	1	0	0	0
Kelulusan Menteri Besar	4	6	1	2	0
Jumlah Borang D	4	6	2	1	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	1	0
Kes Selesai Peringkat PTG	7	7	2	2	0
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	4	6	1	2	0
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	3	1	1	0	0

GOMBAK

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	6	3	4	4	2
Jumlah Lot Terlibat	17	46	1	1008	-76
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	8.4421	0.4364	0.4047	2.0331	-0.7772
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM 2,000.00	RM -	RM -	RM -	RM -
UPEN	1	0	0	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	1	0	0	0	0
Kelulusan Menteri Besar	4	3	3	3	2
Jumlah Borang D	4	3	1	4	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	1	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	1	0	0
Kes Selesai Peringkat PTG	6	3	4	4	0
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**2**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	5	3	4	4	2
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	1	0	0	0	0

SABAK BERNAM

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	2	1	4	5	0
Jumlah Lot Terlibat	32	47	4	45	0
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	1.9907	0.7030	4.5294	1.9334	0.0000
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM -	RM -	RM -	RM 1,200.00	RM -
UPEN	0	0	0	1	0
Jawatan Khas Pengambilan	0	0	0	1	0
Kelulusan Menteri Besar	1	1	3	5	0
Jumlah Borang D	2	1	3	3	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	0	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	1	1	0
Kes Selesai Peringkat PTG	2	1	4	5	0
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	2	1	4	4	0
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	0	0	0	1	0

KUALA LANGAT

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	4	2	1	0	1
Jumlah Lot Terlibat	6	2	2	0	4
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	64.7940	4.0468	0.7122	0.0000	2.9269
Jumlah Fee Yang Dibayar	RM -	RM -	RM -	RM -	RM -
UPEN	0	0	0	0	0
Jawatan Khas Pengambilan	0	0	0	0	0
Kelulusan Menteri Besar	3	2	1	0	1
Jumlah Borang D	3	2	1	0	1
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	1	0	0	0	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	0	0	0	0	0
Kes Selesai Peringkat PTG	4	2	1	0	1
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Kategori Fail Pengambilan					
Seksyen 3(1)(a) APT 1960	4	2	1	0	1
Seksyen 3(1)(b) APT 1960	0	0	0	0	0

KPTG Negeri Selangor

April - Disember 2006		Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Jumlah Fail	35	69	54	39	17
Jumlah Lot Terlibat	1057	1362	787	246	118
Keluasan Yang Diambil (Hektar)	100.8160	699.7439	288.6160	568.6945	11.6462
Kelulusan Menteri Besar	34	63	49	32	16
Jumlah Borang D	24	56	36	29	12
Jumlah Kelulusan Seksyen 4	7	2	5	2	0
Jumlah Kelulusan Seksyen 35	1	8	8	6	4
Kes Selesai Peringkat PTG	35	69	54	39	16
Baki Fail	**0**	**0**	**0**	**0**	**1**
Daftar Fail KPTG	144	49	37	33	17

b) Maklumat pengambilan tanah di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Daerah	:	**Kuala Selangor (sahaja)**
Lot terlibat	:	**4 lot**
Pemilik	:	**Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)**
Jumlah keluasan yang diambil	:	**228.65 hektar**
Bagi tujuan	:	**Pengambilan Tanah Bagi Projek Pemuliharaan Tanaman Bakau Di Mukim Api - Api Daerah Kuala Selangor**

c) Dasar terkini yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam proses permohonan LMS kaedah kelulusan adalah seperti berikut:-

i) Laporan teknikal
ii) Kertas Pertimbangan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKMKM)
iii) Surat Kelulusan Dasar
iv) Penilaian Tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
v) Notis 5A (bayaran Premium dan lain-laian bayaran dikenakan)
vi) Pemantauan Premium.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN

199. Negeri Selangor juga tidak kurang hebatnya dalam Industri pelancongan dalam negeri,

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan ada berapa tempat peranginan Hutan rekreasi, Pusat Peranginan Pantai, Agro Pelancongan, Pulau & Pantai, Tempat Bersejarah dan Taman Rekreasi dalam negeri Selangor.
b) Berapa banyakkah keuntungan dan kutipan cukai dalam Industri ini?.
c) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan Zon Bebas Cukai di dalam negeri Selangor

JAWAPAN:

a)

Hutan Rekreasi

1. Hutan Lipur Sungai Chongkak, Hulu Langat
2. Hutan Lipur Kanching, Rawang
3. Taman Rimba Komanwell, Rawang
4. Taman Rimba Ampang, Bukit Belacan, Hulu Langat
5. Kelip-kelip Kg. Kuantan, Kuala Selangor
6. Kelip-kelip Bukit Belimbing, Kuala Selangor
7. FRIM, Kepong
8. Hutan Lipur Gunung Nuang
9. Sungai Gabai, Hulu Langat
10. Sungai Tekala, Hulu Langat
11. Air Terjun Sg. Chiling, Hulu Selangor
12. Sungai Tua, Selayang
13. Taman Rimba Sungai Lembing, Kuala Selangor
14. Taman Alam, Kuala Selangor

Pusat Peranginan Pantai

1. Sepang Gold Course, Sepang
2. Impian Morib, Kuala Langat
3. D' Muara Marine Park, Sabak Bernam

Agro Pelancongan

1. Homestay Air Manis, Sabak Bernam
2. Homestay Banghuris, Sepang
3. Homestay Batu 23, Sg. Nibong, Sabak Bernam
4. Homestay Kampong Endah, Kuala Langat
5. Homestay Kampung Kundang, Kuala Langat
6. Homestay Kanchong Darat, Kuala Langat
7. Homestay Sepintas, Sabak Bernam
8. Homestay Seri Kayangan, Sabak Bernam
9. Homestay Setangkas, Sabak Bernam
10. Homestay Sg. Haji Dorani, Sabak Bernam
11. Homestay Bougainvillea, Gombak
12. Homestay Sg. Sireh, Kuala Selangor
13. Homestay Sg. Tengi, Hulu Selangor
14. Homestay Batu Laut, Kuala Langat
15. Homestay Papitusulem, Sabak Bernam
16. Homestay Kampung Sungai Lang Tengah, Kuala Langat
17. Genting Strawberry Leisure Farms, Hulu Selangor
18. Rabbit Fun Land, Hulu Langat

Pulau & Pantai

1. Pantai Morib, Kuala Langat
2. Pantai Kelanang, Kuala Langat
3. Pantai Batu Laut, Kuala Langat
4. Pantai Remis, Kuala Selangor
5. Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam
6. Pulau Indah, Klang
7. Pulau Ketam, Klang

Tempat Bersejarah

1. Batu Caves, Gombak
2. Bukit Malawati, Kuala Selangor
3. Culture Cove, Gombak
4. Galeri Diraja Klang, Klang
5. Muzium Orang Asli, Gombak
6. Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
7. Masjid Biru, Shah Alam
8. Taman Seni Islam, Shah Alam

9. Klang Heritage Walk, Klang
10. Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang
11. Galeri Sate, Hulu Langat
12. Galeri Shah Alam, Shah Alam
13. Gedung Raja Abdullah, Klang
14. Muzium Jugra, Kuala Langat
15. Historic Jugra, Kuala Langat

Taman Rekreasi

1. Mines Wonderland, Seri Kembangan
2. Sunway Extreme Park, Petaling
3. Sunway Lagoon Theme Park, Petaling Jaya
4. Wet World Water Park, Shah Alam
5. High 5 Bread Town, Shah Alam
6. Ampang Look Out Point, Ampang
7. Wira Damai Rock Climbing, Gombak
8. Taman Templer, Selayang

b) Setelah merujuk kepada UPEN dan memanjangkan ke bahagian perbendaharaan, tiada maklumat yang boleh diperolehi berkaitan dengan pertanyaan tersebut.

(Sila rujuk lampiran surat daripada Perbendaharaan Negeri Selangor)

c) Setakat ini, kerajaan negeri Selangor masih belum bercadang untuk mengadakan Zon Bebas Cukai di negeri Selangor. Namun, perkara ini akan dinilai dari masa ke semasa dan ianya memerlukan perancangan yang teliti untuk direalisasikan. Beberapa faktor perlu diambil kira secara teliti sebelum Negeri Selangor bercadang untuk mewujudkan Zon Bebas Cukai seperti kos, lokasi yang sesuai, pelan perniagaan, pelan pembangunan yang terperinci dan sebaginya. Ianya akan dijadikan sebagai pelan jangka masa panjang di dalam sektor pelancongan di negeri Selangor.

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Kami : PWN.Sel.(S)119 Jld.5(13)
Tarikh : 3 SYABAN 1431H
15 JULAI 2010

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM & PROMOSI
16 JUL 2010

TOURISM SELANGOR SDN BHD
Lot P7, Jalan Indah 14/12,
Seksyen 14,
40000 SHAH ALAM.

Tuan/ Puan,

PERTANYAAN BAGI JAWAPAN SOALAN DEWAN BERTAJUK INDDUSTRI PELANCONGAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pejabat ini menerima soalan seperti di atas. Untuk makluman pihak tuan, Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat mengenai perkara tersebut kerana soalan tersebut adalah di luar bidang kuasa Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor.

3. Di panjangkan soalan dewan seperti di lampiran untuk tindakan tuan/ puan. Segala kerjasama dan keprihatinan pihak tuan/ puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(NOOR SYAHIDAH BINTI SAADON)
Penolong Pegawai Kewangan Negeri,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
b.p Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

PENGURUS BESAR
15 JUL 2010
TSSB

Hahaah/Airan Saad,
Tindakan-Tq Ambil maklum.
15/7.

s.k. Setiausaha Bahagian Dewan
Pejabat Dewan Undangan Negeri

Md. Saad Bin Mahsah
Pengurus Perhubungan Awam & Promosi
Tourism Selangor Sdn Bhd

No.Telefon : 603 - 5544 7000
No. Fax : 603 - 5510 6255 (YB PWN)
603 - 5512 1048 (PWN)
603 - 5512 1054 (Bendahari Negeri)
603 - 5544 7297 (Belanjawan)
Emel : admin.pwn@selangor.gov.my

SELANGORSHIP
14/07 2010 12:34
#3418 P 001/002

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : BELANJAWAN UNTUK PILIHANRAYA KECIL HULU SELANGOR

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah belanjawan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk pilihanraya kecil Hulu Selangor. Sila senaraikan semua perbelanjaan.

b) Adakah penggunaan bajet kerajaan untuk pilihanraya kecil adalah betul. Sila jelaskan.

JAWAPAN :

a) Bajet 2010 yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor merangkumi pelbagai aspek sama ada segi sosial mahupun fizikal selari dengan visi Negeri Selangor iaitu menjadikan Negeri Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan. Justeru itu, tiada perbelanjaan khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Pilihanraya Kecil Hulu Selangor.

Sekiranya Bajet 2010 diperincikan bagi tujuan pembangunan di Daerah Hulu Selangor sahaja, sejumlah **RM 3,914,800.00 telah diperuntukkan** bagi tempoh Januari hingga Disember 2010 iaitu:

Bil	PERKARA	KOS (RM)
1	Projek-projek kecil Daerah Hulu Selangor yang merangkumi projek-projek pembangunan luar Bandar seperti pembinaan jalan kampung, jambatan, longkang dan sebagainya.	3,735,000.00
2	Program Penglibatan Rakyat dalam usaha pembangunan ekonomi negeri yang merangkumi program-program meningkatkan taraf hidup rakyat	77,800.00
3	Program Pendidikan dan agama yang merangkumi program kecemerlangan pelajar, program tenik-teknik mendidik anak remaja, program motivasi dan teknik Skor A dan juga forum dan tahlil Perdana	102,000.00
	Jumlah	**3,914,800.00**

b) Bajet atau peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan pelbagai projek dan program merupakan program berterusan yang komprehensif dan memberi manfaat kepada seluruh penduduk negeri Selangor dan tidak hanya bertujuan bagi Pilihanraya Kecil Hulu Selangor sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : SELANGOR KE ARAH BEBAS HALANGAN OKU

201. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 39, 10 Nov 2009); "Kerajaan Negeri komited terhadap pelaksanaan program Selangor Ke Arah Bebas Halangan OKU. Untuk itu, semua PBT di negeri Selangor adalah dikehendaki menyediakan kemudahan-kemudahan kepada OKU..."

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sistem dan mekanisme pemantauan Kerajaan Negeri terhadap pelaksanaan program ini di peringkat PBT?

b) Apakah perancangan program dan program-program yang telah dilaksanakan menurut setiap PBT di seluruh Negeri Selangor sehingga Jun 2010?

c) Berapakah peruntukan ataupun unjuran peruntukan yang ditetapkan oleh setiap PBT sehingga Jun 2010?

JAWAPAN :

a) Sistem dan mekanisme pemantauan Kerajaan Negeri terhadap pelaksanaan program Bebas Halangan OKU di PBT boleh dilihat dari segi **penambahan dan penyediaan kemudahan golongan (orang kurang upaya) OKU** untuk pembangunan sedia ada *(existing)* dan baru *(future)* serta **tindakan penguatkuasaan** terhadap kesalahan meletakkan kereta di petak OKU yang dilaksanakan oleh PBT. Kerajaan Negeri telah mensyaratkan setiap bangunan kerajaan sedia ada perlu menaik taraf kemudahan untuk OKU seperti tandas, TLK dan sebagainya serta menyediakan kaunter khas lengkap dengan pegawai bertugas untuk menyenangkan golongan OKU berurusan di kaunter. Manakala bagi bangunan swasta, notis (arahan) kepada pemilik bangunan akan dikeluarkan seperti pasar raya dan kawasan komersil agar menyediakan kemudahan asas seperti tandas, TLK, *ramp* dan laluan pejalan kaki bertanda bagi kemudahan golongan ini.

   Bagi pembangunan baru, Pihak PBT perlu mengesyorkan kepada pemaju atau pemohon untuk menyediakan kemudahan golongan OKU di bangunan-bangunan swasta/ komersial dan awam dalam syarat pemberian kelulusan di peringkat pelan kebenaran merancang (Jabatan Perancang) dan pelan bangunan (Jabatan Bangunan). Pemantauan akan dibuat di peringkat CFO (*Certificate of Fitness*) atau CCC (Certificate of Completion and Compliance).

b) Berikut adalah perancangan program dan program- program yang telah dilaksanakan menurut setiap PBT di seluruh Negeri Selangor sehingga Jun 2010:

BIL	PBT	PROGRAM YANG DILAKSANAKAN
1.	MPSJ	• Setiap Program Kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya mengambil kira penglibatan dari semua golongan termasuk Orang Kurang Upaya (OKU). Program yang dianjurkan oleh MPSJ adalah seperti Larian SJ 10K dan Majlis Sumbangan Bantuan Kemiskinan Bandar.
2.	MDKL	• "Karnival OKU Kuala Langat" yang dijangka akan diadakan pada bulan Oktober 2010 • Program Gotong-royong Penceriaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Telok Datok, Banting • Program bertemakan "Kau Dihatiku" • Bahagian Pembangunan Mampan MDKL juga bertanggungjawab untuk menyelaras kemudahan pelekat kenderaan OKU kerajaan Negeri Selangor. Bermula dari bulan Mei 2009 sehingga kini sebanyak 79 pelekat kenderaan OKU telah dikeluarkan
3.	MPKj	• Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Hulu Langat menganjurkan aktiviti dengan kerjasama MPKj seperti Karnival PDK 2010, dan Sukan Tahun 2010 PDK Kajang.
4.	MDSB	• MDSB telah menyediakan Tempat Letak Kenderaan OKU bagi cadangan-cadangan pembangunan baru di Daerah Sabak Bernam.
5.	MPSp	• Tiada Perancangan PBT untuk dilaksanakan
6.	MBSA	• Penyediaan kemudahan OKU seperti *ramp*, lif, tandas dan sebagainya • Perbincangan dengan persatuan OKU untuk program yang dilaksanakan • Pengauditan kemudahan OKU di Wisma MBSA • Program Sukaneka dengan Warga OKU dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat

7.	MPK	• Kerja Naik taraf tandas OKU di Plaza MPK • Membina laluan *ramp* OKU di Dewan Meru, Klang Utara dan Dewan Hamzah, Jalan Perbandaran Klang • Membina laluan *ramp* dan tandas OKU di Dewan Teluk Pulai, Klang Selatan • Membina laluan *ramp* dan tandas OKU di Dewan Pelabuhan Klang • Membina laluan *ramp* dan tandas OKU di Dewan Pandamaran Jaya, Pandamaran • Membina laluan *ramp* dan tandas OKU di Dewan Kg. Idaman, Pandamaran
8.	MBPJ	• Projek Perintis Tempat Letak Kereta OKU Berbumbung • Program Pembaikan Infrastruktur/Kemudahan Sedia Ada Berkaitan Orang Kurang Upaya di Dewan Sivik, Jalan Gasing, Jalan Othman, Taman Jaya, Taman SS9 dan Taman Bandaran. • Bengkel Latihan Bahasa Isyarat Asas • Lawatan Secara Berkala Ke Pusat- Pusat Jagaan Orang Tua dan Rumah Kanak-kanak Cacat • *Corporate Social Responsibility (CSR)* Bersama Pihak Korporat/ Pemaju Bagi Penyediaan Kemudahan OKU • Sambutan Hari Parkinson Sedunia • Dialog Bersama Persatuan OKU • Sambutan Hari OKU Sedunia • Bengkel Bandar Bebas Halangan Seksyen 13, PJ
9.	MPAJ	• Tempat letak kereta dan papan tanda tempat letak kereta OKU di Aras 1 dan 4, Menara MPAJ • Tandas OKU di Aras 4, Menara MPAJ • Laluan khas OKU di Aras 1 dan 4, Menara MPAJ
10.	MPS	• Mempertingkatkan kemudahan untuk golongan OKU di bangunan utama majlis dan kawasan- kawasan awam.
11.	MDHS	• Tiada maklumat yang diberi
12.	MDKS	• Program di bawah Konsep Bandar Selamat

c) Untuk makluman, tiada peruntukan ataupun unjuran khusus yang ditetapkan untuk kemudahan OKU memandangkan setiap program atau aktiviti yang dirancang oleh PBT melibatkan golongan dan penglibatan OKU secara langsung. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa PBT yang menyediakan peruntukan bagi kerja- kerja menaik taraf kemudahan OKU supaya dalam keadaan yang lebih baik dan selamat untuk digunakan. Pihak PBT turut bertindak mencari penajaan dari pihak NGO, swasta dan sebagainya bagi program- program yang dirancang dan penyertaan dari golongan OKU amat menggalakkan .

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : HUTAN SIMPANAN NEGERI SELANGOR

202. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan lokasi-lokasi hutan simpanan di Negeri Selangor serta keluasannya.

b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil balik hutan-hutan simpanan yang telah diterokai?

JAWAPAN :

a) Lokasi-lokasi hutan simpan diurus di bawah 3 Daerah Hutan seperti senarai berikut :

Bil	Nama Hutan Simpan (Dry inland Forest)	Hulu Selangor	Selangor Tengah	Pantai Klang	Jumlah Keluasan
1.	Ampang		2307.87		2307.87
2.	Ampang Pecah	126.41			126.41
3.	Ayer Hitam		1217.90		1217.90
4.	Batang Kali	8475.91			8475.91
5.	Bukit Belata	6101.16			6101.16
6.	Bukit Belata (Tambahan II)	146.00			146.00
7.	Bukit Cherakah (Tambahan)		967.73		967.73
8.	Bukit Cherakah	1209.56	89.30		1298.86
9.	Bukit Kutu	6515.99			6515.99
10.	Bukit Jugra			79.79	79.79
11.	Bukit Lagong	1418.90	2205.20		3624.10
12.	Bukit Sungai Puteh (Selatan)		34.77		34.77

13.	Bukit Sungai Puteh (Utara)		62.14		62.14
14.	Bukit Tarek	3323.83			3323.83
15.	Bukit Tarek (Tambahan II)	112.00			112.00
16.	Bukit Tarek (Tambahan)	3387.22			3387.22
17.	Bukit Tunggal	6747.31			6747.31
18.	Gading	18934.32			18934.32
19.	Ulu Gombak		16867.49		16867.49
20.	Ulu Gombak (Tambahan)		897.587		897.587
21.	Ulu Gombak (Tambahan 1)		114.480		114.480
22.	Hulu Langat		13843.52		13843.52
23.	Hulu Selangor	12025.14			15025.14
24.	Kanching	477.38			477.38
25.	Rantau Panjang	6817.19			6817.19
26.	Rantau Panjang (Tambahan)	150.58			150.58
27.	Semangko	1540.79			1540.79
28.	Semangko (Tambahan)	1611.00			1611.00
29.	Serendah	4082.50			4082.50
30.	Sungai Buloh		25.00		25.00
31.	Sungai Jeloh		203.62		203.62
32.	Sungai Lalang		17027.77		17027.77
33.	Sungai Lalang (Tambahan)		72.00		72.00
34.	Templer	813.71			813.71
35.	Kota Damansara		321.7		321.7

Bil	Nama Hutan Simpan (Paya Gambut)	Hulu Selangor	Selangor Tengah	Pantai Klang	Jumlah Keluasan
36.	Raja Musa	23486.43			23486.43
37.	Kuala Langat Utara			957.63	957.63
38.	Kuala Langat Selatan			6907.84	6907.84
39.	Sungai Karang			50106.60	50106.60
40.	Sungai Dusun	4891.389			4891.389

Bil	Nama Hutan Simpan (Paya Laut)	Hulu Selangor	Selangor Tengah	Pantai Klang	Jumlah Keluasan
41.	Pulau Klang			5611.81	5611.81
42.	Pulau Selat Kering			932.77	932.77
43.	Pulau Selat Meriam			53.81	53.81
44.	Pulau Che Mat Zin			1419.21	1419.21
45.	Pulau Selat Mahang			148.88	148.88
46.	Pulau Pintu Gedung			741.55	741.55
47.	Jugra Kelompok 1			418.98	418.98
48.	Jugra Kelompok 2			85.88	85.88
49.	Pulau Tengah			1415.64	1415.64
50.	Telok Gedong			659.79	659.79
51.	Kapar			138.20	138.20
52.	Banjar Utara			1011.64	1011.64
53.	Kuala Sepang			160.51	160.51
54.	Pulau Tonggok			33.65	33.65

55.	Kuala Bernam			846.50	846.50
56.	Sepang Kechil			267.98	267.98
57.	Pulau Ketam (Tambahan)			2365.00	2365.00
58.	Pulau Rusa (Tambahan)			85.00	85.00
59.	Pulau Klang (Tambahan)			268.00	268.00
60.	Pulau Tengah (Tambahan)			790.00	790.00
61.	Pulau Selat Kering (Tambahan)			509.00	509.00
62.	Pulau Che Mat Zin (Tambahan)			43.00	43.00

b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mengambil tindakan tegas berhubung dengan **Kawasan Terokaan**, dan telah memutuskan;

i. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengkaji kawasan penempatan/kampung, projek-projek kerajaan dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat di dalam Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan bagi tujuan pertimbangan MMKN sama ada untuk diwarta keluar dari HSK atau di ambil tindakan undang-undang.

ii. Bagi kawasan penerokaan haram/ pendudukan tanpa kebenaran, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengambil tindakan penguatkuasaan dengan melaksanakan Operasi Bersepadu Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di antaranya dengan;

- Memusnahkan tanaman.
- Merobohkan binaan dan infrastruktur.
- Menahan jentera, kenderaan dan peralatan kerja.
- Merobohkan infrastruktur pertanian antaranya kolam, kandang/reban ternakan.
- Menangkap individu yang menduduki hutan simpan tanpa kebenaran, dan
- Mengkompaun atau mendakwa di mahkamah individu terbabit mengikut jenis kesalahan hutan yang dilakukan.

iii. Membuat kajian bagi mengembalikan kawasan terokaan kepada habitat asal dengan menggunakan modus operasi yang sama dalam Operasi Besepadu Membanteras Penerokaan Tanpa Kebenaran di Hutan Simpan Raja Musa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : CUKAI PINTU

203. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah pihak kerajaan menangani cukai tertunggak terutama kepada pembayar cukai tanah yang tidak membayar cukai kepada kerajaan dan apakah tindakan terhadap mereka?

JAWAPAN :

a) Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan tunggakan hasil negeri adalah melalui Operasi Bersepadu mengutip Hasil Tanah (OPS KUTIP) yang dijalankan dengan kerjasama antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah/Daerah dan PTG Selangor. Ops Kutip dengan polisi "Knock Door" ke premis penunggak-penunggak tegar dilaksanakan dengan pendekatan seperti berikut:-

i) Pejabat Daerah/Tanah mengenal pasti hakmilik dengan cukai tanah tertunggak (yang bermasalah/ tempoh yang lama tidak membayar cukai) agar dapat diambil tindakan susulan;

ii) Lawatan "Knock Door" iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;

iii) Mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penuggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;

iv) Memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan

v) Sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh tiga (3) bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : PKNS

204. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ditubuhkan bertanggungjawab bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Mengikut pecahan berapa banyak projek dan keuntungan dalam nilaian (RM) bagi Pembangunan Industri, Pembangunan Hartanah, Pembangunan Pusat Pertumbuhan Baru & Bandar Baru, Pelaburan, Pembangunan Usahawan Bumiputera yang telah dijalankan oleh PKNS dua tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN:

a)

Jenis Pembangunan	**Keuntungan 2008 (RM)**	**Keuntungan 2009 (RM)**
Industri	76.3 Juta	97.6 Juta
Hartanah	67.0 Juta	65.0 Juta
Pusat Pertumbuhan Baru & Bandar Baru	7.0 Juta	10.1 Juta
Pelaburan	75.0 Juta	45.0 Juta
Pembangunan Usahawan Bumiputera	-	-

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

205. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah nama-nama Syarikat dan/atau individu yang telah berjaya memperoleh kontrak melombong pasir daripada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.?

b) Apakah kriteria-kriteria yang telah diguna pakai oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Dalam memilih individu-individu dan/atau syarikat-syarikat yang berjaya di dalam mendapatkan kontrak melombong pasir tersebut.

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi integriti dan keyakinan rakyat terhadap Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.

JAWAPAN:

a) Sebanyak 13 kontraktor melombong dan 36 kontraktor cucigali sungai telah dilantik oleh KSSB semenjak mula beroperasi pada September 2008 hingga kini. 8 kontraktor lombong dan 29 kontraktor cucigali sungai masih beroperasi pada akhir Jun 2010. Senarai kontraktor tersebut adalah seperti Lampiran DUN 12-2010 (1).

b) Lantikan kontraktor melombong adalah melalui tender terbuka dan lantikan kontraktor cucigali sungai adalah melalui sebut harga terbuka.

Antara kriteria pemilihan kontraktor adalah :

i) Modal dan sumber kewangan

ii) Pemilikan jentera, peralatan serta kemudahan-kemudahan berkaitan

iii) Pengalaman melombong atau cucigali sungai

iv) Pengurusan

v) Pelan pemasaran (untuk cucigali sungai)

c) Dijawab oleh Pejabat Menteri Besar.

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Lampiran DUN 12-2010 (1)

Senarai Kontraktor Lantikan KSSB

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lombong / Sungai / Stockpile	Nama Lokasi	Kod Lokasi	Nama Kontraktor	No Pendaftaran Syarikat (SSM)	Alamat	Tel & Faks	Pengarah
LOMBONG PASIR										
1	Sepang	Dengkil	Dengkil 1	Dengkil 1	DK01	Wawasan Dengkil Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	607727-H	Lot 2585, Batu 32 1/4 Jalan Banting 43800 Dengkil Selangor	Lim Kok Seong Tel: 03-8768 6475 Faks: 03-8768 9812	Lim Kok Seong Tee Lam Hiong Lim Kok Leong
2	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Bestari Jaya	Bestari Jaya	BJ01A	Low Chai Eng & Sons Trading Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	586590-T	14, Jalan Intan 1 Taman Yayasan Jenjarom 42600 Jenjarom Selangor Darul Ehsan	Low Chai Eng Tel: 03-3191 2871 Faks: 03-3191 2872	Low Chai Eng Low Chee Keong Low Ying See
3	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Bestari Jaya	Bestari Jaya	BJ01C	Win Kiong Trading	001166944-W	82, Jalan Mahagoni SD1/4 Bandat Seri Damansara 52100 Kuala Lumpur	Chan Kuan Yong Faks: 03-6189 9788	Chan Kuan Yong
4	Sepang	Dengkil	Dengkil 2	Dengkil 2	DK02	Hai Thiong Construction (Kontrak telah tamat)	939877-T	No. 74A, Jalan Teratai Taman Sri Dengkil 43000 Dengkil Selangor	Chan Meng Poh Tel : 03-8768 6297 Fax : 03-8768 8891	Chan Beng Tiam
5	Sepang	Dengkil	Dengkil 2	Dengkil 2	DK02B	Stabil Majumas Sdn. Bhd.	849002-X	No.63, Level 1, Jalan Dato' Haji Eusoff Damai Complex, Off Jalan Ipoh 50400 Kuala Lumpur	En. Haidafitri Bin Ali Bashah Tel: 03-2300 0904 Faks: 03-2300 0934	Azreen B Azmi Fauziah Bt Abdul Jalal Hasliza Bt Awang Mohamad Zafri B Roslan
6	Kuala Selangor	Hulu Tinggi	PT 610, Hulu Tinggi	Hulu Tinggi	HT01A	Binaform Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	329405-V	No 42-2, Jalan PJS 8/2, Mentari Plaza, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya	Lim Teng Hong 03 - 56336681 03 - 56336576	Lim Suan Lim Teng Hong The Boon Sing
7	Kuala Selangor	Hulu Tinggi	PT 610, Hulu Tinggi	Hulu Tinggi	HT01B	Plustrans Resources Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	666365-V	No 37A & 39A, Jalan Snooker 13/28 Tadisma Business Park, Seksyen 13, 40000 Shah Alam	Tel: 03-5511 4444 Faks: 03-5511 1444	Mohammad Bin Zainal Abidin Abdul Hamid Bin Sahat Zainal Abidin Bin Mat Shah
8	Hulu Selangor	Serendah	Lot 3382	Kambing Susu	KS01A	Perniagaan Jaya	000842180-X	No.20, Lorong Teratai 2/12 Bandar Baru, 45000 Kuala Selangor Selangor Darul Ehsan.	Tee Kim Tiam Tel: 03-3289 7752 Faks: 03-3289 7750	Tee Kim Tiam
9	Hulu Selangor	Serendah	Lot 3382	Kambing Susu	KS01B	YOL Century Sdn. Bhd.	768350-A	242, Simpang Tiga Ijok, Jalan 10, 45600 Batang Berjuntai, Selangor Darul Ehsan.	Yow Yee Fong Tel: 012 - 676 3000 Faks : 03 - 3279 1532	Yow Yee Fong Lim Kian Hwa Ong Teo Long
10	Hulu Selangor	Serendah	Lot 3382	Kambing Susu	KS01C	Krizik (Malaysia) Sdn. Bhd.	368238-A	5, Jalan Teras 2, Kawasan Industri Teras, Taman Industri Selesa Jaya 43300 Balakang Selangor Darul Ehsan	Dato' Hj. Zulkifli B. Ismail Tel : 03-8961 4663 Faks : 03-8961 4668	Dato Hj Zulkifli Bin Ismail Datin Hjh Ruslina Bt Ibrahim Jumary Bin Jaapar
11	Hulu Selangor	Serendah	Lot 3382	Kambing Susu	KS01D	Reach Eastern Resources Sdn. Bhd.	424061-U	Lot 900, Batu 13, Jalan Klang 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan	Paramananthan Tel : 03-8068 1173/70 Faks : 03-8068 1169	Paramananthan A/L Muniady Helen Geva A/P E Nohasathiyanathan(F)
12	Kuala Langat	Tanjung 12	Olak Lempit	Olak Lempit	OL01A	Cheong Weng Trading	IP0057235-W	70, Jalan Baiduri 1, Taman Baiduri 43800 Dengkil	Tel : 012-5198146 Faks : 03-87687812	Chung Pak Weng Lak Soo Har Ng Cheong Weng
13	Hulu Langat	Beranang	Sungai Kembong	Sungai Kembong	SK01C	Turbine Technique (M) Sdn. Bhd.	169048-T	No. 21, Jalan Uranus AJ U5/AJ Seksyen U5, 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan	Abd Halim Mohd Nor Tel : 03-7845 4093 Faks : 03-7845 4094	Arsat Bin Husin Abd Halim B. Mohd Nor Rape'ah Bt Mohamad

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Senarai Kontraktor Lantikan KSSB

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lombong / Sungai / Stockpile	Nama Lokasi	Kod Lokasi	Nama Kontraktor	No Pendaftaran Syarikat (SSM)	Alamat	Tel & Faks	Pengarah
CUCIGALI SUNGAI										
1	Gombak	Ulu Klang	Persimpangan Sg. Ampang & Sg. Kelang	Kg.Berembang; Smart Tunnel	RD01	Perniagaan Elektrik Mals (Kontrak telah tamat)	435261-P	42-2, Jalan PJS 8/2 Mentari Plaza Bandar Sunway 46150 Petaling Jaya	Tel : 03- 61362289 Faks : 03-61369688	Sumali Paat
2	Gombak	Ulu Klang	Persimpangan Sg. Ampang & Sg. Kelang	Kg.Berembang; Smart Tunnel	RD01	Aminora Enterprise	000940815-P	No 11, Kedai PLB, Kawasan Pasar Tani Borong Puchong Batu 13, Jalan Klang, 47100, Puchong, Selangor	T/F:03-8061 6337 H/P:019-2671 609	Mat Amin Bin Abdul Ghani
3	Hulu Selangor	Kerling	Sg. Kerling	Kampung Jawa	RD02A	Ajoy Enterprise (Kontrak telah tamat)	001320461-V	No 1 &2 Kedai PLB Taman Batu 30 44300 Batang Kali,	Saripuddin Bin Mohd Rais Tel/Hp : 017 - 3721159 Fax : 05 - 4584886	Saripuddin Bin Mohd Rais
4	Hulu Selangor	Kerling	Sg. Kerling	Kampung Jawa	RD02A	Key Dredging Sdn. Bhd.	687703-V	Lot 8141 Taman Sri Asa, Ulu Bernam, 35900 Tanjong Malim, Selangor Darul Ehsan	Zainun Abd Wahb T:0173862771 F: 60643449	Aris Fadzillah Bin Ahmad Kunasaigran Rengasamy
5	Hulu Selangor	Kerling	Sg. Kerling	Ladang Sg. Jernih	RD02B	Afzas Two Enterprise	001515269-M	59, Tingkat 1, Jalan Besar, Taman Paik Siong, Hulu Bernam, 35900 Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.	Ahmad Fitri Bin Ahmad Sakri Tel : 017 - 299 2478 Fax : 05 – 458 4886	Ahmad Fitri Bin Ahmad Sakri
6	Hulu selangor	Rasa	Sg. Selangor	Taman Keruing	RD03A	Nature's Angle Sdn. Bhd.	621249-A	No. 82, Jalan Melor, Taman Seri, 44300 Batang Kali, Selangor Darul Ehsan.	Abd Rahman Tel : 012 - 322 6596 Fax : 03 - 6057 3688	Noridah Bt Daud Abdul Rahman Bin Shafiee
7	Hulu selangor	Rasa	Sg. Selangor	Bukit Beruntung	RD03B	Medan Kesastria (Kontrak telah tamat)	760473-D	No 25, Jalan Ros 25/2 48300 Bukit Sentosa Selangor	Ramadzan Omar Tel: 03- 61568845 Faks: 03-61572591	Kamaludin Bin Sahlan Ramadzan Bin Omar Jamaluddin Bin Md Yusof Mohd Salleh Bin Jabar
8	Hulu selangor	Rasa	Sg. Selangor	Kampung SKC Timah	RD03D	T.H. Yang Earth Works	001051569-V	No.14, Jalan Melor 2/5A, Kg. Seri Serendah, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan.	Yang Tay Hock Tel : 019 - 261 1795 Fax : 03 - 6081 1386	Yang Tay Hock
9	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sg. Selangor	Bukit Tagar A	RD05A	C & W Construction Trading	000976781-M	11A, Tingkat 2, Jalan Orkid 2B, Seksyen BS2, Bukit Sentosa, 48300 Rawang, Selangor Darul Ehsan.	Wong Fook Chun Tel : 03 - 6028 3541 Fax : 03 - 6028 3540 HP: 019 - 275 4683	Wong Fook chun Cheang Wai Keh
10	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sg. Selangor	Bukit Tagar B	RD05B	CTF Build Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	667491-H	No 576 Jalan Chuang 1 Kg Chuang Rasa 44200 Hulu Selangor	Chang Sin Fei Tel : 0360573254 Fax : 60572071 H/P : 0122369972	Chang Tai Foo Chang Sin Fei Wong Yok Lan
11	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sg. Selangor	Bukit Tagar B	RD05B	Warisan Pandan Resourses	001837348-X	No. 12, Jalan Semarak 1D Seksyen 2, 44300 Batang Kali Selangor Darul Ehsan.	Tel : 03 - 8926 2711 Fax : 03 - 8925 8279 HP: 012 - 303 6492	Mohd Hafiz Hj. Ab. Rahman Iskandar Ismail
12	Hulu Selangor	Sg. Tinggi	Sg. Selangor	Kambing Susu A	RD05C	Jendela Teguh Sdn. Bhd	741005-P	No.48, Jalan Lili Taman Idaman, 48200 Serendah, Ulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.	Steven Tan Tel : 03 - 6733 1761 Fax : 03 - 6733 1751 HP: 012 - 654 8391	Tan Lai Gim Lim Chee Kiong Mohd Daud Bin Ishak

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Senarai Kontraktor Lantikan KSSB

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lombong / Sungai / Stockpile	Nama Lokasi	Kod Lokasi	Nama Kontraktor	No Pendaftaran Syarikat (SSM)	Alamat	Tel & Faks	Pengarah
13	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sg. Selangor	Kambing Susu B	RD05D	Silicamines Development Sdn. Bhd.	829710-K	24, Jalan Cempaka, 44300 Batang Kali, Selangor Darul Ehsan.	Lim Teck Yow Tel : 019 - 333 3019 Fax : 03 - 4253 5468	Lim Choo Kee@Lim Teck Yow Foo Ah Lee
14	Hulu Langat	Kajang	Sg. Semenyih	Sg. Semenyih B; Kg. Bangi	RD06B	CMA Services Sdn. Bhd.	516198-X	No.47, Jalan Sri Putra 1/4 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan.	Tel : 03 - 8926 5826 Fax : 03 – 8926 8826	Jumad Bin Omar Ismail Bin Md Yusop
15	Hulu Langat	Kajang	Sg. Semenyih	Sebahagian Sg. Semenyih C; Kg Bt. Lima dan Sebahagian Sg. Semenyih D; Kg Rinching Hilir	RD06C RD07	Suara Karisma Enterprise	001872614-M	Lot 456 SK Kantan 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan.	Tel : 019 – 286 7026 Fax : 03 - 4297 4351	Raja Tarmizi B Raja Mohamad
16	Hulu Langat	Hulu Langat	Sg. Langat	Sg. Serai A; Taman Bukit Sekawan	RD08A	Aras Metal Sdn. Bhd.	426468-W	No.20A, Jalan Pandan Indah 1/23A 55100 Pandan Indah Selangor Darul Ehsan.	Tel : 03 – 9274 3821 Fax : 03 –9274 0744	Abdul Aziz Bin Abdul Kadir Muhammad Zaharuddin B. Ali
17	Hulu Langat	Hulu Langat	Sg. Langat	Sg. Serai A; Taman Bukit Sekawan	RD08A	Lestari Utama Services (Kontrak telah tamat)	001328977-U	Lot 39A, Jalan Cheras Batu 12 43200 Cheras Selangor	Tel : 03 – 8733 4971 Fax : 03 –8733 4971 H/P : 013- 2574814	Mohd Jamaluddin Omar Hasni Bt Ibrahim
18	Hulu Langat	Hulu Langat	Sg. Langat	Sg. Serai B; Bandar Mahkota Cheras	RD08B	Ismarau Tajuddin Sdn. Bhd.	344221-H	No.2, Jalan Desa Serdang 6 Taman Desa Serdang 43300 Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan	En. Ismarau Tajuddin Bin Kitan Tel/Faks: 03-8945 4680 H/P: 019-278 9626	Ismarau Tajuddin Bin Kitam Norami Bt Kamaruddin
19	Hulu Selangor	Batang Kali	Sg. Liam	Sg. Liam	RD09A	Nur Delima Enterprise	001164684-P	No. 22, Jalan PP 3/15 Taman Putra Perdana 47100 Puchong Selangor Darul Ehsan	T: 019- 275 5065 F: 03-8076 2991	Helmy B Hj Shamsuddin
20	Hulu Selangor	Batang Kali	Sg. Batang Kali	Sg. Batang Kali A	RD09B	Elegant Biz Sdn. Bhd.	767884-	No. 17, Jalan Cemperai 13C Taman Rasa Utama 44200 Rasa, Hulu Selangor Selangor Darul Ehsan	T: 03-9100 2100 F: 03-9100 2100	Ho Yeen Fai Foo Kok Kee Hoh Chee Kuan
21	Hulu Selangor	Batang Kali	Sg. Batang Kali	Sg. Batang Kali B	RD09C	Mayfair Technologies Sdn. Bhd.	463687-A	S2-406, Apt. Sunway Sinar, Jalan Ungu U9/33, Seksyen U9, Taman Sunway Kayangan, 40150, Shah Alam	Savandarajan A/L Subramonian T: 03-79825395 F: 79828391	Muniady A/L Subramaniam Sarandaraian A/L Subramaniam
22	Hulu Selangor	Kalumpang	Sg. Inki	Sg. Inki A	RD10A	DBE Dagang Enterprise Sdn. Bhd.	815854-W	No. 5-1 (1st Floor), Plaza Makmur Jalan Batu Caves Taman Batu Caves, 68100 Selangor Darul Ehsan	T: 03-6186 6068 F: 03-6186 602 HP: 017-2684 836	Basir Bin Riduwan Zainaluddin B. Hj Riduan
23	Hulu Selangor	Kalumpang	Sg. Inki	Sg. Inki B	RD10B	Bumi Intan Enterprise	001779847-A	Lot 887, Jalan Hamzah Ampang Pecah 44000 Kuala Kubu Bharu Selangor Darul Ehsan	T: 03-6064 3792/012-3047 424 Faks: 03-6064 1002	Appalasuwami A/L Suridemudu
24	Sepang	Dengkil	Sg. Rasau	Sg. Rasau; Pulau Meranti	RD11	Bugis Holdings Sdn. Bhd.	827205-P	No. 300 2A, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur	T/F: 03- 2691 4958 HP: 012- 237 6272	Sarina Bt Che Mat Ahmad Afzal Bin Ahmad Bhari Bakri Bin Abni
25	Sepang	Labu	Sg. Labu	Sg. Labu A; Kota Warisan	RD12A	Jasmaju Enterprise	000909907-H	22G Ground Floor, Blok F, Jalan 18/2,Jalan Sri Serdang, 43300,Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan	En. Jaafar Sidek Bin Zainal Abidin T: 03- 8945 8540 F: 03- 8941 4267	Jaafar Sidek Bin Zainal Abidin

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Senarai Kontraktor Lantikan KSSB

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lombong / Sungai / Stockpile	Nama Lokasi	Kod Lokasi	Nama Kontraktor	No Pendaftaran Syarikat (SSM)	Alamat	Tel & Faks	Pengarah
26	Sepang	Labu	Sg. Labu	Sg. Labu B	RD12B	Koperasi Asli Selangor Berhad	13-4-0296	No. 168, Tingkat 2, Jalan Bunga Pekan, 42700, Banting, Selangor Darul Ehsan	En. Simpan Bin Suda T/F: 03-3187 6148 HP: 019- 379 2339	Simpan Bin Suda
27	Petaling	Damansara	Sg. Damansara	Taman Perindustrian Saujana Indah	RD13A	Naluri Aktif Sdn. Bhd.	586914-T	No. 84, Jalan SP 2/13, Taman Subang Perdana, 40150, Shah Alam, Petaling Jaya,	Razuwan bin Nordin T:03-60462405 F: 03-60462405	Maimunah Bt. Sulaiman Razuwan B. Nordin
28	Petaling	Damansara	Sg. Damansara	Kolam Tadahan Wijaya Baru	RD13B	Pembinaan Jitraman Sdn. Bhd.	557998-U	14C, Jalan BRP 6/11, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh	Muhamad B. Ab Rahim T: 03-61564676 F: 61564645	Shahrom B Ibrahim Nik Abdul Mubin B. Nik Mahmood
29	Petaling	Damansara	Sg. Kayu Ara	Kampung Cempaka	RD14	Daya Angsana Sdn. Bhd.	485945-V	585-A, Jalan Samudra Utara 2, Taman Samudra, 68100 Batu Caves, Gombak	Jamaluddin Omar T/F: 03-61895458	Shamsul Azehar Bin Kamaruddin Ahmad Fuad Bin Hasan
30	Sepang	Dengkil	Sg. Semenyih	Kampung Sg. Buah	RD15	Emmina Best Corporation Sdn. Bhd.	597930-H	No.B-14-2, Blok B, Jalan Medan Selayang 1 Medan Selayang, 68100 Batu Caves Selangor Darul Ehsan	En. Jaafar Bin Ismail Tel: 03-6188 5404/6274 9607 Faks: 03-6274 9614	Azmi Toyeb Hishamuddin Abd Ghani
31	Sepang	Dengkil	Sg. Langat	Sg. Langat A - Desa Sentosa	RD16A	Strategic Success Construction & Supply	001405461-U	Lot 2299, Batu 9, Kg. Medan 42500 Teluk Panglima Garang Selangor Darul Ehsan	Pn. Nor'aiza b. Mohd Nordin Tel: 03-8925 2271 H/P: 013-364 4160 Faks: 03-8925 2271	Nor'aiza Mohd Nordin
32	Sepang	Dengkil	Sg. Langat	Sg. Langat B - Kg. Simpang Empat	RD16B	Syumuur Services	SA 0017022-K	Lot 11-21, Jalan Besar 42800 Dengkil Selangor Darul Ehsan	En. Roslan bin Ab. Jalil Tel: 03-5513 0087 H/P: 012-321 2798 Faks: 03-5513 0097	Ruslan Bin Abd Jalil Abdul Latif Bin Shaari
SUNGAI PERSENDIRIAN										
1	Hulu Selangor	Serendah	Kelab Golf Serendah	Kelab Golf Serendah	RP01	Forza Design & Renovation	SA 0087943-W	Forza Design & Renovation No.16-3, 2nd Floor The Right Angle, Jalan 14/22 46100 Petaling Jaya	En. Ravi Roy Tel: 03 - 7955 1330 Fax: 03 - 7957 1330 HP: 012 - 296 1171	V.Ravi Vadivelu
2	Gombak	Setapak	UIA	UIA	RP02	Koperasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Bhd.		Koperasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Bhd. Level 2, Kompleks Pusat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	En. Rashdan Mohd. Rafie Tel: 03 – 6196 4051 Fax: 03 – 6196 4296	Haji Abdul Aziz Bin Abdul Wahab
3	Petaling	Damansara	Kelab Golf Seri Selangor	KGSS	RP03	Caregress Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	716573-P	No. 42, Jalan Sungai Batu 50 Taman Klang Utama 42100 Klang	Shuhada bt Mohamad Tel: 0332911008 Fax: 32901008	Sumami Bt Kiman Saharuddin Bin Abdullah
DISENARAI-HITAMKAN										
1	Hulu Selangor	Rasa	Sg. Selangor	Ulu Kali	RD03B	Tuaman Enterprise (Kontrak ditamatkan)	001389165-V	79A, Kampung Tengah 44300 Batang Kali Selangor	En. Zahar Rusuli Tel: 03-6057 4816 Fax: 03-6057 4816 HP: 012-2180002	Zahar Rusuli

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PUSAT SIBER RAKYAT

206. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 35, 10 Nov 2009); “Satu projek Pusat Siber Rakyat (PSR) yang diintegrasikan dengan perpustakaan berobjektifkan pengembangan dan penggabungan konsep ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan digital dan buku-buku yang berbentuk fizikal. Program-program ICT mendapat peruntukan sebanyak RM9 juta bagi tahun 2010” :

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:

a) Apakah struktur pelaksanaan PSR di peringkat DUN?

b) Apakah seperti program-program Tuisyen Rakyat, Pusat Komuniti Wanita dan Pusat Dialisis Rakyat, program PSR akan dilaksanakan melalui ADUN?

c) Apakah pecahan-pecahan peruntukan RM9 juta dalam pelaksanaan PSR?

JAWAPAN :

a)

b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 24 Jun 2010 telah menolak soalan ini.**

c)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK: PEMANASAN GLOBAL

207. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa keluasan hutan simpanan negeri Selangor?

b) Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat sehingga kini, berapakah pembalakan haram yang telah dikesan oleh Jabatan Hutan Negeri?

c) Berapa banyak peruntukan kerajaan untuk bumi hijau dan jelaskan aktiviti tanaman setiap daerah?

JAWAPAN:

a) Keluasan hutan simpanan kekal di negeri Selangor sehingga 31 Disember, 2009 ialah seluas 241,568 hektar.

b) Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat sehingga kini sebanyak 7 kes pembalakan haram telah dikesan iaitu:-

Bil	**Daerah Hutan**	**Bil Kes**
1.	Hulu Selangor	3
2.	Selangor Tengah	3
3.	Pantai Klang	1
	JUMLAH	**7**

c) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak lebih kurang RM2.5 juta setahun bagi melaksanakan aktiviti pembangunan hutan melibatkan tanaman pokok hutan bagi tujuan pemulihan kawasan hutan miskin, terosot, sensitif dan dibalak (ketiga-tiganya dalam hutan simpanan kekal), pesisiran pantai (dalam hutan simpanan kekal dan di luar hutan simpanan kekal) serta aktiviti penghijauan kawasan bandar dan bangunan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : ISU GERAN PENEROKA TANAH KG BKT CERAKAH

208. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Permohonan telah dipohon sejak tahun 2008 setelah tertangguh sejak sekian lama untuk peneroka berjumlah 90 orang yang telah dinafikan oleh pemerintahan sebelum ini, Bagaimanakah proses pemilihan ini dijalankan dan bilakah permohonan pemilikan kekal ini akan diluluskan?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : BAYARAN CUKAI TANAH BERGANDA DALAM SATU GERAN RUMAH

209. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Terdapat banyak pembayar cukai tanah di taman perumahan di Meru mengalami masalah cukai tanah berganda untuk rumah yang sama, apakah langkah pejabat tanah mengatasi hal ini?

JAWAPAN :

a) Masalah tersebut berpunca daripada satu unit kediaman mempunyai 2 hak milik berasingan menyebabkan tuan tanah perlu membayar 2 bil cukai tanah. Ia berlaku kerana pemaju telah menjual unit kediaman tersebut tanpa dicantum 2 hak milik terlibih dahulu. Masalah ini dapat diatasi melalui permohonan oleh tuan tanah untuk cantuman. Setelah cantuman dibuat, hanya satu hak milik akan dikeluarkan dan hanya satu bil cukai tanah akan dikenakan mengikut keluasan atau caj minimum RM50.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : TANAH

210. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri terhadap pemilik tanah yang menukarkan syarat guna tanah yang diberi oleh kerajaan untuk kepentingan sendiri?

b) Bagaimanakah kerajaan dapat menetapkan satu mekanisme untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang?

JAWAPAN :

a) Bagi tanah-tanah yang telah diberi oleh kerajaan kepada individu/syarikat, pemilik tanah sekiranya berhasrat untuk menukar kegunaan tanah tersebut untuk tujuan tertentu dikehendaki mengemukakan permohonan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sewaktu menimbang permohonan tersebut, boleh sama ada untuk meluluskan atau tidak permohonan menukar syarat kegunaan tanah berdasarkan kepada ulasan jabatan-jabat teknikal.

b) Bagi semua tanah beri milik, aktiviti atau sebarang pemajuan di atas tanah tersebut mestilah selari dengan kategori dan syarat nyata tanah yang telah didaftarkan berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan Negeri boleh melaksanakan tindakan penguatkuasaan sekiranya didapati pemajuan yang dilaksanakan tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri atau bertentangan dengan penetapan kategori dan syarat nyata tanah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : KEHADIRAN ADUN DI MESYUARAT PENUH PBT

211. Apabila seorang ADUN hadir pada mesyuarat penuh PBT, tempat duduknya di belakang sebaris dengan wartawan dan tidak boleh bersuara malah minit hanya dipinjamkan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji kedudukan ini.

b) Di manakah nilainya seseorang ADUN yang mendapat "**mandat rakyat**" apabila perancangan dan projek yang dijalankan melalui PBT di DUN nya tidak di ketahui atau dimaklumkan kepadanya

JAWAPAN:

a) Berdasarkan peruntukkan undang-undang mengenai kehadiran ADUN di dalam mesyuarat penuh PBT. Seperti yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen 10 (1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171):

> ***Seksyen 10. Ahli Majlis***
>
> *(1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah terdiri daripada—*
>
> *(a) Datuk Bandar atau Yang Dipertua; dan*
>
> *(b) tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada dua puluh empat orang Ahli Majlis lagi, yang akan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.*

Memandangkan polisi Kerajaan Negeri untuk tidak melantik ADUN sebagai Ahli Majlis maka ADUN menghadiri mesyuarat penuh majlis sebagai **pemerhati** seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) :

> ***Seksyen 23. Mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai***
>
> *Semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akhbar melainkan jika selainnya diputuskan oleh pihak berkuasa tempatan itu dengan ketetapan dalam mesyuarat itu:*
>
> *Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak boleh dipakai bagi mana-mana Jawatankuasa pihak berkuasa tempatan itu melainkan jika selainnya diputuskan oleh Jawatankuasa itu dengan ketetapan.*

Oleh yang demikian ADUN bukan merupakan Ahli Majlis dan tidak menjadi ahli kepada Mesyuarat Penuh Majlis. Maka ADUN akan dibenarkan duduk sebagai pemerhati bersama-sama orang awam dan juga para wartawan di kawasan yang telah ditetapkan oleh PBT. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah pun mengkaji keperluan dan keadaan semasa di mana maklum balas daripada ADUN dan juga pihak-pihak lain perlu diambil kira bagi memastikan penambahbaikan di peringkat PBT. Hasil daripada perbincangan tersebut Kerajaan Negeri telah bersetuju agar satu Lembaga Penasihat PBT di peringkat negeri ditubuhkan.

b) Memandangkan Ahli Majlis merupakan wakil yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri di PBT, maka sebarang perancangan dan pembangunan baru boleh dirujuk kepada Ahli Majlis di Zon yang berkaitan. Manakala bagi aduan, ia boleh salurkan terus kepada PBT untuk tindakan lanjut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

212. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila senaraikan nama seluruh Ahli Lembaga Pengarah PNSB dan berapakah jumlah elaun serta bonus yang diterima oleh mereka bermula tahun 2006 hingga 2009 ?

b) Sila nyatakan secara terperinci apakah jenis perniagaan yang diceburi oleh PNSB ?

c) Sila nyatakan berapakah keuntungan atau kerugian yang dicatatkan oleh PNSB sejak 3 tahun yang lepas ?

JAWAPAN :

a) Senarai nama Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2006 sehingga tahun 2009 dan bayaran elaun tahunan adalah seperti di Lampiran 1.

b) PNSB menjalankan aktiviti pembangunan hartanah.

c) Keuntungan atau kerugian yang dicatatkan oleh PNSB sejak 3 tahun yang lepas adalah seperti di Lampiran 2.

LAMPIRAN I

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD 2006 SEHINGGA 2009 DAN BAYARAN ELAUN TAHUNAN.

TAHUN	NAMA	YURAN TAHUNAN (RM)
2006	1. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo	45,000.00
	2. Dato' Dr. Abdul Munit bin Kasmin	23,333.00
	(Bersara pada 22 Ogos 2006)	
	3. Dato' A. Jabar bin Kamin	35,000.00
	4. Dato' Hj. Abdul Shukur bin Siraj	35,000.00
	5. Dato' Lee Hwa beng	35,000.00
	6. Dato' Hj. Mohd Masloro bin Abdullah	35,000.00
	7. Radin Mokhtar bin Md. Yusof	35,000.00
	8. Norhayati binti Onn	35,000.00
	9. Dato' Noordin bin Sulaiman	11,667.00
	(Dilantik pada 22 Ogos 2006)	
2007	1. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo	60,000.00
	2. Dato' Hj. Abdul Shukur bin Siraj	40,000.00
	3. Dato' Noordin bin Sulaiman	40,000.00
	4. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman	40,000.00
	5. Dato' Lee Hwa Beng	40,000.00
	6. Dato' Hj. Mohd Masloro bin Abdullah	40,000.00
	7. Haji Radin Mokhtar bin Md. Yusof	40,000.00
	8. Datin Paduka Norhayati binti Onn	40,000.00
	9. Datin Hajjah Khairiyah binti Abu Hassan	23,333.30
	(Dilantik pada 1 Jun 2007)	
	10. Dato' A. Jabar bin Kamin	16,666.70
	(Bersara pada 1 Jun 2007)	
2008	1. Tan Sri Dato' Abd Khalid bin Ibrahim	45,000.00
	(Dilantik pada 21 Mac 2008)	
	2. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo	15,000.00
	(Bersara pada 21 Mac 2008)	
	3. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman	40,000.00
	4. Dato' Noordin bin Ibrahim	40,000.00
	5. Dato' Lee Hwa Beng	9,999.99
	(Bersara pada 21 Mac 2008)	

	6. Dato' Haji Abdul Shukur bin Siraj *(Bersara pada 21 Mac 2008)* 7. Dato' Haji Radin Mokhtar bin Haji Md. Yusof *(Bersara pada 21 Mac 2008)* 8. Datin Paduka Norhayati binti Onn *(Bersara pada 21 Mac 2008)* 9. Dato' Haji Mohd Masloro bin Abdullah *(Bersara pada 21 Mac 2008)* 10. Datin Hajjah Khairiyah binti Abu Hassan	9,999.99 9,999.99 9,999.99 9,999.99 40,000.00
2009	1. Tan Sri Dato' Abd Khalid bin Ibrahim 2. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman 3. Dato' Noordin bin Ibrahim 4. Tuan Haji Ahmad bin Omar *(Dilantik pada 5 Disember 2009)* 5. Datin Hajjah Khairiyah binti Abu Hassan *(Bersara pada 8 Mei 2009)*	60,000.00 40,000.00 40,000.00 3,333.33

Nota : Ahli Lembaga Pengarah hanya mendapat elaun tahunan dan tidak mendapat bonus.

Lampiran 2

UNTUNG RUGI PNSB SEPANJANG 3 TAHUN LEPAS

TAHUN	PERKARA	SEBELUM CUKAI (RM)	SELEPAS CUKAI (RM)
2007	Keuntungan / (Kerugian)	295,506.00	(2,280,494.00)
2008	Keuntungan / (Kerugian) - 'Unaudited'	22,774,951.00	18,774,951.00
2009	Keuntungan / (Kerugian) - 'Unaudited'	22,812,003.00	18,812,003.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA

TAJUK : JAWATAN KONTRAK AHLI MAJLIS, JKKK

213. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Dalam konteks penambahbaikan Kerajaan apakah langkah-langkah yang diambil bagi jawatan-jawatan kontrak seperti Ahli Majlis, JKK dan lain-lain supaya dapat memainkan peranan yang sebenar dalam membawa mesej Kerajaan?

JAWAPAN:

a) Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Selangor adalah dilantik berdasarkan Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan di atas lantikan secara kontrak. Seseorang Ahli Majlis tidak boleh bertindak dalam jawatan Ahli Majlis melainkan jika dia telah membuat dan menandatangani suatu pengakuan menerima jawatan dalam Borang A dalam Jadual Pertama kepada Akta berkenaan di hadapan Pihak Berkuasa Tempatan.

Seperti mana yang sedia maklum, Ahli-Ahli Majlis PBT telah dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan sebagaimana yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut:

i. Sebagai Sebahagian Daripada Sistem Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan;
ii. Sebagai Penasihat Kepada Majlis;
iii. Sebagai Mewakili Rakyat;
iv. Membuat Dan Meluluskan Undang-Undang Kecil;
v. Sebagai Penggubal Dasar Majlis;
vi. Sebagai Pendokong Dasar Majlis;
vii. Sebagai Penyemak Pelaksanaan Dasar;
viii. Sebagai Tenaga Penggerak Masyarakat; dan
ix. Sebagai Pemantau Terhadap Integriti Dan Akauntabiliti PBT.

Bagi memastikan Ahli-Ahli Majlis memahami dan membawa mesej Kerajaan Negeri melalui peranan seperti di atas, pelbagai inisiatif telah diambil di peringkat Kerajaan Negeri dan juga PBT seperti pendekatan melalui kursus dan bengkel pemahaman pengurusan dan pentadbiran keseluruhan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan beberapa perjumpaan bersama Ahli-Ahli Majlis PBT agar dapat diperjelaskan dengan lebih lanjut mengenai dasar-dasar yang diwujudkan.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli Majlis agar lebih prihatin dalam memahami dan juga membawa mesej-mesej Kerajaan Negeri memandangkan pelbagai alternatif telah diambil bagi memastikan Ahli-Ahli Majlis peka terhadap dasar-dasar yang telah digariskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : ISU SAMPAH SARAP

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan akan membuka tapak kosong untuk dijadikan tempat pembuangan sampah sarap. Jika ada sila senaraikan tempat yang dicadangkan?

b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tempat pembuangan sampah sarap yang terlalu jauh dan tidak mencukupi?

JAWAPAN :

a) Buat masa kini, Kerajaan Negeri tiada sebarang cadangan untuk membuat tempat pelupusan sisa pepejal terbaru. Ini adalah disebabkan, pihak Kerajaan Negeri hanya akan menggunakan teknologi terkini seperti MBT dan MRF yang berupaya untuk memanjangkan tempoh jangka hayat tapak pelupusan di Selangor.

b) Penggunaan teknologi seperti *transfer station* seperti yang telah sedia ada di Seksyen 21, Shah Alam adalah salah satu kaedah yang telah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi permasalahan tapak pelupusan yang terlalu jauh. Manakala bagi menangani masalah tapak pelupusan yang tidak mencukupi, Kerajaan Negeri melihat teknologi-teknologi lain yang mampu memanjangkan hayat tapak pelupusan di Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : PAMPASAN ORANG ASLI BUKIT KOMANDOL

215. Kerajaan Negeri telah membina rumah-rumah dan sekolah di tempat yang baru sebagai pampasan kepada Orang Asli di Bukit Komandol, Kuala Langat. Kerajaan Negeri terdahulu juga telah berjanji untuk memberi tanah seluas 3 ekar dan sejumlah wang kepada setiap keluarga.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bilakah mereka boleh berpindah ke tempat yang baru ini?

b) Berapakah jumlah wang yang telah dijanjikan dan berapakah jumlah wang yang telah dibayar kepada mereka?

c) Di manakah lokasi tanah yang dijanjikan itu?

JAWAPAN :

a) Penduduk Orang Asli akan berpindah setelah mendapat tanah ganti dari pemaju.

b) Jumlah wang yang dijanjikan = RM120,349,955.00

Jumlah wang yang telah dibayar = RM – (BELUM TERIMA PAMPASAN

c) Belum mendapat jawapan dan persetujuan oleh pihak penduduk kampung dan pihak pemaju.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PENGANGKUTAN LRT

216. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri telah mencapai satu persetujuan dengan Kerajaan Persekutuan ataupun mana-mana agensinya mengenai cadangan sambungan laluan LRT Ampang dan Kelana Jaya? Sila berikan butir-butir.

b) Adakah laluan-laluan ini akan berubah memandangkan terdapat bantahan daripada sesetengah penduduk dan apakah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada para penduduk ini?

c) Sudahkah Kerajaan Negeri membeli tanah/tempat letak kereta bagi laluan LRT ini? Sila berikan butir-butir.

JAWAPAN :

a) Sehingga hari ini Kerajaan Negeri telah bersetuju secara dasarnya terhadap semua jajaran yang dicadangkan. Namun begitu, Kerajaan Negeri masih lagi mencari opsyen atau alternatif kawasan bagi jajaran yang menerima bantahan agar memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan. Kerajaan Negeri masih belum dapat membuat sebarang keputusan mengenai jajaran dan depoh di Kampung Sri Aman dan juga di jajaran kawasan Putra Height dan yang merentasi Kondominium Saujana Residency dan Empire Subang.

b) Sebarang cadangan peralihan terhadap jajaran ini boleh dipanjangkan terus kepada pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) untuk dipertimbangkan dari segala aspek terutama teknikal dan kos. Kerajaan Negeri akan membantu dalam memanjangkan lagi cadangan jajaran alternatif ini dan pihak Kerajaan Negeri membantu dalam menganjurkan sesi penerangan, dialog untuk membolehkan rakyat turut serta dalam pelaksanaan cadangan ini.

c) Cadangan projek sambungan LRT ini merupakan projek Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, persoalan samada Kerajaan Negeri telah pun membeli tanah atau tempat letak kereta adalah tidak berkaitan. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan agar tempat letak kereta dapat disediakan di kawasan yang sesuai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : JAMBATAN KETIGA

217. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membina jambatan ketiga di Sungai Klang memandangkan Kerajaan Persekutuan enggan membinanya?

b) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi kesesakan jalanraya di kedua-dua jambatan buat ketika ini walaupun kedua-dua jambatan tersebut dapat berfungsi penuh.

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi kesesakan jalanraya di Bandar Klang pada masa kini?

JAWAPAN:

a) Jambatan ketiga merentasi Sungai Klang adalah salah satu kaedah yang difikirkan dapat mengurangkan kesesakan lalulintas di Bandar Klang. Anggaran kos untuk membinan jambatan ini adalah sebanyak RM 250 juta. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pembinaan jambatan ini jika kewangan mengizinkan.

b) Kajian trafik menunjukkan ada keperluan untuk membina sebuah lagi jambatan merentasi Sg Klang di Bandar Klang malah Jambatan ke 3 telah pun dicadangkan. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 fasa 3 adalah merupakan projek untuk membina jejambat merentasi beberapa jalan di sebelah utara bandar Klang untuk menambah sistem lalulintas setempat di laluan ini sahaja. Oleh yang demikian projek menaiktaraf ini tidak dapat membantu mengurangkan jumlah trafik yang melintasi Sungai Klang. Walaubagaimanapun dengan siapnya Lebuhraya LKSA ianya dapat mewujudkan laluan alternatif ke selatan iaitu Banting dan Kuala Langat tanpa melalui Bandar Klang. Kerajaan negeri juga akan menaiktaraf jalan FT 0190, Jalan Kebun, Jalan Kebun Tambahan yang merupakan jalan rangkaian alternatif untuk mengelakkan trafik menggunakan laluan di Bandar Klang.

c) Jawapan adalah seperti diatas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK: PENJAJA KECIL/PASAR MALAM/SIANG

218. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah rancangan kerajaan untuk membantu para penjaja/peniaga pasar malam supaya di naik taraf peniaga-peniaga kecil ini seperti mengadakan gerai tetap atau lokasi yang tetap dan sebagainya.

b) Adakah bantuan modal kecil seperti bantuan mikro-kredit ditawarkan untuk penjaja-penjaja ini kerana ini boleh mengelakkan mereka berurusan dengan along-along haram?

JAWAPAN:

a) Premis – premis perniagaan yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan Selangor adalah di bawah kedai – kedai Pembangunan Luar Bandar (PLB) seperti berikut;

Bil	Daerah	Jumlah Gerai
1	Klang	150
2	Petaling	Tiada maklumat
3	Kuala Langat	150
4	Hulu Langat	129
5	Sabak Bernam	207
6	Kuala Selangor	116
7	Gombak	191
8	Hulu Selangor	197
9	Sepang	54
JUMLAH		1194

b) Golongan yang bakal menerima faedah dari pelaksanaan program mikro kredit adalah golongan miskin dan berpendapatan rendah iaitu kurang dari RM1,500.00 bagi tujuan meningkatkan pendapatan supaya mereka dapat mengeluarkan diri dan keluarga dari kemiskinan dan menggalakkan mereka mendapatkan bantuan dari saluran yang betul.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : SEKRETARIAT BELIA NEGERI SELANGOR

219. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 21, 10 Nov 2009); "Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta untuk tahun 2010 bagi program belia dan sukan. Kerajaan Negeri juga menubuhkan Sekretariat Belia Negeri Selangor pada Mei 2009"

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah struktur dan siapakah yang menganggotai Sekretariat Belia Negeri Selangor?

b) Apakah program-program belia dan sukan yang telah dilaksanakan sehingga Jun 2010?

c) Untuk apakah peruntukan RM4.5 juta telah digunakan dan apakah pecahan-pecahannya?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Sekretariat Belia Negeri Selangor pada Mei 2009 yang lalu bagi menggantikan tugas Jabatan Belia Negeri Selangor. Penubuhan ini adalah seiring dengan agenda Pembangunan Belia di seluruh Selangor. Sekretariat Belia ini diletakkan di bawah MSNS Holding Sdn Bhd di sayap perkhidmatan. Sehingga kini seramai empat orang yang menganggotai Sekretariat Belia ini iaitu :

   i. Encik Nurul Muaz bin Omar sebagai Setiausaha Eksekutif

   ii. Encik Mahzir bin Ibrahim sebagai Pegawai Eksekutif

   iii. Yang Mulia Raja Mahadi bin Raja Mahmudin sebagai Pegawai Eksekutif

   iv. Encik Faidzel bin Razif sebagai Pembantu Tadbir

b) Sehingga Jun 2010, Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan telah mengadakan sebanyak 13 program yang terdiri daripada :

   i. Penggerak Belia Tempatan yang diadakan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan

   ii. Le Tour De Langkawi 2010 bagi Peringkat Ketujuh di Kuala Kubu Baharu pada 9 Mac 2010

   iii. Program Belia bersama Komuniti di Bukit Badong pada 27 Mac 2010

iv. Persidangan Anak Muda Kebangsaan 2010 diadakan di Dewan Sivik MBPJ pada 20 Mac 2010.

v. Dialog Munsyi Abdullah yang diadakan di Universiti Industri Selangor dan Kolej Universiti Islam Malaysia pada 4 Februari dan 25 Jun 2010

vi. Anugerah Bakat Muda Selangor di Dewan Sivik MBPJ pada 16 April 2010

viii. Belia Bersama Komuniti Kg Rasa Hulu Selangor pada 9 hingga 11 April 2010

ix. Program Bakti Siswa Persatuan Mahasiswa Selangor (PERMAS) di Hulu Selangor dari 14 hingga 16 April 2010.

xi. Jelajah Malaysia Peringkat Pertama di Kuala Selangor pada 27 April 2010

xii. Kejohanan Futsal Padang Jelajah Selangor 2010 Edisi Piala Dunia peringkat Pihak Berkuasa Tempatan di 12 Pihak Berkuasa Tempatan sepanjang bulan Jun

xiii. Pasukan Sorak SUKSES – SUKMA 2010 di Melaka dari 9 hingga 19 Jun 2010

c) Pada tahun 2010, Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan menerima peruntukan sebanyak RM4.5 juta. Walau bagaimanapun, peruntukan ini dibahagikan kepada dua iaitu Pembangunan Belia sebanyak RM3.5 juta dan Membaik pulih / Menaik Taraf kemudahan sukan sebanyak RM1 juta.

Bagi Pembangunan Belia, program Penggerak Belia Tempatan adalah merupakan penerima peruntukan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM2,842,000.00. Jumlah ini akan diagihkan kepada 290 Zon Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor dan menjadikan peruntukan di setiap Zon adalah sebanyak RM9,800.00 akan digunakan bagi penganjuran program di bawah Kerajaan Negeri.

Bagi peruntukan Membaik Pulih / Menaik Taraf Kemudahan Sukan sebanyak RM1 juta akan disalurkan kepada penyelenggaraan sukan di seluruh Selangor. Sehingga 15 Jun 2010, sebanyak 87 projek dari lima Pejabat Tanah dan Daerah dan dua Pihak Berkuasa Tempatan telah diterima. Memandangkan permohonan ini telah melebihi dari jumlah peruntukan yang diperuntukkan maka Kerajaan Negeri akan memilih projek-projek kritikal untuk dibaik pulih terlebih dahulu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : CUCIGALI PASIR SUNGAI DI DAERAH PETALING

220. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah kontrak cuci gali pasir sungai yang telah diberikan oleh kerajaan negeri di daerah Petaling sehingga kini? Siapakah kontraktor-kontraktornya dan apakah skop kerja mereka?

b) Berapakah nilai kontrak ini dan apakah pulangan yang dapat diperolehi daripada setiap satu kontrak ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan atau memberikan kontrak cucigali pasir sungai kepada mana-mana kontraktor di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri hanya mengeluarkan permit untuk mengeluarkan dan mengalihkan pasir sahaja. Permit hanya dikeluarkan kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

b) Tiada nilai kontrak yang diperolehi sebaliknya kerajaan Negeri menerima royalti dari pengeluaran permit ini.

Jumlah royalti pasir yang diterima oleh Pejabat Daerah Petaling adalah seperti berikut :

2008 : RM3,638,682.00

2009 : RM102,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

221. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila kemukakan nama seluruh Ahli Lembaga Pengarah PKNS dan juga anak syarikat PKNS pada ketika ini ?

b) Sila nyatakan sehingga kini berapakah tanah rizab milik PKNS yang masih belum dimajukan ? Sila berikan butir-butir ?

c) Sila nyatakan jumlah elaun dan bonus yang dibayar oleh pihak PKNS kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan juga seluruh anak syarikat PKNS dari tahun 2006 hingga 2009 ?

JAWAPAN :

a) Keluasan tanah rizab milik PKNS bagi sembilan (9) daerah masih belum dimajukan adalah 9,538.57 ekar.

Butir-butir pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

Bil.	**Daerah**	**Baki Belum Dimajukan (Ekar)**
1.	PETALING	
	i) Ibu Pejabat	8.56
	ii) Jabatan kemajuan Shah Alam	54.81
2.	KLANG	
	i) Ibu Pejabat	367.27
	ii) Jabatan Kemajuan Shah Alam	392.24
3.	GOMBAK	994.705
4.	HULU SELANGOR	6,127.75
5.	HULU LANGAT	
	i) Ibu Pejabat	3.03
	ii) Jabatan Kemajuan Bangi	134.892

Bil.	Daerah	Baki Belum Dimajukan (Ekar)
6.	SEPANG	1,250.39
7.	KUALA SELANGOR	101.28
8	SABAK BERNAM	102.64
9.	CAMERON HIGHLAND	1.00
	JUMLAH	**9,538.57 Ekar**

c)

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

TAHUN	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
ELAUN	124,946.70	124,424.00	60,424.56	92,917.82
INSENTIF/BONUS	740,000.00	1,353,000.00	280,082.19	-
JUMLAH	864,946.70	1,477,424.00	340,506.75	92,917.82

ANAK SYARIKAT PKNS

SELAMAN

TAHUN	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
ELAUN	222,000.00	222,000.00	188,000.00	188,000.00
INSENTIF/BONUS	-	-	-	-

DE PALMA

TAHUN	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
ELAUN	119,000.00	153,000.00	157,000.00	186,400.00
INSENTIF/BONUS	-	-	-	-

ANAK SYARIKAT PKNS

SIC

TAHUN	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
ELAUN	60,500.00	55,500.00	48,000.00	45,250.00
INSENTIF/BONUS	5 BULAN	4.5 BULAN	3 BULAN	2.5 BULAN

WORLDWIDE

TAHUN	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
ELAUN	465,000.00	1,349,793.63	183,850.00	115,136.00
INSENTIF/BONUS	-	-	-	-

PIB

TAHUN	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
ELAUN	64,500.00	70,200.00	55,900.00	68,650.00
INSENTIF/BONUS	-	-	-	-

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : SISTEM PEMANTAUAN KELULUSAN TANAH ATAU TOL

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Siapakah yang boleh memantau kelulusan tanah atau TOL?

b) Bagaimanakah ADN boleh memantau kelulusan tanah atau TOL memandangkan pejabat Tanah tidak pernah mengemukakan apa-apa permohonan?

JAWAPAN :

a) Pihak yang memantau kelulusan tanah atau TOL adalah Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan.

b) Oleh kerana pada masa ini Jawatankuasa Tanah Daerah telah dibubarkan, maka permohonan pemberimilikan dan pemilihan terus dikemukakan ke MMKN, PTG dan Pentadbir Tanah untuk kelulusan mengikut keluasan yang dinyatakan dalam Kaedah Tanah Selangor. Manakala pertimbangan permohonan TOL diturunkan kuasa kepada PTD untuk melulus/menolak permohonan bergantung kepada ulasan jabatan teknikal yang terlibat. Pekeliling PTG Selangor Bil. 1/2008 bertarikh 28 Mei 2008 telah menjelaskan perkara ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : PROGRAM SPIES

223. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan sehingga kini bagaimanakah perkembangan dan pencapaian Program SPIES terhadap matlamat asalnya.

b) Sila senaraikan jabatan dan agensi Kerajaan yang telah menyertai program tersebut sehingga kini dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan?

c) Apakah kesan yang paling ketara dan manfaatnya program ini terhadap para peserta?

JAWAPAN :

a) Perkembangan dan pencapaian program SPIES semenjak ia dilaksanakan bermula bulan Ogos 2008 sehingga bulan Jun 2010 telah melibatkan seramai **39,870 peserta** dengan bilangan kursus sebanyak **485 sesi** (Maklumat adalah seperti **Jadual I** di bawah). Usaha murni Kerajaan Negeri ini dimantapkan dalam tindakan mengadakan modul – modul yang baik dan berkualiti kepada 11 sasaran penting iaitu kakitangan kerajaan, pendidik, belia, remaja, kepimpinan masyarakat, AJK Masjid, JKKK, Mahasiswa, Briged Amal dan modul kekeluarga yang dibahagikan kepada 2 modul iaitu ibu bapa dan ibu tunggal.

Jadual I
Pencapaian Program SPIES Bermula Bulan Ogos 2009 Hingga Jun 2010

Tahun	Bilangan Program	Jumlah Peserta
2008	75	7,918
2009	276	21,325
** Januari – Jun 2010	134	10,627
JUMLAH	485	39,870

Selain itu, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk merealisasikan matlamat bagi melahirkan masyarakat yang cemerlang dalam aspek menguruskan kehidupan dan juga mempunyai peradaban yang tinggi, maka kursus SPIES diwujudkan bagi menyediakan satu platform atau landasan ke arah untuk memenuhi matlamat asal program seperti yang dinyatakan di bawah.

i) Menyediakan program dan latihan yang mengintegrasikan nilai spiritual dan moral bagi melahirkan rakyat yang cemerlang secara holistik;

ii) Membina masyarakat yang mempunyai kepedulian sosial dan mesra alam; dan

iii) Melahirkan masyarakat bermaruah dan berkualiti.

Melalui kandungan modul yang lengkap dan bersesuaian dengan nilai masyarakat pelbagai kaum dan agama SPIES telah menyediakan satu ruang yang tepat untuk mengintegrasikan rakyat Negeri Selangor secara umum. Keyakinan kepada program SPIES boleh merubah nilai kemanusiaan ke arah yang lebih baik.

Hal ini dapat dilihat melalui kajian keberkesanan program iaitu dengan menganalisis maklum balas peserta, yang mana telah menunjukkan keyakinan yang tinggi ke atas "Keberkesanan Aplikasi Kehidupan" dengan skor yang diberikan adalah **3.48 (markah penuh adalah 4.00)**. Skor yang ditunjukkan ini bolehlah dijadikan indikator penilaian ke atas keberkesanan program ini secara umumnya kerana peserta terbabit merupakan testimoni yang terbaik untuk menilai keberkesan program SPIES ini.

b) Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam telah merangka dan melaksanakan kursus – kursus bertujuan untuk membentuk tenaga kerja yang kompeten dan mampu menjalankan tugas dengan cemerlang. Susulan daripada itu sebanyak **43 agensi** dan jabatan kerajaan telah menyertai program ini dan peserta terlibat seramai **4,429 orang** dengan perbelanjaan berjumlah. **RM1,018,670**. Maklumat terperinci mengenai penglibatan jabatan kerajaan di dalam kursus SPIES adalah seperti jadual di bawah :

Bil.	Jabatan / Agensi	Jumlah Peserta	Kos (RM)
1.	Perbendaharaan Negeri Selangor	68	15,640
2.	Jabatan Agama Islam Selangor	58	13,340
3.	Jabatan Kerja Raya	65	14,950
4.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	30	6,900
5.	Majlis Bandaraya Shah Alam	89	20,470
6.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	247	56,810
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	334	76,820
8.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	351	80,730
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	114	26,220
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	138	31,740
11.	Majlis Perbandaran Kajang	103	23,690
12.	Majlis Perbandaran Klang	141	32,430

Bil.	Jabatan / Agensi	Jumlah Peserta	Kos (RM)
13.	Majlis Daerah Kuala Langat	308	70,840
14.	Majlis Perbandaran Sepang	145	33,350
15.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	153	35,190
16.	Majlis Daerah Hulu Selangor	163	37,490
17.	Pejabat Daerah Tanah Gombak	47	10,810
18.	Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat	44	10,120
19.	Pejabat Daerah Tanah Sepang	16	3,680
20.	Pejabat Daerah Tanah Klang	64	14,720
21.	Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat	132	30,360
22.	Pejabat Daerah Tanah Petaling	28	6,440
23.	Pejabat Daerah Tanah Sabak Bernam	73	16,790
24.	Pejabat Agama Islam Daerah Sepang	32	7,360
25.	Kolej universiti islam antarabangsa Selangor (KUIS)	135	31,050
26.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor	31	7,130
27.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Hulu Selangor	30	6,900
28.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor	138	31,740
29.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Sabak Bernam	90	20,700
30.	Yayasan Selangor	5	1,150
31.	Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam	141	32,430
32.	Pejabat Pertanian Daerah Sabak Bernam	10	2,300
33.	Ibu Pejabat Polis Pejabat Daerah Sabak Bernam	28	6,440
34.	Pejabat Kesihatan Kuala Selangor	171	39,330

Bil.	Jabatan / Agensi	Jumlah Peserta	Kos (RM)
35.	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	8	1,840
36.	Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Selangor	8	1,840
37.	Jabatan Bomba	60	13,800
38.	Lembaga Urus Air Selangor	56	12,880
39.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	8	1,840
40.	Pejabat Kesihatan Daerah Gombak	450	103,500
41.	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Selangor	13	2,990
42.	Universiti Industri Selangor (UNISEL)	74	17,020
43.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	30	6,900
JUMLAH		**4,429**	**1,018,670**

c) Untuk menilai kesan yang paling ketara dan manfaat program ini kepada peserta, indikator terbaik yang boleh digunapakai adalah melalui **maklumbalas peserta** kursus dan **hasil analisa maklumbalas peserta** yang dibuat ke atas mereka yang telah menghadiri kursus ini memberikan keyakinan yang tinggi melalui skor yang dinyatakan di atas iaitu **3.48 (markah penuh adalah 4.00)**. Skor yang ditunjukkan ini bolehlah dijadikan indikator penilaian ke atas keberkesanan program ini secara umumnya kerana peserta terbabit merupakan testimoni yang terbaik untuk menilai keberkesan program SPIES ini.

Pengukuran sebenar keberkesanan program ini juga dapat dlihat dari segi komitmen dan minat yang ditonjolkan. Hal ini terbukti apabila lebih daripada 90% peserta menyatakan program yang dilaksanakan adalah baik dan bersetuju untuk mengikuti program susulan.

Selain itu laporan kajian keberkesanan program 2009 yang dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada bulan 20 Januari 2010 telah merumuskan perkara –perkara berikut :

a) Program SPIES adalah amat baik dilaksanakan;

b) Melalui penilaian tiga (3) penjuru iaitu peserta, pemantau dan pihak ketiga keseluruhan menyatakan program ini baik dan perlu diteruskan; dan

c) Pengisian program secara keseluruhan baik iaitu dari aspek kandungan modul, penceramah, penggunaan audio visual, logistik dan keberkesanan ke atas aplikasi kehidupan.

Secara umumnya, pelaksanaan program ini dapat diterima dengan baik oleh masyarakat yang mana ianya dapat dilihat menerusi peningkatan ilmu, pemerkasaan potensi kebaikan diri secara holistik, keinsafan jiwa, peningkatan kesediaan diri untuk berubah kearah menjadi aset bernilai kepada negara dan ruang untuk memberi penjelasan terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam memantapkan nilai modal insan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

224. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan nama ADUN, ahli politik atau pegawai kerajaan/PBT (samada bekas atau semasa) yang memiliki rumah kos rendah di Selangor.

b) Apakah tindakan yang telah diambil ataupun yang akan diambil terhadap mereka yang disenaraikan dalam para (a) di atas? Jika tiada, mengapa?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa penjualan/pembelian rumah kos rendah diberikan kepada rakyat miskin yang berkelayakan?

JAWAPAN :

a) Senarai nama ADUN, ahli politik atau pegawai kerajaan/PBT (sama ada bekas atau semasa) yang memiliki rumah kos rendah di Selangor belum boleh dibekalkan untuk persidangan dewan kali ini kerana Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor masih sedang meneliti data-data berkenaan pemilikan rumah kos rendah di kalangan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ADUN dan ahli Parlimen di Negeri Selangor. Di samping itu, LPHS juga sedang menyemak senarai nama pemohon RKR yang pernah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah Dan Daerah (JKTD) di setiap Pejabat Tanah Daerah.

b) Kerajaan Negeri perlu melihat pelbagai aspek terutama yang melibatkan perundangan dalam menentukan tindakan yang boleh diambil ke atas ADUN, ahli politik atau pegawai kerajaan yang tidak layak dari segi pendapatan tetapi memiliki RKR. Ini disebabkan tiada peruntukan undang-undang khusus untuk penguatkuasaan ke atas mana-mana pembeli yang didapati melanggar syarat pemilikan rumah kos rendah yang ditetapkan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sedang dalam proses meneliti mana-mana peruntukan undang-undang yang bersangkutan bagi membolehkan pembeli tersebut dikenakan sebarang tindakan berhubung kesalahan memiliki rumah kos rendah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Walau bagaimanapun, sebagai penyelesaian awal ketika ini Kerajaan Negeri telah mengarahkan mana-mana pegawai kerajaan yang telah pun memiliki rumah kos rendah (RKR) tetapi didapati tidak layak dari segi jumlah pendapatan, mereka akan diminta untuk menyerahkan semula unit rumah yang dimiliki kepada Kerajaan Negeri untuk dijual semula mengikut harga pasaran. Hasil jualan akan diserahkan kepada pemilik asal namun terhad kepada harga asal RKR tersebut semasa dibeli daripada pemaju.

c) Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan hanya golongan yang berkelayakan sahaja memiliki rumah kos rendah (RKR) di Negeri Selangor. Mulai Mac 2008, Kerajaan Negeri telah menetapkan hanya mereka yang mendaftar dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sahaja layak membeli rumah kos rendah. Dasar baru ini telah menetapkan 100% nama pembeli RKR mestilah menggunakan senarai nama daripada Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) yang berpusat di LPHS. Dasar ini bagi menggantikan dasar pembahagian kuota pembeli RKR sebanyak 50% dari Sistem Pendaftaran Terbuka Berpusat RKR dan 50% lagi dari perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu. Penetapan ini membolehkan LPHS mengawal sepenuhnya nama pembeli di samping pengagihan RKR dapat dilaksanakan dengan adil dan telus.

Bagi memastikan nama-nama pemohon yang ditawarkan RKR tidak dipertikaikan, nama-nama pemohon yang telah diluluskan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri akan dipaparkan dalam laman web LPHS. Sekiranya ada bantahan terhadap mana-mana nama yang dipamerkan ianya akan disiasat dan jika didapati benar maka tawaran RKR kepada pemohon tersebut akan dibatalkan.

Pemaju-pemaju yang membangunkan RKR di Negeri Selangor juga mestilah mematuhi dasar pemilikan rumah kos rendah ini dengan memastikan senarai nama pembeli hanya diperolehi daripada LPHS. Pemaju-pemaju yang ingkar atau enggan mendaftar dengan LPHS berhubung penjualan RKR akan dikenakan denda pada kadar sebanyak RM500.00 bagi setiap nama yang tidak berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR). Dasar ini ditetapkan bagi mengelak berlakunya penyelewengan pembelian dan penjualan RKR di lokasi-lokasi tumpuan terutamanya di Daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: LITTLE INDIA OF KLANG

225. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menggazet Jalan Tengku Kelana sebagai "Little India of Negeri Selangor"?

b) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menamakan beberapa jalan di Kawasan Tengku Kelana, Klang di atas nama-nama tokoh dan orang kenamaan India bagi menjadikan Jalan Tengku Kelana Klang sebagai "Little India of Negeri Selangor".

c) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membina satu Pusat Kebudayaan India di kawasan Tengku Kelana Klang sebagai "LITTLE INDIA" di Negeri Selangor ini?

JAWAPAN:

a) Tiada cadangan dari MPK, "Little India" adalah nama gelaran, bukan nama rasmi yang perlu digazet.

b) Belum dibincang.

c) Tiada jawapan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK: RUMAH IBADAH BUKAN ISLAM

226. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa banyak jumlah pemberian tanah bagi mendirikan rumah ibadah bukan Islam sejak kerajaan Pakatan Rakyat memerintah?

b) Berapakah jumlah bantuan kewangan untuk mendirikan rumah ibadah atau ubahsuai tempat ibadah bukan Islam ini?

JAWAPAN:

a) Terdapat sebanyak 391 buah rumah ibadat yang melibatkan kuil, tokong, gereja telah diluluskan hak milik tanah. Berikut adalah pecahan kelulusan hak milik tanah bagi rumah ibadat selain Islam:

BIL	DAERAH	HAKMILIK
1	PETALING	22
2	KLANG	235
3	GOMBAK	12
4	SEPANG	20
5	SABAK BERNAM	11
6	KUALA LANGAT	58
7	HULU SELANGOR	25
8	HULU LANGAT	8
	JUMLAH	**391**

Walau bagaimanapun, semenjak Pakatan Rakyat memerintah, sebanyak 82 permohonan rumah ibadat selain Islam telah disokong permohonannya yang meliputi permohonan bagi mendirikan kuil, tokong, gereja dan gurdwara di Negeri Selangor. Berikut adalah pecahan mengikut kategori rumah ibadat dan daerah:

BIL	DAERAH	HAKMILIK			
		KUIL	TOKONG	GEREJA	GURDWARA
1	PETALING	12	5	4	-
2	KLANG	9	9	1	-
3	GOMBAK	5	1	2	-
4	SEPANG	1	1	1	-
5	SABAK BERNAM	-	2	-	-
6	KUALA LANGAT	1	4	1	-
7	HULU SELANGOR	8	-	-	4
8	HULU LANGAT	5	4	4	1
9	KUALA SELANGOR	1	-	-	-
	JUMLAH	**42**	**26**	**13**	**5**

b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM 6** juta tujuan baik pulih bangunan sedia ada, pendidikan keagamaan dan sumbangan bagi pemindahan/perobohan rumah-rumah ibadat sejak Pakatan Rakyat mengambil alih Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM 4,757,500.00** telah diagihkan kepada **437 buah** rumah ibadat yang melibatkan tokong, gereja, kuil dan gurdwara. Perincian pembahagian peruntukan tersebut adalah seperti **Lampiran A**. Pada tahun 2010, sebanyak RM 3 juta telah diperuntukkan kepada **147 buah** rumah ibadat selain Islam bagi tujuan yang sama dan sehingga Julai 2010. Sebanyak **RM 2,335.00.00**. Perincian pengagihan peruntukan tersebut adalah seperti **Lampiran B**.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : SYARIKAT GLC

227. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapakah pegawai-pegawai atasan di syarikat-syarikat GLC kerajaan Selangor menerima gaji dan bonus yang tinggi sedangkan kerajaan Selangor perlu berjimat cermat dalam perbelanjaannya?

b) Adakah kerajaan akan membentangkan laporan audit KSSB ke Dewan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) ALP KSSB berpandangan adalah wajar kakitangannya diberikan bonus atas kerja keras dan komitmen tinggi yang diberikan kepada kejayaan syarikat. *Reward* ini akan menjadi motivasi kepada pekerja untuk mempertingkatkan prestasi mereka dan juga syarikat.

Gaji asas pegawai-pegawai KSSB adalah tidak setinggi kadar pasaran. Contohnya, gaji asas pengarah Eksekutif (Jurutera Perlombongan dengan pengalaman lebih 28 tahun) adalah RM16,500, manakala gaji pasaran adalah sekitar RM30,000 ke Rm40,000 sebulan.

Jumlah bonus KSSB untuk tahun 2008 dan 2009 hanyalah kurang dari 2% daripada pendapatan KSSB untuk tempoh yang sama.

b) Laporan urus niaga dan laporan kewangan KSSB tleh dikemukakan kepada SEL CAT dan sedang diteliti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

228. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan bilakah masalah kekurangan lampu jalan dan pemisah jalan khususnya dari kilang BERNAS hingga Ke Balai Bomba Sekinchan dapat diselesaikan tanpa sebarang alasan yang tidak munasabah ?

b) Apakah punca sebenar permohonan tersebut tidak diendahkan walaupun sudah berulang kali masalah tersebut diutarakan kepada pihak Kerajaan ?

c) Sila kemukakan statistik jumlah kemalangan yang dicatatkan di sepanjang jalan tersebut sejak 3 tahun yang lalu ?

JAWAPAN :

a) Jalan Persekutuan FT005 seksyen 506.14 – 511.00 adalah merupakan jalan utama yang menghubungkan pekan dari Kilang Bernas ke Balai Bomba Sekinchan. Pemantauan JKR Selangor mendapati jalan tersebut mengalami kekurangan lampu dan pembahagi jalan. Lampu jalan yang dipasang hanyalah di kawasan persimpangan sahaja. JKR Selangor telah mengadakan lawatan bersama Ibu Pejabat JKR Malaysia serta JKR Daerah Sabak Bernam pada 19 Mei 2009. JKR Selangor telah mengemukakan permohonan peruntukan ke Ibu Pejabat JKR Malaysia berjumlah RM 2,340,000.00 bagi pemasangan lampu dan pembahagi jalan serta menaiktaraf persimpangan.

b) Pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia sentiasa mengambil perhatian berhubung masalah dan aduan yang dikemukakan oleh masyarakat setempat. Setiap permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh JKR Selangor ke pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia akan disemak dan dinilai dan kelulusan peruntukan akan diputuskan mengikut keutamaan. Untuk permohonan ini pihak Kementerian Kerja Raya juga telah mengarahkan Pengarah Cawangan Jalan JKR Malaysia untuk mengambil tindakan berhubung hal ini dan dijangka hal ini akan dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

c) Berikut adalah statistik jumlah kemalangan yang dicatatkan disepanjang jalan tersebut sejak 3 tahun yang lalu:

Bil	Seksyen	Tahun	Jum Kemalangan	Maut	Parah	Ringan
1	506	2007	3	0	0	3
		2008	2	1	2	0
		2009	1	0	1	0
2	507	2007	1	0	0	2
		2008	1	0	0	1
		2009	6	1	5	2
3	508	2007	7	0	2	5
		2008	4	0	3	1
		2009	1	0	1	0
4	509	2007	0	0	0	0
		2008	5	3	1	3
		2009	2	0	0	2
5	510	2007	0	0	0	0
		2008	3	0	0	4
		2009	2	0	2	1
6	511	2007	4	1	1	2
		2008	6	2	1	8
		2009	2	0	1	1
7	512	2007	4	2	3	2
		2008	0	0	0	0
		2009	3	1	2	1
8	513	2007	2	0	0	3
		2008	0	0	0	0
		2009	1	1	0	0

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PERTUBUHAN JMB DI SHOP LOT PANDAN PERDANA (SEBELAH PANDAN SAFARI)

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan semua JMB yang ada di kawasan tersebut.

b) Suatu AGM telah pun diadakan pada tahun 2009 adakah segala akaun dan hak pengurusan telah diserahkan kepada JMB baru. Jika tidak sila nyatakan sebab

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : SANITARY LANDFILL TANJUNG DUA BELAS

230. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah masalah-masalah utama yang timbul ketika menggunakan sanitary landfill ini?

b) Secara puratanya, berapakah jumlah berat sampah yang dibawa ke sanitary landfill ini setiap bulan?

c) Sila senaraikan PBT-PBT yang menggunakan sanitary landfill ini.

JAWAPAN :

a) Antara permasalahan yang utama ketika menggunakan *sanitary landfill* berkenaan adalah mengenai keadaan jalan masuk yang dibina oleh pihak JKR kerana berlaku mendapan tanah yang serius. Selain daripada itu, masalah jarak tapak *landfill* yang mungkin terlalu jauh bagi sesetengah PBT untuk menghantar sampah yang telah dipungut itu.

b) Secara puratanya, tapak pelupusan Tanjung Dua Belas menerima lebih kurang 350 tan sampah sehari. Ini menjadikan tapak pelupusan ini memproses sejumlah 10,500 tan sampah dalam masa sebulan. Antara sampah PBT yang dilupuskan oleh tapak pelupusan ini adalah daripada Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) sebanyak 124 tan dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sebanyak 92 tan sehari.

c) PBT yang menggunakan sanitary landfill :-

i. Majlis Perbandaran Sepang

ii. Majlis Daerah Kuala Langat

iii. Majlis Perbandaran Kajang

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PAPAN IKLAN BILLBOARD

231. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah pendapatan papan iklan billboard yang telah diperolehi oleh setiap PBT selepas garis panduan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri semenjak tahun 2008 sehingga 2010?

b) Adakah jumlah pendapatan ini satu peningkatan berbanding dengan tiga tahun sebelum tahun 2008? Jika ya, berapakah kadar peningkatan?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : KUIL-KUIL HINDU

232. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah kuil-kuil Hindu di seluruh Negeri Selangor?

b) Berapakah jumlah kuil-kuil Hindu yang tidak memiliki hakmilik tanah mereka sendiri?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan hakmilik tanah bagi kesemua kuil-kuil Hindu tersebut dapat dikeluarkan?

JAWAPAN:

a) Jawapan disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

b) Jawapan disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

c) Pada masa ini dasar negeri untuk semua rumah ibadat bukan Islam adalah tidak dikeluarkan hakmilik tetapi diwartakan di bawah seksyen 62 KTN sebagai tapak rumah ibadat kegunaan awam dan dikawal selia oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : TIMBUNAN DEPOSIT

233. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila senaraikan jumlah sebenar timbunan deposit yang gagal dituntut oleh pembayar pada tahun 2008 hingga 2009 mengikut pecahan setiap PTD ?

b) Sila nyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan deposit-deposit sedemikian tidak dituntut oleh para pembayar?

c) Sila nyatakan apakah tindakan susulan yang bakal dilakukan oleh PTD sekiranya timbunan deposit masih tidak dituntut dan ke manakah wang tersebut akan disalurkan ?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : HUTAN SIMPANAN KUALA LANGAT SELATAN

234. Hutan simpanan di Kuala Langat Simpanan telah diterokai secara berleluasa. Akan tetapi, pihak berkuasa gagal mengambil sebarang tindakan terhadap peneroka-peneroka haram ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?

b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghenti dan mengelak penerokaan hutan simpanan secara haram terus berlaku?

JAWAPAN :

a) Hutan Simpan Kuala Langat Selatan adalah seluas 6907.84 hektar. Menurut rekod seluas ± 1800 hektar hutan simpan ini telah diteroka secara haram dengan aktiviti pertanian. Seluas 1300 hektar kawasan hutan simpan ini pernah dikeluarkan permit penggunaan kepada 115 peneroka bagi tujuan pertanian bagi menangani masalah penerokaan haram dalam hutan simpan kekal. Akibat pembukaan hutan secara berleluasa dengan aktiviti pertanian menyebabkan keadaan gambut yang semakin mengering di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan bukan sahaja telah merosakkan ekosistem paya gambut malah telah meningkatkan risiko kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Merurut rekod Jabatan, kawasan ini semakin kerap terbakar akibat cubaan kumpulan individu membakar hutan simpan ini untuk memulakan tanaman kontan di kawasan ini. Walaubagaimanapun pada tahun 2009 Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk membatalkan permit penggunaan dalam hutan simpan kekal di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan meminta Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengambil tindakan penguatkuasaan dan seterusnya memulihkan kembali kawasan ini dengan tanaman hutan. Kerajaan Negeri memandang serius pencerobohan hutan yang berlaku setelah Laporan Ketua Audit Negara 2008 telah turut melaporkan isu penerokaan haram dalam hutan simpan di Negeri Selangor.

b) Bagi kawasan penerokaan haram/ pendudukan tanpa kebenaran, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengambil tindakan penguatkuasaan dengan melaksanakan Operasi Bersepadu Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di antaranya dengan;

- Memusnahkan tanaman.
- Merobohkan binaan dan infrastruktur.
- Menahan jentera, kenderaan dan peralatan kerja.
- Merobohkan infrastruktur pertanian antaranya kolam, kandang/reban ternakan.
- Menangkap individu yang menduduki hutan simpan tanpa kebenaran, dan
- Mengkompaun atau mendakwa di mahkamah individu terbabit mengikut jenis kesalahan hutan yang dilakukan.
- Membuat kajian bagi mengembalikan kawasan terokaan kepada habitat asal dengan menggunakan modus operasi yang sama dalam Operasi Besepadu Membanteras Penerokaan Tanpa Kebenaran di Hutan Simpan Raja Musa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : LOJI PEMPROSESAN PADI BENIH SUNGAI BURONG

235. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan dengan jelas apakah objektif utama dan peranan yang dimainkan oleh Loji Pemprosesan Padi Benih tersebut ?

b) Sila kemukakan apakah alasan utama yang menyebabkan Loji tersebut ditamatkan operasinya dan apakah kesan jangka masa pendek dan masa panjang terhadap para petani ?

c) Sila nyatakan jumlah sebenar kos pembinaan loji tersebut dan bilakah ia mula beroperasi ?

JAWAPAN :

a) Objektif utama pembinaan loji pemprosesan benih padi adalah untuk meningkatkan produktiviti tanaman padi dengan mengambil kira benih sebagai input asas penting dan penggunaan benih berkualiti daripada varieti superior adalah satu prasyarat asas. Pembinaan loji ini dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 8,000 metrik tan setahun bagi meningkatkan pengeluaran program pengeluaran benih padi sah negara kepada 24,000 metrik tan setahun yang merupakan 30% keperluan benih padi.

b) Operasi loji pemprosesan benih ini tidak pernah ditamatkan dan loji ini masih memainkan peranannya sebagai pengeluar benih padi sah. Pengurusan loji tersebut hanya ditukar selaras dengan penstrukturan semula peranan agensi dan pihak swasta dalam pengeluaran benih padi sah untuk memastikan semua pesawah memperolehi sumber benih padi sah keseluruhannya menjelang 2010. Dengan pelan penstrukturan semula seluruh negara ini sebanyak 85,000 metrik tan benih padi sah akan dikeluarkan setahun untuk semua pesawah.

c) Pembinaan loji bermula pada 1996 dan siap pembinaan pada Mei 1998 dengan kos RM 8.4 juta. Loji tersebut mula beroperasi pada Julai 1998

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : BURUNG WALIT

236. Pengusahaan burung walit telah mendatangkan banyak masalah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah dan panduan yang akan digunakan bagi mengatasi masalah-masalah pengusahaan burung walit?

b) Di seluruh Negeri Selangor, berapakah pengusaha burung walit yang berdaftar? Sila senaraikan lokasi-lokasi mereka?

JAWAPAN :

a) Memandangkan sebelum ini pihak Kerajaan Negeri belum menerima sebarang maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang masih merangka Garis Panduan Perusahaan Burung Walet, Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif mewujudkan Undang-Undang Kecil yang berkaitan dengan pelesenan burung walet sahaja di peringkat negeri dan juga mewujudkan peraturan serta prosedur yang akan diguna pakai oleh setiap jabatan yang terlibat dalam pengurusan pemutihan, pembangunan mahupun pelesenan perusahaan burung walet melalui perbincangan bersama beberapa jabatan teknikal negeri.

   Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan perbandingan dan penyemakan semula garis panduan berkenaan agar selari dengan UUK dan prosedur Burung Walet yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri.

b) Senarai pengusaha burung walet yang berdaftar berserta lokasi mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A1** sehingga **Lampiran A12.**

LAMPIRAN A1

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang berdaftar di MBSA adalah sebanyak = TIADA

LAMPIRAN A2

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang berdaftar di MBPJ adalah sebanyak = TIADA

LAMPIRAN A4

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang berdaftar di MPAJ adalah sebanyak = TIADA

LAMPIRAN A5

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang berdaftar di MPSJ adalah sebanyak = TIADA

LAMPIRAN A3

BILANGAN PENGUSAHA BURUNG WALET YANG TIDAK BERDAFTAR DI MPK ADALAH SEBANYAK = 52 Premis

Bil	Senarai lokasi pengusaha burung walet yang tidak berdaftar di kawasan PBT
1	Tetuan, No.22 A,Lorong Kapar Setia 8, Taman Emas,42200 Klang
2	Tetuan, No.44,Jalan Haji Abdul Samat 1,Kapar Industrial park, Batu 101/4, 42200 Klang.
3	Tetuan, No 31,Lorong Dato Kaya Kecil 5, Batu 11,Taman Indah, Pekan Kapar, Klang
4	Tey Lee Hock No.240&242,Jalan besar,KU 13,Pekan Kapar,42200 Klang
5	Soh Hok Ann (Sin Chai Fatt Trading) No.210 & 212, Jaln Besar,KU 13,Pekan Kapar,42200 Klang
6	Tetuan, No 8B,Jalan Besar, Pekan Kapar,42200 Klang
7	Tetuan, No 4A,Jalan Sg Kapar Indah 3C,Sg Kapar Indah,42209 Klang
8	Tetuan, No.14A,Jalan Sg Kpar Indah,42209 Klang
9	Tetuan, No 16A,Jalan Sg Kapar Indah 3C, Sg Kapar Indah,42209 Klang
10	Tetuan, No. 5&7,Jalan Sg Kapar Indah 3B, Sg Kapar Indah,42209 Klang

LAMPIRAN A3

11	Tetuan, Jalan Sg Kapar Indah 3B,Sg Kapar Indah,42209 Klang No.9,
12	Tey Lee Hock, & 61, Jalan Harapan 3A KU7,Sg Kapr Indah,42200 Klang No.57,59
13	Tetuan, Jalan Harapan 3AKU7, Sg Kapar Indah,42200 Klang No.48,
14	Tetuan, 187A,Jalan Raja Mokhtar 1,42200 Kapar,Klang No
15	Tetuan, 88A,Jalan Raja Mokhtar 1,42200, Kapar, Klang No
16	Tetuan, No.20A,Jalan Besar, Pekan Kapar,42200
17	Tetuan, A,Jalan Besar, Pekan Kapar,42200 Klang No.19-
18	Tetuan, 21-2, Jalan Besar, Pekan Kapar,42200 Klang No.
19	Tetuan, Jalan Besar, pekan Kapar,42200 Klang No.1048,
20	Tetuan, No.224 & 226, Jalan besar , Pekan Kapar,42200 Klang
21	Tetuan, Persiaran Raja Muda Musa,42000 Pel.Klang No.131,
22	Tetuan, Jalan Kem,42000 Pel.Klang No.107

23	Tetuan, No.119,Jalan Kem, 42000 Pel.Klang
24	Tetuan, No.131 Jalan Kem,42000 Pel.Klang
25	Tetuan, No24 Jalan Watson,42000 Pel.Klang
26	Tetuan, No.6, Lorong Selampit 18B,Taman Desa Utama,41200 Klang
27	Tetuan, No.196, Jalan Teluk Pulai,41000 Klang
28	Tetuan, no.260, Jalan Batu Unjur 7, Taman Bayu Perdana,41200 Klang.
29	Tetuan, No.286 Jalan Batu Unjur 7, Taman Bayu Perdana, 41200 Klang.
30	Tetuan, No.296 Jalan Btu Unjur 7, Taman Byau Perdana, 41200 Klang
31	Tetuan, No.15 Lorong Tan Sri Manikavasingam 3, Taman Menara Maju, 41200 Klang
32	Tetuan, No.21, Lorong Tan Sri Manikavasingam 3,Taman Menara Maju, 41200 Klang.
33	Tetuan, No.19, Lorong Tan Sri Manikavasingam 3, Taman Menara Maju,41200 Klang.
34	Tetuan, No.6 Lorong Selampit 18 B, Taman Desa Utama,41200 Klang.
35	Tetuan, L3-2- 25, Jalan Pekan Baru 36,41050 Klang.

LAMPIRAN A3

36	Tetuan, Lorong Gopeng,41400 Klang	No.20,
37	Tetuan, Lorong Gopeng,41000 Klang	No.35
38	Tetuan, No.8, Lebuh Gopeng,41400 Klang	
39	Tetuan, Jalan Pasar, 41400 Klang.	No.24
40	Tetuan, Jalan Pasar,41400 Klang.	No.36,
41	Tetuan, Jalan Pasar,41400 Klang.	No.74
42	Tetuan, 35 Jalan Landasan, Kg Kuantan,41300 Klang.	No.
43	Tetuan, Jalan Batai Laut, Taman Intan, 413000 Klang	No.51
44	Tetuan, Jalan Raja Wali,42200 Kapar.	No.20,
45	Quay Sai Choi Jlan Emas off Jalan Melawis	No.47
46	Seow Ah Yoong, 23-25, Jlan Stesyen 1, 41000 Klang	No
47	Irene Lau/Lau Kok Ann, Sykt Soon Li Hin, No.10 Jalan Stesyen 1	
48	Peor Lye Hee, No 220, Tingkat bawah, Jlan Sg Beretek, Telok Pulai	
49	Peor Lye Hee, 218, Jalan Susur off Jalan Sg Beretek	No
50	Perniagaan Lit Onn, Tingkat 3&4, No 100 &102, Lebuh Turi, Taman Chi Liung	
51	Eng Cheng Tien, 3002, Tingkat 3, Persiaran Raja Muda Musa	No.
52	Tetuan, No 60 Jalan Seruling 59, Taman Seri Jaya, 41200 Klang	

LAMPIRAN A6

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang berdaftar di MPS

adalah sebanyak = Tiada

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang TIDAK berdaftar di MPS

adalah sebanyak = 90 lokasi

BIL	Senarai Lokasi Pengusaha Burung Walet Yang TIDAK Berdaftar di Kawasan PBT
1	No 35a-35b,jalan mawar 1,taman mawar, 48000 Rawang, Selangor
2	No b-1-27 / b-2-27 / b-3-27,jalan BG 2,B&G komersial batu 17 rawang,48000 rawang selangor
3	No 3a,batu 18,jalan ipoh,48000 rawang selangor
4	No 33b,jalan welman pekan rawang,48000 rawang selangor
5	No 37b,jalan welman pekan rawang,48000 rawang selangor
6	No 51 tingkat atas,jalan Maxwell pecan rawang,48000 rawang selangor
7	No 54 tingkat atas,jalan Maxwell pecan rawang,48000 rawang selangor
8	No 69a,jalan Bandar rawang 3,bandar baru rawang,48000 rawang selangor
9	No 4a-No4b,jalan Bandar rawang 3,Bandar baru rawang,48000 rawang selangor
10	No 29a,jalan Bandar rawang 3,Bandar baru rawang,48000 rawang selangor
11	No 67b,jalan Bandar rawang 2,Bandar baru rawang,48000 rawang selangor
12	No 61a,jalan Bandar rawang 2,Bandar baru rawang,48000 rawang selangor
13	No 13a,jalan Bandar rawang 8,Bandar baru rawang,48000 rawang selangor
14	No 1b,jalan Bandar rawang 5,Bandar baru rawang,48000 rawang selangor
15	No 28a,jalan rawang putra 6,bukit rawang putra,48000 rawang selangor

16	No 27a,jalan rawang putra 6,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
17	No 12a,jalan rawang putra 7,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
18	No 26a,jalan rawang putra 6,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
19	No 1a,jalan rawang putra 1,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
20	No 12a,jalan rawang putra 4,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
21	No 23a,jalan rawang putra 6,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
22	No 53a,jalan rawang putra 5,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
23	No 3a,jalan rawang putra 1,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
24	No 6a,jalan rawang putra 1,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
25	No 62a,jalan rawang putra 4,bukit rawang putra,48000 rawang selangor
26	No 21-2,jalan Rs 2,rawang sentral,48000 rawang selangor
27	No 35a,jalan Rp 13/2,taman rawang perdana (2),48000 rawang selangor
28	No 40a,jalan Rp 13/2,taman rawang perdana (2),48000 rawang selangor
29	No 47a,jalan Rp 13/2,taman rawang perdana (2),48000 rawang selangor
30	No 48a,jalan Rp 13/2,taman rawang perdana (2),48000 rawang selangor
31	No 49a,jalan Rp 13/2,taman rawang perdana (2),48000 rawang selangor
32	No 16a-16b,jalan bintang rawang,48000 rawang selangor
33	No 12b-14b,jalan bintang rawang,48000 rawang selangor
34	Lot 4555 / 4556,rawang garden,48000 rawang selangor
35	No 63a,greenpark rawang,48000 rawang selangor
36	Lot 5539a,new green park,48000 rawang selangor
37	Lot 5546a,new green park,48000 rawang selangor

38	Lot 5549a,new green park,48000 rawang selangor
39	No 59 tingkat atas,taman rawang jaya,48000 rawang selangor
40	No 5a-5b,jalan 1,seksyen 1 bukit rawang jaya,48000 rawang selangor
41	No 2,jalan 4/9c,taman bukit rawang jaya,48000 rawang selangor
42	No 6,jalan 4/9b,taman bukit rawang jaya,48000 rawang selangor
43	No 19,jalan 2/13,bukit rawang jaya,48000 rawang selangor
44	Lot 7,jalan perusahaan 1,kawasan perindustrian batu 20,48000 rawang selangor
45	No 17,jalan Gu 2/4,taman garing utama,48000 rawang selangor
46	No 19,jalan Gu 2/4,taman garing utama,48000 rawang selangor
47	No 2,jalan Gu 2/4,taman garing utama,48000 rawang selangor
48	No 31,jalan 2/2 rawang intergrated,48000 rawang selangor
49	No 9,jalan 2/2 rawang intergrated,48000 rawang selangor
50	No 19, jalan velox 4,taman velox,48000 rawang selangor
51	No 12a, jalan velox 4,taman velox,48000 rawang selangor
52	No 15a-15b,jalan bch 1/1,Bandar country homes,48000 rawang selangor
53	No 17a-17b,jalan bch 1/1,Bandar country homes,48000 rawang selangor
54	No 24a-24b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
55	No 23a-23b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
57	No 20a-20b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
58	No 18a-18b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
59	No 41,tingkat atas,jalan bch 1/4,Bandar country homes,48000 rawang selangor
60	No 36,tingkat atas,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor

61	No 16a-16b-16c,jalan bch 1/4,Bandar country homes,48000 rawang selangor
62	No 18a-18b-18c,jalan bch 1/4,Bandar country homes,48000 rawang selangor
63	No 22a-22b-22c,jalan bch 1/4,Bandar country homes,48000 rawang selangor
64	No 20a-20b-20c,jalan bch 1/4,Bandar country homes,48000 rawang selangor
65	No 16a-16b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
66	No 15a-15b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
67	No 7a-7b,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
68	No 16-16b,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
69	No 24a-24b,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
70	No 28a-28b,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
71	No 48a-48b,tingkat atas, Jalan BCH 1/2, Bandar Country Homes, 48000 Rawang Selangor
72	No 34b,tingkat atas,jalan bch 1/2,Bandar country homes,48000 rawang selangor
73	No 29b-29c,jalan bch 1a,Bandar country homes,48000 rawang selangor
74	No 18a-18b-18c,jalan bch 1/4,Bandar country homes,48000 rawang selangor
75	No 31b-31c,tingkat atas, Jalan BCH 1/4, bandar country homes, 48000 Rawang, Selangor
76	No 42b-42c,tingkat atas, Jalan BCH 1/3, Bandar Country Homes, 48000 Rawang, Selangor
77	No 46b-46c,tingkat atas, Jalan BCH 1/3, Bandar Country Homes, 48000 Rawang, Selangor
78	No 21a-21b,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor
79	No 23a-23b,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor
80	No 19b,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor
81	No 17a,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor
82	No 18a-18b,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor

83	No 10b,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor
84	No 4a,jalan bch 1/3,Bandar country homes,48000 rawang selangor
85	No 56b,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
86	No 34a-34b,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
87	No 32a-32b,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
88	No 36,jalan bch 1c,Bandar country homes,48000 rawang selangor
89	Lot 17614,bandar country homes,48000 rawang selangor
90	Lot 12&13,batu 23,sungai bakau,bandar country homes,48000 rawang selangor

LAMPIRAN A7

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang berdaftar di MPKj

adalah sebanyak = 1

BIL	Senarai Lokasi Pengusaha Burung Walet Yang Berdaftar di Kawasan PBT
1	Nik Glowing Walet alamat lot 1373, Pam Minyak petronas, Kampong Sungai Buluh,Tepi Sg Semenyih, 43500 Semenyih.

Bilangan Pengusaha Burung Walet yang TIDAK berdaftar di MPKj

adalah sebanyak = TIADA

LAMPIRAN A8

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Bilangan Penguasaha Burung Walit Yang Berdaftar Di Mpsepang
Adalah Sebanyak = **6**

Bil.	**Senarai Lokasi Penguasaha Burung Walit Yang <u>Berdaftar</u> Di Kawasan PBT MPSepang**
1.	Pedagang Sarang Burung Wan Fu No.9 & 11, Jalan Dahlia 4/2, Taman Dahlia, BBST, 43900 Sepang
2.	Pedagang Sarang Burung Wan Fu No.21, Jalan Dahlia 4/2, Taman Dahlia, BBST, 43900 Sepang
3.	Murni Trading No.5 Jalan 4, Taman Sri Sg Pelek, 43950 Sepang
4.	Ee chin nee Lot 2263, no.11 jalan 4, Taman Sri Sg Pelek, 43950 Sepang
5.	Yeen Chika Trading No.13 Jalan Perling 1, Pantai Sepang Putra, Sg Pelek, 43950 Sepang
6.	Chia Boon San Lot 7608 Batu 1, 43900 Sepang

Bilangan Penguasaha Burung Walit Yang Tidak Berdaftar Di Mpsepang
Adalah Sebanyak = **72**

Bil.	**Senarai Lokasi Penguasaha Burung Walit Yang <u>TIDAK</u> Berdaftar Di Kawasan PBT MPSepang**
1.	18-GF, JLN DAGANG 1, TAMAN MAS, PUCHONG, 47100, SELANGOR
2.	25 JLN BAIDURI 8, TAMAN BAIDURI, 43800 DENGKIL, SELANGOR
3.	9C, 11C, TAMAN PUTRA DENGKIL, 43800 DENGKIL, SELANGOR
4.	15, 11 A, LORONG DENGKIL 2, TAMAN BANDAR BARU DENGKIL, 43800 DENGKIL, SELANGOR
5.	14, 20, 24, 26, 28, 30, 32, JALAN DAHLIA 4/5, TAMAN DAHLIA 43900 SEPANG, SELANGOR
6.	6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 24, 26, 30, JALAN DAHLIA 4/4, TAMAN DAHLIA, 43900 SEPANG, SELANGOR
7.	5, 9, 11, 19, 21, 29, 31, JALAN DAHLIA 4/6, TAMAN DAHLIA, 43900 SEPANG, SELANGOR
8.	13C, JALAN SEROJA 3, TAMAN SEROJA, 43900 SEPANG, SELANGOR
9.	6,10,16,18,20,22,26,28,32,42,40, JALAN SEROJA 2, TAMAN SEROJA, 43900 SEPANG, SELANGOR
10.	19C, JALAN ST 1C / 5 MEDAN 88 BBST, 43900 SEPANG, SELANGOR
11.	6;2, 8;2,10;2, 12;2, 26;2, JALAN AIRPORT CITY, SALAK TINGGI TAMAN KOTA WARISAN 43900 SEPANG, SELANGOR
12.	31’1, JALAN AIRPORT CITY, SALAK TINGGI 43900 SEPANG, SELANGOR
13.	LOT 11 KAMPUNG DATO' AHMAD RAZALI, DENGKIL, 43800 DENGKIL, SELANGOR
14.	13, 37, 39, 41,JALAN PERLING 2, PANTAI SEPANG PUTRA, 43950 SG

	PELEK, SELANGOR
15.	(1) JALAN SUNGAI SEPANG BESAR. BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
16.	(2) JALAN SUNGAI SEPANG BESAR. BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
17.	23,27,31,33,35,37,41, JLN SRI BAYU 12, TMN SRI BAYU BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
18.	LOT 3828, JALAN BAGAN LALANG, KAMPUNG BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
19.	(1) JALAN BAGAN LALANG, KAMPUNG BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
20.	LOT 5720, JALAN BAGAN LALANG, KAMPUNG BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
21.	(2) JALAN BAGAN LALANG, KAMPUNG BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
22.	(3) JALAN BAGAN LALANG, KAMPUNG BAGAN LALANG, 43950 SG PELEK, SELANGOR
23.	(1) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
24.	(2) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
25.	(3) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
26.	(4) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
27.	(5) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
28.	(6) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK,

	SELANGOR
29.	(7) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
30.	(8) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
31.	LOT 1871, KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SG PELEK, SELANGOR
32.	(9) KAMPUNG TUMBUK , TANJUNG SEPAT, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
33.	10, 14, JALAN 2 TAMAN SRI SUNGAI PELEK, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
34.	15, 25, 27, 29, JALAN 1, TAMAN SRI SUNGAI PELEK, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
35.	12, JALAN 3, TAMAN SRI SUNGAI PELEK, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
36.	LOT 335, JALAN BUKIT BANGKONG, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
37.	(1) JALAN BUKIT BANGKONG, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
38.	(2) JALAN BUKIT BANGKONG, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
39.	(3) JALAN BUKIT BANGKONG, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
40.	(4) JALAN BUKIT BANGKONG, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
41.	(5) JALAN BUKIT BANGKONG, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
42.	MING YING 409A JALAN KG BARU, 43950 SUNGAI PELEK
43.	LOT 473, JALAN KAMPUNG, BARU, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
44.	DEPAN JALAN BESAR DAN MASJID SUNGAI PELEK ,43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR

45.	LOT 484, 486, JALAN KAMPUNG, BARU, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
46.	LOT 1650, JALAN KG BARU, 43950 SUNGAI PELEK
47.	JALAN KAMPUNG, BARU,43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
48.	DEPAN JALAN BESAR DAN MASJID SUNGAI PELEK ,43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
49.	LOT 6064, JALAN BUKIT BANGKONG 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
50.	LOT 628, JALAN TAMAN AMAN, 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
51.	LOT 536 BELAKANG PASAR AWAM SG PELEK 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
52.	LOT 477 LORONG JLN PASAR SG PELEK 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
53.	LOT 479 LORONG JLN PASAR SG PELEK 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
54.	LOT 479, LORONG JLN PASAR SG PELEK 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
55.	LOT 93-5 JALAN BESAR, SG PELEK 43950 SUNGAI PELEK, SELANGOR
